

diges paradigma 2022

- ✿ Unit Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersilan Kolej Komuniti Chenderoh, Kementerian Pengajian Tinggi**
- ✿ Persatuan Intelktual Muslim Malaysia**
- ✿ Universiti Malaysia Sarawak**
- ✿ Universiti Pendidikan Sultan Idris**

DIGES PARADIGMA 2022
Penyelidikan dan Inovasi Tunjang Kemajuan

Disunting oleh:

Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersilan Kolej Komuniti Chenderoh

Berdasarkan kajian dan penulisan yang dihasilkan oleh para pensyarah Politeknik dan Kolej
Komuniti Malaysia

Kolej Komuniti Chenderoh, Perak

2022

Diterbitkan oleh:

Unit Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersilan Kolej Komuniti Chenderoh
Kementerian Pengajian Tinggi Lot 43, Jalan Industri MIEL 2, Kawasan Perindustrian IKS,
33000 Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan

Tel: 05-773 3773

Faks: 05-773 3774

E-mel: faq.kkcp@kkche.edu.my

Laman Web: <https://kkchenderoh.mypolycc.edu.my>

eISSN 2976-243X

Hakcipta Terpelihara Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersilan Kolej Komuniti Chenderoh

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan Diges Paradigma 2022 ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis dari Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersilan Kolej Komuniti Chenderoh, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, distributed or transmitted in any form or by any means, including photocopying, recording or other electronic or mechanical methods, without the prior written permission of the publisher

PRAKATA

PENGARAH KOLEJ KOMUNITI CHENDEROH



Assalamualaikum dan salam sejahtera,

Setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Diges Paradigma 2022 ini dapat diterbitkan dengan jayanya.

Diges Paradigma 2022 diterbitkan bagi mengumpulkan hasil penulisan ilmiah dan kajian para pensyarah Kolej Komuniti dan Politeknik Malaysia. Diges ini diterbitkan dengan kerjasama Persatuan Intelektual Muslim Malaysia (PIMM), Universiti Malaysia Sarawak dan Universiti Pendidikan Sultan Idris. Kolaborasi yang dilaksanakan adalah daripada segi khidmat nasihat dan penilaian bagi setiap kajian dan artikel yang dihantar untuk diterbitkan dalam diges ini. Semoga kolaborasi ini akan terus dapat dilaksanakan pada masa akan datang.

Penyelidikan dan inovasi adalah tunjang kepada kemajuan dan perkembangan masyarakat. Oleh itu, setiap invensi, kreasi dan dapatan bertunjangan penyelidikan dan inovasi pasti akan menjadi penyumbang kepada kemajuan negara. Invensi, kreasi dan dapatan ini adalah hasilan usaha yang tidak ternilai harganya dan amat bernilai. Maka wajarlah hasil ini diterbitkan bagi menjadi rujukan dan wadah ilmu kepada warga akademik politeknik dan kolej komuniti Malaysia. Penemuan ini sekiranya dikongsi pasti akan semakin mekar dan mendatangkan kemaslahatan dan ilmu yang berkah kepada kita. Ibarat kata pepatah “ilmu pelita hati”.

Saya mengucapkan tahniah kepada barisan jawatankuasa yang menerbitkan Diges Paradigma 2022. Semoga usaha murni ini akan menjadi budaya dan seterusnya dapat melahirkan pensyarah yang berpengetahuan dan graduan yang dapat berbakti kepada negara.

Sekian. Terima Kasih.

HJ MEOR M. SHARIFUDDIN BIN MEOR SHUKRI

Pengarah,
Kolej Komuniti Chenderoh,
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia

SIDANG EDITORIAL DIGES PARADIGMA 2022

Ketua Editor	Prof Madya Dr Zaimuariffudin Shukri bin Nordin
Editor	Dr. Norhisham bin Muhamad Dr HjH Nor Hayati Fatmi binti Talib
Pembaca Prof	Maisarah binti Ismail (K) Azreena binti Aziz Mohamad Hapiz Abdul Rahman Roslina binti Awang Nik Azuwin binti Abdul Rahim Dalvinder Kaur A/P Koldip Singh
Susun Atur, Grafik & Cetakan	Norkamarul Arifin bin Kamarudin Fatimah binti Abdul Razak Ili Safuraa binti Abu Bakar

AHLI JAWATANKUASA DIGES PARADIGMA 2022

Pengerusi 1	Hj Meor M.Sharifuddin Bin Hj Meor Shukri
Pengerusi II	Khairul Ashikhin binti Abdullah Suhami
Timbalan Pengerusi	Hasrudin bin Shikh Ali @ Shikh Hassan
Pengarah Program	Mohd Rashidi bin Omar
Timbalan Pengarah Program	Maz Azleena binti Azahari
Setiausaha	Mohamad Hapiz Abdul Rahman (K) Roslina binti Awang Nik
Bendahari	Basuriah binti Yunus
Ketua Editor	Prof Madya Dr Zaimuariffudin Shukri bin Nordin
Editor	Dr. Norhisham bin Muhamad Dr Hjh Nor Hayati Fatmi binti Talib
Pembaca Prof	Maisarah binti Ismail (K) Mohd Rashidi bin Omar Mohamad Hapiz Abdul Rahman Roslina binti Awang Nik Azuwin binti Abdul Rahim Roslina binti Awang Nik Dalvinder Kaur A/P Koldip Singh
Susun Atur, Grafik & Cetakan Sijil	Norkamarul Arifin bin Kamarudin (K) Fatimah binti Abdul Razak Ili Safuraa binti Abu Bakar
Permohonan eISSN	Mohamad Hapiz Abdul Rahman

ISI KANDUNGAN

<i>Prakata</i>	<i>iii</i>
<i>Sidang Editorial Diges Paradigma 2022</i>	<i>iv</i>
<i>Ahli Jawatankuasa Diges Paradigma 2022</i>	<i>v</i>
Ada Apa dengan 5G <i>Farah Syahida binti Mohd Kamal</i> <i>Basuriah binti Yunus</i>	<i>1</i>
Analisis Tekno-Ekonomi Sistem Penghawa Dingin Terbantu Terma-Suria di Bangunan Pejabat <i>Nik Norhasanah Nik Hassan</i> <i>Aizzi Shakir Abdul Kadir</i>	<i>6</i>
Communicative Language Games in Technical Vocational Education And Training <i>Dalvinder Kaur A/P Koldip Singh</i> <i>Praveena A/P Chandrabala</i>	<i>16</i>
Amalan Pemakanan di Malaysia: Mengapa Memilih Makanan Moden (Segera) Daripada Makanan Tradisional? <i>Ili Safuraa binti Abu Bakar</i>	<i>22</i>
Kajian Keberkesanan Penglibatan Pelajar Kolej Komuniti dalam Sukan Elektronik <i>Mohd Firdaus bin Abdullah</i> <i>Sri Rahayu binti Rahamad</i>	<i>31</i>
Impak Pandemik Covid 19 Terhadap Emosi Dan Fizikal Pelajar Kolej Komuniti Sungai Petani <i>Arlieza Hani binti Mat</i> <i>Zurina binti Awang</i> <i>Nurul Fathonah Binti Mohd Rosli</i>	<i>38</i>
Kajian Tinjauan Tahap Kesediaan Pelajar Politeknik Tawau Sabah Terhadap Pembelajaran Atas Talian Tahun 2020 <i>Mohamad Zulhilmy bin Mohamad Yusop</i> <i>Rosilah binti Man</i>	<i>46</i>
Kepentingan Penggunaan Peralatan dan Tip Jimat Tenaga Elektrik <i>Rozana Binti Ahmad Hanip</i> <i>Mazlini Mastura binti Yusof</i> <i>Razita binti Alli Mat</i>	<i>52</i>

Ketepatan Ez Kiblat dalam Mengukur Arah Kiblat Melalui Fenomena Istiwa' Adzam <i>Nur Azura binti Kiban</i>	56
Amalan Pengurusan Lean Melalui Sistem Isenggara di Kolej Komuniti Tapah. <i>Bazuri bin Ab Ghani</i> <i>Nor Atikah binti Mohd Nawi</i>	64
Makanan Berisiko Menurut Perspektif Islam <i>Noradilah binti Mohd Idris</i> <i>Zul-kifli bin Hussin</i>	69
Pineapple Mix Seaweed Jam: Healthy Food Product <i>Norashikin Anjur</i> <i>Azwan Abdullah</i>	75
Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti di Organisasi <i>Meor Hamzah bin Mohamed Zawawi</i> <i>Saipul Azmi bin Mohd Hashim</i>	81
Peranan Teknologi Terhadap Peningkatan Prestasi Pensyarah dan Pelajar di Kolej Komuniti <i>Ahmad Sobri bin Zakaria</i> <i>Khairulanwar bin Harun</i> <i>Siti Farhana binti Md Non</i>	88
Persepsi Pelajar Kolej Komuniti Jempol Terhadap Sukan Mendaki Gunung <i>Muhammad Syawal Yaakob</i> <i>Nor Samsila Ismail</i> <i>Mohd Asri Baharuddin</i>	96
Personaliti & Hubungannya dengan Peratus Kehadiran Pelajar Kulinari Semester Akhir Kolej Komuniti Chenderoh <i>Noradilah binti Mohd Idris</i> <i>Zul-kifli bin Hussin</i>	104
Revolusi Pelancongan Halal Selepas Era Pandemik <i>Amar bin Saadin</i> <i>Rahiza Shima binti Ramli</i> <i>Ainul Husna binti Abdul Halim</i>	111
Sejauh Mana Kepentingan Mempelajari Asas Etika di Meja Makan <i>Nor Azrina Binti Zahari</i> <i>Nurul'Ain binti Mustafa</i>	117
Tingkah Laku Asertif Menurut Perspektif Islam : Satu Analisis <i>Siti Nurul Atikha binti Rasol</i>	122

<p>Program Kesukarelawan Mempengaruhi Pembentukan Kemahiran Insaniah Pelajar Sijil Teknologi Elektrik (SKE) di Kolej Komuniti Jempol. <i>Jasman bin Esmon</i> <i>Masrina binti Muhamad</i> <i>Sharina Ashikin binti Yahaya</i></p>	129
<p>Kajian Pustaka Mengenai Penerapan Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar TVET & Perbandingan Dengan Perlaksanaan di Peringkat Kolej Komuniti Malaysia <i>Fatimah binti Haji Saidin</i></p>	135
<p>Keberkesanan Program CSR Celik Niaga Terhadap Pembudayaan Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar <i>Norlizawati binti Hashim</i> <i>Norhafinas binti Abd Latib</i> <i>Nor Halina binti Noordin</i></p>	143
<p>Pengaruh Media Sosial Terhadap Pengetahuan Politik dalam Kalangan Pelajar Kolej Komuniti Negeri Kedah <i>Nor Ridhwah binti Abdullah Sani</i> <i>Nur Hassanah binti Abu Hassan</i> <i>Khairulanwar bin Harun</i></p>	152
<p>Borang Zero Mistake <i>Maisarah binti Ismail</i></p>	156
<p>Kecenderungan Pelajar dalam Menentukan Bidang Pengajian di Kolej Komuniti Berdasarkan Teori Holland <i>Maz Azleena binti Azahari</i> <i>Khairul Aznam bin Ismail</i></p>	162
<p>Pendidikan Jiwa dari Perspektif Al-Quran dan Sunnah <i>Mohd Rashidi bin Omar</i> <i>Mohd Zaid bin Ismail</i> <i>Siti Nasuha binti Singki</i></p>	169
<p>Mendepani Dasar Teknologi Hijau Negara Dalam Sistem Automasi Bangunan dengan Menggunakan Teknologi KNX <i>Mohammad Mursyeed bin Ramli</i> <i>Abdul Hardy bin Suparna</i></p>	178
<p>The Determinant of Microentrepreneurs Firm Performance during Covid 19 Pandemic <i>Awang Annuar bin Awang</i> <i>Mazira binti</i> <i>Hardyta bin Bujang</i></p>	181
<p>Keberkesanan Penggunaan <i>Dummy</i> Usungan Dari Bahan Terpakai Bagi Latihan Medan Piswa Kolej Komuniti Negeri Perak <i>Noraini Binti Mohamad Nor</i> <i>Osman Fikri Bin Awang Mina</i> <i>Nurbaissa Aisar Binti Zulkiflee</i></p>	187



Reinvention of Upcycled Fabric For Multifunctional Jacket

Mohd Hafiz Sabran

Assoc. Prof. Ts. Dr. Rosita Mohd Tajuddin

197

APA DENGAN 5G

Farah Syahida binti Mohd Kamal
Kolej Komuniti Chenderoh
farah.syahida@kkche.edu.my

Basuriah binti Yunus
Kolej Komuniti Chenderoh

ABSTRAK

Generasi ke 5 atau lebih dikenali sebagai 5G membawa erti “5TH Generation”. Sejarah bermula dengan rangkaian 1G, 2G, 3G, 4G dan seterusnya 5G merupakan susur galur kepada rangkaian komunikasi data mudah alih yang acapkali mengalami perubahan hampir setiap dekad. Kelebihan yang paling ditularkan berkenaan rangkaian 5G ialah proses penghantaran datanya yang lebih besar dengan kadar masa yang sangat minima atau hampir tiada kelewatan walau sedetik pun. Ini adalah kerana rangkaian 5G menggunakan frekuensi radio yang terbaru dan menggunakan antena yang besar yang dikenali sebagai MIMO (multiple input, multiple output), dimana antena tersebut memberi laluan kepada beberapa penghantaran dan penerimaan data pada satu-satu masa yang sama. Teknologi rangkaian 5G bukan hanya menonjol sebagai era baru teknologi rangkaian komunikasi dari segi prestasi dan kelajuan data malah merupakan pengalaman baru kepada pengguna, antaranya adalah dalam dunia kesihatan, pesakit dapat mengawasi keadaan kesihatan sendiri melalui peranti sendiri. Pesakit dapat memantau laporan kesihatan diri sendiri seperti contoh denyutan nadi dan tekanan darah. Dalam industri pula, rangkaian 5G bergabung dengan bahagian penyelidikan dan pembangunan (RnD) industri berkenaan dan dapat memperolehi maklumat berkaitan dengan laporan trafik, kemalangan yang berlaku di mana-mana bahagian setiap masa. Kelebihan yang semakin bertambah dalam setiap rangkaian generasi membawa kebaikan dan memberi manfaat kepada semua pihak. Semakin canggih teknologi yang dapat diakses diujung jari di mana-mana sahaja dapat digunakan sebaik mungkin dan memudahkan segala urusan semua pihak.

KATA KUNCI: Rangkaian 5G, komunikasi tanpa wayar

PENGENALAN

Bermula seawal tahun 1980an yang dikenali sebagai rangkaian generasi pertama (1G) dengan menggunakan teknologi analog membawa perubahan kepada dunia komunikasi walaupun hanya komunikasi suara tanpa jaringan data internet. Walaupun hanya menyediakan kapasiti komunikasi yang terhad, menghantar kualiti suara yang rendah, memerlukan saiz telefon bimbit yang besar, menghadapi tempoh ketahanan bateri yang lemah dan kadang - kadang mengalami kehilangan panggilan suara tanpa sedar serta jaringan komunikasi tanpa kawalan keselamatan namun dianggap satu teknologi yang canggih ketika itu.

RANGKAIAN 2G

Kehadiran rangkaian generasi kedua (2G) dalam tempoh waktu terdekat anggaran tahun 1991 berjaya mengurangkan kelemahan rangkaian generasi pertama malah membawa sinar baru dalam dunia komunikasi kerana menggunakan teknologi digital yang sangat maju iaitu *Global System for Mobile Communication* (GSM). Komunikasi suara dapat digantikan dengan tulisan menggunakan ayat *short message service* (SMS) ataupun ditafsirkan menggunakan gambar secara visual *multimedia message service* (MMS). Seandainya penerima tidak dapat menjawab panggilan, pemanggil masih dapat menghantar pesanan melalui SMS agar pesanan dapat diterima dan pesanan berbentuk visual juga dapat dihantar sebagai pengganti diri penghantar untuk pesanan yang lebih menarik.

Rangkaian 2G menyediakan komunikasi secara suara dan data namun terhad kepada data yang kompleks seperti video. Ini adalah kerana rangkaian 2G merupakan penambahbaikan kepada generasi sebelumnya dan ianya adalah versi rangkaian 1G yang hanya didigitalkan. Selain dari itu rangkaian 2G juga menggunakan frekuensi radio sama seperti rangkaian 1G namun frekuensi yang digunakan mempunyai limit yang agak besar dan terbahagi kepada bahagian atas dan bawah. Berikutan limit yang besar rangkaian 2G dapat menyediakan ruang maya yang lebih besar dan dapat memberikan perkhidmatan kepada pengguna yang lebih ramai. Berbanding rangkaian 1G, tahap kawalan keselamatan dalam setiap proses penghantaran data rangkaian 2G wujud walaupun ianya berada pada tahap yang rendah. Sekurang-kurangnya tahap kawalan keselamatan terhadap keselamatan data pengguna masih dapat dilindungi. Walaupun rangkaian 2G merupakan teknologi yang canggih dikala itu namun kelemahan masih wujud seperti penghantaran komunikasi data masih bergantung kepada keadaan cuaca. Seandainya cuaca dalam keadaan hujan, ribut dan petir atau dalam erti kata lain cuaca kurang baik maka penghantaran data juga adalah kurang baik. Tempoh penghantaran data rangkaian 2G juga agak lambat dan jarak komunikasi juga agak rendah. Kelajuan maksima penghantaran data rangkaian 2G menggunakan *General Packet Radio Service* (GPRS) adalah 50 kilo bit persaat (kbps) manakala 1 mega bit persaat (Mbps) bagi penghantaran menggunakan *enhanced Data Rates for GSM Evolution* (EDGE) yang mana memenuhi tujuan utama kehadiran rangkaian 2G menyediakankomunikasi yang baik dan berkualiti serta mempunyai kawalan keselamatan dalam penghantaran data. Kelajuan data penghantaran yang digunakan untuk memuat naik dan memuat turun hanya 236 kilo bit persaat (kbps).

RANGKAIAN 3G

Setelah hampir sedekad lamanya kehadiran rangkaian 2G dalam sistem komunikasi, pada awal tahun 2002 lahirlah rangkaian generasi ketiga (3G) dalam susur galur teknologi komunikasi dan membawa perubahan yang sangat besar dalam dunia komunikasi sehinggakan istilah telefon bimbit berubah kepada telefon pintar dan 3G juga turut membawa perubahan dari segi kapasiti penghantaran data yang dapat menampung komunikasi menggunakan video malah era penggunaan emel juga turut bermula serta jaringan internet yang lebih laju. Perkembangan dunia komunikasi melalui telefon pintar yang sangat pesat dan dikala ini juga kewujudan telefon pintar yang menggunakan sistem terbaru seperti Iphone dan Android. Rangkaian 3G juga memperkenalkan terma baru iaitu internet atas talian dan dimana keupayaan internet yang boleh diakses di mana-mana sekali pun anda berada seolah-olah teknologi sentiasa berada dihujung jari hanya dengan menggunakan telefon pintar. Kelajuan dan keupayaan internet menggunakan modem USB yang semakin bertambah dan semakin berleluasa penggunaannya.

Rangkaian 3G menyediakan landasan/platform teknologi komunikasi yang lebih canggih

dimana pengguna dapat melaksanakan sesi perbincangan secara video dari tempat yang berbeza waima diseberang lautan sekalipun. Selain dari itu, kelebihan yang disediakan oleh rangkaian 3G berbanding rangkaian 2G dan rangkaian 1G adalah penghantaran video, televisyen (TV) yang dapat diakses melalui telefon dan *Global Positioning System* (GPS) iaitu sebuah sistem navigasi yang menggunakan satelit dapat diakses di Malaysia waima dipunyai oleh Amerika Syarikat malah kelajuan muat naik data dan muat turun data juga berubah kepada 21Mbps dan 1.5Mbps masing-masing. Kelajuan penghantaran data juga lebih pantas dan menawarkan tahap kawalan keselamatan data yang sangat tinggi kerana rangkaian 3G merupakan rangkaian komunikasi data yang mempunyai pengesahan validasi apabila berkomunikasi dengan peralatan lain.

RANGKAIAN 4G

Sekitar tahun 2012 setelah sedekad rangkaian 3G memonopoli sistem rangkaian data dan internet, rangkaian 4G mulai menjengah untuk mencipta satu lagi era baru dalam sistem rangkaian telekomunikasi di Malaysia. Rangkaian 4G *long-term evolution* (LTE) meneruskan langkah kejayaan yang telah ditempa oleh 3G dengan menyediakan internet jalur lebar yang lebih luas dan hebat. Kelajuan pantas data rangkaian 4G sesuai dengan modem jaringan internet tanpa wayar untuk penggunaan komputer riba dan juga internet di rumah sangat menerujakan semua pengguna. Perluasan penggunaan dan aplikasi secara maya atau talian termasuk aplikasi telefon pintar yang boleh digunakan melalui laman web seperti Whatsapp Web, membuat panggilan menggunakan aplikasi telefon di web seperti *Telegram Call*, perkhidmatan permainan di web seperti *Mobile Legends*, TV internet berdefinisi tinggi seperti Unifi TV, telesidang dan *television* 3 dimensi (3D) amat dinanti-nanti oleh pengguna sekalian alam.

Rangkaian 4G LTE menyediakan kelajuan maksima memuat naik data sehingga 500Mbps dan kelajuan maksima memuat turun data sehingga mencecah 1 giga bit persaat (Gbps) selain frekuensi yang disediakan adalah antara 2 gigahertz (GHz) hingga 8GHz dan kelajuan pemindahan data yang sangat laju berbanding rangkaian 3G. Walaupun ujian kelajuan data yang dijalankan ke atas rangkaian 4G tidak memenuhi kelajuan data sepatutnya namun ianya melebihi rangkaian 3G, namun ianya bukanlah bergantung pada kelajuan semata-mata, keluasan rangkaian juga turut menyumbang. Andai paparan LTE tidak kelihatan pada skrin telefon pintar anda bermakna tiadalah juga kelajuan seperti yang digembar gemburkan, pada ketika itu ianya hanya menggunakan kelajuan data seperti sediakala sahaja. Keluasan rangkaian 4G bergantung kepada syarikat telekomunikasi yang kita gunakan sebagai penghubung.

RANGKAIAN 5G

Dek perubahan setiap dekad yang sering diperkatakan dalam sistem rangkaian komunikasi di Malaysia dan sekali lagi tahun 2022 menjadi permulaan tapak generasi seterusnya rangkaian 5G untuk mewarnai sistem tersebut. Menurut (Duffy, 2020), 5G satu rangkaian terbaru yang direka lebih istimewa bukan hanya menghubungkan antara manusia dengan manusia malah dapat menghubungkan keseluruhannya termasuk mesin, objek dan peralatan lain bersama - sama. Menyediakan teknologi tanpa wayar dengan kelajuan data yang sangat tinggi berbanding 4G LTE, kebolehpercayaan yang lebih tinggi, mampu menampung kapasiti rangkaian yang lebih luas, kebolehdapatan dan ketersediaan yang sangat tinggi, menawarkan prestasi dan kecekapan yang lebih besar dan mampu memberikan pengalaman yang lebih meluas serta menawarkan pengalaman yang lebih mesra kepada pengguna rangkaian berkenaan. Kelebihan yang paling ditularkan berkenaan rangkaian 5G merupakan proses penghantaran datanya yang lebih besar dengan kadar

masa yang sangat minima dan berkemungkinan juga tiadakadar minima iaitu proses penghantaran dengan tiada kadar keterlambatan walau sedetik sekalipun. Ini turut disokong oleh laman web Cisco (Cisco.com, 2022) yang menyatakan bahawa rangkaian 5G menggunakan frekuensi radio yang terbaru dan menggunakan antena yang besar yang dikenali sebagai MIMO (*multiple input, multiple output*), dimana antena tersebut memberi laluan kepada beberapa penghantaran dan penerimaan data pada satu-satu masa yang sama. Rangkaian 5G juga direka agar dapat menyokong rangkaian yang bergabung atau pelbagai teknologi tanpa wayar berlesen atau tidak berlesen.

Teknologi rangkaian 5G bukan hanya menonjol sebagai era baru teknologi rangkaian komunikasi dari segi prestasi dan kelajuan data malah merupakan pengalaman baru kepada pengguna. Terdapat beberapa lagi kelebihan yang dapat diperolehi oleh pengguna rangkaian 5G, antaranya adalah dalam dunia kesihatan, pesakit dapat mengawasi keadaan kesihatan sendiri melalui peranti sendiri. Pesakit dapat memantau data mengenai indeks dan laporan kesihatan diri sendiri seperti contoh denyutan nadi dan tekanan darah. Manakala dalam industri pula, yang juga turut disokong dalam laman web Qualcomm (Qualcomm.com, 2022), rangkaian 5G bergabung dengan bahagian penyelidikan dan pembangunan (RnD) industri berkenaan dan dapat memperolehi maklumat berkaitan dengan laporan trafik, kemalangan yang berlaku di mana-mana bahagian setiap masa malah setiap kenderaan dapat berkongsi maklumat dengan kenderaan lain dari segi keadaan jalanraya mahupun status lampu isyarat. Ini merupakan 2 jenis industri yang dapat diaplikasikan rangkaian 5G sepenuhnya agar dapat memudahkan dan memberikan pengalaman yang lebih baik, selamat dan selesa kepada pengguna.

KESIMPULAN

Diharapkan kelebihan yang semakin bertambah dalam setiap rangkaian generasi membawa kebaikan dan memberi manfaat kepada semua pihak. Semakin canggih teknologi yang dapat diakses diujung jari di mana-mana sahaja dapat digunakan sebaik mungkin dan memudahkan segala urusan semua pihak.

RUJUKAN

- Cisco.com. (2022, - -). *What is 5G?* Retrieved July 4, 2022, from cisco.com: <https://www.cisco.com/c/en/us/solutions/what-is-5g.html>
- Duffy, C. (2020, march 6). *what is 5G?* Retrieved July 4, 2022, from CNN Business: <https://edition.cnn.com/interactive/2020/03/business/what-is-5g/index.html>
- Ghayas, A. (2020, March 3). *What Do The Terms 1G, 2G, 3G, 4G and 5G Really Mean?* Retrieved July 5, 2022, from commsbrief.com: <https://commsbrief.com/what-do-the-terms-1g-2g-3g-4g-and-5g-really-mean/>
- Intel.com. (2022, - -). *What You Should Know About 5G Technology.* Retrieved July 4, 2022, from Intel.com: <https://www.intel.com/content/www/us/en/wireless-network/what-is-5g.html>
- John, M., Mike, M., & David, L. (2021, may 5). *Everything You need To Know.* Retrieved July 4, 2022, from techradar.com: <https://www.techradar.com/news/what-is-5g-everything-you-need-to-know>



Qualcomm.com. (2022, - -). *Everything you need to know about 5G*. Retrieved July 4, 2022, from [qualcomm.com: https://www.qualcomm.com/5g/what-is-5g](https://www.qualcomm.com/5g/what-is-5g)

ANALISIS TEKNO-EKONOMI SISTEM PENGHAWA DINGIN TERBANTU TERMA-SURIA DI BANGUNAN PEJABAT

Nik Norhasanah Nik Hassan
Politeknik Port Dickson
 nikhasanah83@gmail.com

Aizzi Shakir Abdul Kadir
Kolej Komuniti Miri

ABSTRAK

Malaysia komited mengetengahkan kepentingan kecekapan penggunaan tenaga dengan melaksanakan pelbagai inisiatif sejak tiga dekad dulu. Terdapat pelbagai faktor penyumbang pencemaran yang berlaku di dunia antaranya ialah bangunan pejabat di mana kira-kira 80 – 90% daripada pelepasan karbon adalah dari pengoperasian bangunan pejabat. Konsep bangunan pejabat hijau menjadi konsep pembinaan pada masa kini bagi mengatasi masalah pencemaran. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, Malaysia telah menggunakan banyak bangunan kerajaan dengan pelepasan karbon rendah untuk menggalakkan kemampanan dan meningkatkan kesedaran tentang peluang pemuliharaan tenaga. Kertas penyelidikan ini bekisarkan berkenaan dengan penggunaan sistem penghawa dingin terbantu terma-suria (SAC) yang digunakan di Ibu Pejabat Pembangunan Kemajuan Negeri Selangor (IPPKNS) yang terletak di seksyen 14 Shah Alam. Pengurangan penggunaan tenaga elektrik dicapai dari sistem SAC ini adalah sebanyak 60% bersamaan dengan 2.4 juta kg/ tahun pelepasan karbon dioksida, CO₂. Penyelidikan yang dilakukan berfokuskan analisis tekno-ekonomi bagi pemasangan sistem SAC dimana dapatan penyelidikan ini menunjukkan penjimatan tenaga sehingga 30% pada tahun 2019. Sistem penghawa dingin terbantu terma -suria yang menggunakan radiasi suria sebagai sumber boleh diperbaharui ini bertindak sebagai sumber tenaga kepada sistem penyejukan di dalam bangunan dan seterusnya mengurangkan kos operasi SAC. Daripada analisis yang dibuat juga mendapati kitar hayat yang diambil kira dalam jangka 20 tahun mendapat pulangan kos pendahuluan (Pay Back Period) selama 10 tahun dan kos operasi penghawa dingin keseluruhan dalam bangunan dapat dikurangkan sebanyak 5% setahun. Secara keseluruhannya, sistem SAC ini mempunyai potensi untuk diketengahkan penggunaannya berdasarkan penjimatan yang ketara dari segi kos dan kitar hayat sistem disamping dapat mengurangkan pencemaran alam sekitar.

KATAKUNCI: Tekno-ekonomi, pendingin-suria, terma-suria, bangunan suria

PENGENALAN

Malaysia antara negara yang mengetengahkan kepentingan kecekapan penggunaan tenaga dengan melaksanakan pelbagai inisiatif sejak tiga dekad dulu. Kesedaran kearah pembangunan lestari berteraskan ekonomi, sosial dan alam sekitar semakin meningkat dari masa ke semasa. Pembangunan sektor ekonomi yang pesat memberi kesan kenaikan suhu yang ketara kepada alam sekitar. Peningkatan suhu global menjadi salah satu ancaman terbesar pada abad ke-21

(Subkhankulova, 2018). Melalui mesyuarat *United Nations Framework Conference on Climate Change* (UNFCCC) yang telah dijalankan di Paris, 175 negara bersetuju untuk mengawal kenaikan suhu global dengan mengurangkan sebanyak 42 – 57% pelepasan Gas Rumah Hijau (GHG) menjelang tahun 2050, Malaysia mensasarkan pengurangan pencemaran gas karbon ke atmosfera sebanyak 45% menjelang tahun 2030 (Susskind et al., 2020). Konsep bangunan hijau menjadi konsep pembinaan pada masa kini bagi mengatasi masalah pencemaran. Melalui pembinaan lestari bukan sahaja mengambil kira aspek-aspek persekitaran, penggunaan bahan, operasi, dan kitar semula, tetapi turut mengambilkira peningkatan kecekapan tenaga dan air, pengurangan penggunaan bahan dan sumber semula jadi, selain peningkatan kesihatan dan persekitaran (Dwaikat & Ali, 2016).

Di Malaysia, beberapa kriteria tertentu diambil kira dalam pembangunan projek bangunan hijau yang dibangunkan oleh Majlis Persatuan Arkitek Malaysia (PAM) pada Ogos 2008 dan Jawatankuasa Kemampanan baru ditugaskan, terutama untuk membangunkan dan menetapkan Indeks Bangunan Hijau (GBI) (INDEX 2009). Terdapat pelbagai faktor peningkatan penggunaan tenaga terutama dalam industri di Malaysia. Salah satu faktor penyumbang penggunaan tenaga yang tinggi di dalam bangunan pejabat adalah penggunaan penghawa dingin yang banyak dalam jangka masa yang lama. Walaubagaimanapun penggunaan teknologi berasaskan tenaga suria yang merupakan tenaga yang boleh diperbaharui dapat membantu mengatasi masalah peningkatan penggunaan tenaga yang ketara. Kerajaan Malaysia mula memberi tumpuan kepada pembaharuan tenaga untuk menangani cabaran perubahan iklim dan memenuhi keperluan tenaga dengan cara yang lestari. Menurut Jing et al. (2012) sistem pemanasan dan kuasa penyejukan bangunan solar baru didorong oleh tenaga suria dan gas asli dapat membantu sebagai salah satu tenaga boleh diperbaharui dan tenaga suria digunakan bagi mengurangkan penggunaan tenaga tidak boleh diperbaharui serta mengurangkan pelepasan pencemar.

Ibu Pejabat Pembangunan Kemajuan Negeri Selangor (IPPKNS) yang terletak di Seksyen 14 Shah Alam merupakan salah satu bangunan pejabat yang menggunakan konsep bangunan hijau dan mesra alam sekitar. Beroperasi secara rasmi pada 1 Ogos 2017, IPPKNS telah memenangi anugerah Platinum kategori *Green Large Building* di *Asean Energy Award 2018* dengan bacaan indeks tenaga bangunan (*Building Energy Index*, BEI) 88 kWj/m² per tahun dan penarafan ini dapat dikekalkan pada tahun 2019. Pengurangan penggunaan tenaga dicapai sebanyak 60% bersamaan dengan 2.4 juta kg/tahun pelepasan CO₂ ke udara secara tidak langsung dapat mengawal pencemaran udara di Malaysia. Di IPPKNS, pemasangan Sistem Penghawa Dingin Terbantu Terma-Suria (SAC) dengan keluasan 1200 m² tiub pengumpul suria jenis vakum (ETC) menjadi salah satu faktor penjimatan tenaga. Pemasangan dibuat pada bahagian bumbung bangunan secara terbuka mampu untuk mengumpulkan haba daripada sinaran matahari secara maksima.

Objektif kajian penyelidikan ini adalah:

1. Menilai pengagihan elektrik kepada sistem-sistem dan peralatan utama di bangunan kajian (IPPKNS).
2. Mentafsir corak penggunaan sistem penghawa dingin gabungan konvensional dan terbantu suria-terma (SAC) di bangunan kajian.
3. Menjalankan analisis tekno-ekonomi dan penilaian kitar hayat ke atas sistem SAC di bangunan kajian.

SOROTAN KAJIAN

Di negara maju, penggunaan tenaga di bangunan menyumbang 20- 40% dari jumlah penggunaan tenaga akhir. Terdapat dua jenis bangunan yang dikategorikan penyumbang tenaga yang tinggi iaitu domestik dan komersial. Antara faktor penyumbang tenaga tinggi di bangunan ialah disebabkan oleh pertumbuhan penduduk, peningkatan permintaan untuk perkhidmatan bangunan dan tahap penyelesaian serta masa yang panjang di dalam bangunan. Keadaan ini memberi kesan kepada aliran permintaan tenaga yang akan terus berlanjutan di masa depan. Secara amnya, tenaga di bangunan pejabat digunakan untuk pemanasan, penyejukan, pencahayaan, komputer dan mesin pencetak. Penggunaan sistem penghawa dingin mencatat peratusan yang tinggi iaitu 50% penggunaan tenaga di dalam bangunan, 15% penggunaan pencahayaan dan 10% adalah dari penggunaan peralatan pejabat. Perkara ini dilihat dengan lebih dekat di mana terdapat dua faktor utama kenaikan peratusan penggunaan tenaga berlaku dalam sistem penghawa dingin iaitu faktor jenis penghawa dingin yang diguna dan lokasi pemasangan di dalam bangunan (Pérez-Lombard et al., 2008) (Santamouris & Dascalaki, 2002) (Ihara et al., 2015). Malaysia terletak di Asia Tenggara berhampiran khatulistiwa dengan koordinat $2^{\circ} 30' N$ dan $112^{\circ} 30' E$, dan luas keseluruhan 329.750 km^2 per segi (Shaikh et al., 2017). Keadaan ini memberi kesan pemanasan dan perubahan iklim pada struktur bangunan secara tidak langsung permintaan tenaga yang tinggi untuk penyejukan.


Malaysia berpotensi untuk menjana tenaga elektrik melalui sinaran matahari. Menurut kajian yang telah dijalankan oleh Mekhilef et al. (2012), purata sinaran suria harian sebanyak $400\text{-}600 \text{ MJ/m}^2$ iaitu 4- 8jam/hari dan ini menunjukkan bacaan yang tinggi serta mampu untuk menjana tenaga menerusi sinaran matahari. Oleh yang demikian, tenaga haba suria dianggap sebagai sumber tenaga yang boleh diperbaharui yang dapat menjana tenaga bagi membolehkan pengoperasian aplikasi penyaman udara yang baik. Aplikasi terma suria juga banyak digunakan untuk pemanasan dan pengudaraan untuk penyaman udara di bangunan. Sistem ini menyumbang sebahagian penggunaan tenaga terbesar di bangunan. Pada tahun 2010, bangunan kediaman menggunakan sekitar 55% penggunaan tenaga tahunan dunia untuk penyejukan dan selebihnya oleh bangunan komersial (Ibrahim et al., 2018). Permintaan penggunaan penghawa dingin dipengaruhi oleh suhu atmosfera yang tinggi di mana hampir semua bangunan disejukkan oleh sistem penghawa dingin konvensional berkuasa elektrik. Sebagai langkah penjimatan tenaga, pembangunan sistem penghawa dingin yang menggunakan sumber alternatif digunakan bagi menjimatkan tenaga elektrik yang kebanyakannya dihasilkan oleh bahan bakar fosil. Aplikasi ini mampu untuk mengurangkan pelepasan karbon dan dapat mengawal pemanasan global. Di negara Arab Saudi, tenaga suria menjadi keutamaan sebagai sumber tenaga bagi penghawa dingin untuk sistem penyejukan di bangunan kerana keadaan persekitaran yang mempunyai jumlah sinaran yang tinggi (Al-Ugla et al., 2016).

Analisis tekno-ekonomi merupakan penilaian yang dijalankan ke atas gabungan antara teknologi dan ekonomi. Terdapat beberapa kaedah yang perlu dilaksanakan dalam menganalisis tekno-ekonomi bagi melihat kebolehlaksanaan sesuatu projek yang dibina serta penilaian ke atas teknologi dan pelaburan yang di buat (Lauer, 2008). Antaranya ialah kos tenaga yang diselaraskan atau *Levelized Cost of Energy* (LCOE), nilai kini bersih atau *Net Present Value* (NPV), pulangan pelaburan atau *Return on Investment* (ROI), pengiraan kos kitar hayat atau *Life Cycle Cost* (LCC), dan pengiraan tempoh pulangan pelaburan atau *Payback Period* (PP) (Gu et al. 2018). Selain itu juga, analisis yang dibuat turut mengambil kira faktor- faktor impak ekonomi semasa, tarif elektrik, pembiayaan bahan, kadar faedah pinjaman waktu dan lokasi yang boleh menyebabkan perbezaan ketara dalam prestasi ekonomi dan pelaburan semasa. Malaysia mempunyai kadar pancaran suria

yang tinggi iaitu 4000–5000 Wh/m² dan iklim yang baik mampu untuk penyerapan tenaga suria terhadap sistem terma suria yang diguna dalam sistem penghawa dingin (Fudholi et al. 2015). Namun begitu, di Malaysia masih kurang penggunaan sistem ini disebabkan oleh kurang pemahaman, kesedaran dan kos pemasangan yang tinggi. Melalui analisis yang dibuat terhadap sistem SAC merangkumi pulangan pelaburan (ROI), pengiraan kos kitar hayat (LCC), dan pengiraan tempoh pulangan pelaburan (PP) (Ali et al., 2009) (Chong et al., 2011) dan teknik pengiraan kos kitar hayat adalah kaedah yang digunakan untuk mendapat perbezaan antara kos pada masa hadapan menggunakan data nilai kini bersih (NPV) (Gopanagoni & Velpula, 2020).

KAEDAH KAJIAN


Kajian ini memfokuskan kepada kajian kes di Bangunan Ibu Pejabat Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Shah Alam dengan menganalisis kecekapan tenaga melalui penjanaan tenaga oleh sistem penghawa dingin terbantu terma-suria dan pengiraan kos kitar hayat sistem serta jangkaan pulangan pelaburan melalui penjimatan tenaga yang dihasilkan daripada pembangunan sistem SAC yang dipasang di bangunan tersebut. Rajah 1 menunjukkan lakaran pelan bagi sistem penghawa dingin terbantu terma-suria yang digunakan di bangunan kajian. Sistem ini menggunakan larutan air (H₂O) dan lithium bromide (LiBr) sebagai medium larutan.



Rajah 1: Lakaran pelan sistem penghawa dingin terbantu terma-suria (V Mittal, KS Kasana & NS Thakur n.d. 2005)


Sistem ini berfungsi apabila terdapat penyerapan sinaran suria oleh tiub pengumpul jenis vakum (ETC) yang terletak di bahagian bumbung dan memindahkan tenaga yang terhasil kepada air yang terdapat di dalam sistem untuk dipanaskan seterusnya masuk ke tangki simpanan air panas. Suhu air di dalam tangki akan meningkat sehingga 70 °C hingga 90 °C untuk dibekalkan kepada sistem penjana (*generator*) yang bertindak sebagai pemampat untuk proses penyejukan. Proses penyejukan berlaku di mana wap pendingin yang masuk ke pemeluwap (*condensor*) akan disejukkan dengan menggunakan air yang mengalir menerusi paip yang dipasang seterusnya terkondensasi kepada cecair bertekanan. Proses ini berterusan sehingga air yang bersuhu rendah keluar dari sistem penyejuk (*solar chiller*) disejat mengalir dalam paip untuk disalurkan kepada sistem penghawa dingin seterusnya dibebaskan ke ruang pejabat. Kaedah penyelidikan dijalankan seperti rajah 2: Carta alir kaedah penyelidikan.

Rajah 2: Carta alir kaedah penyelidikan




KEPUTUSAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Penggunaan tenaga di bangunan kajian telah direkod sepanjang tahun 2019 bermula Januari hingga Disember bagi kedua-dua sistem penghawa dingin. Rajah 3 menunjukkan jumlah tenaga yang digunakan bagi penghawa dingin di Ibu Pejabat PKNS diambil pada bulan Januari hingga Disember 2019. Daripada analisis tersebut mendapati penggunaan penghawa dingin pada bulan April adalah paling tinggi dengan bacaan 59,829 kWj. Manakala penggunaan paling rendah adalah pada bulan Jun 2019 sebanyak 45,857 kWj.




Rajah 3: Jumlah Penggunaan Tenaga Di Bangunan Kajian




Rajah 4: Jumlah Penggunaan Penghawa Mengikut Jenis bagi Kajian Tahun 2019

Bacaan tenaga bagi bulan Januari ialah 53,604 kWj, Februari 47,418 kWj, Mac 55,225 kWj, Mei 57,039 kWj, Julai 56,489 kWj, Ogos 55,364 kWj, September 48,618 kWj, Oktober 54,902 kWj, November 53,846 kWj, dan Disember 48,572 kWj. Menurut laporan kaji cuaca Jabatan Meteorologi Malaysia, fenomena cuaca panas dan kering berlaku di Malaysia bermula Februari 2019 sehingga kemuncak pada bulan April 2019. Pengaruh beberapa fenomena terutama Elnino Modoki dan peningkatan pancaran matahari yang menghampiri fenomena ekuinoks. Peningkatan cuaca yang mendadak menyebabkan penggunaan tenaga yang tinggi bagi penghawa dingin dan semakin berkurang pada bulan Mei 2019. Bagi bulan Jun 2019, Malaysia menerima hujan yang banyak dan keadaan yang dingin memberi kesan pengurangan kepada penggunaan penghawa dingin di dalam bangunan. Daripada analisis ini juga dapat dikenalpasti peratus penggunaan tenaga secara keseluruhannya adalah mencecah 21% hingga 26% setiap bulan bagi penggunaan tenaga penghawa dingin di bangunan kajian. Melihat kepada jumlah tenaga yang diguna dalam sesebuah bangunan, adalah penting untuk memilih kaedah terbaik dalam menangani peningkatan jumlah penggunaan barangan elektrik yang betul. Secara tidak langsung kaedah ini membantu untuk mengurangkan kos penggunaan tenaga di dalam bangunan. Rajah 4 menunjukkan jumlah penggunaan tenaga penghawa dingin konvensional dan SAC. Penggunaan penghawa dingin konvensional menunjukkan bacaan tinggi pada bulan April dengan bacaan tenaga 52,885 kWj manakala bacaan paling rendah adalah pada Jun dengan bacaan 39,586 kWj. Bagi penggunaan SAC menunjukkan bacaan paling tinggi pada bulan Mac sebanyak 8,590 kWj dan bacaan paling rendah pada Disember sebanyak 4,902 kWj. Secara keseluruhan penggunaan tenaga bagi penghawa dingin adalah menggunakan sistem konvensional. Namun begitu sistem ini disokong oleh sistem SAC secara berjadual bagi tujuan penjimatan tenaga elektrik di mana penggunaan radiasi suria sebagai sumber tenaga menggantikan tenaga elektrik sepenuhnya.




Rajah 5: Penggunaan SAC dan penghawa dingin konvensional

Penjanaan tenaga terma-suria dipengaruhi oleh radiasi suria di kawasan kajian. Rajah 5 menunjukkan penggunaan penghawa dingin terbantu terma-suria pada Isnin, 5 Ogos 2019 selama 24 jam. Penggunaan tenaga bagi penghawa dingin konvensional bermula pada jam 7.00 pagi dengan bacaan tenaga 113 kWj di mana staf di Ibu Pejabat PKNS mula hadir bagi aktiviti kerja harian. Kadar radiasi pada jam 7.00 petang menunjukkan bacaan 0 Wj/m². Bacaan tenaga penggunaan penghawa dingin konvensional semakin meningkat pada jam 8.00 pagi dengan bacaan 331 kWj dan terus meningkat kepada 164 kWj pada jam 11.00 pagi.



Rajah 6: Analisis Ekonomi SAC



Rajah 7: Analisis Penjimatan SAC

Rajah 6 menunjukkan analisis tekno-ekonomi bagi penggunaan sistem penghawa dingin terbantu terma-suria di bangunan Ibu Pejabat PKNS selama 20 tahun. Daripada analisis tersebut dapat dilihat tempoh bayaran balik sistem SAC yang dipasang mengambil masa selama 10 tahun dengan nilai semasa sebanyak RM164 211.61. Sistem ini juga memerlukan penyelenggaraan bulanan dengan kos sebanyak RM7,000 dengan jumlah tahunan RM84,000. Nilai semasa sistem bagi tempoh 20 tahun RM3,515,797.89 manakala jumlah simpanan yang dijana adalah sebanyak RM220,351.82. Rajah 7 menunjukkan nilai kumulatif tenaga yang dapat dijimatkan daripada sistem SAC. Jumlah tenaga pada tahun pertama adalah sebanyak 286,543.35 kWj dan RM104,588.32 dapat dijimatkan berbanding penggunaan penghawa dingin konvensional sepenuhnya di bangunan komersial. Analisis dibuat sehingga 20 tahun mendapati penjimatan tenaga terkumpul yang diperolehi adalah sebanyak 5,730,867 kWj dengan jumlah penjimatan kos sebanyak RM4,407,036.43. Daripada analisis ini dapat dilihat peningkatan penjimatan satici tahun dari aspek penjimatan kos tenaga sehingga 5%.

KESIMPULAN

Penggunaan tenaga elektrik bagi sistem penghawa dingin adalah sebanyak 23% daripada jumlah penggunaan tenaga keseluruhan bangunan. Peratusan ini adalah rendah berbanding bangunan pejabat yang lain kerana sistem penyejukan di dalam bangunan ini dibantu oleh sistem SAC. Daripada anggaran yang dibuat bagi penggunaan penghawa dingin konvensional sepenuhnya, bacaan penggunaan tenaga bangunan pada tahun 2019 mencecah 30% iaitu 923,306.35 kWj daripada keseluruhan tenaga iaitu 2,106,050 kWj. Pengoperasian penghawa dingin memerlukan jumlah kuasa (*watt*) yang tinggi bergantung kepada kuasa kuda atau *horsepower* (hp) sesebuah penghawa dingin dan tenaga yang banyak sepanjang operasi penyejukan sesuatu kawasan. Daripada kajian yang dijalankan mendapati corak penggunaan sistem penghawa dingin di bangunan Ibu Pejabat PKNS ini beroperasi bermula jam 7.00 pagi hingga 6.00 petang. Jumlah tenaga dalam penggunaan penghawa dingin adalah tinggi pada April atas faktor cuaca panas dan bacaan tenaga rendah pada bulan Jun kerana Malaysia menerima jumlah yang banyak dan persekitaran yang sejuk. Radasi suria menjadi sumber tenaga kepada sistem penghawa dingin terma-suria dan akan mengurangkan penggunaan sistem penyejuk penghawa dingin konvensional beroperasi. Kadar kitar hayat dalam kajian ini mengambil kira kitaran 20 tahun mendapati jangka masa diperolehi adalah selama 10 tahun bagi sistem ini mendapat bayaran balik daripada kos pendahuluan yang dibuat sebanyak RM2,100,000 dengan nilai semasa sebanyak RM164,211.61. Pengiraan nilai semasa sistem bagi tempoh 20 tahun ialah RM3,515 797.89 manakala jumlah simpanan yang dijana adalah sebanyak RM220,351.82. Penjimatan terkumpul yang diperolehi adalah sebanyak 5,730, 867 kWj dengan jumlah penjimatan kos operasi penghawa dingin di dalam bangunan sebanyak RM4,407,036.43.

RUJUKAN

- Ali, B., Sopian, K., Ghoul, M. al, Othman, M. Y., Zaharim, A., & Razali, A. M. (2009). Economics of domestic solar hot water heating systems in Malaysia. *European Journal of Scientific Research*, 26(1), 20–28.
- Alrwashdeh, S. S., & Ammari, H. (2019). Case Studies in Thermal Engineering Life cyclecost analysis of two different refrigeration systems powered by solar energy. *Case Studies in Thermal Engineering*, 16(November), 100559. <https://doi.org/10.1016/j.csite.2019.100559>
- Al-Ugla, A. A., El-Shaarawi, M. A. I., Said, S. A. M., & Al-Qutub, A. M. (2016). Techno-economic analysis of solar-assisted air-conditioning systems for commercial buildings in Saudi Arabia. In *Renewable and Sustainable Energy Reviews* (Vol. 54, pp. 1301– 1310). Elsevier Ltd. <https://doi.org/10.1016/j.rser.2015.10.047>
- Cabeza, L. F., Rincón, L., Vilariño, V., Pérez, G., & Castell, A. (2014). Life cycle assessment (LCA) and life cycle energy analysis (LCEA) of buildings and the building sector: A review. *Renewable and Sustainable Energy Reviews*, 29, 394–416. <https://doi.org/10.1016/j.rser.2013.08.037>
- Chong, W. T., Naghavi, M. S., Poh, S. C., Mahlia, T. M. I., & Pan, K. C. (2011). Techno-economic analysis of a wind-solar hybrid renewable energy system with rainwater

- collection feature for urban high-rise application. *Applied Energy*, 88(11), 4067–4077. <https://doi.org/10.1016/j.apenergy.2011.04.042>
- Dwaikat, L. N., & Ali, K. N. (2016). Green buildings cost premium: A review of empirical evidence. *Energy and Buildings*, 110, 396–403. <https://doi.org/10.1016/j.enbuild.2015.11.021>
- Gopanagoni, V., & Velpula, S. L. (2020). An analytical approach on life cycle cost analysis of a green building. *Materials Today: Proceedings*, xxx. <https://doi.org/10.1016/j.matpr.2020.04.226>
- Hannah E. Murdock Duncan Gibb Thomas André. (2019). Renewables 2019 Global Status Report. In *Resources* (Vol. 8, Issue 3).
- Ibrahim, N. I., Al-Sulaiman, F. A., & Ani, F. N. (2018). Solar absorption systems with integrated absorption energy storage—A review. *Renewable and Sustainable Energy Reviews*, 82(July), 1602–1610. <https://doi.org/10.1016/j.rser.2017.07.005>
- Ihara, T., Gustavsen, A., & Jelle, B. P. (2015). Effect of facade components on energy efficiency in office buildings. *Applied Energy*, 158, 422–432. <https://doi.org/10.1016/j.apenergy.2015.08.074>
- Jing, Y. Y., Bai, H., Wang, J. J., & Liu, L. (2012). Life cycle assessment of a solar combined cooling heating and power system in different operation strategies. *Applied Energy*, 92, 843–853. <https://doi.org/10.1016/j.apenergy.2011.08.046>
- Lauer, M. (2008). Methodology guideline on techno economic assessment (TEA). *Intelligent Energy Europe*, 25. https://ec.europa.eu/energy/intelligent/projects/sites/iee-projects/files/projects/documents/thermalnet_methodology_guideline_on techno_economic_assessment.pdf
- Mekhilef, S., Safari, A., Mustaffa, W. E. S., Saidur, R., Omar, R., & Younis, M. A. A. (2012). Solar energy in Malaysia: Current state and prospects. *Renewable and Sustainable Energy Reviews*, 16(1), 386–396. <https://doi.org/10.1016/j.rser.2011.08.003>
- Pérez-Lombard, L., Ortiz, J., & Pout, C. (2008). A review on buildings energy consumption information. *Energy and Buildings*, 40(3), 394–398. <https://doi.org/10.1016/j.enbuild.2007.03.007>
- Qabaja, M. (2017). *APPLICATION LIFE CYCLE COST ANALYSIS IN THE BUILDING SECTOR IN SAUDI ARABIA An investigation of the airport pavement management system (APMS) View project*. <https://doi.org/10.13140/RG.2.2.17014.11849>
- Santamouris, M., & Dascalaki, E. (2002). Passive retrofitting of office buildings to improve their energy performance and indoor environment: The OFFICE project. *Building and Environment*, 37(6), 575–578. [https://doi.org/10.1016/S0360-1323\(02\)00004-5](https://doi.org/10.1016/S0360-1323(02)00004-5)
- Sayadi, Z., el May, S., Bourouis, M., & Bellagi, A. (2010). Technical and economic analysis of a solar - Assisted air-conditioning system. *2010 3rd International Conference on*

Thermal Issues in Emerging Technologies, Theory and Applications - Proceedings, ThETA3 2010, 4, 331–338. <https://doi.org/10.1109/THETA.2010.5766415>

Shaikh, P. H., Nor, N. B. M., Sahito, A. A., Nallagownden, P., Elamvazuthi, I., & Shaikh, M. S. (2017). Building energy for sustainable development in Malaysia: A review. *Renewable and Sustainable Energy Reviews*, 75(November), 1392–1403. <https://doi.org/10.1016/j.rser.2016.11.128>

Subkhankulova, D. (2018). Exploring future opportunities and challenges of Demand Side Management with Agent Based Modelling. *Thesis*.

Susskind, L., Chun, J., Goldberg, S., Gordon, J. A., Smith, G., & Zaerpoor, Y. (2020). Breaking Out of Carbon Lock-In: Malaysia's Path to Decarbonization. *Frontiers in Built Environment*, 6(March). <https://doi.org/10.3389/fbuil.2020.00021>

v Mittal, KS Kasana, & NS Thakur. (n.d.). *The study of solar absorption air-conditioningsystem*

COMMUNICATIVE LANGUAGE GAMES IN TECHNICAL VOCATIONAL EDUCATION AND TRAINING

Dalvinder Kaur A/P Koldip Singh
Kolej Komuniti Chenderoh
dalvinsidhu01@gmail.com

Praveena A/P Chandrabala
Kolej Komuniti Kuala Kangsar

ABSTRACT

Learning English communication is essential. Due to lack of attention and the use of language students tend to get bored demotivated easily. In some cases, students get confused or fail to apply the knowledge of the language they have learnt in lesson. Through incorporating communicative language games, students get to practice language use in classroom. This paper aims to highlight the role of communicative language games in TVET.

Keywords: Language games, communication classes, tertiary education, TVET

INTRODUCTION

The development of TVET begin in 1964 and TVET is known as Technical Vocational Education and Training. TVET mainly focus to provide quality education and training to develop skilled graduate to cater the need of labor market. Through the outline of Shift 4 of the Malaysia Education Blueprint 2015-2025(Higher Education), TVET has an vital role for vocational and skills development and lifelong learning as the economic agenda mainly focus in creating new jobs opportunities to the high skilled locals with improvements in labor productivity and transformation from labor intensive to knowledge and innovation based economic activities. These transitions are aligned with the goals of TVET and it enhance the importance of TVET in Malaysia. Being competent in technical skills are not sufficient for the industry world. Generic skills are also required to be a competent employee. Generic skills are creative, innovative, and interpersonal skills (Alias, et al.,2018). Interpersonal skills are the skills we use to communicate and interact with the society and community; therefore, students are taught English language as a compulsory course in TVET.

English is used globally as it is known, spoken and understood by most of the people around the world. For most Malaysian, English is considered as their second language. Furthermore, good English proficiency is essential for career development and the growth of economic. According to Malaysian Employers Federation (MEF),(2022). English proficiency is one of the top five skills required from fresh graduates or employees to ace in their interview and progress at workplace. English language is learned since pre-school up to tertiary education as a compulsory subject in the

school and college curriculum. Students are exposed to the language since young however they still struggle to learn and apply English in their daily communication. In consequences, Malaysian employees keep highlighting the low proficiency of fresh graduates.

Communication occurs spontaneously, speaker has a couple of moments to perceive the info and to answer it immediately. Therefore, speaking is one the difficult skill to master. In Malaysia English is consider as a second language, majority of the Malaysian use Bahasa Malaysia to communicate as it is the national. Most of the students tend to direct translate from their first language to the second but English does not work that way because it has unique grammar rules. Speaking is not automatically transferable from the first language to second language of the speaker (Thornbury,2007). Hence it is one of the challenges faced by Malaysian students. Moreover, students feel easily demotivated in English lesson as some of the educators still refer traditional method in English lessons. One of the ways to encounter the challenges are implementing communicative language games in English lessons.

ENGLISH LESSONS IN TVET

Technical and Vocational Education and Training (TVET) incorporates training or learning like formal, non-formal and informal which in turn prepare young people with the skills and knowledge mandatory in working environment. TVET has been referred to by many different names over the years, including apprenticeship preparation, vocational education, technical education, technical-vocational education, occupational education, vocational education and training, professional and vocational education, career and technical education, workforce education, workplace education, according to the United Nations Organisation for Education, Science and Culture (UNESCO). Conferring to the Malaysian Blueprint 2015-2025, the Ministry will increase streamline capabilities, progress coordination and industry involvement and partnerships to attain these results across Ministry’s providers of TVET and also intensify the efforts of branding. In order to produce quality education and also expand career development, English subjects has been implemented as core subjects ranging from Communicative English to Workplace English in Community colleges and Polytechnics of Malaysia. Moreover, to integrate the application of English language many approaches have been made which among the most used would be the task-based approach.

In addition to divulging students to technical and career qualities, TVET education prepares students with soft skills and other vital skills to help them promote themselves after graduation. Some significant skills to dominate include problem solving skills, communicative skills, job seeking skills, and collaboration skills. Yusoff et al. (2017) in their study mentioned that graduates may not be successful in marketing if they cannot communicate in English, as practical skills alone are not enough, especially if they are targeting the worldwide market. Graduates from TVET institutions have great possibilities to explore the labour market at home and abroad, as practical skills are needed worldwide. For them to explore the labour market, they must have a strong charisma to attract potential employers. Having good communication skills, especially the ability to speak and converse in English, which seems to be a problem for some students especially TVET graduates are one of the approaches to portray a good personality and attract employers.


Most of the English lessons are completed on task-based approach primarily. According to Skehan (1998) different elements and factors of view associated with assignment definition, includes; meaning is paramount, learners need to no longer be anticipated to copy meanings artificially conjured up in context via way of means of others. An activity in the real world is comparable to the activity in the simulation. Furthermore, it is mutual in educational contexts that one of the assessed task outcomes is task completion. An idyllic task might involve different intellectual processes and involves language skills in variety (Ellis, 2003). There are three sentences in task-based lessons: pre-task cycle, task cycle, and language focus (Willis, 1996). The task-based approach is widely accepted as beneficial because it can effortlessly comprise all parts of the four language skills (Ellis, 2003). Among the tasks included in the task plan are: i) reciting or paying attention to information contained in the course handbook, ii) speaking or completing time-focused short writing tasks, iii) a combination of productive skills and receptive skills.

Tasks at times may require the learner to implement usage of monologue or dialogue to achieve its outcome. Learners integrate the four skills by implementing language in a classroom context with application of exercises and practices. The method of TBLT contributes to the useful purpose of intellectual processes (Ellis, 2003). Learners are compulsory to use cognitive processes: selection, classification, arrangement, inference, assessment of linguistic knowledge, and the transformation of information from one representation into another to achieve get task results (Nunan, 2004). A task which represents an activity for this main reason is for which a "thought process" is applied to understanding language according to (Prabhu,1987). Henceforth, communicative language approach focusing on games is applied. The utmost substantial variation that CLT has brought into the class was included by equipping necessary tools through communication actions in the practical exercise directory (Brown, 2007). CLT moves focus on traditional exercises and exercises on learners' contact activities to perform significant interactions. In CLT lessons, learners actively participate in tasks and protection such as problem solving, playing games, and negotiations. When participating in communication tasks, learners are fortified to use all the resources needed to accomplish the goal of the job, at the same time, they repeat the skills needed for a communication really outside the class. Natural communication functions when there is a main operation or goal. It is through various communicative activities; communication goals can be achieved. Communication activities involves any commotion that challenges and encourages learners to listen and speak to other learners, programs, and people in the community (Moss & Ross-Feldman, 2003).

Unlike form-based methods that focus on delving into specific language patterns, “communicative activity”, the main feature of CLT, is to engage learners in creating meaning for communication purposes. The information gap and the belief gap are intended for learners to exchange info or express views in the target language to accomplish tasks and service which comes under communicative language activities. Ironically, learners engage in using the target language to convey senses, impart information and also communicate with others in an environment. meaningful field. context. In CLT, it is predictable that through the exploitation of communication tasks, learners can go past mastering structures to interconnect meaningful in real-life situations.

The communication task itself is essential to CLT. Learners experience the language usage by implementation on activities in the system of games. In other words, in game circumstances, learners are exposed to the environment of the target language. They use all linguistic resources at their disposal to accomplish the goals of the task, such as resolving a problem, sharing or associating a point of view and a culture. Thus, games deliver learners with authentic opportunities and frameworks where they sense the necessity to use actual language to communicate with others in a meaningful and purposeful manner

BENEFITS OF COMMUNICATIVE LANGUAGE GAMES



Mind map 1: Benefits of communicative language games

The fundamental of games is fun, and it stimulates excitement to the players. Implementing language games in lessons makes the lesson more entertaining than any traditional classroom. Instead of just sitting passively, students would learn and engage in classroom in a fun environment. Moreover, emotions do influence the learning process. Based on few studies that been carried out, shows that learning in a fun environment gives a positive result (Hernik.J&Jaworska.E,2018). As soon as students are emotionally happy, they would pay better attention as results they would be able to attain the knowledge longer in their memory. Besides, communicative language games engage students’ involvement in the lesson. Activities like these are student centered, so most of the students must participate in the class in order to gain points or win the game. When the students are enjoying the lesson, they develop positive attitude or perception towards the lesson so they would voluntarily participate the language games.

Communicative language games provide a platform for learners to practice on language use (Wright, A., Betteridge, D. and Buckby, M,1984). To win or ace the game, students must communicate using the target language to carry out quest of the game therefore without students realizing they practice the language in meaningful context. Activities such as games offers students to apply all the information they have learn during the lesson. Games are self-motivating as they

promote students' interest (Adam.D.M,1973). To reach the end level of the game, students need to go through levels which would be challenging and the motivation that would keep a student going. Games is designed in such way where the student would not feel bored while facing the challenges instead the motivation to complete or win would keep their spirit going.

TYPES OF COMMUNICATIVE LANGUAGE GAMES

Communicative language game requires students to utter using the target language. Indirectly students would be practicing the language itself when they are producing and using it. Few examples of communicative language games that can be carried out in lessons are role play, guessing, charades, continue the story, 20 questions, call my bluff, word chain, secret word, two truths one lie and impromptu speaking.

CONCLUSION

Use of communicative language games in English lessons in Tvet is beneficial not only to students, to educators as well. Language games can be used as teaching tools. With the proper planning of the context and time range, implementation of communicative language games in English classes generate a successful teaching and learning process.

REFERENCES

- Adam, D. M. (1973). *Simulation Games: An Approach to Learning*. Worthington, Ohio: Charles A. Jones.
- SEAMEO VOCTECH & Department of Polytechnic Education, Ministry of Higher Education, Malaysia, (2019). *TVET Country Profiles*. Retrieved from https://unevoc.unesco.org/wtdb/worldtvtdatabase_mys_en.pdf
- Lai, A. (2022). *The Star*. Retrieved From <https://www.thestar.com.my/news/nation/2022/01/01/english-proficiency-a-must>
- Thornbury, S. (2007). *How to Teach Speaking*. Harlow: Pearson Education Limited.
- Hernik, J & Jaworska, E. (2018). The Effect on Enjoyment of Learning. *ResearchGate*, 0508-0514.
- Wright, A., Betteridge, D. and Buckby, M. (1984). *Games for Language Learning*. Cambridge: Cambridge University Press, 1984.
- Prabhu, N .S. (1987). *Second Language Pedagogy*. Oxford: Oxford University Press. Willis, J. (1996). *A Framework for Task-based Learning*. Harlow. UK: Longman Addison
- Wesley Ellis, R. (2003). *Task-based Language Learning and Teaching*. Oxford:OxfordUniversity Press
- Nunan, D. (1991a). Communicative Tasks and the Language Curriculum. *TESOLQUARTERLY*,

15(2), 279-295.

Malaysian Education Blueprint, Ministry of Education Malaysia (2015)
<https://www.um.edu.my/docs/um-magazine/4-executive-summary-pppm-2015-2025.pdf>

Brown, H. Douglas. (2007) Teaching by Principles. An Interactive Approach to Language Pedagogy. New Jersey: Prentice Hall Regents

Moss, D., & Ross-Feldman, L. (2003). Second-language acquisition in adults: From research to practice. Retrieved from http://www.cal.org/caela/esl_resources/digests/sla.html

AMALAN PEMAKANAN DI MALAYSIA; MENGAPA MEMILIH MAKANAN MODEN (SEGERA) DARIPADA MAKANAN TRADISIONAL?

Ili Safuraa binti Abu Bakar
Kolej Komuniti Chenderoh, Perak
ilisafura@staf.kkche.edu.my

ABSTRAK

Tidak dinafikan Malaysia berada dalam arus revolusi teknologi dan era urbanisasi yang telah merubah corak pemakanan rakyat dalam penghasilan, pemprosesan dan penyediaan makanan. Tabiat pemakanan rakyat Malaysia melalui perubahan dengan kemasukan makanan segera impot yang banyak serta trend perkhidmatan penghantaran makanan secara atas talian turut mempengaruhi tabiat pemakanan masyarakat di Malaysia yang menjurus kepada makanan moden. Masyarakat Malaysia berpendapat makanan segera ialah makanan sajian cepat yang boleh diperolehi di restoran-restoran seperti Dominos, Marrybrown, McDonald dan sebagainya yang turut dikategorikan sebagai makanan moden. Setting sajian makanan segera di café dan restoran berkonsep juga menjadi salah satu aktiviti sosial yang penting dalam masyarakat. Penduduk bandar dan kota yang sibuk bekerja lebih cenderung menerima konsep makanan moden yang memudahkan kehidupan mereka. Makanan tradisional pula merupakan makanan yang menjadi amalan dan kelaziman sesuatu kaum dan bangsa. Kebiasaanya makanan tradisional turut menggambarkan identiti tersendiri kaum tersebut. Antara ciri penting makanan tradisional ialah ia tidak melalui proses yang kompleks serta kebanyakannya darinya adalah organik. Makanan tradisional semakin kurang mendapat tempat kerana proses pemodenan dan peningkatan taraf hidup masyarakat serta kemajuan teknologi makanan telah mewujudkan fenomena baru terhadap pemilihan makanan moden yang mudah, murah dan cepat yang lebih memenuhi keperluan kehidupan keluarga alaf ini.

KATA KUNCI: Makanan moden, makanan tradisional, makanan segera

PENGENALAN

Negara sedang berhadapan dengan perkembangan teknologi di dalam industri makanan yang mana ia telah secara langsung merubah corak pemakanan rakyatnya dari pilihan makanan tradisional ke makanan moden (segera). Artikel ini ditulis untuk membincangkan kemungkinan faktor-faktor yang membawa kepada perubahan ini. Selain itu, implikasi daripada pemilihan makanan moden (segera) juga boleh dilihat dari sudut kesihatan dan ekonomi turut diambil kira.

Makanan tradisional boleh menggambarkan budaya, identiti, dan warisan untuk setiap bahagian dan wilayah negara di seluruh dunia. Menurut Jabatan Warisan Negara (2016) menyatakan bahawa masyarakat berbilang kaum di Malaysia adalah penyumbang kepada keberagaman aneka masakan secara warisan yang mencerminkan nilai-nilai kesenian dan kreativiti dalam teknik pembuatan, pembungkusan dan penyajian makanan. Menurut Che Wan Jasimah (2009), makanan tradisional ialah penyediaan makanan, bentuk sajian dan menu penyediaan yang diturunkan dari satu generasi kepada satu generasi iaitu secara warisan.

Sejarah mencatatkan bahawa kaum Melayu mempunyai elemen dan usul asal dari Sumatra, Jawa, Thailand, Sulawesi dan Polinesia yang mempengaruhi masakan Melayu. Pengaruh Cina mula masuk pada abad ke-18 dengan kemasukkan pendatang dari China yang datang bekerja bekerja di lombong-lombong di Tanah Melayu (Malaysia). Sekaligus mereka turut membawa budaya tradisi dan nilai etika kerja tersendiri. Sejak 2000 tahun yang lalu, kaum India di bawa masuk oleh Kerajaan Inggeris ketika dijajah ke semenanjung untuk bekerja di ladang-ladang getah dan terus menetap di sini, Kebanyakan dari mereka bekerja sebagai pedagang dan terdapat komuniti kecil di pinggir pantai pada abad ke-10.

Dari segi istilah yang difahami, makanan segera ialah makanan yang boleh disajikan dalam tempoh masa yang singkat termasuk kaedah memasak, cara penghidangan dan waktu makan. Dengan perkataan lain, makanan ini ringkas, senang dibawa dan mudah didapati setiap masa. Selain itu, makanan segera juga boleh ditakrifkan sebagai makanan sajian cepat melalui pesanan ringkas dan biasanya diamalkan di tempat kerja.

Sejarah kemasukan makanan segera di Malaysia bermula apabila restoran *A&W* pertama dibuka pada tahun 1963 di *Batu Road* (yang kini dikenali sebagai Jalan Tunku Abdul Rahman) oleh Encik Lie Boff dari Amerika Syarikat. Disusuli, pembukaan restoran *Kentucky Fried Chicken* pada tahun 1973 dan diikuti dengan *Sugar Buns* dan *Marry Brown* dibuka pada tahun 1981. *Burger King*, *McDonald*, *Pizza Hut* dan *Shakey's Pizza* mula masuk ke Malaysia pada tahun 1982 diikuti *Grandy's* pada tahun 1983. *Ramly Burger* pula pertama kali dibuka pada tahun 1984 dan *Domino's Pizza* pada tahun 1997. Sehingga harini, beribu jenis cawangan dari berbagai jenama restoran makanan moden tempatan atau luar negara beroperasi di seluruh Malaysia termasuklah Negeri Sabah dan Sarawak.

FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PEMILIHAN MAKANAN MODEN (SEGERA)

Penentuan Biologi Seperti Rasa dan Kesedapan

'Rasa' adalah pengaruh utama ke atas tingkah laku terhadap pemilihan makanan. Pada asasnya 'rasa' adalah gabungan semua rangsangan deria iaitu rasa masam, pahit, manis dan masin yang dihasilkan semasa pengambilan makanan. Aspek deria rasa termasuklah bau, rupa dan testktur makanan boleh mempengaruhi pilihan makanan secara spontan.

Sejak kecil, rasa dan kebiasaan mempengaruhi tingkah laku terhadap makanan. Suka kepada manis dan tidak menggemari rasa pahit adalah sifat semula jadi manusia, yang wujud sejak lahir. Pengalaman, sikap, kepercayaan dan jangkaan boleh mempengaruhi kecenderungan kepada makanan tertentu. Ketua Dietetik Institut Jantung Negara (IJN), Mary Easaw, memaklumkan apabila anak sudah ramai, ibu bapa lazimnya akan hilang tumpuan dalam menyediakan pemakanan berkhasiat (NSTP, 2018). Melalui kenyataan beliau di dalam NSTP bertarikh 8 April 2018, ibu bapa yang bekerja khususnya sudah tidak ada masa untuk makan bersama keluarga. Malah, makanan segera dan ais krim telah didedahkan kepada kanak-kanak sejak dari awal. Mereka diberikan makanan yang tidak bergizi dan kesannya mereka hanya suka kepada yang manis. Ini antara punca mengapa makanan moden lebih menjadi pilihan kerana ia telah didedahkan sejak kanak-kanak.

Kesedapan adalah berkadar dengan keseronokan yang dialami seseorang apabila memakan makanan tertentu. Ia bergantung kepada sifat deria makanan seperti rasa, bau, tekstur dan rupa. Sedia maklum bahawa makanan moden atau segera ini lazimnya tinggi kandungan gula dan lemak dan lebih digemari di setiap lapisan umur masyarakat. Makanan manis dan tinggi lemak mempunyai daya tarikan deria yang tidak dapat dinafikan. Premis yang menawarkan makanan yang enak lebih mendapat kunjungan pelanggan yang ramai (Mohd Azlan Abdullah & Noraziah Ali, 2011).

Selain itu, makanan tidak hanya sekadar untuk mengisi perut yang lapar tetapi untuk satu pengalaman yang menyeronokan. Fenomena '*mukbang*' telah membuktikan kenyataan ini. Pengaruh *mukbang* telah mencetus idea menikmati makanan dengan keseronokkan bunyi-bunyian dan warna-warni makanan yang dipertontonkan kepada jutaan penonton. Fenomena ini telah mempengaruhi citarasa penonton lebih terarah kepada makanan moden. Beratus-ratus video individu sedang menikmati makanan manis seperti gula-gula, kek, makanan segera serta makanan yang tinggi pewarna dijadikan konten dan memberi pengaruh yang luar biasa.

Penentuan Ekonomi (Kos, Pendapatan dan Kesediaan)

Tidak dinafikan bahawa kos makanan adalah penentu utama pilihan makanan. Pada asasnya pendapatan dan status sosio-ekonomi seseorang memberi kesan kepada corak pemilihan makanan. Golongan berpendapatan rendah mempunyai kecenderungan yang lebih besar untuk mengambil diet tidak seimbang dan kurang makan buah-buahan dan sayur-sayuran yang rendah. Maka tidak hairanlah, makanan dalam tin, makanan terproses seperti mi segera yang murah dan tidak berkhasiat antara pilihan keluarga berpendapatan rendah. Laporan UNICEF pada Ogos 2020, *Families on The Edge* melaporkan mi segera dan telur adalah pilihan utama bagi isi rumah yang berpendapatan kurang RM2,000 sebulan. Golongan ini juga kurang membelanjakan wang untuk membeli beras dan makanan berprotein lain berbeza dengan penduduk pinggir bandar Kuala Lumpur yang mempunyai purata pendapatan lebih tinggi. Walau bagaimanapun, akses kepada lebih banyak wang tidak selalunya mempengaruhi kepada pengambilan diet berkualiti sebaliknya hanya mendapat pilihan makanan yang lebih banyak dan pelbagai. Walau bagaimanapun, tiada kaitan yang relevan di antara pendapatan yang tinggi dengan kecenderungan untuk membeli makanan berkhasiat. Sebaliknya, golongan ini mengutamakan keperluan estetik dan kelas sosial sebagai faktor penting dalam mempengaruhi tabiat makanan.

Kebanyakan isi rumah yang miskin terutamanya di luar bandar melakukan pekerjaan sampingan seperti berkembun untuk menambah pendapatan isi rumah dan sekaligus meningkatkan perbelanjaan ke atas makanan. Menurut Marsh (1998), amalan berkebun merupakan antara langkah yang dapat menjamin keselamatan makanan isi rumah. Amalan ini juga dilihat dapat memperbaiki kuantiti dan kualiti nutrien yang diperlukan oleh ahli isi rumah melalui penghasilan pelbagai pilihan makanan yang segar. Kajian oleh Taiwo et al (2010) dapat disimpulkan bahawa masyarakat luar bandar lebih memilih makanan tradisional dari makanan segera kerana akses kepada makanan segar yang banyak.

Penentuan Fizikal (Akses, Pendidikan dan Masa)

Arus pembangunan mrambrti kesan ke atas corak perbelanjaan penduduk di bandar dan desa. Disken (1995) menjelaskan corak perbelanjaan ke atas makanan isi rumah dapat diukur melalui kualiti dan kuantiti pengambilan makanan. Kajian oleh Chang & Mishra (2008) menunjukkan kaitan di antara pendapatan tinggi isi rumah dan akses kepada makanan yang banyak. Status pendidikan dan bilangan isi rumah yang bekerja mempengaruhi pendapatan isi rumah.

Taraf pendidikan memberi kesan ke atas corak pengambilan makanan segar dan berkhasiat sekaligus mempengaruhi perbelanjaan makanan isi rumah. Bagi isi rumah dengan tahap pendidikan yang rendah, faktor harga adalah penentu utama ke atas perbelanjaan dan pemilihan makanan keputusan perbelanjaan ke atas makanan. Sedia maklum bahawa makanan segera lebih murah dan mudah didapati (Ahmad Zubir Ibrahim et. al, 2014).

Menurut Ahmad Zubir (2014) lagi, kebolehcapaian ke kedai adalah satu lagi faktor fizikal penting yang mempengaruhi pilihan makanan selain daripada sumber lain seperti pengangkutan dan lokasi. Makanan sihat lebih murah di kawasan luar bandar berbanding dalam bandar. Walau bagaimanapun, menambah baik akses sahaja tidak mempengaruhi tabiat pembelian buah-buahan dan sayur-sayuran kerana harganya yang lebih mahal.

Kajian yang dibuat oleh Norhayati (2011) menunjukkan pemilihan pizza dan mi mencatat peratus yang tinggi di kalangan pelajar Universiti Malaya berbanding pelajar USIM. Besar kemungkinan faktor ini terjadi kerana faktor lokasi, di mana UM yang terletak di tengah-tengah bandar menawarkan banyak pilihan untuk mendapatkan makanan. Kajian ini mengesahkan lagi kajian yang telah dijalankan oleh Shatenstein (1998) iaitu kebolehdapatan makanan mempengaruhi penerimaan diet seseorang.

Anwar & Ravi (2013) menyatakan kesuntukan masa adalah penyebab utama masyarakat memilih untuk makan di restoran. Menjadi kebiasaannya penduduk bandar akan keluar awal pagi untuk bekerja tempat kerja dan pulang lewat malam ke rumah kerana bekerja lebih masa demi menambah pendapatan keluarga. Disebabkan hal ini, makanan telah sedia ada atau separa siap yang mudah dan cepat disediakan menjadi pilihan masyarakat bandar.

Menurut Wook et. al, (2007) pula, jumlah ahli keluarga dan ruang dapur yang sempit menyebabkan masyarakat lebih selesa makan di luar. Selain itu, kemudahan pesanan secara dalam talian dan penghantaran terus dibuat ke rumah telah dimanfaatkan oleh masyarakat harini. Sebagai contoh aplikasi *grab food*, *food panda*, *lala move* dan lain-lain. Dengan kos penghantaran yang murah, pelanggan restoran hanya perlu memesan makanan melalui telefon dan penghantaran

dilakukan dalam tempoh masa yang singkat. Hal ini menjadi faktor kepada pemilihan makanan moden dalam masyarakat.

Penentuan Sosial (Budaya, Keluarga, Rakan-Rakan dan Corak Pemakanan)

Pengaruh budaya membawa kepada perbezaan dalam pengambilan makanan tertentu dan tradisi penyediaan. Dalam kes tertentu boleh membawa kepada sekatan seperti pengecualian daging dan susu daripada diet. Pengaruh budaya bagaimanapun boleh berubah apabila berpindah ke negara baru. Individu sering mengamalkan tabiat makanan tertentu dalam budaya tempatan. Kajian yang dibuat oleh Norhayati (2013) mendapati di Universiti Malaya peratus yang paling tinggi berkunjung ke *KFC* ialah Kaum Melayu manakala untuk *McDonald* dan *Pizza Hut* peratus yang paling tinggi berkunjung ke tempat tersebut ialah Kaum Cina. Namun, penyelidik tidak menjelaskan alasan mengapa Kaum Melayu lebih memilih Restoran *Kentucky Fried Chicken (KFC)* berbanding jenama lain. Kemungkinan besar yang dapat disimpulkan bahawa makanan berasaskan ayam lebih relevan dalam kehidupan masyarakat Melayu berbanding *burger* yang dilihat asing dan kebaratan.

Keluarga juga diiktiraf sebagai entity penting yang mempengaruhi keputusan memilih makanan. Penyelidikan terdahulu menunjukkan pembentuk pilihan makanan bermula berlaku di rumah. Keluarga dan rakan-rakan boleh menjadi sumber galakan dalam membuat dan mengekalkan perubahan diet, mengamalkan corak pemakanan yang boleh diterima dapat memberi manfaat kepada individu di samping juga mempunyai kesan ke atas tabiat pemakanan orang lain. Maka tidak hairanlah masyarakat orang asli masih mengekalkan tradisi makanan dari satu generasi ke generasi lain kerana sumber makanan segar yang banyak selain nilai kekeluargaan dan budaya makan yang diterapkan kepada anak-anak masih kekal sehingga mereka dewasa.

Walaupun majoriti makanan dimakan di rumah, budaya makan di luar rumah, di sekolah, di tempat kerja dan di restoran semakin meningkat selari dengan peredaran zaman. Tempat di mana makanan dimakan boleh menjejaskan pilihan makanan, terutamanya dari segi kualiti makanan yang ditawarkan. Menurut Kivela (1999) golongan yang berumur di antara 25-39 tahun lebih gemar bersosial bersama-rakan selepas waktu bekerja di restoran-restoran. Menurut (Spears 1991) di, United States, golongan dalam kumpulan ini digelar sebagai “*yuppies*” iaitu golongan profesional muda di bandar yang berumur di antara 25 hingga 39 tahun. Mereka ini terdiri daripada golongan profesional dan kolej berpendidikan atau pengurusan yang membelanjakan kira-kira \$1 juta daripada setiap \$12 juta di restoran.

Orang bujang ialah golongan yang menjadikan restoran sebagai tempat bersosial atau tempat melepak. Mereka akan menghabiskan masa berjam-jam lama nya bersama rakan-rakan mereka. Menurut Mohd Azlan Abdullah & Noraziah Ali (2011), selain beraneka menu masakan terdapat elemen tarikan seperti dekorasi yang menarik, memasang layar televisyen yang menayangkan program menarik seperti sukan, tayangan gambar dan hiburan, kemudahan wifi serta turut beroperasi 24 jam menyebabkan 40% responden pernah makan lewat malam di premis makanan 24 jam di luar kampus. Pengambilan makanan segera dan snek adalah sesuatu yang lazim dengan golongan pelajar Ini kerana mereka tertarik dengan iklan di kaca televisyen dan media cetak yang menekankan aspek keseronokan makan di restoran makanan segera.

Penentuan Psikologi (Emosi Semasa dan Tekanan)

Tekanan psikologi adalah ciri biasa kehidupan moden dan boleh mengubah suai tingkah laku yang menjejaskan kesihatan, seperti aktiviti fizikal, merokok atau pilihan makanan. Pengaruh tekanan ke atas pemilihan makanan adalah kompleks apatah lagi kerana pelbagai jenis tekanan yang boleh dialami oleh seseorang. Kesan tekanan terhadap pengambilan makanan bergantung kepada individu, tekanan dan keadaan. Secara umumnya, sesetengah orang makan lebih banyak dan ada yang makan kurang daripada biasa apabila mengalami tekanan. *Emotional eating* ialah kecenderungan seseorang untuk bertindak balas terhadap tekanan dengan makan walaupun tidak lapar. Aktiviti makan lebih bertujuan untuk melarikan diri daripada masalah dan untuk menghilangkan tekanan, atau sebagai 'ganjaran' untuk diri sendiri, bukannya untuk memuaskan rasa lapar. Apabila seseorang mengalami tekanan, anda lebih berkemungkinan hilang kawalan dan berasa tertekan dan kesannya boleh merebak ke dalam diet. Inilah sebabnya mengapa *emotional eating* bertindak balas terhadap tekanan dengan memakan makanan berkarbohidrat tinggi, tinggi kalori dan rendah nutrient seperti makanan ringan dan segera (seperti ais krim, kek, coklat, kerepek, kentang goreng dan piza) (Anjeng Quamila, 2021).

Kepercayaan dan Pengetahuan Terhadap Makanan

Tinjauan Pan-European ke Atas Sikap Pengguna Terhadap Makanan, Pemakanan Dan Kesihatan mendapati lima pengaruh teratas terhadap pilihan makanan di 15 negara anggota Eropah ialah 'kualiti/kesegaran' (74%), 'harga' (43%), 'rasa' (38%), 'cuba makan sihat' (32%) dan 'apa yang keluarga saya mahu makan' (29%). Peartus ini diperolehi daripada hasil kajian 15 keputusan negara anggota Eropah, (Raimo Lappalainen et al. 1998).

Dalam kajian Pan-Eropah, 'aspek kesihatan' sebagai sangat penting bagi responden wanita manakala responden lelaki memilih 'rasa' dan 'kebiasaan' sebagai faktor utama dalam pemilihan makanan. Bagi subjek yang menganggur dan bersara, 'harga' adalah faktor yang paling penting (Raimo Lappalainen et al. 1998).

Hasil kajian dari Norhayati (2013) juga menunjukkan bahawa terdapat perubahan ke atas penerimaan makanan tradisional iaitu nasi dan lauk berbanding mi, dan pizza. Beliau melaporkan responden yang berumur lebih 30 tahun cenderung memilih mi sebaliknya yang berumur kurang dari 20 tahun memilih pizza. Walaupun makanan moden lebih signifikan di kalangan generasi muda, namun, makanan tradisional masih lagi relevan di dalam masyarakat kerana pola dan corak pemakanan tradisional masih menjadi amalan sesuatu kaum dan bagaimana seseorang itu dibesarkan.

Hasil kajian oleh Mohd Azlan Abdullah & Noraziah Ali (2011) menyatakan terdapat lebih 50 % rersponden kajian dikalangan pelajar UKM mempunyai kesedaran bahawa diet seimbang itu penting untuk kesihatan namun sebaliknya berlaku dalam pemakanan harian mereka. Namun, kebanyakan mereka faham dan sedar bahawa diet seimbang, tabiat makanan yang berkualiti dan pentingnya memilih premis yang bersih seditikit sebanyak akan memberi motivasi kea rah pemakanan yang berhemah dan berzat.

Gambar 1: Piramid Makanan Malaysia 2020



Sumber: www.myhealth.gov.my

IMPLIKASI PEMILIHAN MAKANAN MODEN

Tabiat makan di luar dan kurang masak di rumah telah menjadi pilihan dan budaya baru ahli masyarakat harini. Amalan makan di premis makanan siap dan segera bukan sekadar untuk mengisi perut, tetapi telah menjadi satu bentuk aktiviti sosial, bersantai dan pertemuan perniagaan (Mohd Azlan & Noraziah 2005; Noraziah et al. 2009). Terdapat penurunan tren perbelanjaan untuk makan di rumah sebanyak dari 13.4 % antara tahun 1973-2005, manakala perbelanjaan makan di luar rumah pula meningkat 6.2 % bagi tempoh yang sama (MIER 2007; Tey 2008). Gelagat pemakanan moden telah meningkatkan ekonomi pengusaha restoran dan kedai makan secara mendadak akibat permintaan yang tinggi dan berterusan dari masyarakat. Hal ini telah merubah senario ekonomi negara yang mana taraf kehidupan masyarakat juga meningkat.

Beberapa kajian menunjukkan bahawa makanan siap dan segera lazimnya kurang zat, mempunyai kandungan kalori dan kolesterol yang tinggi serta kurang mengandungi serat, kalsium dan zat besi (Lin et al. 2001). Kajian Nestle dan Jacobson (2000) dan McCrory et al. (1999) menunjukkan bahawa terdapat perkaitan antara amalan makan di luar di kalangan dewasa dan kanak-kanak dengan masalah kegemukan. Di Malaysia, rakyat Malaysia yang gemuk adalah sebanyak 70 %. Kajian Morbiditi dan Kesihatan Kebangsaan 2006 menunjukkan bahawa dua daripada setiap lima orang dewasa mengalami kegemukan. Pada tahun 2006 jumlah obes pula bertambah lebih tiga kali ganda sejak tahun 1996. Selain itu, kira-kira 38 % daripada remaja yang

berumur di antara 12 hingga 18 tahun diklasifikasikan sebagai terlebih berat badan (Utusan Malaysia Online, 2010).

KESIMPULAN

Hasil soroton literatur sudah membuktikan bahawa corak pengambilan makanan yang diamalkan oleh masyarakat hari ini sudah jauh berbeza daripada amalan pemakanan masyarakat datuk nenek moyang kita dahulu. Masyarakat sudah mula menerima makanan moden dalam kehidupan harian kerana proses asimilasi di dalam budaya dan perubahan ekonomi, sosial dan pendidikan yang saling berkait. Namun demikian, implikasi dari sudut kesihatan manusia perlu di hebahkan kepada masyarakat dengan lebih luas keraba demi kesejahteraan kesihatan mental dan fizikal yang berterusan, pemakanan yang berkualiti memainkan peranan yang penting.

RUJUKAN

- Ahmad Zubir Ibrahim & Radin Firdaus Radin Badaruddin (2014). Penilaian Akses Makanan Dan Penentu Perbelanjaan Ke Atas Makanan Dalam Kalangan Petani Padi Di Kawasan Pengairan Muda. *International Journal of Environment, Society and Space*, 2(1), 18-32
- Anwar & Ravi (2016). Faktor-Faktor Yang Dilihat Oleh Pengguna Dalam Memilih Restoran Untuk Makan Di Bandar Baru Bangi. Atas talian: https://www.researchgate.net/publication/303016652_Faktor-Faktor_Yang_Dilihat_Oleh_Pengguna_Dalam_Memilih_Restoran_Untuk_Makan_Di_Bandar_Baru_Bangi
- Anjeng Quamila (2021). Akses dari: <https://hellosehat.com/mental/stres/stres-membuat-kita-makan-berlebihan/>
- Che Wan Jasimah (2009). Budaya pemakanan masyarakat Malaysia dari perspektif agama, polisi, sains dan teknologi dengan rujukan khusus kepada pengaruh Islam dalam penghasilan makanan. Retrieved from <http://studentsrepo.um.edu.my/4342/>.
- Chang, H.H. & Mishra, A. (2008). Impact of Off Farm Labor Supply on Food Expenditures of the Farm Household. *Food Policy*, 33, 657-664.
- Diskin, P. (1995). Understanding Linkages among Food Availability Access, Consumption and Nutrition in Afrika: Empirical Findings and Issue from the Literature. USAID. Atas talian: www.afrsd.org/publications/11linkag.pdf.
- Jabatan Warisan Negara (2016). Atas talian: <http://www.heritage.gov.my/index.php/warisan-tidak-ketara/adat-a-budaya/makanan>.

- Lin, B.H., J. Guthrie & E. Frazao. 2001. American children's diet not making the grade. *Food Review*, 24 (May-August): 8-17.
- Marsh, H.W. & Hocevar, D. (1985). Application of Confirmatory Factor Analysis to the Study of Self-Concept First and Higher Order Factor Models and Their Invariance's Across Groups. *Psychological Bulletin*, 97, 562-582.
- Mary Easaw (2018). Iubapa punca anak obes atau kerdil. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/04/406895/ibu-bapa-punca-anak-obes-atau-kerdil>.
- MIER. 2007. Interesting trend in Malaysia consumption pattern. Atas talian: http://www.mier.org.my/mierscan/archives/pdf/azidin3_3_2001.pdf [2 June 2008].
- Mohd Azlan & Noraziah Ali (2011). Amalan Pemakanan dalam Kalangan Pelajar Universitidan Implikasinya Terhadap Pembelajaran. *Jurnal Personalia Pelajar*, Bil 14: 59 – 68.
- Nestle, M. and M.F Jacobson. 2000. Halting the obesity epidemic: A Public Health Policy Approach. *Public Health Reports*, 115 (January/February): 12-23.
- Raimo Lappalainen, John Kearney, Michael Gibney (1998). A pan EU survey of consumer attitudes to food, nutrition and health: an overview. *Food Quality and Preference* November 1998, Vol 9 (Issue 6) : 467-478.
- Taiwo, F.B.O., Adeoye, I.B., Adelani, A. & Odeleye, O.M.O. (2010). Assessment of the Benefits and Constraints of Home Gardening in the Neighborhood of the National Horticultural Research Institute, Ibadan, Oyo State, *American-Eurasian. J.Agric.&Environ. Sci.*, 7(4), 478-483.
- UNICEF (2020). Families on the Edge: Low-income families need continued support to recover from the effects of COVID-19. Atas talian: <https://www.unicef.org/malaysia/press-releases/families-edge-low-income-families-need-continued-support-recover-effects-covid-19>.
- Utusan Malaysia Online. 2010. Budaya makan waktu malam punca obesiti. Atas talian: http://www.utusan.com.my/info.asp?y=2010&dt=0505&pub=Utusan_Malaysia&sec=Kesihatan&pg=kn_01.htm [5 Mei 2010].
- Wook Endut, Fariza Ahmad & Norain Mod Asri. 2007. Gelagat Permintaan Pengguna Terhadap Makanan Luar, Kajian Kes di Ipoh, Klang dan Seremban. *Malaysian Journal of Consumer and Family Economics*, Vol 10: 85-97.

KAJIAN KEBERKESANAN PENGLIBATAN PELAJAR KOLEJ KOMUNITI DALAM SUKAN ELEKTRONIK

Mohd Firdaus bin Abdullah
Kolej Komuniti Kepala Batas
mohdfirdaus@kkkba.edu.my

Sri Rahayu binti Rahamad
Kolej Komuniti Kepala Batas

ABSTRAK

Kajian keberkesanan ini dilakukan bagi mengetahui keberkesanan penglibatan pelajar Kolej Komuniti dalam Sukan Elektronik di Malaysia. Sukan Elektronik merupakan sukan secara digital yang merujuk kepada permainan berkonsepkan video dengan penggunaan telefon bimbit, komputer, konsol permainan video samaada dengan sambungan internet atau tidak. Satu soal selidik iaitu menggunakan skala sangat tidak setuju (1) hingga skala sangat setuju (5) telah dilakukan dimana ia melibatkan responden iaitu pelajar Kolej Komuniti Malaysia seramai 224 orang. Melalui soalselidik yang telah dilakukan, responden sangat bersetuju bahawa janaan pendapatan dan hobi pelajar adalah faktor utama penglibatan dalam Sukan Elektronik iaitu 96.31 peratus. Selain itu, responden bersetuju dengan 90.16 peratus bahawa penglibatan pelajar dalam Sukan Elektronik tidak mengganggu pembelajaran dan 66.8 peratus responden bersetuju pelajar sangat peka terhadap perkembangan pertandingan Sukan Elektronik di Malaysia. Oleh itu, melalui kajian ini dapat menunjukkan penglibatan responden dipengaruhi oleh faktor utama pembelajaran iaitu sikap, kemahiran praktikal, nilai dan profesionalisme.

KATA KUNCI : *Sukan elektronik ,kolej komuniti, responden*

PENGENALAN

Sukan Elektronik merupakan sukan digital yang semakin mendapat sambutan dikalangan pelajar kolej komuniti di Malaysia. Bagi melaksanakan aktiviti sukan dan ko-kurikulum pelajar Kolej Komuniti Malaysia, badan yang bertanggungjawab menguruskannya adalah Majlis Sukan Kolej Komuniti Malaysia (MASKOM). Penganjuran Kejohanan Sukan Elektronik Kolej Komuniti 2020 telah dilaksanakan dala norma baharu akibat pandemik Covid 19. Namun, pertandingan Sukan Elektronik yang memerlukan kemudahan dan sokongan internet, sebanyak 16 buah Kolej Komuniti yang menyertai pertandingan iaitu hanya 18 peratus daripada keseluruhan Kolej Komuniti di Malaysia. Sukan Elektronik yang dipertandingkan adalah menggunakan telefon bimbit adalah *Call of Duty Mobile* dan *Mobile Legends*. Jumlah penglibatan pelajar adalah 244 orang pelajar.

PERNYATAAN MASALAH

Sukan Elektronik merupakan salah satu proses pendigitalan dalam kehidupan terutamanya dalam bidang kesukanan. Peningkatan permainan Sukan Elektronik semakin meningkat terutamanya dikalangan belia termasuk pelajar Kolej Komuniti. Peningkatan ini dipercepatkan lagi akibat Pendemik Covid 19 yang merubah penggunaan pendigitalan dalam kehidupan seharian dengan perubahan seperti mesyuarat secara maya, penggunaan *e-wallet*, *webinar* dan sebagainya. Maka, ia dapat menjawab persoalan apakah faktor yang mempengaruhi pelajar dalam Sukan Elektronik khususnya pelajar Kolej Komuniti melalui kajian ini.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dilakukan adalah bertujuan bagi mengetahui keberkesanan penglibatan pelajar kolej komuniti di Malaysia dalam Sukan Elektronik dari beberapa faktor pembelajaran iaitu pengetahuan, kemahiran praktikal dan sikap, nilai dan profesionalisme.

SOALAN KAJIAN

Soalan telah dibahagiakan berdasarkan 3 kateria utama iaitu pengetahuan-A, kemahiran praktikal-B dan sikap,nilai dan profesionalisme-C berdasarkan seperti dalam Jadual 1.

Label	Faktor Pembelajaran	Item soalan
P1	A	Hebahan penganjuran sukan elektronik
S1	A	Kepekaan perkembangan sukan elektronik
S2	C	<i>Keyakinan diri</i>
S3	C	Daya kreativiti dan inovasi
S4	B, C	Hobi & Penjanaan pendapatan
S5	C	Pengurusan masa pelajar
S6	B, C	Konsentrasi pembelajaran tidak terganggu

Jadual 1 Soalan Soal Selidik

TINJAUAN LITERATUR

Sukan Elektronik berbeza berbanding dengan sukan tradisioanal dari segi cara dan suasana permainan. Sukan tradisional yang biasanya dimainkan tanpa menggunakan peranti elektronik seperti telefon bimbit, komputer dan sokongan internet. Sukan Elektronik melibatkan aktiviti rekreasi yang merangkumi persaingan secara mental dan fizikal yang berlaku secara maya yang berlaku seperti dalam situasi sebenar. Konsep Sukan Elektronik adalah dalam bentuk permainan video. Mengikut Juho Hamari, Faktor utama sukan mestilah disokong oleh sistem elektronik iaitu input pemain dan pasukan serta keluaran *e-sport* yang dikawal selia oleh antara muka manusia dan komputer. (Juho Hamari, Max Sjöblom, 2016) dan merangkumi pelbagai pertandingan dan liga yang melibatkan rangkaian. (Lee et al, 2014).

Selain itu, kaedah atau konsep sesuatu permainan yang sangat mudah dan tidak memerlukan kekuatan fizikal turut menjadi faktor menarik minat golongan belia dan remaja melibatkan diri dalam Sukan Elektronik, Sukan Elektronik juga merupakan satu sukan dimana pemain cuba mengembangkan dan melatih kemampuan fizikal dan mental untuk menguasai penggunaan sistem teknologi maklumat dan komunikasi. (Wagner, 2006).

Faktor Pembelajaran	Elemen ujikaji	Pengkaji
Pengetahuan	Elemen Mekanisma permainan	(Jang, Byon, 2019) (Sun, 2017) (Hamzan, 2020)
Kemahiran praktikal	Permainan secara berkumpulan atau individu, Kategori permainan Sukan Elektronik, Aktiviti fizikal, Kekerapan bermain sukan elektronik	(Harian, 2020) (Smith, 2020) (Witkowski, 2012) (Juho Hamari, Max Sjöblom, 2016) (DLee at all, 2011) (Anthony et al, 2018) (Jang, Byon, 2019)
Nilai, sikap dan profesionalisme	- Pencapaian tertinggi, - Pekerjaan, - Sumber pendapatan,	(Harian, 2019) (Joha, 2020) (Anthony et al, 2018) (Gamehubs & MyGameOn, 2018) (https://socialblade.com/)


Jadual 2 Jenis Ujikaji Pengkaji Sukan Elektronik

KAEDAH/METADOLOGI

Kajian secara kuantitatif telah dilaksanakan pada kajian ini dengan menggunakan borang soal selidik bagi mengumpul data dari responden. Seramai 244 Responden telah menjawab soal selidik kajian iaitu peserta yang merupakan pelajar Kolej Komuniti pada Kejohanan Sukan Elektronik Kolej Komuniti 2020. Bagi mendapatkan maklumat dan maklumbalas responden, kajian soal selidik dilakukan berdasarkan skala 1 hingga 5.


DAPATAN KAJIAN

Melalui kajian soal selidik yang dilakukan responden, hasil dapatan kajian seperti dalam Rajah 1, sebanyak 96.3 peratus responden bersetuju bahawa faktor terbesar penglibatan pelajar dalam Sukan Elektronik adalah faktor janaan pendapatan. 90.16 peratus responden pula bersetuju bahawa penglibatan pelajar dalam Sukan Elektronik tidak mengganggu konsentrasi pembelajaran dan peratusan sebanyak 66.8 peratus bersetuju yang mereka sangat peka terhadap perkembangan Sukan Elektronik di Malaysia.



Rajah 1 Hasil dapatan soal selidik Sukan Elektronik

Berdasarkan Rajah 2, mendapati pensyarah menjadi faktor terpenting bagi menyampaikan dan menyebarkan maklumat berkaitan kejohanan Sukan Elektronik yang dianjurkan oleh pihak Kolej Komuniti di Malaysia iaitu sebanyak 75.82 peratus. Selain itu, hebahan mengenai penganjuran Sukan Elektronik sebanyak 18.85 peratus adalah melalui rakan pelajar sendiri. Manakala, faktor hebahan melalui media sosial seperti Facebook dan Instagram adalah sangat kurang iaitu 3.28 dan 0.82 peratus.



Rajah 2 Hebahan Penganjuran Sukan Elektronik

PERBINCANGAN

Berdasarkan hasil kajian yang diperolehi terhadap responden, faktor utama pelajar Kolej Komuniti di Malaysia terlibat dalam Sukan Elektronik ialah faktor sikap, nilai dan profesionalisme iaitu kemahiran praktikal dengan melebihi 90 peratus bagi item soalan 4 dan soalan 6. Ini membuktikan bahawa pelajar atau peserta yang menyertai Sukan Elektronik sudah mempunyai asas permainan serta kemahiran tersendiri mengikut kategori yang disertai ditambah pula dengan semangat berjuang yang tinggi untuk memenangi permainan. Faktor kedua iaitu pembelajaran bagi sikap, nilai dan profesionalisme pula melebihi 50 peratus untuk item soalan 2, soalan 3 dan soalan 5. Berdasarkan keputusan yang diperolehi ini, ia menunjukkan bahawa pelajar atau peserta dapat membina sahsiah yang baik dan positif dengan penglibatan dalam Sukan Elektronik.

Bagi hasil dapatan mengenai hebahan penganjuran Sukan Elektronik, Pensyarah merupakan komponen atau faktor utama dalam menyampaikan hebahan pengajuran Sukan Elektronik iaitu sebanyak 75.82 peratus diikuti oleh hebahan melalui rakan sebanyak 18.85 peratus. Penghebahan melalui media sosial dan elektronik amat rendah iaitu kurang dari 4 peratus. Oleh itu, melalui kajian ini ia menunjukkan pengetahuan pelajar atau peserta mengenai Sukan Elektronik ini masih terhad mungkin disebabkan oleh kurangnya komunikasi dikalangan pelajar atau peserta itu sendiri.

CADANGAN

Berdasarkan perbincangan kajian yang dijalankan, penyelidik menyarankan supaya kajian lanjutan dijalankan terhadap faktor pembelajaran yang telah dikaji iaitu pengetahuan, kemahiran praktikal, nilai, sikap dan profesionalisme iaitu kemahiran komunikasi terhadap penglibatan pelajar Kolej Komuniti dalam Sukan Elektronik. Faktor ini amat penting kerana pengetahuan mengenai peraturan dan kaedah permainan dalam sesuatu Sukan Elektronik penting sebelum menyertai mana-mana peringkat kejohanan Sukan Elektronik. Selain itu, latihan secara berjadual dan konsisten oleh jurulatih Sukan Elektronik yang terlatih dapat meningkatkan kemahiran praktikal pelajar dan disokong oleh fasiliti Sukan Elektronik bertaraf antarabangsa. (Berita Harian, 2019).

Bagi meningkatkan minat pelajar dalam Sukan Elektronik ini, penawaran biasiswa kepada pemain Sukan Elektronik bagi menyambung pelajaran ke peringkat lebih tinggi boleh menjadi pemangkin semangat kepada pelajar sekaligus memastikan pencapaian akademik seiring dengan pencapaian dalam ko-kurikulum. Sebagai contoh, Doktor Yew Weng yang mempunyai Ijazah Doktor Falsafah Kejuruteraan Elektrik telah menjadi johan dan memenangi pingat emas dalam Sukan Sea 2019 bagi Sukan Elektronik iaitu *Hearthstone*. (Harian 2019). Satu inersiatif perlu dilakukan bagi hadiah kemenangan permainan Sukan Elektronik mengikut peringkat kejohanan dan jenis permainan. Selain itu, jumlah hadiah Sukan Elektronik yang pernah diberikan adalah serendah RM5000. (Nor, 2017) (Fauzi, 2020).

RUMUSAN

Berdasarkan hasil dapatan dan hasil kajian, Sukan Elektronik telah memberi kesan positif terhadap peserta atau penglibatan pelajar Kolej Komuniti di Malaysia. Faktor utama pelajar perlu diberi perhatian adalah kemahiran praktikal, sikap, nilai dan profesionalism dan faktor pembelajaran. Diharapkan Sukan Elektronik ini boleh dijadikan salah satu sukan wajib bagi pelajar Kolej Komuniti dan boleh dianjurkan pada setiap tahun dengan melibatkan lebih ramai penyertaan pelajar Kolej Komuniti di Malaysia.

RUJUKAN

- <https://worldscholarshipforum.com/>. (2020, 6 12). Retrieved 12 8, 2020, from <https://worldscholarshipforum.com/>.
- <https://www.viewsonic.com>. (2020, 11 17). Retrieved 12 10, 2020, from <https://www.viewsonic.com:https://www.viewsonic.com/library/entertainment/the-best-e-sports-setup-a-complete-guide/>
- Anthony et al. (2018). e-sport vs. Sport: A Comparison of Spectator Motives. (W. V. University, Ed.) *Sport Marketing Quarterly*, 27(2), pp. 108-123.
- Bányai et al. (2019, 3 5). The Psychology of E-sports: A Systematic Literature Review. (M. D. Fanni Bányai, Ed.) *Journal of Gambling Studies*, 351-365.
- Berita Harian. (2019, 11 21). www.bharian.com.my. Retrieved 11 25, 2020, from www.bharian.com.my:https://www.bharian.com.my/sukan/lain-lain/2019/11/630877/kbs-lancar-pelan-strategik-pembangunan-e-sports
- Bernamea. (2020, 4 14). *Astro Awani*. Retrieved 11 30, 2020, from <https://www.astroawani.com/:https://www.astroawani.com/berita-sukan/pkp-e-sports-kl-fifa20-tawar-hadiah-terkumpul-rm5000-238192>
- DLee at all. (2011). Comparison of e-sports and Traditional Sports Consumption Motives.(B. S.Donghun Lee, Ed.) *Journal of Research*, 6, 39-44.
- Fauzi. (2020, 4 15). www.hmetro.com.my. (F. Fauzi, Editor) Retrieved 12 2, 2020, from <https://www.hmetro.com.my/:https://www.hmetro.com.my/arena/2020/04/566994/e-sports-kl-fifa20-tawar-hadiah-lumayan>

- Gamehubs & MyGameOn. (2018, 8 21). *mygameon*. (1. A. Negara, Producer) Retrieved 12 8, 2020, from <https://www.mygameon.my/>: <https://www.mygameon.my/posts/10-atlet-e-sports-malaysia-meraih-pendapatan-lebih-daripada-atlet-sukan-negara>
- Hamzan, M. H. (2020). *Factors Influencing The Intention To Play E-sports Games Among Students In Puncak Alam*. Thesis, Universiti Teknologi MARA.
- Harian. (2019, 12 9). *Berita Harian*. (H. Talkah, Editor) Retrieved 11 28, 2020, from <https://www.bharian.com.my>: <https://www.bharian.com.my/sukan/lain-lain/2019/12/636878/profesor-menang-emas-e-sports>
- Harian. (2020, 4 6). *Berita Harian*. Retrieved 11 30, 2020, from <https://www.bharian.com.my>: <https://www.bharian.com.my/sukan/lain-lain/2020/04/673660/my-e-sports-hilangkan-rasa-bosan-pkp>
- Harian Metro. (2018, 8 27). *www.hmetro.com.my*. Retrieved 12 2, 2020, from <https://www.hmetro.com.my>: <https://www.hmetro.com.my/utama/2018/08/371658/pemain-e-sport-negara-raih-hadiah-rm168-juta>
- Jang, Byon. (2019, 6 20). Antecedents and consequence associated with e-sports gameplay. (W.&.Jang, Ed.) *International Journal of Sports Marketing and Sponsorship*. Joha, J.(2020, 6 15). *Bernama*. Retrieved 12 2, 2020, from <https://www.bernama.com/>: <https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1851236>
- Juho Hamari, Max Sjöblom. (2016). What is e-sports and why do people watch it? (M. S. Juho Hamari, Ed.) *Emerald Insight*, 211-232.
- Lee et al. (2014). The Relationship between E-Sports Viewing Motives and Satisfaction: The Case of League of Legends. In J. W. Sang Woo Lee (Ed.), *International Conference on Business, Management & Corporate Social Responsibility*, (pp. 33-36). Batam. indonesia.
- Nor, H. M. (2017, 11 14). <https://www.hmetro.com.my/>. Retrieved 12 3, 2020, from <https://www.hmetro.com.my/>.
- Smith, S. (2020, April 7). <https://www.gamesindustry.biz/>. Retrieved 12 5, 2020, from <https://www.gamesindustry.biz/articles/2020-04-01-a-pandemic-proved-that-e-sports-is-more-vital-than-ever-for-entertainment-opinion>

IMPAK PANDEMIK COVID 19 TERHADAP EMOSI DAN FIZIKAL PELAJAR KOLEJ KOMUNITI SUNGAI PETANI

Arlieza Hani binti Mat
Kolej Komuniti Sungai Petani
arlieza@kkspe.edu.my

Zurina binti Awang
Kolej Komuniti Sungai Petani

Nurul Fathonah Binti Mohd Rosli
Kolej Komuniti Sungai Petani

ABSTRAK

Terdapat cabaran dan impak yang dihadapi oleh pelajar Institut Pengajian Tinggi dalam proses pengajaran dan pembelajaran selepas tempoh pandemik Covid 19. Kebanyakan pelajar mengalami beberapa kesan ke atas emosi dan aspek fizikal. Rentetan daripada itu kajian ini dijalankan terhadap pelajar Kolej Komuniti Sungai Petani bagi tujuan mengenalpasti impak pandemik Covid 19 terhadap faktor di atas. Seramai 108 pelajar terlibat dalam kajian ini. Borang soal selidik digunakan sebagai instrument kajian untuk mendapatkan maklum balas pelajar terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran selepas Covid 19. Berdasarkan kajian ini didapati kedua-dua aspek iaitu emosi dan fizikal menunjukkan kesan yang positif. Namun begitu bagi aspek fizikal ianya pada tahap yg sederhana. Oleh itu pihak pengurusan kolej perlu merancang kaedah yang sesuai bagi mengatasi masalah tersebut.

KATA KUNCI : Pandemik Covid-19, emosi, fizikal

PENGENALAN

Penularan Covid 19 telah melanda seluruh dunia sejak penghujung 2019. Malaysia juga tidak terkecuali dari pandemik ini sejak Februari 2020 sehingga kerajaan terpaksa melaksanakan PKP (Perintah Kawalan Pergerakan) bermula pertengahan Mac 2020.

Semenjak penguatkuasaan kerajaan terhadap PKP, hampir seluruh sektor ditutup, termasuk sektor pendidikan. Kesan penutupan ini telah mengganggu sistem pengajaran dan pembelajaran di semua institusi pendidikan termasuk Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Pihak KPT dan KPM terpaksa mencari alternatif lain bagi memastikan matlamat pendidikan dapat dilestarikan. Kementerian telah mencadangkan pengajaran dan pembelajaran secara maya (e-pembelajaran) di semua institusi pendidikan. Pembelajaran dalam talian semasa pandemik merupakan kaedah baru dalam pengajaran yang membolehkan pendekatan bertumpu kepada pendidik diubah kepada pembelajaran berpusatkan murid. Konsep pembelajaran ini juga dikenali sebagai e-pembelajaran adalah pengaruh dalam proses perubahan pendidikan tradisional ke dalam bentuk alam maya (Mohd Fairuz Jafar, 2020).

E-pembelajaran melibatkan penggunaan teknologi maklumat dalam penyediaan bahan, pengetahuan, platform pembelajaran dan kemahiran berkaitan teknologi (Abu Hassan et al. 2021). Selain itu, penglibatan peranti digital disamping akses capaian internet yang berkualiti juga merupakan keperluan

bagi meningkatkan kualiti pendidikan dalam melaksanakan e-pembelajaran. Pelbagai platform e-pembelajaran yang digunakan pada masa kini seperti aplikasi Zoom, Webex, Google Meet, Google Classroom, Telegram, Whatsapp dan Youtube. Dengan adanya platform seperti ini dapat membantu pelajar mengikuti proses pembelajaran dengan lebih mudah (Izyan & Aishah, 2021).

Aktiviti pembelajaran dalam talian mewujudkan kesan yang besar terhadap sikap pelajar. Justeru itu, artikel ini ditulis bertujuan melihat impak Covid 19 terhadap emosi dan kesan fizikal pelajar. Penulis mengharapkan kajian ini dapat membantu pihak pengurusan Kolej Komuniti Sungai Petani untuk memantau dan merangka program yang sesuai bagi menangani impak di atas.

PERNYATAAN MASALAH

Pembelajaran secara bersemuka tidak dibenarkan akibat daripada pandemik Covid 19 yang melanda malahan ia dilaksanakan secara atas talian dengan menggunakan teknologi maklumat semasa yang berpusatkan di kediaman masing-masing. Menurut Wening dan Panggung, (2021), pembelajaran atas talian adalah pelaksanaan PdP yang bertujuan untuk mencapai kumpulan sasaran yang besar supaya sesi PdP boleh diadakan di mana sahaja situasi secara percuma atau berbayar. Hal demikian telah mengubah anjakan paradigma kepada pelajar dan pengajar dalam amalan PdP daripada bersemuka kepada 'new norm' (PdP atas talian) dan memberi kesan secara tidak langsung kepada perubahan terhadap psikologi dan sosial mereka. (Zainora, Noorhafizah, Norazman & Anuar, 2021).

Menurut pendapat Muhammad, (2017) menyatakan bahawa motivasi adalah salah satu faktor dalam penentuan sesuatu pencapaian hasil pembelajaran bagi seseorang pelajar. Melalui motivasi, pelajar akan lebih terdorong sebagai pemangkin untuk menentukan hala tuju mereka di alam kerjaya mahupun pendidikan lanjutan dengan lebih inisiatif, kreatif dan terarah. Manakala menurut Gautam, (2020) berpendapat, platform e-pembelajaran dapat membantu memastikan pembelajaran boleh diurus dengan mudah dan bahan pengajaran dapat dihasilkan dengan lebih kreatif.

Walau bagaimanapun terdapat isu atau cabaran dalam mengadaptasi pembelajaran atas talian ini yang melibatkan kesihatan, sikap, tingkahlaku, pengetahuan dan kemahiran praktikal yang tidak seiring, keselamatan siber dan penyalahgunaan teknologi. (Mukhtar, Javed, Arooj & Sethi, 2020). Justeru, kajian ini bertujuan untuk melihat impak Covid 19 terhadap emosi dan fizikal pelajar Kolej Komuniti Sungai Petani.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenalpasti impak pandemik Covid 19 terhadap emosi pelajar
2. Mengenalpasti impak pandemic Covid 19 terhadap fizikal pelajar

TINJAUAN LITERATUR

Impak pandemik Covid 19 memberikan kesan negatif dalam kehidupan masyarakat sejagat terutama para pelajar seluruh dunia. Ia mencetuskan perasaan yang tidak menggembirakan dalam masyarakat akibat penularan penyakit Covid 19 tersebut. (Kamsani & Mahat, 2021).

Pandemik Covid 19

Pandemik Covid 19 yang melanda seluruh dunia bermula pada akhir tahun 2019 kini telah memasuki fasa endemik. Ia telah mendatangkan banyak implikasi dalam kehidupan seharian manusia. (Mohd Nor et al., 2022). Manakala menurut Jafar et al., (2020), impak Covid 19 ini merangkumi faktor psikologi, emosi, perasaan, fikiran dan mengundang rasa bimbang di kalangan pelajar.

Pembelajaran Atas Talian

Pembelajaran atas talian merupakan satu keperluan penting dalam Pendidikan Revolusi Industri 4.0 dalam dunia hari ini. (Abdul Rahman & Rosli, 2021). Manakala menurut Ahad et al., (2020), timbul isu dan cabaran terhadap pelaksanaan teknologi kini bagi golongan yang tidak ada pendedahan dengan medium secara atas talian. Abdul Aziz, 2021 juga berpendapat bahawa wujudnya tekanan akademik apabila pelajar tidak mampu menyesuaikan diri dengan cara pembelajaran yang baharu. Namun terdapat cabaran dan impak yang dihadapi oleh pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) selepas tempoh pandemik Covid 19 kerana para pelajar sudah terlalu asyik dengan gajet dan memberi kesan kurang minat terhadap aktiviti sendiri.

Kesan Covid 19 Terhadap Pelajar

Covid 19 mendatangkan implikasi dalam kehidupan seharian manusia terutama para pelajar. Terdapat perubahan situasi dari kaedah pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka kepada pembelajaran secara atas talian. (Mohd Nor et al., 2022). Tidak dapat dinafikan, melalui kaedah ini juga boleh menimbulkan stress kepada para pelajar, ibubapa dan guru bagi mengadaptasi norma baharu dengan pelbagai cabaran termasuk capaian internet, kesediaan alat peranti dan sebagainya. Namun, apabila para pelajar sudah terbiasa dengan situasi pembelajaran atas talian ini sedikit sebanyak menimbulkan kesan kurang minat kepada aktiviti fizikal.

Kesan Terhadap Emosi

Emosi didefinisikan sebagai satu ekspresi perasaan naluri yang kuat seperti sayang, gembira, malu, sedih, takut dan sebagainya. Dalam istilah psikologi, emosi merupakan bahasa dalaman seseorang yang berkait rapat dengan tindak balas fizikal daripada sensitiviti perasaan dalaman dan luaran (pergaulan sosial). Ia juga merupakan satu pergerakan dalaman minda yang dizahirkan kesan daripada pengaruh luaran.

Menurut Holmes et al., (2020) & Gunnell et al., (2020) menyatakan bahawa pandemik Covid 19 telah memberikan kesan kepada kesihatan fizikal dan mental sekaligus memberi impak tekanan dan trauma, kemurungan serta kebimbangan yang boleh menjejaskan emosi seseorang. Justeru itu, secara emosi seseorang mungkin berasa risau, bimbang, marah, kecewa, takut, sensitif, hilang sabar dan panas baran (Ismaal, 2020).

Manakala menurut Mustaffa, (2020), pandemik Covid 19 ini juga turut terkesan dalam bidang pendidikan yang melibatkan kepada para pelajar, guru-guru dan juga ibubapa. Para guru juga terpaksa menghadapi cabaran yang tersendiri ketika melaksanakan proses pembelajaran atas talian kerana terdapat para pelajar yang tiada akses internet yang baik atau ketiadaan alat teknologi yang bersesuaian di rumah. Dalam masa yang sama ibubapa juga terbeban kerana terpaksa mengambil alih tugas dalam pembelajaran anak-anak (Jarnawi, 2020).

Kesan Terhadap Fizikal

Penglibatan aktiviti fizikal amat penting dalam kehidupan seharian kita dalam membentuk gaya hidup yang sihat. Aktiviti fizikal sangat bermanfaat untuk kesihatan dan membantu kita memperbaiki atau mengekalkan kesejahteraan fizikal dan mental seseorang apabila ia dilakukan secara teratur dan sistematik.

Menurut kajian yang dibuat oleh Yusof et al.,(2021) menyatakan bahawa penglibatan dalam aktiviti fizikal secara terancang atau tidak terancang menjadi peranan sebagai pemangkin pembangunan pelajar secara holistik. Manakala menurut Abdul Jalil & Abdul Razak, (2020) pula berpendapat kesihatan tubuh badan amat dititikberatkan dengan melibatkan diri dalam aktiviti fizikal. Namun melalui tinjauan yang dibuat oleh Yusof et al.,(2021) menunjukkan penglibatan aktiviti fizikal mingguan pelajar berada dalam kategori tidak aktif sewaktu pandemik Covid 19.

W Nawang et al., (2021) juga menyatakan bahawa kesan penularan Covid 19 ini juga membataskan

aktiviti harian seterusnya membawa kepada ketidakaktifan di kalangan individu dan menjadi kebimbangan jika tabiat ini berterusan pada masa akan datang. Justeru itu, disarankan supaya para pelajar perlu melakukan aktiviti fizikal secara sistematik dan berterusan untuk mengekalkan dan meningkatkan tahap kecergasan dan kesihatan fizikal.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian di dalam bab ketiga ini membincangkan tentang pemilihan reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data, penentuan populasi dan pemilihan sampel, ujian rintis dan kaedah penganalisaan data yang akan digunakan di dalam kutipan dan pemprosesan data kelak.

Rekabentuk Kajian

Kajian deskriptif ini melibatkan pemilihan reka bentuk kajian menggunakan kaedah kuantitatif yang berasaskan kepada soal selidik dan menggunakan pungutan data secara keratan rentas. Manakala unit analisisnya adalah berfokuskan kepada pelajar-pelajar Kolej Komuniti Sungai Petani, Kedah.

Persampelan

Sampel kajian adalah terdiri daripada semua pelajar Kolej Komuniti Sungai Petani iaitu seramai 274 pelajar terdiri daripada 4 program. Namun seramai 108 pelajar telah menjawab soal selidik tersebut.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian menggunakan set soal selidik yang dibina dengan melibatkan penggunaan Bahasa Melayu. Instrumen kajian akan melalui proses ujian kebolehpercayaan dan kesahan instrumen.

Kajian Rintis

Instrumen kajian diuji kepada 30 orang pelajar Kolej Komuniti Sungai Petani dari pelbagai program. Segala kesilapan perkataan serta ketidakfahaman soalan akan diperbetulkan serta perubahan teks soalan juga diubah bagi memantapkan lagi kefahaman responden terhadap soalan kajian.

Analisis Data

Data kajian kuantitatif akan melibatkan penggunaan 2 perisian iaitu *Statistical Package for Social Science* (SPSS) 21. Pengujian statistik akan dianalisis berdasarkan objektif dan persoalan kajian. Penggunaan perisian SPSS 21 adalah untuk mendapatkan data deskriptif bagi menyelesaikan dan menjawab hipotesis kajian.

ANALISIS KAJIAN DAN DAPATAN KAJIAN

Responden kajian ini terdiri daripada pelajar-pelajar Kolej Komuniti Sungai Petani dari pelbagai program. Penyelidik telah mengedarkan 1 set soal selidik kepada semua pelajar. Jumlah keseluruhan responden untuk kategori pelajar adalah 274 orang. Hanya 108 responden menjawab soal selidik tersebut. Hasil dapatan kajian dianalisis menggunakan SPSS.

Jadual 1 : Analisis Min dan Sisihan Piawai Impak Pandemik Covid 19 terhadap Pelajar dari aspek emosi (N=108)

<i>Descriptive Statistics</i>			
	N	Mean	Std. Deviation
Pembelajaran Atas talian membantu mengimbangi waktu pelajaran dan aktiviti kehidupan seharian	108	3.5833	1.01507
Pembelajaran Atas talian sangat memudahkan kepada saya	108	3.5370	.87995
Pembelajaran Atas talian membolehkan lebih banyak tugas dapat disiapkan dalam satu masa	108	3.5648	.99788
Pensyarah amat penting sewaktu pembelajaran atas talian dilaksanakan	108	3.5926	.97671
Pembelajaran atas talian meningkatkan tahap kefahaman saya	108	3.8889	.67441
emosi	108	3.6333	.48337
<i>Valid N (listwise)</i>	108		

Jadual 1 menunjukkan bahawa pelajar melalui pembelajaran atas talian, dapat meningkatkan tahap kefahaman pelajar iaitu pada tahap yang tinggi dengan nilai min 3.88 dengan sisihan piawai 0.67. Manakala pelajar menyatakan pembelajaran atas talian memudahkan iaitu pada tahap rendah iaitu nilai min 3.53 dengan sisihan piawai 0.8. Daripada perangkaan ini, jelas menunjukkan bahawa pelajar menerima dengan positif dalam menjalani pembelajaran secara atas talian semasa Pandemik Covid 19.

Jadual 2 : Analisis Min dan Sisihan Piawai Impak Pandemik Covid 19 terhadap Pelajar dari aspek fizikal (N=108)

<i>Descriptive Statistics</i>			
	N	Mean	Std. Deviation
Pembelajaran atas talian menjadikan kurang pergerakan badan dalam pembelajaran dan aktiviti kehidupan harian	108	3.6667	.94720
Pembelajaran atas talian mempengaruhi keadaan postur badan	108	3.7407	.77785
Pembelajaran atas talian mewujudkan ketegangan badan	108	3.5370	1.00862
Pembelajaran atas talian menyebabkan obesiti disebabkan kurang melakukan pergerakan	108	3.5926	.92763
Pembelajaran atas talian menjejaskan sistem penghadaman	108	3.5648	.88891
Pembelajaran atas talian meningkatkan tahap kecerdasan dan kecekapan minda	108	3.3981	1.00410
fizikal	108	3.5833	.50619
<i>Valid N (listwise)</i>	108		

Jadual 2 menunjukkan bahawa melalui pembelajaran secara atas talian, mempengaruhi keadaan postur badan pada tahap yang tinggi dengan nilai min 3.7 dengan sisihan piawai 0.77. Manakala pelajar memberi maklum balas di mana pembelajaran atas talian kurang meningkatkan tahap kecerdasan dan kecekapan minda iaitu pada tahap rendah iaitu nilai min 3.53 dengan sisihan piawai 0.9. Daripada perangkaan ini, jelas menunjukkan bahawa melalui pembelajaran secara atas talian, terdapat masalah yang dihadapi oleh pelajar iaitu berkaitan aspek fizikal.

PERBINCANGAN

Hasil kajian ini menunjukkan pelajar memberi maklum balas bahawa mereka lebih selesa belajar dalam talian kerana mereka boleh membahagikan masa mengikut kesesuaian antara pembelajaran dan aktiviti harian. Selain itu, dapatan juga mendapati pelajar agak sukar untuk memahami pembelajaran dalam talian kerana faktor masalah dalam talian, persekitaran pembelajaran dan penumpuan semasa aktiviti pembelajaran. Kajian ini disokong oleh kajian Norhazirah Mustafa (2020) di mana dikatakan terdapat pelajar yang tidak mempunyai capaian internet yang baik terutamanya pelajar yang tinggal di luar bandar.

Manakala dari aspek fizikal pula, kajian mendapati murid mengalami sedikit masalah postur badan disebabkan faktor kedudukan badan semasa pembelajaran dalam jangka masa yang panjang. Selain itu, terdapat juga pelajar yang menyatakan kurang kecerdasan dan kecekapan mental kerana kedudukan pembelajaran menyebabkan hilang tumpuan yang bersifat sehala. Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian Buheji et al (2020) iaitu pelajar menghadapi kesukaran untuk tidur malam, keletihan, kebimbangan berlebihan, kurang fokus, resah dan ketegangan otot di samping keadaan fizikal yang lain.

RUMUSAN

Apabila pelaksanaan pembelajaran secara atas talian semasa Pandemik Covid 19, terdapat kesan yang positif dan negatif terhadap aspek emosi dan fizikal pelajar. Ianya perlu dipandang serius dan diberi perhatian sepenuhnya oleh pihak pengurusan Kolej Komuniti agar dapat menanganinya dengan sebaik mungkin.

Dapatan kajian ini boleh dijadikan panduan kepada pihak pengurusan Kolej Komuniti untuk merancang aktiviti yang boleh mengaktifkan semula pelajar dari aspek emosi dan fizikal khususnya dalam pengajaran dan pembelajaran antara pelajar dan pensyarah.

Selain itu, kajian akan datang boleh melihat kepada impak lain seperti sikap, minat dan harga diri pelajar. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa kepentingan kajian sebegini adalah untuk memastikan pelajar kekal aktif dan berfikiran positif dalam apa jua keadaan.

RUJUKAN

- Abdullah, S., & Bahari, A. (2016). *Keusahawanan Sosial Dalam Atasi Masalah Peluang Perkerjaan Golongan Orang Kurang Upaya (OKU)*. 2(4), 22–29.
- Aisyah, S., Zin, M., Nurul, R., Raja, H., Nur, W., Waheda, A., & Isa, K. M. (2021). *Hospitality And Covid-19 : Impak Pandemik Terhadap Konflik Emosi Dan Pendidikan Di Malaysia – Satu Kajian Literatur Covid-19 : The Impact Of Pandemic On Emotional And Educational Conflicts In Malaysia – A Literature Review*. 6(25), 1–14. <https://doi.org/10.35631/JTHEM.625001>.
- Amirul, M., Yusoff, R., & Mulok, D. (2017). *Cabaran Yang Dihadapi Di Kalangan Usahawan Aim Di Daerah Tuaran : Pusat Nurul Bakti*. 2017(ICE), 470–479.

- Covid, P., Farhana, N., Rahman, A., & Rosli, N. J. (n.d.). *Kepada Mahasiswa Pengajian Islam Ukm Semasa*.
- Daud, Z., Haridi, N. M., Alias, N., & Hasin, A. (2021). *Kajian perbandingan kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi terhadap simptom stres yang dialami ketika sesi pengajaran dan pembelajaran dalam talian era Covid-19 [A comparative study among students of higher education institutions on stress symptoms during online teaching and learning in the era of Covid-19]*. 6(1).
- Gunnell, D., Appleby, L., Arensman, E., Hawton, K., John, A., Kapur, N., Khan, M., O'Connor, R. C., & Pirkis, J., & COVID-19 Suicide Prevention Research Collaboration (2020). Suicide risk and prevention during the COVID-19 pandemic. *The lancet. Psychiatry*, 7(6), 468–471. [https://doi.org/10.1016/S2215-0366\(20\)30171-1](https://doi.org/10.1016/S2215-0366(20)30171-1)
- Hidayatun, N., Razak, A., Zaki, S. M., Aidil, M., Awang, R., & Farhana, F. (2018). *Pembelajaran Melalui Aktiviti Perniagaan di Kalangan Para Pelajar*. 2, 111–116.
- Holmes EA, O'Connor RC, Perry VH, Tracey I, Wessely S, Arseneault L, et al. (2020) Multidisciplinary research priorities for the COVID-19 pandemic: a call for action for mental health science. *Lancet Psychiatry*, 7 (6), 547–60. doi: 10.1016/S2215-0366(20)30168-1
- Kamsani, I. I., & Mahat, A. (2021). *Covid 19 : Impak E-Pembelajaran Terhadap Kesihatan Pelajar Universiti (Covid-19 : The Impact of E-Learning on University Student 's Health)*. 3(3), 53–60.
- Kusuma, W. S., & Sutapa, P. (2021). *Dampak Pembelajaran Daring terhadap Perilaku Sosial Emosional Anak*. 5(2), 1635–1643. <https://doi.org/10.31004/obsesi.v5i2.940>
- Mohd Nor, Kaspin, Jamal & Marzuki. (2022). *Isu Stres Impak Pandemik Covid-19 Di Kalangan Pelajar Yang Mengikuti Pengajaran Dan Pembelajaran Secara Atas Talian: Satu Tinjauan Awal*. <https://doi.10.35631/IJEPC.745007.83-95>.
- Muhammad, M. (2016). *Pengaruh Motivasi Dalam Pembelajaran Maryam Muhammad MTs Negeri Tungkok Darussalam Kabupaten Aceh Besar*. 4(2).
- Mustaffa, N. (2020). *Mengatasi Kebimbangan Semasa Pandemik COVID-19 dengan Pendekatan Teori Rational Emotive Behaviour Therapy (REBT)*. 5(11), 10–16.
- Norsaidatina, W., Nawang, H. W., Radzani, M., Razak, A., Ahmad, M. F., Lamat, S. A., ... Sembilan, N. (2021). *Tahap penglibatan dalam aktiviti fizikal serta aktiviti sedentari pelajar semasa penularan COVID-19*. 10(1), 15–23.
- Nurja, N. A., Osman, K. A., Samin, Z., Beaufort, K. K., Komuniti, K., Tanah, M., ... Teams, M. (2022). *Pembelajaran Dalam Talian . Sebagai tindak balas kepada penutupan sekolah akibat pandemik Microsoft Teams , Telegram , YouTube , WebEx dan sebagainya .*
- Umi dan Nida Anisah , (2021) *Pembelajaran dalam talian ini pembelajaran .* 2(1), 49–60.
- Rashid, A., Aziz, A., & Sukor, N. M. (2020). *Wabak Covid-19 : Pengurusan Aspek Kesihatan Mental Semasa Norma Baharu*. 2(4), 156–174.

Shahul Hamid, Musa & Ramli, (2022). *Kesan Pandemik Covid-19 Terhadap Pelajar Universiti Utara Malaysia: Satu Tinjauan Pembelajaran Dalam Talian*. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i6.1535>

KAJIAN TINJAUAN TAHAP KESEDIAAN PELAJAR POLITEKNIK TAWAU SABAH TERHADAP PEMBELAJARAN ATAS TALIAN TAHUN 2020

Mohamad Zulhilmy bin Mohamad Yusop
Politeknik Tawau Sabah
zulhilmy@politawau.edu.my

Rosilah binti Man
Politeknik Tawau Sabah

ABSTRAK

Di zaman era digital revolusi terkini, bidang pendidikan semakin maju ke hadapan dalam menghadapi transformasi andragogi dan pedagogi secara atas talian. Demikian yang telah dilakukan oleh kebanyakan negara maju yang mana pendidikan boleh dilakukan di mana-mana menggunakan teknologi. Meskipun, ada institusi tempatan mengorak langkah terlebih dahulu menjadi peneraju dalam pembelajaran atas talian, yang dahulunya dipandang remeh, dek kerana ketidaktentuan jaminan kualitinya. Oleh disebabkan pandemik COVID-19 yang melanda pada tahun 2020, Malaysia dan seluruh dunia berubah menyesuaikan diri demi kelangsungan hidup dan ekonomi termasuklah pendidikan. Kajian ini bertujuan untuk mengukur tahap kesediaan pelajar Politeknik Tawau Sabah (PTS) terhadap pembelajaran atas talian terutama ketika pasca wabak COVID-19 pada tahun 2020 dan masa akan datang, dalam memperbaiki kualiti pengajaran dan pembelajaran di PTS dengan tiga (3) tahap ukuran iaitu pengetahuan, sikap dan motivasi pelajar, melalui metodologi soal selidik Google Form. Hasil dapatan kajian ini umumnya sangat setuju betapa pentingnya pendidikan itu diteruskan dalam apa jua keadaan demi kebaikan pelajar dengan menggunakan kaedah ini. Dalam pada itu, dapatan ini memberi input yang bernilai kepada pengurusan PTS untuk berusaha memenuhi keperluan dan kehendak semua pihak berkepentingan. Walaupun pandemik bertukar endemik kini, itu tidak menidakkan kepentingan kaedah pembelajaran atas talian pada masa kini dan akan datang. Intihanya semua pihak jelas, bahawa negara tidak boleh berpatah ke belakang dalam arus teknologi yang ke hadapan, Pengenalan kaedah 'hibrid' yang menggabungkan pembelajaran secara bersemuka dan atas talian, adalah kelangsungan murni yang patut diteruskan, bahkan perlu sentiasa digilap seiring dengan keadaan yang boleh diramal atau tidak.

KATA KUNCI: *Pembelajaran-atas-talian, pelajar, tahap-kesediaan, Covid-19, teknologi*

PENGENALAN

Tercetusnya pandemik COVID-19 seluruh dunia telah menyaksikan sektor-sektor utama dunia seperti ekonomi, pelancongan dan pendidikan terjejas teruk disebabkan dasar 'lockdown' yang dilaksanakan di kebanyakan negara. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) turut diperkenalkan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin bin Md. Yasin pada 18 Mac 2020

bertujuan mengekang penularan COVID-19 di Malaysia. Susulan itu juga Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) menggubal beberapa garis panduan khas untuk semua institusi pendidikan naungannya berkaitan pengurusan operasi ketika penguatkuasaan PKP pada tahun 2020 dan pelaksanaan pemulihan negara pada tahun 2021. Antara perkara penting yang dikemukakan ialah kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam talian (PdPDT) dan 'hibrid'.

Walaupun Malaysia dan seluruh dunia amnya telah beralih kepada situasi endemik kini, kita tidak boleh lari daripada evolusi digital yang telah banyak mengubah corak pendidikan negara. Penggunaan komputer dan aplikasi persidangan video atas talian telah menjadi sebahagian alat bantu pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang efisien untuk semua perkara dan keadaan.

Kajian ini dilaksanakan rentetan daripada kaji selidik yang dilaksanakan oleh JPPKK sendiri tetapi hasil kajian tidak dibuka secara umum. Lantas, dengan arahan mantan Pengarah PTS meminta kajian tahap kesediaan terhadap pembelajaran atas talian ini dilaksanakan khususnya kepada para pelajarnya (Minit Mesyuarat Pengurusan Bulanan PTS Bil.4, 2020), bagi pihak pengurusan dapat memenuhi keperluan pelajar ketika pandemik melanda.

Justeru pernyataan masalah kajian ini ialah ketidaksediaan para pelajar PTS terhadap pembelajaran dalam talian semasa pandemik. Manakala objektif kajian ini terbahagi kepada tiga (3) iaitu: Untuk mengetahui tahap kesediaan pelajar terhadap pembelajaran dalam talian; untuk membantu pengurusan PTS dalam membuat perancangan dan merangka aktiviti akademik yang bersesuaian; dan untuk mengetahui cabaran yang dihadapi semasa pelaksanaan pembelajaran dalam talian.

SOROTAN LITERATUR

Kaedah pembelajaran atas talian ini bukanlah sesuatu yang asing bagi pensyarah dan pelajar Politeknik Malaysia. JPPKK di bawah Bahagian Instruksional dan Pembangunan Digital (BIPD) memperkenalkan banyak sistem dan aplikasi pembelajaran atas talian antaranya seperti *Curriculum Information Document Online System (CIDOS)*, *Massive Open Online Courses (MOOCs)*, *YouTube (PoliTV)* dan sebagainya. Sistem dan aplikasi ini merupakan mekanisme baru dalam memantapkan pengajaran dan pembelajaran di Politeknik Malaysia (Mohd Zahari Ismail et al., 2012).

Pandemik COVID-19 hadir pada tahun 2020, seluruh dunia terpaksa melaksanakan 'lockdown'. Selain sektor ekonomi dan pelancongan terkesan, langkah penutupan ini juga menyebabkan sektor pendidikan biasanya PdP dilaksanakan secara bersemuka terpaksa digantikan dengan PdP atas talian. Banyak perkara dilihat dalam pelaksanaan kaedah ini terutamanya implikasi terhadap pendidik dan pelajar iaitu cabaran besar kepada pendidik dalam pelaksanaan kaedah pembelajaran atas talian; kebolehcapaian internet dan kestabilan platform pengajaran; pengurusan emosi; dan pentaksiran secara holistik (Dr Ehwan Ngadi, 2020).

Implikasi ini menjadi isu besar apabila tularnya video seorang pelajar dari Sabah berusaha bersungguh-sungguh mendapatkan liputan internet demi pendidikan. Nurhidayah Hairom (2020) dari Sinar Harian menulis tentang Veveonah Mosibin, seorang pelajar dari Universiti Malaysia

Sabah (UMS) terpaksa memanjat pokok di kawasan kampungnya di Pitas untuk mendapat liputan internet yang stabil bagi menjawab peperiksaan yang ketika itu waktu PKP. Isu seperti ini menyedarkan semua bahawa pembelajaran atas talian ini bukanlah satu faedah yang mudah dicapai oleh semua orang.

Pun begitu, pada abad ke-21 menurut Dr Maslawati Mohamad (2015) gajet dan internet ini merupakan rujukan pelajar pada masa kini dalam membantu meningkatkan tahap pemahaman pembelajaran mereka. Apatah lagi KPT dan JPPKK telah lama menyediakan dan memperkenalkan sistem, aplikasi dan platform seperti CIDOS sejak tahun 2012. Jadi pelajar dan pensyarah seharusnya sudah biasa dengan kaedah pembelajaran atas talian ini.


METODOLOGI KAJIAN

Rekabentuk kajian ini berbentuk kuantitatif dengan menggunakan kaedah soal selidik secara atas talian melalui aplikasi *Google Form*. *Google Form* ialah sebuah aplikasi berasaskan web dibangunkan oleh *Google*, bertujuan mengumpulkan data di dalam borang. Data yang dikumpul dan dianalisis menggunakan borang disimpan dalam hamparan *Google Sheet* yang menyamai fungsi *Microsoft Excel*. Responden menjawab soalan daripada mana-mana pelayar web seperti di telefon pintar dan tablet mudah alih (Ramaraj Sivakumar, 2019) dan kerana itu juga, aplikasi ini dipilih.

Sebanyak 116 orang pelajar PTS semester 2, 3 dan 4 sesi Jun 2020 telah diberi pautan soal selidik ini pada 27 Jun 2020 melalui aplikasi *Whatsapp* dan 111 orang yang menjawab. Aplikasi *Datawrapper* digunakan untuk mereka bentuk data dapatan yang lebih cantik, antara muka yang mudah dan responsif. Visual yang dipilih adalah carta bar *split*.

Soal selidik ini terbahagi kepada tiga (3) tahap ukuran iaitu pengetahuan, sikap dan motivasi pelajar. Setiap tahap terbahagi kepada lima (5) soalan. Semua soalan ini dinilai menggunakan penilaian skala *Likert* yang membolehkan responden menunjukkan kekuatan persetujuan positif-ke-negatif mereka terhadap soalan (Dr. Saul McLeod, 2019)


ANALISIS KAJIAN



Rajah 1: Carta Bar Pengetahuan Pelajar Terhadap Kesiediaan Pembelajaran Atas Talian

Dapatan berdasarkan pengetahuan pelajar terhadap kesediaan pembelajaran atas talian menunjukkan 51 peratus pelajar sangat setuju bahawa mereka sedar sistem pembelajaran atas talian seperti CIDOS diaplikasikan di PTS (57 orang). Ini membuktikan aplikasi CIDOS iaitu aplikasi PdP atas talian diasaskan untuk Politeknik Malaysia biasa digunakan oleh kalangan pensyarah dan pelajar.


Bagaimanapun, dapatan seterusnya mendapati 33 hingga 47 peratus memperoleh nilai bersetuju sahaja yang mana pelajar belum mahir sepenuhnya menggunakan sistem pembelajaran atas talian (52 orang); pelajar juga belum sedar sepenuhnya pembelajaran atas talian perlu digunakan semasa pasca wabak COVID-19 dan pada masa akan datang (44 orang); pelajar belum sedar (37 orang) dan tahu sepenuhnya (48 orang) bahawa pembelajaran atas talian mempunyai banyak kelebihan dan bahan pembelajaran mudah diperolehi tatkala menggunakannya. Daripada corak carta bar di Rajah 1, kebanyakan responden menjawab sangat setuju dan setuju.



Rajah 2: Carta Bar Sikap Pelajar Terhadap Kesediaan Pembelajaran Atas Talian

Dapatan berdasarkan sikap pelajar terhadap kesediaan pembelajaran atas talian menunjukkan semua soalan memperoleh nilai sangat bersetuju. Pelajar sangat bersetuju bahawa mereka selalu menggunakan sistem pembelajaran atas talian untuk mendapatkan nota pembelajaran (50 orang); pelajar juga bersedia menghadapi cabaran belajar atas talian semasa pasca wabak COVID-19 dan akan datang (36 orang); malah pelajar sentiasa prihatin isu-isu yang mungkin akan dihadapi ketika belajar atas talian (53 orang); dan lebih tiga (3) kali seminggu pelajar menggunakan sistem pembelajaran atas talian seperti CIDOS (43 orang).

Bagaimanapun sebanyak 41 peratus pelajar kurang pasti sama ada mereka jarang memberi galakan kepada rakan-rakan supaya menggunakan sistem pembelajaran atas talian (46 orang). Hanya 16 peratus sangat tidak bersetuju yang bermaksud pelajar selalu memberi galakan kepada rakan-rakan (18 orang). Daripada corak carta bar di Rajah 2, kebanyakan responden menjawab sangat setuju dan setuju.



Rajah 3: Carta Bar Motivasi Pelajar Terhadap Kesediaan Pembelajaran Atas Talian

Dapatan berdasarkan motivasi pelajar terhadap kesediaan pembelajaran atas talian menunjukkan 30 peratus pelajar sangat setuju bahawa mereka boleh belajar atas talian pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja (33 orang). Ini membuktikan pembelajaran atas talian sebenarnya tiada batasan masa dan tempat.

Bagaimanapun, dapatan seterusnya mendapati 35 hingga 46 peratus memperolehi nilai bersetuju sahaja yang mana pelajar belum mendapat galakan sepenuhnya daripada pensyarah PTS untuk menggunakan pembelajaran atas talian (51 orang); pelajar belum sepenuhnya berasakan pembelajaran atas talian menjimatkan masa dan kos (40 orang); pelajar juga belum sepenuhnya berasakan aplikasi-aplikasi dalam pembelajaran atas talian sesuatu yang menyeronokkan (47 orang); dan pelajar belum sepenuhnya mendapati markah penilaian mereka bertambah baik dalam pembelajaran atas talian (39 orang). Daripada corak carta bar di Rajah 3, kebanyakan responden menjawab sangat setuju dan setuju.

KESIMPULAN

Daripada ketiga-tiga dapatan tahap kesediaan ini, didapati pelajar belum sepenuhnya bersedia pembelajaran atas talian ini pada ketika pandemik melanda. Walaupun kebanyakan pelajar memberi penilaian sangat setuju dan setuju, pelajar masih tidak pasti kebarangkalian apa yang akan berlaku ketika pembelajaran atas talian berlangsung. Pelajar PTS adalah pelajar teknikal dan vokasional dalam bidang pengurusan pelancongan, yang memerlukan latihan praktikal yang kebanyakannya dilaksanakan secara bersemuka bersama pensyarah dan pelatih seperti rekreasi darat, rekreasi air, teknik pemandu pelancong, ekspedisi dan sebagainya. PdP secara bersemuka mungkin lebih diterima dan sesuai bagi mereka.

Dasawarsa ini, era evolusi industri 4.0 dan *Internet of Thing* (IoT) telah diperkasakan dalam pendidikan negara sebelum wujudnya pandemik lagi. Pengurusan PTS perlu mewujudkan suasana PdP berteknologi bagi menarik minat para pelajar. Kita faham teknologi memerlukan kewangan yang besar apatah lagi langkah penjimatan kewangan yang sedang diamalkan dalam sektor Kerajaan. Namun dunia teknologi ini luas, pelayar dan aplikasi zaman sekarang mudah untuk dicapai malah generasi muda ini merupakan pelanggan yang terbanyak menggunakannya. Contohnya, pelayar *Google* menawarkan pelbagai perkhidmatan dari persidangan video (*Google Meet*) sehinggalah penyimpanan data (*Google Drive*) boleh dimanfaatkan secara percuma. Aplikasi media sosial yang juga percuma seperti *Facebook*, *Instagram* dan *TikTok* boleh diaplikasikan kepada bentuk PdP yang menarik.

Kajian susulan sangat diperlukan bagi mendapatkan perbezaan jelas daripada pandemik kepada endemik dan kebiasaan pelajar menggunakan teknologi sejak tahun 2020 sehingga kini. Sebarang dapatan diperolehi adalah sangat penting bagi semua pihak berkepentingan: pengurusan, pensyarah, pelajar dan rakan kolaborasi strategik menambatkan kekuatan dan mengurangkan kelemahan di setiap sudut.

RUJUKAN

- Dr. Ehwan Ngadi (2 Jun 2020). *COVID19: Implikasi Pengajaran dan Pembelajaran AtasTalian*. Retrieved from <https://www.usim.edu.my/news/in-our-words/covid19-implikasi-pengajaran-dan-pembelajaran-atas-talian/>
- Dr. Maslawati Mohamad (8 Ogos 2015). *Gajet, internet sumber rujukan pelajar abad 21*. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/61/2015/08/73210/gajet-internet-sumber-rujukan-pelajar-abad-21>
- Mohd Zahari Ismail et al (2012). *Tahap Kepuasan Bekerja Di Politeknik, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia*. Retrieved from <https://dokumen.tips/documents/tahap-kepuasan-bekerja.html>
- Nurhidayah Hairom (6 Julai 2022). *Panjat pokok sebab nak jawab peperiksaan online*. Retrieved from <https://www.sinarharian.com.my/article/87788/BERITA/Viral/Panjat-pokok-sebab-nak-jawab-peperiksaan-online>
- Politeknik Tawau Sabah (2020). *Minit Mesyuarat Pengurusan Bulanan PTS Bil.4, 2020*. Unit Khidmat Pengurusan, Politeknik Tawau Sabah
- Ramaraj Sivakumar (2019). *Google Forms in Education*. Retrieved from https://www.researchgate.net/publication/332781549_GOOGLE_FORMS_IN_EDUCATION
- Dr. Saul McLeod (2008). *Likert Scale Definition, Examples and Analysis*. Retrieved from <https://www.simplypsychology.org/likert-scale.html>

KEPENTINGAN PENGGUNAAN PERALATAN DAN TIP JIMAT TENAGA ELEKTRIK

Rozana binti Ahmad Hanip
Kolej Komuniti Sungai Siput
Email: rozanahanip25@gmail.com

Mazlini Mastura binti Yusof
Kolej Komuniti Sungai Siput

Razita binti Alli Mat
Kolej Komuniti Sungai Siput

ABSTRAK

Tenaga elektrik merupakan sumber terpenting dalam kehidupan harian bagi penggunaan domestik dan industri. Terdapat pelbagai cara untuk mengoptimumkan penggunaan tenaga elektrik bermula dengan penjimatan tenaga elektrik, haba dan air. Di rumah kediaman, banyak peralatan elektrik seperti televisyen, peti ais, mesin basuh, penghawa dingin, komputer riba dan sebagainya memberi kesan kepada peningkatan bil elektrik. Berapa banyak pembaziran tenaga elektrik yang kita gunakan setiap hari tanpa mengetahui kepentingan label kecekapan tenaga yang ada pada sesuatu pekakasan elektrik yang digunakan.

KATA KUNCI: *Jimat tenaga, elektrik*

PENGENALAN

Kepentingan penggunaan peralatan jimat tenaga adalah penting bagi pengguna menguruskan penggunaan elektrik dengan cekap serta dapat menjimatkan bil elektrik rumah kediaman dan di tempat kerja. Pengurusan tenaga bermaksud perlaksanaan menyeluruh dalam mencari fakta, perancangan, peningkatan dan penilaian untuk mendapatkan keuntungan dengan pengurangan kos. Antara langkah-langkah menggalakkan penjimatan tenaga adalah dengan menambah baik atau mengemaskinikan proses dan peralatan yang beroperasi serta melibatkan pembangunan teknikal pelaburan berskala besar tetapi menghasilkan kesan yang juga amat penting.

PEMILIHAN PERALATAN JIMAT TENAGA MELALUI PELABELAN



Rajah 1 : Pelabelan Kecekapan Tenaga

Rajah 1 menunjukkan Pelabelan Kecekapan Tenaga yang perlu ditampal pada produk oleh semua pengilang dan pengimport seperti televisyen, peti sejuk, kipas domestik, penghawa dingin dan mesin basuh sebelum boleh dijual kepada pelanggan. Label Kecekapan Tenaga yang hendak dilekatkan pada produk mestilah mengikut spesifikasi berikut seperti jenis tulisan, warna, penarafan bintang antara 1 hingga 5 dan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya Tenaga. (Suruhanjaya Tenaga). Label kecekapan tenaga diperkenalkan pada tahun 2006 yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga kepada pengeluar peralatan elektrik yang mematuhi piawaian dan keperluan ujian prestasi tenaga. Label kecekapan tenaga menunjukkan kepada pengguna anggaran penggunaan tenaga peralatan elektrik berdasarkan sistem penarafan bintang iaitu 5 bintang bermaksud yang paling cekap, 1 bintang bermaksud paling kurang cekap. Dengan penarafan bintang, pengguna boleh menganggarkan jumlah elektrik (kWh) yang digunakan oleh setiap peralatan elektrik. Apabila ingin membeli sesuatu peralatan elektrik, sebagai pengguna perlu melihat label yang mengandungi maklumat berkaitan penggunaannya yang akan membantu pengguna memilih model yang paling cekap. Peralatan elektrik bertaraf 5 bintang adalah paling cekap dan akan menjimatkan wang dalam jangka masa panjang, mengurangkan penggunaan tenaga elektrik dan meningkatkan kualiti hidup seharian. Ini secara langsung akan menghasilkan pendapatan isi rumah boleh guna atau *disposable household income* yang lebih tinggi terutamanya dalam jangka masa yang panjang yang akan meningkatkan kualiti kehidupan harian. Alat elektrik yang diluluskan oleh Suruhanjaya Tenaga bagi Kadaran Bintang kecekapan tenaga ialah peti sejuk, penyaman udara, televisyen, kipas dan lain-lain yang digunakan di rumah. (Berita@Cetree, USM)

TIP PENGGUNAAN PERALATAN JIMAT TENAGA



Rajah 2 : Gambarajah meter elektrik

Pelaksanaan kecekapan tenaga (*Energy Efficiency - EE*) di seluruh dunia dilaksanakan kerana faktor permintaan terhadap sumber tenaga yang semakin meningkat (Sam Wong 2011). Sebagai pengguna, pengurusan tenaga elektrik adalah sangat penting bagi mengelakkan pembaziran tenaga elektrik. Antara langkah-langkah penjimatan tenaga yang boleh dilakukan adalah seperti menggantikan lampu *pendaflour* yang menggunakan jumlah elektrik yang berlebihan digantikan dengan diod pemancar cahaya (LED) yang menggunakan antara 25-80 peratus kurang elektrik dan bertahan 3 hingga 25 kali lebih lama daripada lampu biasa. Mematikan suis dan tanggalkan plug peralatan elektrik apabila tidak digunakan contohnya penggunaan televisyen, kotak dekoder (*set-top boxes*) dan modem yang tidak dimatikan boleh meningkatkan penggunaan elektrik dalam jangka masa yang panjang. Langkah kedua, secara puratanya peralatan elektrik menggunakan kira-kira 13% daripada jumlah penggunaan tenaga isi rumah. Apabila membeli barangan elektrik perhatikan kepada dua nombor iaitu harga dan kos operasi tahunan. Walaupun peralatan cekap tenaga mungkin mempunyai harga yang lebih tinggi, kos operasinya selalunya 9-25% lebih rendah daripada model konvensional. Apabila membeli peralatan cekap tenaga, perlu melihat kepada penarafan bintang yang lebih tinggi, yang lebih sedikit tenaga yang digunakan. Tenaga berbeza berdasarkan peralatan tertentu. Sebagai contoh, mesin basuh pakaian yang diperakui *Energy Star* menggunakan 25% kurang tenaga dan 45% kurang air daripada yang konvensional. (*EnergySage, Inc*). Selain itu, penggunaan penghawa dingin yang tidak betul akan meningkatkan penggunaan kuasa. Tetapan suhu pada 16 darjah akan meningkatkan penggunaan kuasa, dan ia mungkin membuatkan ketidakselesaan pada tubuh badan. Penghawa dingin perlu ditetapkan pada suhu 23-25 darjah untuk keselesaan penyejukan yang lebih baik dan penjimatan tenaga yang lebih tinggi. Penapis adalah bahagian penting dalam penghawa dingin. Jika ia tidak dibersihkan dalam jangka masa yang lama, bukan sahaja akan menimbulkan bau apabila digunakan tetapi penggunaan kuasa yang lebih tinggi. Oleh itu, penapis perlu dibersihkan setiap bulan terutamanya bagi penggunaan penghawa dingin yang tinggi.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, tidak dinafikan bahawa elektrik memainkan peranan yang penting dalam kehidupan seharian manusia dan kita tidak mungkin dapat menjalankan kerja dengan sempurna tanpa kemudahan elektrik di sekeliling kita samada di rumah, sekolah mahupun pejabat. Kecekapan penggunaan tenaga adalah terpulang kepada diri sendiri serta perlu azam yang kuat untuk mendisiplinkan dalam penggunaan elektrik dan peralatan elektrik serta elektronik. Sebagai pengguna pastikan tidak berlaku pembaziran elektrik secara berlebihan, pastikan peralatan elektrik yang digunakan adalah sesuai dari segi spesifikasi saiz, kapasiti, kuasa, penggunaan tenaganya dan membeli peralatan yang jimat tenaga mengikut palabelan yang telah dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga.

RUJUKAN

http://www.mptaiping.gov.my/sites/default/files/buku_panduan_cekap_tenaga.pdf

https://www.ukm.my/fep/perkem/pdf/perkemVIII/PKEM2013_4B3.pdf

<https://cetree.usm.my/index.php/en/berita-cetree/91-pelabelan-kecekapan-tenaga-sistem-kadaran-bintang-dan-label>

<https://www.sinarharian.com.my/article/146051/BERITA/Nasional/Tip-jimat-tenaga-elektrik-daripada-TNB>

<https://www.st.gov.my/ms/>

<https://www.mytnb.com.my/>

KETEPATAN EZ KIBLAT DALAM MENGUKUR ARAH KIBLAT MELALUI FENOMENA ISTIWA' ADZAM

Nur Azura binti Kiban
Kolej Komuniti Sabak Bernam
 nurazura@kksbs.edu.my

ABSTRAK

Arah Kiblat merupakan arah menghadap ke Kaabah. Menghadap ke arah kiblat merupakan syarat sah solat fardhu. Isu ketepatan arah kiblat ini menjadi isu bagi negara yang jauh dari Mekah. Jarak antara Malaysia dan Mekah dianggarkan kira-kira sejauh 7,000 km, sekiranya terpesong had arah kiblat sebanyak satu darjah, ianya boleh membawa kepada perbezaan selisih sebanyak 122 km. Kajian ini bertujuan untuk menyemak ketepatan Ez Kiblat dalam mengukur arah kiblat melalui fenomena Istiwa' Adzam serta membandingkan ketepatan Ez Kiblat dan telefon pintar yang digunakan untuk menentukan arah kiblat. Cerapan bagi menetapkan arah kiblat dilakukan ketika fenomena Istiwa' Adzam. Kaedah cerapan ini adalah merupakan salah satu kaedah alternatif yang terbaik dalam menghasilkan semakan yang tepat ketika menentukan arah kiblat. Hasil cerapan, Ez Kiblat menunjukkan arah kiblat yang sama dengan fenomena Istiwa' Adzam.

KATA KUNCI: *Malaysia, telefon pintar, kompas, istiwa' adzam*

PENGENALAN

Penentuan arah kiblat memerlukan ijtihad umat Islam dalam menentukan arah kiblat kerana ia merupakan fardhu kifayah. Menurut ilmu astronomi Islam, kiblat adalah arah menghadap ke Kaabah di atas glob bulatan bumi mengikut jarak yang terdekat. Malaysia adalah antara negara yang jauh dari Mekah oleh itu ijtihad arah Kiblat boleh dihitung melalui ilmu astronomi melalui penggunaan peralatan seperti kompas, GPS (*Global Positioning System*) dan teodolit.

Di Malaysia, instrumen yang digunakan oleh Jabatan Mufti untuk menentukan arah kiblat adalah teodolit. Teodolit menjadi pilihan kerana instrumen tersebut dapat menentukan arah kiblat dengan tepat. Walaubagaimanapun menurut Nurul Huda (2018), teodolit tidak sesuai digunakan di kalangan orang awam kerana faktor fizikal yang tidak sesuai untuk dibawa ke mana-mana serta harga yang mahal. Selain itu, penggunaan alat ini memerlukan kepakaran dalam bidang pengukuran yang tidak dimiliki oleh semua orang terutama orang awam.

Selain daripada instrumen yang moden, arah Kiblat juga boleh ditentukan menggunakan kaedah tradisional berdasarkan kedudukan matahari dan bintang. Kaedah-kaedah tradisional ini masih digunapakai oleh umat Islam di seluruh dunia sehingga kini. Firman Allah SWT dalam Surah Al-Furqan ayat 45:-

Maksudnya:

Tidakkah engkau memperhatikan (penciptaan) Tuhan-mu, bagaimana Ia menjadikan bayang-

bayang itu (memanjangkan dan memendekkan) dan jika Ia kehendaki, nescaya Ia jadinya (bayang-bayang) tetap (tidak bergerak dan tidak berubah)! Kemudian Kami jadikan matahari sebagai petunjuk (tanda yang menunjukkan perubahan bayang-bayang itu).

Ayat di atas menunjukkan matahari yang Allah jadikan banyak memberi manfaat kepada kita, termasuklah bagi mendapatkan arah ke kaabah (arah kiblat). Justeru itu, penyelidik mengambil inisiatif membangunkan produk Ez Kiblat menggunakan kompas matahari bagi membantu menyelesaikan masalah masyarakat awam dalam mengukur arah kiblat dengan tepat.

SOROTAN LITERATUR

Isu ketepatan arah kiblat turut menjadi perhatian ahli akademik apabila terdapat pelbagai alat dan aplikasi ukur arah kiblat di pasaran yang perlu diuji ketepatan dan kejituan alat tersebut. Menurut Nurul Huda (2018) dalam kajian beliau telah membuat perbandingan menggunakan instrumen seperti telefon pintar, teodolit dan tongkat istiwa' ketika fenomena istiwa' atas Kaabah untuk menguji ketepatan instrumen tersebut dalam menentukan arah kiblat. Hasil cerapan menunjukkan teodolit menghasilkan arah kiblat yang bertepatan dengan tongkat istiwa' ketika fenomena istiwa' atas Kaabah. Manakala penggunaan telefon pintar untuk menentukan arah kiblat tersasar sehingga 2° dari arah kiblat yang sebenar.

Dalam kajian yang dipaparkan dalam akhbar Berita Harian keluaran Mei 2017 menyatakan terdapat aplikasi arah kiblat yang tersasar jauh sehingga 45°. Professor Emeritus Tan Sri Dr Abdul Shukor Husin selaku Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan, telah menyatakan:


“Majlis Fatwa tidak ada halangan sekiranya umat Islam ingin menggunakan aplikasi tertentu terutama di negara yang tidak mempunyai masjid atau surau untuk menentukan arah kiblat. “Ini kerana keluasan Kaabah bukan umpama huruf Alif sebaliknya kiblat umat Islam itu mempunyai lebar dan tinggi. Sebab itu 10° dianggap relevan, bagaimanapun umat Islam dinasihatkan menggunakan aplikasi yang diiktiraf seperti my JAKIM, Tetapi jika melebihi had pesongan 10°, ia sudah tidak diterima dan tidak sah solat”

Berdasarkan kajian-kajian lepas, dapat disimpulkan bahawa penentuan arah kiblat melalui fenomena Istiwa' Adzam adalah merupakan satu indikator dalam menguji ketepatan arah kiblat bagi sesuatu produk ukur arah kiblat baharu yang dibangunkan.

EZ KIBLAT

Ez Kiblat adalah produk yang direka dua dalam satu iaitu menggunakan CD-ROM. Produk yang menggunakan CD direka khas untuk dijadikan salah satu alat ukur kiblat dengan menggunakan kompas matahari dan jadual bearing matahari yang diperolehi daripada Jabatan Mufti Selangor. Pada masa yang sama, kandungan dalam CD mengandungi nota yang lebih mudah, ringkas

berkenaan kiblat bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran khususnya dalam ibadah solat. Nota Ez Kiblat disediakan dalam bentuk video dan power point. Produk ini dibangunkan khususnya untuk alat bantu mengajar bagi kursus Pendidikan Islam di Kolej Komuniti Sabak Bernam. Selain itu, Ez Kiblat telah digunakan untuk mengukur arah kiblat di kawasan perumahan baru di sekitar daerah Sabak Bernam.




Rajah 1 Kandungan Produk Ez Kiblat

ISTIWA' MATAHARI ATAS KAABAH (ISTIWA' ADZAM)

Istiwa' Adzam adalah satu fenomena di mana kedudukan matahari akan berada tepat di atas Kaabah. Fenomena ini akan berlaku dua kali setahun iaitu pada 28 Mei pada jam 5.16 petang waktu dan 16 Julai pada jam 5.28 petang waktu tempatan.


Rajah 2: Fenomena Istiwa' Matahari Atas Kaabah (Sumber Jabatan Mufti Negeri Selangor,



METODOLOGI

Kaedah kajian yang dijalankan adalah secara kualitatif, dengan menggunakan pendekatan kajian secara penerokaan atau *exploratory*. Penerapan yang dijalankan dalam bangunan kediaman konvensional ini adalah mengikut kesesuaian tarikh iaitu jatuh pada tarikh berlakunya peristiwa Istiwa' tahun semasa. Pada 28 Mei 2021, penyelidik telah melakukan cerapan matahari (istiwa' a'zham) di No 10, Taman Angsana, Jalan Angsana 1 Batu 40, 45200 Sabak Bernam. Kajian ini dijalankan di kawasan bebas magnetik bagi membolehkan data yang diperolehi lebih tepat. Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk membandingkan arah kiblat yang dicerap menggunakan tongkat istiwa' ketika matahari transit atas Kaabah dari lokasi ini dengan dua kaedah moden iaitu cerapan menggunakan Ez Kiblat, kompas dan aplikasi kiblat (*Easy-Qibla*) mudah alih yang dimuat turun ke dalam telefon pintar.

TEKNIK CERAPAN KETIKA FENOMENA ISTIWA” ADZAM DAN PRODUK EZ KIBLAT



Rajah 3: A: Panduan Semakan Arah Kiblat Semasa Fenomena Istiwa' Matahari Atas Kaabah (Sumber Jabatan Mufti Pulau Pinang 2018), B: Arah bayang yang ditanda ketika cerapan matahari istiwa' menggunakan tongkat istiwa' dan Ez Kiblat (data bayang arah kiblat ditanda oleh penyelidik sendiri pada 28 Mei 2021)

Cara penggunaan Ez Kiblat adalah dengan mendapatkan bayang objek yang tegak. Setelah itu pengguna perlu menggariskan bayang, catatkan tarikh dan masa ketika bayang diambil. Rujuk jadual bearing matahari berdasarkan tarikh dan masa bayang. Kemudian, buat garis lurus berdasarkan bearing pada jadual di bulatan 360 darjah. Letakkan garisan biru yang dibuat dibulatan 360 darjah selari garisan pada bayang objek tegak. Setelah itu, perhatikan garisan anak panah yang tersedia di atas bulatan 360 darjah. Hasil daripada pengukuran, menunjukkan tongkat istiwa dan Ez Kiblat menunjukkan persamaan arah kiblat. Hasil dapatan rajah 4, penulis telah mendapat sijil pengesahan daripada Jabatan Mufti Selangor melalui program Jom Semak Kiblat pada 28 Mei 2022

TEKNIK CERAPAN MENGGUNAKAN TELEFON PINTAR

Aplikasi *easy qibla 3 in 1* telah dipilih untuk membuat semakan arah kiblat. Aplikasi ini telah dimuat turun dari aplikasi android melalui telefon pintar. Menurut Nurul Huda (2018), *Easy qibla 3 in 1* ini mempunyai ranking yang tertinggi dalam pemilihan pengguna serta merupakan salah satu aplikasi arah kiblat yang mendapat pengiktirafan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Manakala telefon pintar jenama Oppo Model A93 yang dilengkapi dengan kompas magnetik dan *Global Positioning System* (GPS) telah digunakan untuk membuat semakan cerapan arah kiblat.




Rajah 4: Kaedah menggunakan telefon pintar untuk mendapatkan data arah kiblat (data bayang arah kiblat) ditanda dan diambil oleh penyelidik pada 28 Mei 2021.

Berdasarkan Rajah 4, perbandingan arah kiblat berdasarkan fenomena Istiwa' Adzam dan aplikasi easy qibla menunjukkan terdapat perbezaan arah. Ini disebabkan faktor magnetik yang berada dalam kawasan rumah menyebabkan terdapat perbezaan ketara dalam penetapan arah kiblat.

TEKNIK CERAPAN MENGGUNAKAN KOMPAS KIBLAT

Kompas kiblat menentukan arah kiblat berdasarkan pengiraan saintifik hasil maklumat terkini daripada geofizikal dan geodetik. Kita dapat menentukan arah kiblat di mana sahaja kita berada dengan merujuk nombor indeks negara Malaysia atau negara-negara lain.



Rajah 5: Kaedah menggunakan kumpas kiblat untuk mendapatkan data arah kiblat (data bayang arah kiblat) ditanda dan diambil oleh penyelidik pada 28 Mei 2021.

Hasilnya menunjukkan perbezaan arah kiblat antara tongkat istwa' dan kumpas kiblat. Ini menunjukkan terdapat tarikan magnetik yang telah mempengaruhi bacaan. Oleh itu, penggunaan kumpas dalam bangunan tidak digalakkan.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Fenomena Istiwa' Adzam adalah kaedah yang paling tepat untuk menentukan arah kiblat kerana ketika itu arah bayang matahari menghadap tepat ke arah Kaabah ketika istiswa'. Kaedah istiswa' adzam sangat sesuai digunakan bagi negara-negara yang kedudukan jauh daripada Mekah. Melalui kaedah cerapan bayang istiswa' ini, jelas menunjukkan Ez Kiblat mempunyai bacaan arah kiblat yang tepat.

Daripada data rajah 3,4 dan 5, kadar perbezaan bacaan antara EZ Kiblat, kumpas dan telefon pintar adalah ketara. Pelbagai faktor yang mempengaruhi perbezaan nilai azimut arah kiblat bagi penggunaan telefon pintar dan kumpas kiblat. Antara faktor-faktor tersebut ialah tahap pengujian ketepatan aplikasi arah kiblat dalam telefon pintar oleh pembangun aplikasi tidak dapat dipastikan sama ada tepat atau tidak, tarikan magnetik terhadap kumpas, ralat peralatan, ralat masa serta paparan *global positioning system* (GPS) tidak tepat.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, tongkat istiswa' ketika Istiswa' Adzam dan peralatan teodolit merupakan instrumen terbaik untuk menentukan arah kiblat umat Islam ialah. Walaubagimanapun pemilik bangunan atau kediaman perlu membuat permohonan rasmi kepada jabatan mufti negeri masing-masing untuk menggunakan teodolit dalam penentuan arah kiblat. Kebiasaannya permohonan dilakukan untuk menentukan arah kiblat bagi masjid, surau, dan premis-premis yang mahu mendapat sijil pengesahan arah kiblat. Dalam aspek kegunaan awam, dengan adanya Ez Kiblat, iasangat membantu dalam mengukur arah kiblat yang tepat, di samping ia mudah untuk dibawa ke mana- mana serta bebas daripada tarikan magnetik semasa mengukur arah kiblat dalam bangunan kediaman

RUJUKAN

Berita Harian, 29 Mei 2017. Tak sah solat guna aplikasi kiblat tersasar jauh daripada Kaabah. <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term//tak-sah-solat-gunaaplikasi-kiblat-tersasar-jauh-dari-kaabah> (diakses pada 29 Mei 2021)

Jabatan Mufti Selangor. (2021), <http://www.muftiselangor.gov.my/pengurusan/bahagian/bahagian-falak> (diakses pada 29 Mei 2021)

Jabatan Mufti Pulau Pinang. (2021) <http://mufti.penang.gov.my/index.php/pengumuman/289-hebahan-peristiwa-istiwa-adzam-tahun-2018> (diakses pada 29 Mei 2021)

Mohd Zamri Ibrahim & Norashikin. (2010). Mobile Qibla and Prayer Time Finder using External GPS and Digital Compass. Proceeding of the 9th WSEAS, International Conference on Applications of Electrical Engineering Mac 23-25, 2010, Penang, Malaysia.

Nurulhuda Ahmad Zaki*, Mohd Saiful Anwar Nawawi, Raihana Abdul Wahab, Mohammaddin Abdul Niri (2018_ Cerapan Istiwa' Matahari Dalam Penentuan Arah Kiblat di Malaysia. Prosiding Sains Humanika Universiti Teknologi Malaysia.

Nurulhuda Binti Ahmad Zaki, Muhammad Asyraff Anuar (2018). Analisis Perbandingan Aplikasi Penentuan Arah kiblat Dalam Telefon Pintar ASUS Zenfone 2 dan Huawei P9 Lite. Prosiding Voice of Academia Universiti Teknologi Mara, Kedah

AMALAN PENGURUSAN LEAN MELALUI SISTEM iSenggara DI KOLEJ KOMUNITI TAPAH

Bazuri bin Ab Ghani
Kolej Komuniti Tapah.
bazuri79@yahoo.com

Nor Atikah binti Mohd Nawi
Kolej Komuniti Tapah

ABSTRAK

Salah satu trend semasa di dalam pengurusan organisasi adalah pelaksanaan konsep pengurusan lean. Sektor awam juga tidak ketinggalan menerapkan elemen pengurusan lean di dalam pentadbirannya dalam usaha menuju era pengurusan organisasi moden. Pengurusan lean memberi penekanan kepada penghapusan aktiviti yang membawa kepada unsur pembaziran dan tidak memberi nilai tambah bagi meningkatkan kecekapan proses di tempat kerja supaya lebih produktiviti dan progresif. Seiring dengan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi semasa, Kolej Komuniti Tapah juga tidak ketinggalan mempraktikkan amalan pengurusan lean di dalam pengurusan maklumat penyelenggaraan infrastruktur dan peralatan ICT melalui pembangunan sistem iSenggara. iSenggara dibangunkan menggunakan perisian Adobe DreamWeaver berasaskan teknologi VBscript dengan pangkalan data MS-SQL dan MS-Access menjadikannya satu mekanisme capaian maklumat penyelenggaraan yang cekap dan sistematik. Pelaksanaan iSenggara yang bermula dengan penghantaran aduan kerosakan oleh pengguna sehingga penjanaan laporan menjadi titik permulaan yang membolehkan semua data dan maklumat berkaitan penyelenggaraan disepadukan sepenuhnya. Seiring dengan perubahan globalisasi yang berlaku serta perkhidmatan yang berkualiti, usaha untuk mempertingkatkan lagi tahap keberkesanan sistem iSenggara ini adalah dicadangkan dengan mempelbagaikan fungsi-fungsi dari segi pelaporan dan gambar-gambar berkaitan.

KATA KUNCI: *Pengurusan lean, iSenggara*

PENDAHULUAN

Hari ini, pengurusan organisasi sering berhadapan dengan perkembangan global dan kemajuan teknologi maklumat yang mempengaruhi cara pemikiran pekerja, cara penyampaian maklumat, tindakan dan seterusnya kaedah penyampaian perkhidmatan. Senario ini secara tidak langsung mempengaruhi kaedah penyampaian perkhidmatan sektor awam yang melibatkan pelbagai bidang seperti sektor kesihatan, pendidikan, pengurusan dan sebagainya. Ini kerana *lean* bersifat universal di mana falsafahnya boleh dipraktikkan dalam kehidupan seharian.

Pentadbiran awam Malaysia menghadapi perubahan daripada model pentadbiran awam berorientasikan pelanggan (Ng Kam Chiu, 1997). Pengurusan lean memberi fokus kepada konsep kepuasan pelanggan yang menjurus kepada pengurangan masa, pengurangan proses yang tidak diperlukan, pengurangan kerumitan, pengurangan ruang dan pengurangan segala-galanya tanpa mengurangkan kualiti produk atau perkhidmatan. Selain itu, pengurusan lean memberi fokus

Pada proses ketelusan kepada pelanggan dalaman dan luaran yang berorientasikan idea mencipta lebih nilai dengan penggunaan sumber yang kurang dengan meminimalkan pembaziran.

Bidang pendigitilan adalah bentuk utama inovasi sektor awam di Malaysia yang popular dan mendapat sambutan di kalangan penjawat awam seiring dengan revolusi 4IR. Ianya sebagai medium penggerak ke arah penyampaian perkhidmatan yang cekap, efisien dan dapat disampaikan kepada pelanggan pada bila-bila masa dan di mana jua. Justeru, pembangunan sistem dan penggunaan komputer mempunyai kelebihan dari segi kesepaduan, kecepatan, penyampaian maklumat berskala besar dan penggunaan data dengan pantas dan tepat. Kolej Komuniti Tapah juga tidak ketinggalan mempraktikkan amalan pengurusan *lean* di dalam pengurusan pentadbiran. Salah satu sistem yang dibangunkan adalah sistem maklumat penyelenggaraan infrastruktur dan peralatan melalui pembangunan sistem iSenggara.

DEFINISI DAN KONSEP

Lean dalam Bahasa Inggeris bermaksud ramping atau kurus. Sebuah organisasi dikatakan *lean* jika semua aktiviti yang dilakukan hanya aktiviti yang bersifat *value-added* atau aktiviti yang memberikan nilai tambah jika dilihat dari sudut pandang pelanggan (Mahathir Fansuri, 2018). Prinsip *lean* merupakan amalan di Timur yang mula diaplikasikan dalam industri automotif di negara Jepun. Amalan ini digunakan secara meluas dalam industri pengeluaran *lean manufacturing system* dan diperkenalkan oleh Toyota Motor Corporation pada awal tahun 1930-an. Ianya terhasil selepas kajian dibuat tentang kelemahan proses pengeluaran automotif Ford Toyota Production System.


Sehubungan itu, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) telah memperkenalkan pengurusan *lean* kepada institusi di bawah pentadbirannya melalui Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti 2018-2025 melalui teras strategik kedua: memantapkan governan yang responsif dan mampan di bawah objektif strategik memperkasa institusi berpacuan 4IR dengan meningkatkan tadbir urus melalui *lean management*. Usaha ini telah diperkenalkan pada tahun 2018 bagi memenuhi keperluan perkhidmatan awam yang cekap dan efektif kepada pemegang taruh JPPKK amnya dan Kolej Komuniti Tapah secara khususnya. Usaha ini juga ditegaskan melalui penetapan petunjuk prestasi utama (KPI) kepada setiap institusi dan diteruskan sehingga ianya menjadi amalan baik disetiap institusi. Justeru KPI ini merupakan usaha penambahbaikan yang amat praktikal bagi meningkatkan produktiviti di tempat kerja dalam memenuhi misi jabatan dan penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.

Kesimpulannya, pengurusan *lean* adalah satu pendekatan dan usaha yang baik di dalam sesebuah pengoperasian institusi di bawah JPPKK dengan memberi fokus kepada konsep pengurangan dan penghapusan pembaziran serta pengurangan kos operasi. Usaha ini juga dapat menjana idea dan percambahan minda warga kerja yang kreatif dan inovatif supaya lebih berdaya saing dalam meningkatkan kompetensi dan produktiviti warga kerja di persada dunia.


KONSEP PEMBANGUNAN iSenggara

iSenggara adalah Sistem Pengurusan Maklumat Penyelenggaraan Infrastruktur dan Peralatan merupakan perisian web dalam talian yang dibangunkan untuk merekod aduan kerosakan, mengurus tindakan pembaikan serta kos penyelenggaraan dan memeriksa aset kerajaan. Pembangunan iSenggara adalah disebabkan berlakunya kerja-kerja naik taraf bangunan di kolej yang mengakibatkan prasarana, keselesaan dan pengurusan aset alih terganggu. Aplikasi iSenggara dibangunkan menggunakan perisian Adobe DreamWeaver berasaskan teknologi VBscript dengan

pangkalan data MS-SQL dan MS-Access. Pembangunan sistem iSenggara dan pelaksanaannya adalah seperti rajah di bawah:



Rajah 1: Keadaan sebelum kewujudan iSenggara



Rajah 2: Keadaan selepas kewujudan iSenggara

Oleh yang demikian, pembangunan sistem iSenggara di Kolej Komuniti Tapah diwujudkan atas dasar pengurusan yang cekap dan sistematik melalui penerapan elemen pengurusan *lean* dalam sektor awam. Pengurusan data secara manual telah disepadukan secara sistematik melalui pembangunan sistem iSenggara. Secara keseluruhannya, persepsi pengguna terhadap sistem iSenggara adalah baik menjadikan sistem ini satu mekanisme capaian maklumat penyelenggaraan yang cekap dan sistematik.

AMALAN PENGURUSAN LEAN MELALUI SISTEM iSenggara DI KOLEJ KOMUNITI TAPAH

Kolej Komuniti Tapah mengambil pendekatan yang progresif dan optimis seiring dengan perkembangan teknologi terkini. Manfaat pembangunan sistem iSenggara diselaraskan dengan pelaksanaan konsep *lean* seperti berikut:

Produktiviti kerja dan peningkatan kompetensi

Melalui pembangunan sistem ini, warga Kolej Komuniti Tapah boleh melaksanakan prosedur kerja seperti menyampaikan aduan kerosakan, mengklasifikasikan tindakan mengikut kategori, menguruskan laporan serta menyampaikan maklumbalas tindakan dan akhir sekali menjana laporan atau statistik penyelenggaraan dengan tepat.

Selain itu, Unit Pembangunan akan menjadi lebih peka dalam urusan mengemaskini maklumat dan data memandangkan ianya akan memberi implikasi kepada pengguna sistem sekiranya terdapat data yang salah dan tidak dikemaskini. Oleh yang demikian, situasi ini dapat mewujudkan suasana kerja yang kondusif serta produktif seperti:

Menjimatkan ruang penyimpanan dokumen

Segala proses kerja secara manual dapat dikurangkan kerana gerak kerja berlaku secara maya. Ruang penyimpanan dokumen dapat diminimakan kerana ianya disimpan secara maya. Pemilik proses atau Pegawai Pembangunan hanya perlu mencetak dan menyimpan laporan akhir sahaja di dalam fail unit sekaligus dapat menjimatkan ruang penyimpanan dokumen di pejabat.

Menjimatkan masa dan penggunaan sumber

Sistem ini dapat diakses tanpa mengira lokasi dan masa. Jika berlaku sesuatu kerosakan, warga Kolej boleh terus membuat aduan kerosakan walaupun hanya menggunakan telefon pintar. Jika borang aduan kerosakan secara manual, ada kemungkinan risiko staf kesuntukan masa untuk mengisi borang dan seterusnya lupa untuk membuat aduan kerosakan. Selain itu, penggunaan kertas dan mesin fotostat juga dapat dikurangkan dan dokumen dicetak mengikut keperluan sahaja. Ini secara tidak langsung dapat mengelakkan pembaziran sumber apabila berlaku kesilapan dan pengemaskinian dalam proses kerja atau perubahan dokumen.

Capaian maklumat yang pantas dan terkini

Semua warga kerja Kolej Komuniti Tapah dapat mengakses maklumat berkaitan penyelenggaraa, pengurusan penyelenggaraan infrastruktur dan peralatan dengan pantas pada bila-bila masa dan di mana jua berada. Selain itu, masalah seperti tidak mendapat maklumat yang sahih serta kesilapan dalam penggunaan dokumen yang tidak dikemaskini juga dapat diatasi kerana ianya dipaparkan di dalam suatu medium dan boleh diakses oleh ramai pengguna.

Medium komunikasi dan sebaran maklumat

Semua maklumat boleh dicapai di aplikasi iSenggara kerana ianya mekanisme capaian maklumat penyelenggaraan yang cekap dan sistematik. Hebahan maklumat berkaitan seperti status pembaikan, statistik serta laporan berkaitan dapat dijana dan dicapai oleh pengguna. Sebarang makluman terkini juga boleh dilihat di paparan aplikasi iSenggara kerana ianya medium yang berkesan untuk menyampaikan maklumat yang jelas, efektif dan sistematik.

KESIMPULAN

Amalan *lean* dan pembangunan sistem iSenggara adalah dua titik pertembungan usaha penambahbaikan yang menzahirkan hubungan yang sangat kompleks dan sepadu. Penerapan amalan *lean* di dalam sistem iSenggara menjadikan pengurusan maklumat penyelenggaraan infrastruktur dan peralatan Kolej Komuniti Tapah ditahap yang sangat baik kerana ianya diuruskan secara sistematik. Kajian yang bertajuk Persepsi Pengguna Terhadap Pembangunan iSenggara Sistem Pengurusan Maklumat Penyelenggaraan Infrastruktur dan Peralatan telah membuktikan iSenggara merupakan satu inovasi yang dapat membantu staf Kolej Komuniti Tapah membuat aduan kerosakan, Unit Pembangunan dan Unit Pengurusan Aset menguruskan maklumat penyelenggaraan dan aset kerajaan dengan mudah (Nor Atikah, 2021). Namun seiring dengan perubahan teknologi dan globalisasi semasa serta perkhidmatan yang berkualiti, usaha untuk mempertingkatkan lagi tahap keberkesanan sistem iSenggara ini adalah dicadangkan dengan mempelbagaikan fungsi-fungsi dari segi pelaporan dan gambar-gambar berkaitan.

RUJUKAN

- Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (2018), Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti 2018-2025
- Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (2018), Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti 2018-2025
- Ng Kam Chiu (1997). Service target and methods of redress: The impact of accountability in Malaysia, *Public Administration and Development*, 17 (2): 175-180.
- Nor Atikah Mohd Nawi. (2021). Persepsi Pengguna Terhadap Pembangunan iSenggara Sistem Pengurusan Maklumat Penyelenggaraan Infrastruktur. *eProsiding National Technology Research in Engineering, Design and Social Science*, 549-555.
- Nurhuda Nizar, Rosidi Yub & Isrul Hasrita Ismail. (2020). Pengurusan Lean: Pembangunan Web Sistem Pengurusan Kualiti. *eProceeding 10th National Conference in Education & Vocational Education*, 1096-1102.

MAKANAN BERISIKO MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Noradilah binti Mohd Idris
Kolej Komuniti Chenderoh Perak
noradilah.idris@kkche.edu.my

Zul-kifli bin Hussin
Universiti Sultan Azlan Shah

ABSTRAK

Isu makanan berisiko merupakan antara isu semasa yang tidak pernah putus diperkatakan. Isu permasalahan yang timbul adalah berkaitan pengambilan makanan berisiko yang diambil secara berlebihan. Pengambilan makanan berisiko yang dimaksudkan ialah pengambilan makanan yang mempunyai kadar gula, garam dan lemak yang tinggi. Impak dari pengambilan makanan berisiko ini menyebabkan kemudaratan kepada kesihatan manusia. Justeru, penulisan ini adalah bertujuan untuk mengkaji permasalahan pengambilan makanan berisiko merujuk dari sudut perspektif Islam, sama ada makanan berisiko yang diambil menepati kehendak syara' yang ditetapkan dalam Islam atau sebaliknya. Penyelidik menggunakan kaedah kualitatif dari data sekunder bagi menghasilkan dapatan kajian. Kaedah kajian yang digunakan adalah analisis dokumen. Hasil kajian mendapati produk makanan berisiko memberi mudarat kepada kesihatan manusia dan tidak seiring dengan prinsip-prinsip asas yang terkandung dalam maqasid syariah. Oleh itu, hukum pengambilan makanan berisiko adalah tidak harus di sisi Islam.

KATA KUNCI: *Perspektif Islam, makanan berisiko.*

PENGENALAN

Isu makanan berisiko merupakan bualan hangat semasa dan tidak putus dibincangkan dalam pelbagai media. Namun terdapat segelintir masyarakat masih mengambil ringan tentang bahaya pengambilan makanan berisiko. Berlakunya peningkatan kadar risiko penyakit kronik adalah disebabkan oleh pengambilan produk makanan yang mempunyai gula, garam dan lemak yang tinggi. (Yasmine Motarjemi, et al., 2014)

Makanan berisiko terdiri daripada dua perkataan asas iaitu makanan dan penyakit. Merujuk kepada Kamus Dewan (2005), definisi makanan memberi maksud kepada apa sahaja bahan yang boleh diambil sebagai makanan seperti roti, nasi dan sebagainya. Manakala perkataan penyakit boleh didefinisikan sebagai sesuatu yang menjadi punca kepada penyakit ataupun sesuatu perkara yang menyebabkan kesihatan individu terganggu.

Merujuk kepada *Encyclopedia of Food Safety*, definisi perkataan berisiko ditentukan oleh kehadiran bahaya yang ada pada makanan dan kadar kuantiti makanan yang diambil. Oleh itu, konsep makanan berisiko ini boleh diertikan kepada apa sahaja makanan yang diambil yang menjadi punca kepada individu mendapat penyakit. (Yasmine Motarjemi, et al., 2014)

Pelbagai kajian sains telah dijalankan untuk menentukan sama ada terdapat hubungan diantara makanan dan penyakit. Didapati kebanyakan hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan diantara

makanan dan penyakit sama ada memberi manfaat kepada tubuh badan atau membawa mudarat kepada kesihatan. (Yasmine Motarjemi, et al., 2014)

Penyelidik Vasanti et al. (2010), telah menjalankan kajian untuk mencari hubungan pengambilan minuman ringan atau minuman tenaga dengan penyakit kronik seperti sindrom metabolik dan diabetes jenis II. Hasil keputusan daripada kajian itu mendapati kekerapan pengambilan minuman manis bertin pada kadar yang tinggi (anggaran 1 hingga 2 tin sehari) mempunyai risiko tinggi lebih 26% berbanding individu yang kurang mengambil air manis (tidak ambil atau kurang dari 1 tin sebulan) untuk menjadi penghidap penyakit diabetes jenis II)

Manakala terdapat juga kaji selidik dijalankan untuk mengenalpasti hubungan berkaitan kesan pengambilan daging segar dan daging terproses dengan penyakit jantung oleh Renata Micha et al. (2010). Berdasarkan kepada hasil kajian yang dilakukan oleh beliau didapati bahawa pengambilan daging merah tidak mempunyai kaitan dengan penyakit jantung. Berbeza dengan pengambilan daging terproses di mana hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan positif dengan penyakit jantung pada kadar risiko tinggi lebih 42% untuk mendapat penyakit jantung koronari. Bahkan juga tinggi kadar untuk mendapat penyakit kencing manis iaitu sebanyak 19% lebih daripada individu yang tidak mengambil atau kurang mengambil minuman manis bertin ini.

Beberapa kumpulan makanan yang membawa risiko tinggi kepada penyakit kronik adalah seperti jadual 1 yang di bawah:-

Jadual 1: Kumpulan Makanan yang Menyebabkan Penyakit

Kumpulan Makanan	Ciri- Ciri Makanan	Penyakit
Makanan tinggi kalori	Minuman manis, makanan bergoreng & sebagainya	Penyakit Jantung
Makanan tinggi kolesterol	Organ dalaman, makanan laut seperti udang, sotong, ketam & sebagainya, kuning telur	Obesiti & Penyakit Jantung
Makanan punca tinggi tekanan darah	Makanan masin & tinggi garam	Buah Pinggang & hipertensi
Makanan punca tinggi gula dalam darah	Manisan & minuman bergula	Diabetes & obesiti

Sumber: Musfirah Syahida et al. (2015)

SOROTAN KAJIAN

Manusia memerlukan makanan untuk meeneruskan kelangsungan hidup secara sihat di atas muka bumi ini. Corak pengambilan makanan yang baik memberi kesan positif terhadap kesihatan badan dan membantu dalam memulihkan penyakit manakala corak pengambilan makanan yang tidak baik memberi impak negatif kepada kesihatan individu.

Namun apa yang menyedihkan, masyarakat kebanyakannya memandang ringan terhadap kepentingan pengambilan makanan yang baik dan lebih cenderung untuk mengambil makanan berisiko yang membawa mudarat kepada kesihatan. Hal ini disahkan oleh laporan Pertubuhan Kesihatan Sedunia dan Pertubuhan Makanan dan Pertanian Sedunia, bahawa pembunuh utama manusia berpunca daripada amalan pemakanan manusia itu sendiri bukan disebabkan aids, malaria,

kebuluran atau merokok. (world Helath Organization, 2002)

Amalan pemakanan yang baik hendaklah diamalkan supaya kemudharatan boleh dielakkan. Menurut Noorsyazielah saleh, (2013), “kita adalah apa yang kita makan. Tabiat pemakanan yang baik dan seimbang perlu dijadikan amalan kehidupan seharian agar individu sentiasa berada dalam keadaan sihat. Amalan pengambilan makanan yang baik wajar dimulakan dari peringkat awal kanak-kanak lagi. Hal ini kerana pengaruh positif makanan terhadap kesihatan bermula sejak kecil lagi di mana makanan membantu menguat imunisasi semula jadi tubuh.

Memelihara kesejahteraan diri merupakan elemen yang sangat penting disisi Islam. Islam bukan sahaja mementingkan kesihatan dari sudut jasmani sahaja bahkan termasuk rohani, akal, psikologi. Kesihatan jasmani, rohani, akal dan psikologi hendaklah dipelihara demi kemakmuran dan keselamatan manusia di dunia dan akhirat. (Zainun Ishak, 2006; Zawanah Muhammad, Munir Md Salleh & Abd Muhaimin Mahmood, 2008), Anugerah kepelbagaian sumber makanan daripada Allah SWT hendaklah digunakan sebaiknya dan penuh bijaksana agar tidak mencampakan diri kepada kebinasaan seperti firman Allah:

Maksudnya:

“Dan belanjakanlah (apa yang ada pada kamu) kerana (menegakkan) agama Allah, dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan (dengan bersikap bakhil); dan baikilah (dengan sebaik-baiknya segala usaha dan)perbuatan kamu; kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya” (Q.S. Al-Baqarah: 2:195).

METADOLOGI

Penyelidikan ini menggunakan kaedah kualitatif dari sumber sekunder seperti bahan bercetak iaitu jurnal, artikel, kitab, buku dan seumpamanya bagi menghasilkan dapatan kajian. Kaedah kajian yang digunakan adalah analisis dokumen.

HASIL KAJIAN: PERBINCANGAN HUKUM MAKANAN BERISIKO MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Memelihara kesejahteraan kesihatan sangat dituntut dalam Islam. Setiap individu perlu sihat untuk meneruskan kelangsungan hidup dan melaksanakan tanggungjawab sebagai hamba Allah SWT dan juga khalifah di dunia ini. Memelihara kesejahteraan diri adalah penting dan seiring dengan prinsip asas yang kedua daripada lima iaitu menjaga diri/nyawa (*hifz al-nafs*) yang terdapat dalam maqasid syariah.

Hukum- hakam dalam syariat Islam ditentukan lima cabang hukum iaitu Halal, Haram, *Makruh*, *Sunnah* dan *Mubah*. Seluruh tindakan dan perilaku seseorang Muslim diukur dengan kesesuaian hukum-hukum tersebut. Semua perkara yang baik yang dilakukan akan dikurniakan ganjaran pahala manakala perkara yang membawa kepada akibat buruk adalah haram dan mengakibatkan dosa dan kemurkaan oleh Allah SWT.

Tabiat mengamalkan makanan berisiko mengundang impak negatif iaitu ia membawa kepada kemudaratan dari sudut kesihatan. Hal ini menimbulkan persoalan hukum yang perlu dibincangkan kerana membuatkan keadaan pesakit kronik terutamanya mendapat simptom simptom penyakit yang boleh membahayakan nyawa. Begitu juga dengan individu yang sihat sekiranya tiada kawalan dalam pengambilan makanan berisiko ini akan meninggikan kadar risiko untuk mendapat penyakit kronik.

Di dalam al-Quran, tiada nas yang menerangkan tentang pengambilan makanan berisiko, walaubagaimanapun Allah SWT ada menyatakan larangan mencampakkan diri ke dalam kebinasaan seperti firman Allah SWT:

MaksudNya:

Dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri ke dalam bahaya kebinasaan (Q.S. Al- Baqarah: 2:195).

Oleh yang demikian, sebagai seorang muslim sejati haruslah bijak dalam menjaga kesihatan diri dan tidak melakukan perkara-perkara yang boleh menyebabkan kepada kebinasaan dan mudarat kepada diri kerana perbuatan mendedahkan diri dalam bahaya dilarang dalam Islam. Selari dengan perbincangan dalam *Mawsu'ah al- Fiqhiyyah* iaitu *illah*, makanan yang disepakati haram adalah makanan yang boleh menyebabkan mudarat kepada tubuh badan dan akal, memabukkan, makanan bernajis dan makanan yang diambil tanpa mendapat keizinan dari pemiliknya. (A.b Latif Muda & Rosmawati Ali, 2012)

Isu persoalan mengambil makanan berisiko yang boleh membawa kepada mudarat kepada tubuh. Keadaan ini akan menjadi lebih tenat kepada pesakit kronik kerana mudah mengalami simptom-simptom dan komplikasi yang boleh meragut nyawa. Oleh itu, kategori makanan berisiko wajar dikawal dan dielakkan demi kemaslahatan manusia .

Prinsip asas dalam hukum Islam menjelaskan bahawa asal sesuatu adalah harus. Namun begitu, sekiranya tidak terdapat nas atau bukti keterangan tentang pengharaman makanan atau minuman tersebut, maka hendaklah makanan dan minuman diletakan pada hukum asalnya iaitu harus atau halal. Daripada Saidatina Aisyah, Rasulullah SAW bersabda:

Maksudnya: Janganlah memudaratkan diri sendiri dan memberi kemudaratan kepada orang lain". (Al-Suyuti t,t)

Maka hendaklah sebagai Muslim yang taat tidak melakukan perkara-perkara yang membawa kepada kemudaratan diri sendiri dan tidak pula memberi kemudaratan kepada orang lain. Perbuatan yang memberi mudarat kepada diri atau masyarakat adalah tidak harus di sisi Islam. Punca pengambilan makanan berisiko merupakan faktor utama yang boleh membawa mudarat kepada kesihatan. Namun begitu faktor makanan merupakan faktor yang boleh berubah (*modifiiable risk*). Oleh itu, pilihan dan pengambilan makanan boleh dirancang dan diamalkan sesuai dengan keadaan dan keperluan individu masing-masing. Sikap negatif yang cenderung untuk mengamalkan makanan berisiko dan mengambil buah-buahan dan sayur-sayuran yang sedikit boleh menyebabkan seseorang itu menghidap penyakit kronik. (Yasmine Moterjemi, et al.,2014)

Penghidap pesakit kronik perlu mengamalkan gaya hidup dan pengambilan makanan secara sihat. Pengambilan makanan berisiko wajarlah dielakkan dan dihentikan. Perancangan pengambilan diet selamat yang dinasihatkan oleh pakar pemakanan hendaklah dituruti dengan baik. Penghidap penyakit kronik yang tegar dan tidak mengambil endah untuk mengambil makanan secara sihat seperti yang dinasihatkan oleh pakar pemakanan adalah dilarang dan tidak harus di sisi Islam. Hal ini kerana boleh menyebabkan komplikasi yang kritikal kepada pesakit kronik bahkan

sehingga boleh meragut nyawa.

Bagi individu sihat, hendaklah mengurangkan atau mengelakkan pengambilan makanan berisiko supaya tubuh kekal sihat dan dapat mencegah kepada penyakit kronik. Pengambilan makanan sihat dan seimbang merujuk kepada piramid makanan elok untuk diamalkan. Selain itu hendaklah bersederhana dalam pengambilan makanan. Mengambil lebih buah-buahan dan sayur-sayuran serta bijirin. Mengamalkan gaya hidup sihat seperti beriadah dan bersukan. Memelihara kesihatan diri sangat dituntut oleh Islam agar manusia dapat meneruskan kelangsungan hidup dengan lebih berkualiti sebagai hamba Allah SWT dan khalifah yang bertakwa.

CADANGAN DAN KESIMPULAN

Amalan pengambilan makanan yang baik cenderung untuk penjagaan kesihatan diri yang optimum. Demi memastikan penjagaan diri terpelihara maka hendaklah setiap individu merancang dan mengambil makanan yang baik dan tidak memberi mudarat kepada kesihatan bukan hanya sekadar halal dari segi zatnya sahaja. Makanan yang didapati berisiko dan memberi kemudaratkan kepada tubuh badan perlu dicegah sesuai dengan prinsip *maqasid syariah* yang menekankan pemeliharaan “al-Ahkamah al-khamsah” iaitu kepentingan dalam memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

RUJUKAN

A.b Latif Muda & Rosmawati Ali. (2012). Pengantar Usul Fiqh. Kuala Lumpur: Pustaka Salam SDN.BHD.

Ab. Latif Muda & Rosmawati Ali (2012), Usul Fiqh & Kaedah Fiqh, Pustaka salam Sdn Bhd.

Ab. Latif Muda & Rosmawati Ali. (2010). Perbahasan Kaedah - Kaedah Fiqh. Kuala Lumpur: Pustaka Salam SDN.BHD.

Abdullah Akhili Abdul Latif & Farah Diana. (1999). Asas-Asas Islam I. Selangor: Global Printer SDN. BHD.

Al-Buti, Al-Muhammad Sa'id Ramadan (1982). *Dawabit al-Maslahah fi al-Shari'at al-Islamiyyah*. Ed. ke-4. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.

Al-Suyuti (t,t). Kitab al-Asybah wa al-Nazha'ir (hlm.173-181) *healthy life*. Geneva: World Health Organization.

Ibn Kathir (1996), *Tafsir al-Quran al-Azim*, Beirut: Maktabah al-Asriyyah. Ibn Kathir, Ismail ibn 'Umar. (2000) Tafsir Ibn Kathir. Riyadh: Dar al-Salam.

Muhammad Yusuf Qardhawi (1993). Halal & Haram dalam Islam. PT Bina Ilmu

Musfirah Syahida Mohamad, Saadan Man & Mohd Anuar Ramli (2015), Keselamatan Makanan Menurut Perspektif Islam: Kajian Terhadap Pengambilan Makanan Berisiko Jurnal Fiqh, No. 12 (2015) 1-28 Muslim, Abi al-Husyn, Ibn al-Hajjaj al-Qusyari al-Naisaburi (2002), *Sahih*

Muslim, Noorsyazielah Saleh (2013) Kesedaran Terhadap Amalan Pemakanan Seimbang dalam Kalangan Pelajar Politeknik Merlimau Melaka: Satu Tinjauan . Fakulti Pendidikan Teknikal Dan Vokasional Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Pang, F. dan P. S. Toh. (2008). *Hawker Food Industry: Food Safety/Public Health Strategies in Malaysia. Nutrition and Food Science*. 38 (1): 41-51.

Phuah Kooi Ean (2006), Pemakanan, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka

Renata Micha et al., “Red and Processed Meat Consumption and Risk of Incident Coronary Heart Disease, Stroke and Diabetes Mellitus,” *Circulation* 121, no. 21 (2010), 2271.

Vasanti S. Malik et al., “Sugar-sweetened Beverages and Risk of Metabolic Syndrome and Type 2 Diabetes,” *Diabetes Care* 33, no. 11 (November 2010), 2477.

World Health Organization. (2002). *World Health Report: Reducing risks, promoting*

Yahaya (2011), Makanan Menurut Hukum Islam dan Kesihatan, diakses menerusi: um.edu.my.
Yasmine Motarjemi et al (2014), *Encyclopedia of food Food safety Safety*. USA: Elsevier.

Yusuf al-Qaradawi (1993), *al-Halal wa al-Haram fi al-Islami*, c.11, Kaherah: Maktabah Wahbah, h.14.

Zainun Ishak (2006). Panduan Kesihatan Dan Keselamatan Kanak-kanak. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Zawanah Muhammad, Munir Md Salleh, Abd Muhaimin Mahmood. (2008). Halal: Antara Tuntutan Agama dan Strategi Ekonomi. Prosiding Seminar Pentadbiran Hal-Ehwal Islami Di Malaysia: Cabaran Semasa Dan Perancangan Masa Depan. Ogos 6-7. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.

PINEAPPLE MIX SEAWEED JAM: HEALTHY FOOD PRODUCT

Norashikin Anjur
Kolej Komuniti Tampin
 norashikin.anjur@kktns.edu.my

Azwan Abdullah
Kolej Komuniti Tampin

ABSTRACT

The innovation of the product produced is related to seaweed-based seafood products; pineapple mix seaweed jam. The main factor in choosing a seaweed-based food is expanding the commercialization of local seaweed products. The main objective of preparing this product is to produce innovation in seaweed-based foods in order to reduce seaweed dumping in Sabah and expand commercial locally grown seaweed products. The pineapple mix seaweed jam was prepared by cooking cleaned fresh seaweed until melting at a temperature of 80°C. Then it was mixed with the blended pineapple and cooked up to the appropriate concentration to produce jam. This pineapple mix seaweed jam contains the essential nutrients humans require. The study was conducted at Politeknik Sandakan, Sabah. A survey form of questionnaires was distributed to the respondents in the study area. Respondents were randomly selected to answer and fill out a questionnaire related to the product features. Feedback from the distributed questionnaires found that the respondents were fond of this innovative product. This product can be accepted as a nutritious food because of the micronutrient-rich nature of seaweed.

KEYWORDS: *Kappaphycus, Malaysia seaweed, healthy jam, nutritional food*

INTRODUCTION

Seaweeds are marine macroalgae that are rich in macro and micronutrients. There are more than 600 edible seaweed species recognized worldwide. They have great nutritional content which is low caloric food and rich in vitamins, minerals, carbohydrates, antioxidants and dietary fibers (Leandro et al., 2019). The main seaweed produced in Malaysia is *Kappaphycus* spp. from Semporna, Tawau, Kunak and Lahad Datu which are located in Sabah. *Kappaphycus* spp. was sold in two forms: (i) dried seaweed and (ii) fresh seaweed. This seaweed can be processed into carrageenan and directly consumed freshly (Nor et al., 2020). *Kappaphycus* spp. possess high market demand, particularly from countries with no traditional consumption or use of seaweeds. Global seaweed production expanding exponentially over the last few decades since it is very important for food and nonfood industries (Msuya et al., 2022). *Kappaphycus alvarezii* suggested could be used as a potential feed additive because of its favorable chemical and nutritional features. There are no significant differences in metal concentrations were detected (Ariano et al., 2021; Kumar et al., 2014).

Seaweeds are good sources of food and medicine. Food products like jelly, jam, pickle, etc. can be prepared from seaweeds. Many bioactive compounds can be extracted from seaweeds

Seaweed meal and seaweed liquid fertilizer are also manufactured from marine algae. There are a lot of human food products that can be produced by seaweeds such as Nori, Kombu and Wakame. There are also food recipes prepared using seaweeds such as salad, seaweed masala, seaweed pickle, seaweed wafer, seaweed porridge, seaweed jelly and seaweed jam. The methods for manufacturing different products from seaweed were mentioned by (Kaliaperumal, 2003). Seaweed jam production was made by preparing sugar syrup, adding seaweed powder such as *Ulva lactuca* and boiling for 15 minutes with stirring. Then edible colour and essence will be added and it will be ready to serve.

This study was conducted to find a new opportunity in preparing potential healthy food products from *Kappaphycus* spp. originated from Malaysia. Since our country produces more seaweeds from sea farms every year, the utilization of this raw seaweed food can be more varied in order to avoid seaweed dumping at the harvesting stage. This study is important to determine the preferability respondent of seaweed consumers as healthy food.

MATERIALS AND METHODS

Product Preparation

The production of this pineapple-mixed seaweed jam has gone through several main processes, such as soaking process, packaging, and cooling. This product used seaweed and pineapple with an average weight of 500g - 600g for each of these ingredients. Locally grown seaweed (*Kappaphycus* spp.) and pineapple were bought from the wet market in Sandakan. All the seaweed and pineapple were brought to the Food Laboratory at Politeknik Sandakan. Firstly, seaweed was cleaned with tap water. After that, the seaweed was soaked in clean water with lemons and pandan leaves and left overnight to reduce the fishy smell of the seaweed. The pineapple was peeled off. Then both the seaweed and pineapple were weighed using a digital balance. Seaweed and pineapple then were chopped and blended into the slurry. After that, both ingredients were boiled 80°C with 150 ml of water. Some sugar, salt and cinnamon are added to the jam and mixed well until become concentrated. Then the cooked jam was filtered using a filter to remove the excess pandan leaves, cinnamon and unmelted seaweed or pineapple. The last method is the process of cooling the jam at 5°C in the refrigerator.

Nutrition Analysis

Analysis of the nutritional value of the pineapple mix seaweed jam such as energy content, carbohydrates, protein, and fat was carried out based on the AOAC method.

Consumer Evaluation

Product Evaluation Panellists were chosen from staff, students and the community near the Politeknik Sandakan, Sabah. They were randomly selected based on their knowledge of seaweed (*Kappaphycus* spp.) as well as their regular consumption of jams. One hundred survey forms of questionnaires were distributed to the respondents in the study area. Respondents were randomly selected to answer and fill out a questionnaire related to the product features.

Questionnaire Development

A survey form was used as the main instrument in this study. Any grammatical and sentence structure was checked and corrected. The level of effectiveness of the survey form has been improved to ensure the understanding of the respondents. This survey form is then included with an explanation of the research method before the further process is carried out. This survey form uses two parts, namely part A and part B. Part A is used to obtain demographic information of respondents such as age, gender and race. While Part B contains 11 aspects to evaluate and identify the use and quality of the jam product. Part B used to collect information from respondents related to the acceptance and quality of jam products that have been produced according to the aspects that have been stated. In this section as well, a Likert scale is used to see the level of respondents' feedback on that aspect. After tasting the pineapple mix seaweed jam with bread, respondents were asked to give a score for each type of evaluation aspect using a 5-point Likert scale: 1 for "very bad", 2 for "bad", 3 for okey", 4 for "good" and 5 for "very good". The aspect of evaluation is in terms of taste, texture, appearance, aroma, and overall acceptance.

Data Collection

Data collection was carried out by recollecting the survey form that had been completely filled out by the respondents. This form was distributed to respondents by random distribution. Out of 100 sets of questionnaires, 50 forms were answered by Sandakan Polytechnic students and staff while the rest were filled in by the community residents. Only the completed and returned set of survey forms were analyzed.

RESULT AND DISCUSSION

Nutritional Information

The results of the nutritional content analysis of the pineapple mix seaweed jam that has been produced are as in Table 1. This product possesses high energy, carbohydrate and lipid content. There is no fat content detected by nutrition analysis. This makes the food reliable to be consumed. This jam can be categorized as a healthy jam because of the micronutrient-rich nature of seaweed. They are known as an excellent source of vitamins and minerals and a potential good source of protein (Leandro et al., 2019).

Table 1: Nutritional fact of pineapple mix seaweed jam produced.

Nutritional Information	Unit	Per 100 g
Energy	Kcal	145.00
Carbohydrate	g	35.6
Protein	g	0.6
Fat	g	0.0

Nowadays, in the technology development era, we are often surprised by issues involving balanced diet practices in the community. There are some people who do not prefer to consume vegetables that are rich in vitamins and minerals. Innovation of this product from high rich nutrients of seaweed can help the community to obtain the best nutrients to ensure health. Seaweeds are a good source of nutrients such as proteins, vitamins, minerals, and dietary fiber. Polyphenols, polysaccharides, and sterols, as well as other bioactive molecules, are mainly responsible for the healthy properties associated with seaweed. Antioxidant, anti-inflammatory, anti-cancer, and anti-diabetic properties are attributed to these compounds (Peñalver et al., 2020).

Procedure Frequency

Demographic data (respondent background) was analyzed using frequency procedures. All 100 questionnaires that were distributed were returned within the required time. Demographic data analysis shows that 50 peoples (50.0%) of the respondents are male while 50 peoples (50.0%) are female. Demographic data analysis by age showed that 59 people (59.0%) respondents were aged 21-30 years, 25 people (25.0%) were aged 31-40 years and 16 people (16.0%) were aged 41-50 years. A total of 53 respondents (53.0%) are Malay, 10 respondents (10.0%) are Chinese, 3 respondents (3.0%) are Indian and 34 respondents (34.0%) are other races.

Descriptive Analysis

Reliability analysis was performed on all 11 items in the questionnaire distributed. All items recorded a corrected item-total correlation (CITC) value above 0.30. Therefore, all the items studied are considered acceptable. Reliability analysis shows that all alpha values are above 0.70. The measurement dimension of individual judgment showed acceptable reliability (alpha = 0.84). The mean technique was used in descriptive analysis. The determination of the level of the mean value is based on the score chosen by the respondent for each item and analyzed using a statistical formula which is a Likert scale to categorize it into four parts as shown in Table 2.

Table 3 shows the mean score and standard deviation for the quality and overall acceptance of the pineapple mixed seaweed jam product. The quality and overall acceptance of pineapple mix seaweed products can be interpreted as good where the overall mean average recorded a value of 3.42. Analysis of all eleven items has a mean value between 3.11 - 3.87 (good). For future production, the quality of this product may be increased especially for the item that possesses the lowest score, especially for the seaweed smell and jam clarity.

Table 2: Range of Mean Score

Mean Score Range	Descriptive Interpretation
1.00 – 2.00	Very Bad
2.10 – 3.00	Bad
3.10 – 4.00	Good
4.10 – 5.00	Very Good

Table 3: Quality and overall acceptance of pineapple mix seaweed jam

No.	Item	Mean Score	Standard Deviation	Mean Interpretation
1	Colour	3.64	0.87	Good
2	Texture	3.38	1.03	Good
3	Sweetness	3.28	0.85	Good
4	Sourness	3.70	0.93	Good
5	Fruity Smell	3.15	0.78	Good
6	Seaweed Smell	3.11	0.99	Good
7	Fruity Taste	3.59	0.90	Good
8	Seaweed Taste	3.28	1.34	Good
9	Jam Clarity	3.11	1.05	Good
10	Jam Spreadability	3.54	1.05	Good
11	Overall Acceptance	3.87	1.14	Good

CONCLUSION

In conclusion, it is possible to state that this pineapple mix seaweed jam can be accepted as a healthy jam based on its properties and acceptance from all respondents. To make this product can be commercialized successfully, some improvements can be done to all the aspects tested. Furthermore, important nutritious elements such as micronutrients and macronutrients can be evaluated. This pineapple mix seaweed jam production can support the sustainable growth of the seaweed industry in Malaysia.

REFERENCE

- Ariano, A., Musco, N., Severino, L., De Maio, A., Tramice, A., Tommonaro, G., Damiano, S., Genovese, A., Olanrewaju, O. S., Bovera, F., & Guerriero, G. (2021). Chemistry of tropical eucheumatoids: Potential for food and feed applications. *Biomolecules*, 11(6), 804.
- Kaliaperumal, N. (2003). Products from seaweeds. *SDMRI Research Publication*, 3, 33–42.
- Leandro, A., Pereira, L., & Gonçalves, A. M. (2019). Diverse applications of marine macroalgae. *Marine Drugs*, 18(1), 17.
- Msuya, F. E., Bolton, J., Pascal, F., Narrain, K., Nyonje, B., & Cottier-Cook, E. J. (2022). Seaweed farming in Africa: current status and future potential. *Journal of Applied Phycology*, 34(2), 985–1005.
- Nor, A. M., Gray, T. S., Caldwell, G. S., & Stead, S. M. (2020). A value chain analysis of Malaysia's seaweed industry. *Journal of Applied Phycology*, 32(4), 2161–2171.

Peñalver, R., Lorenzo, J. M., Ros, G., Amarowicz, R., Pateiro, M., & Nieto, G. (2020). Seaweeds as a functional ingredient for a healthy diet. *Marine Drugs*, 18(6), 301.

Kumar, K. S., Ganesan, K., Selvaraj, K., & Rao, P. S. (2014). Studies on the functional properties of protein concentrate of *Kappaphycus alvarezii* (Doty) Doty - An edible seaweed. *Food Chemistry*, 153, 353–360.

PELAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN KUALITI DI ORGANISASI

Meor Hamzah bin Mohamed Zawawi
Kolej Komuniti Kepala Batas, Pulau Pinang
meorhamzah@kkkba.edu.my

Saipul Azmi bin Mohd Hashim
Kolej Komuniti Kepala Batas, Pulau Pinang

ABSTRAK

Skop amalan sistem pengurusan kualiti semakin berkembang di saat ini. Amalan sistem pengurusan kualiti bukan sahaja dipraktikkan di sektor pembuatan dan perindustrian, malah dapat dilihat sistem pengurusan kualiti telah menjadi salah satu amalan pengurusan kualiti utama di sektor pendidikan. Pemberian perkhidmatan pendidikan dan perkhidmatan sokongan merupakan sumber perkhidmatan yang menjadi teras kepada institusi pendidikan. Dengan pelbagai prosedur yang terlibat untuk mengurus selia organisasi, pemantauan secara berterusan perlu dilaksanakan secara efektif. Sekiranya isu atau masalah yang timbul tidak ditangani dengan baik, maka ia akan menyebabkan kepincangan kepada pengurusan pengajaran dan pembelajaran di institusi. Sehubungan itu, satu mekanisma untuk memantau dan menyelia sebarang isu yang berkaitan dengan pengurusan PdP diperlukan agar proses PdP dapat berjalan dengan lancar. Ekoran daripada itu, sistem pengurusan kualiti perlu dilaksanakan agar segala permasalahan dan isu di dalam pengurusan PdP dapat ditangani dengan baik. Penulisan ini cuba untuk mengupas isu-isu di dalam amalan pengurusan kualiti di Kolej Komuniti Kepala Batas dari sudut perlaksanaannya dalam mencapai aspirasi di dalam lonjakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

KATA KUNCI: *Kolej komuniti, sistem pengurusan kualiti, isu-isu*

PENGENALAN

Dewasa ini, isu kualiti sudah menjadi isu global. Produk atau perkhidmatan yang disediakan tidak dapat berkembang dengan baik tanpa kualiti. Keupayaan sesebuah organisasi untuk menyediakan perkhidmatan yang berkualiti menjadi pemacu kepada sebuah institusi yang cemerlang, kompetitif dan berdaya saing di peringkat arus perdana. Menurut Deming (1986), kualiti mesti diukur melalui hubungan di antara tiga aspek iaitu produk atau perkhidmatan, pengguna dan proses. Ketiga-tiga aspek berikut perlu diberi penekanan dalam skop pengurusan organisasi bagi memenuhi kehendak dan kepuasan pelanggan.

Abd Rahim (2012) menjelaskan, standard atau piawaian membawa maksud keseragaman bagi mengeluarkan sesuatu produk atau perkhidmatan manakala standard kualiti pula membawa pengertian yang menjurus kepada tahap yang perlu dicapai oleh organisasi bagi mencapai kepuasan pelanggan. Jadi, berdasarkan definisi tersebut, tahap kepuasan pelanggan adalah satu pemalar yang boleh diukur bagi menentukan tahap kualiti perkhidmatan yang diberikan. Kualiti perkhidmatan

tersebut diurus dan dipantau dengan menggunakan satu standard dan ia menjadi rujukan utama untuk membangunkan proses penyediaan perkhidmatan melalui satu bentuk prosedur yang menjamin pelaksanaan aktiviti yang optimum. Setiap prosedur tersebut dikelaskan di dalam satu struktur yang diklasifikasikan sebagai sistem pengurusan kualiti. Secara tidak langsung, sistem pengurusan kualiti di organisasi memberi maksud organisasi terikat dengan satu bentuk piawaian atau standard dalam menjamin kaedah penyampaian perkhidmatan dan produk yang berkualiti kepada pelanggan.

Sistem Pengurusan Kualiti di Malaysia telah diperkenalkan secara rasmi didalam pentadbiran awam pada 24 Jun 1990 dengan penerbitan buku Panduan Pengurusan dan Peningkatan Kualiti Perkhidmatan Awam. Telah lebih daripada dua dekad amalan sistem pengurusan kualiti diguna sama ada di peringkat jabatan kerajaan atau swasta. Sebagai sebuah institusi yang membekalkan tenaga kerja dalam bidang TVET, amalan sistem pengurusan kualiti merupakan satu proses yang signifikan dalam memastikan hasrat kerajaan untuk membekalkan ramai tenaga kerja dalam bidang TVET yang berkemahiran tinggi dan berkualiti tercapai. Selaras dengan 5 Tonggak Transformasi TVET Negara, amalan pengurusan kualiti amat penting dalam menentukan hala tuju transformasi TVET tersebut. Di samping itu, pelaksanaan sistem pengurusan kualiti yang sistematik dan progresif dapat menjamin persekitaran organisasi yang dinamik dan kondusif.

PENGURUSAN KUALITI DI ORGANISASI PENDIDIKAN

Umum mengetahui bahawa instrumen pengurusan kualiti utama yang dijadikan panduan oleh badan-badan kerajaan dan swasta adalah sistem pengurusan kualiti MS ISO (Malaysia Standard International Organisation for Standardization). Bagi organisasi pendidikan, salah satu agensi penarafan Malaysia, SIRIM, telah menyediakan pengiktirafan pensijilan MS ISO 9001:2015. Namun, kebelakangan ini tuntutan pemegang taruh menjadi semakin tinggi di dalam sektor pemberian perkhidmatan pendidikan. Maka pihak SIRIM telah memperkenalkan pula ISO 21001:2018 pada tahun 2018. Kebanyakan institusi pendidikan di Malaysia telah mendapat pengiktirafan ISO 21001:2018 atau lebih dikenali sebagai EOMS (Educational Organization Management System) dan tidak ketinggalan pada ketika ini, organisasi pendidikan seperti kolej komuniti juga dilihat telah mula merangka pelan dan tindakan untuk mendapatkan pensijilan ISO 21001:2018 dan pada masa yang sama, terdapat juga kolej komuniti yang telah mendapat pengiktirafan ISO 21001:2018. Antara elemen-elemen yang menjadi acuan di dalam MS ISO 9001:2015 dan ISO 21001:2018 adalah seperti berikut:

Profil Sistem Pengurusan Kualiti / Manual Kualiti

Merupakan sumber rujukan utama didalam pelaksanaan ISO 21001:2018, profil Sistem Pengurusan Kualiti disediakan untuk memenuhi matlamat dan objektif yang telah ditetapkan oleh organisasi bagi memberi perkhidmatan kepada pihak berkepentingan selaras dengan standard MS ISO 9001:2015 dan ISO 21001:2018. Profil mengandungi dasar kualiti, objektif kualiti dan prinsip asas yang memandu pelaksanaan proses Pemberian Perkhidmatan Pendidikan dan Prosedur Sokongan.

Prosedur Kualiti

Satu bentuk panduan yang dibangunkan untuk membantu pemegang proses mengenalpasti aturan satu proses kerja yang mempunyai maklumat *input* dan *output*.

Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan

Sebuah mesyuarat yang dihadiri oleh pihak pengurusan tertinggi bersama pemegang proses. Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan atau MKSP membincangkan tentang pencapaian objektif kualiti dan perubahan isu luaran dan dalaman. Di dalam MKSP juga, sebarang penemuan di dalam audit dalaman dan audit pematuaan dibincangkan bersama-sama dengan langkah-langkah penambahbaikan yang telah dilaksanakan.

Audit Dalam

Audit dalam merupakan satu entiti bebas, yang ditugaskan untuk mengenalpasti keberkesanan pelaksanaan sistem pengurusan kualiti di organisasi. Audit dalam berperanan memberi cadangan dan saranan secara objektif untuk menambah nilai dan meningkatkan tahap operasi sesebuah organisasi. Objektif audit dalam adalah untuk membantu sesebuah organisasi mencapai matlamatnya melalui pendekatan yang sistematik dan berdisiplin untuk menilai dan memperbaiki keberkesanan kawalan, pengurusan risiko dan proses tadbir urus.

LAPAN PRINSIP PENGURUSAN KUALITI

Berdasarkan huraian penulis di Koleksi Penulisan Ilmiah dan Kreatif (2016), setiap piawaian yang dibangunkan adalah tertakluk kepada prinsip yang telah ditetapkan. Di dalam sistem pengurusan kualiti ISO, terdapat 8 prinsip utama yang menjadi tunjang kepada aspek pembangunan kualiti bagi sesebuah organisasi. Setiap prinsip tersebut adalah penting dalam menjayakan misi kolej komuniti untuk menyediakan akses yang meluas kepada program TVET berkualiti dan diiktiraf.

Prinsip Pertama: Tumpuan kepada Pelanggan

Setiap institusi atau organisasi yang ditubuhkan adalah di atas keperluan pelanggan. Pelajar dan masyarakat sekitar adalah merupakan pelanggan kepada kolej komuniti. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab organisasi untuk memahami kehendak semasa dan masa depan pelanggan.

Prinsip Kedua: Kepimpinan

Kepimpinan memainkan peranan yang penting dalam menentukan hala tuju kualiti dan kecemerlangan sesebuah organisasi. Seorang pemimpin yang berintegriti perlu mempunyai iltizam, berwawasan, menetapkan sasaran yang jelas, berpegang pada prinsip bersih, cekap dan amanah, menunjukkan teladan yang baik dan berhemah (PIN, 2004). Menjadikan pemimpin sebagai *role model*, keberkesanan pengurusan kualiti yang efektif dapat mempengaruhi komitmen ahli organisasi untuk memberikan perkhidmatan yang cekap dan berkualiti.

Prinsip Ketiga: Penglibatan Anggota Organisasi

Tidak dinafikan, anggota organisasi merupakan tulang belakang dalam menggerakkan mekanisme pengurusan kualiti. Integrasi secara sistematik di antara anggota organisasi dan pengurusan kualiti dapat meningkatkan prestasi operasi dan perkhidmatan pelanggan yang berkaitan dengan kualiti secara menyeluruh. Peranan yang dimainkan oleh setiap anggota organisasi secara umumnya adalah dilihat sebagai fungsi pengurusan secara keseluruhan yang bertindak sebagai pelaksana dan penentu polisi kualiti di organisasi.

Prinsip Keempat: Pendekatan Proses

Teras di dalam pendekatan proses yang dijustifikasikan oleh ISO 9001 atau ISO 21001 adalah kaedah pelaksanaan *Plan, Do, Check* dan *Act* atau Kitaran Deming. Pengurusan kualiti dapat dirancang dan dilaksanakan secara sistematik dan teratur dengan pendekatan kaedah *PDCA* ini. Penglibatan anggota samaada di peringkat pengurusan dan pelaksana adalah sangat penting agar interaksi di antara kitaran proses-proses tersebut berterusan.

Prinsip Kelima: Pengurusan yang Mengamalkan Pendekatan Sistem

Setiap proses kerja yang dibangunkan perlu mengambil kira hubungkait kaedah pelaksanaan dengan perkhidmatan yang disediakan. Segala input dan output kepada proses tranformasi ini akan dikenalpasti agar objektif organisasi tercapai. Pengurusan berdasarkan kepada pendekatan sistem dapat mengemaskini prosedur kerja yang dapat menyumbang kepada hasil yang diperlukan dan organisasi dapat menambahkan keyakinan kepada pihak yang berkepentingan terhadap keberkesanan dan kecekapan organisasi.

Prinsip Keenam: Penambahbaikan Secara Berterusan

Untuk menjamin pengurusan kualiti yang cekap, setiap kaedah penyelesaian kepada masalah yang timbul hendaklah diterokai dan dikaji. Usaha-usaha penambahbaikan secara berterusan hendaklah menjadi agenda tetap organisasi sejajar dengan visi dan misi kolej komuniti. Proses penambahbaikan secara berterusan ini dapat menggalakkan peningkatan berterusan sistem pengurusan kualiti organisasi.

Prinsip Ketujuh: Pendekatan Membuat Keputusan Berdasarkan Fakta

Segala keputusan yang diambil oleh organisasi hendaklah menjurus ke arah pencapaian objektif dan kebaikan organisasi. Setiap keputusan yang diambil hendaklah merujuk kepada fakta dan fakta yang kukuh dapat menjamin kualiti keputusan yang diambil. Secara tidak langsung, ia dapat merangsang anggota organisasi untuk membuat keputusan melalui pendekatan kognitif yang dapat menjana pemikiran yang lebih kreatif dan kritis.

Prinsip Kelapan: Hubungan dengan Pelanggan untuk Faedah Bersama

Pengurusan kualiti organisasi melalui pendekatan holistik dapat membentuk jaringan interaksi dan perhubungan di antara organisasi dan pelanggan yang cekap dan dapat membuka laluan kepada usaha-usaha berterusan organisasi dalam menjamin kualiti perkhidmatan kepada pelanggan.

CABARAN DI DALAM PELAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN KUALITI DI ORGANISASI

Organisasi berhadapan dengan satu tugas sukar untuk membina budaya kualiti di dalam kalangan anggota organisasi kerana persediaan dari segi disiplin dan amalan yang berterusan amat diperlukan dalam perlaksanaan proses ini. Setiap ahli organisasi perlu menerima perubahan minda (anjakan paradigma). Ahli di dalam organisasi tidak seharusnya terus berada di zon selesa. Setiap cabaran dan halangan perlu ditempuhi secara berpasukan, bukan secara individu. Terdapat individu dalam organisasi merasakan perubahan akan mengganggu rutin dan cara kerja seharian. Perubahan itu perlu dilaksanakan untuk menjaga kepentingan organisasi bukan kepentingan individu.

Pelaksanaan sistem pengurusan kualiti dilihat akan memandu setiap ahli di dalam organisasi untuk bekerja mengikut kerangka yang telah ditetapkan. Bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan sistem pengurusan kualiti, komitmen setiap ahli organisasi dalam memikul tanggungjawab dan peranan masing-masing adalah sangat diperlukan.

Pengiktirafan sesebuah organisasi melalui agensi penarafan Malaysia adalah satu nilai tambah kepada keseluruhan anggota di dalam institusi umumnya dan institusi itu sendiri khususnya. Berbekalkan kesedaran ini dan aspirasi yang nyata untuk membentuk kecemerlangan pengurusan ke hadapan, setiap anggota di dalam organisasi perlu bersedia dengan perubahan budaya kerja yang telah diamalkan sebelum ini tanpa sebarang panduan dan rujukan dari sistem pengurusan kualiti. Adakah beban kerja bertambah? Pada pandangan penulis, beban kerja tidak bertambah, cuma skop tugas dan peranan individu masing-masing akan dijumpukan oleh satu prosedur yang dikawal oleh satu standard. Persediaan dari segi perspektif norma baharu di dalam budaya kerja perlu diterapkan di dalam diri setiap ahli organisasi masing-masing. Stigma ahli organisasi yang tidak permisif seperti “ISO ini menyusahkan” akan menjadi satu frasa yang akan sentiasa dikeluhkan oleh mereka yang belum bersedia dengan sistem pengurusan kualiti. Disebabkan itu, adalah menjadi tanggungjawab pengurusan tertinggi di organisasi untuk merangka satu pelan tindakan yang dapat mengubah persepsi ahli organisasi kepada “ISO ini memudahkan”.

Penambahbaikan berterusan adalah diperlukan bagi memastikan kelestarian amalan sistem pengurusan kualiti di institusi. Penambahbaikan berterusan yang proaktif dapat memacu sebuah sistem pengurusan kualiti yang sentiasa berada di tahap yang memberangsangkan. Kepincangan atau kelemahan dalam pelaksanaan sistem pengurusan kualiti perlu diteliti dan diberi perhatian sewajarnya. Sebarang bentuk inisiatif yang dapat membantu mengatasi kelemahan-kelemahan tersebut perlu diambil kira sebagai satu langkah pencegahan yang terdapat di dalam proses penambahbaikan berterusan. Kekurangan di dalam sistem tetap ada meskipun langkah-langkah penambahbaikan telah dilaksanakan kerana perubahan adalah diperlukan mengikut perkembangan teknologi semasa dan kronologi perkembangan politik di Malaysia. Oleh itu, antara cabaran dalam melaksanakan sistem pengurusan kualiti adalah untuk memastikan penambahbaikan berterusan yang mampan dalam usaha untuk membentuk sebuah organisasi yang produktif.

KELEBIHAN PELAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN KUALITI DI ORGANISASI

Membangun dan melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti dalam persekitaran yang kompleks dan dinamik merupakan satu keputusan strategik untuk institusi kerana SPK merupakan satu kaedah yang dapat membantu institusi meningkatkan prestasi ahli organisasi secara keseluruhan dan menyediakan asas yang kukuh bagi inisiatif pembangunan yang mampan.

Merujuk kepada Panduan Pelaksanaan MS ISO 9001:2015 Bagi Agensi Sektor Awam (2018), antara kelebihan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti adalah seperti:

Menyediakan Produk dan Perkhidmatan yang Memenuhi Kehendak Pelanggan

Antara objektif pelaksanaan SPK adalah membantu institusi memenuhi kepuasan pelanggan yang terdiri daripada beberapa kumpulan pihak berkepentingan. Setiap kumpulan pelanggan mempunyai norma yang perlu sentiasa dipenuhi. SPK yang tuntas dapat memastikan setiap keperluan dan kepuasan pelanggan tersebut dapat ditunaikan.

Membantu Meningkatkan Kepuasan Pelanggan

Kepuasan pelanggan merupakan salah satu faktor yang penting dalam memastikan penyampaian perkhidmatan lebih terjamin untuk bersaing di peringkat antarabangsa. Adalah menjadi matlamat kepada institusi untuk meningkatkan kepuasan pelanggan dengan membangunkan beberapa inisiatif melalui proses penambahbaikan yang telah dinilai keberkesannya.

Pendekatan Proses yang Digunakan

Sistem pengurusan kualiti mengandungi beberapa prosedur yang terdiri daripada kaedah untuk memahami, mengurus serta mengawal saling hubungan dan saling kebergantungan di antara proses-proses yang akan menyumbang kepada keberhasilan dan kecekapan dalam mencapai objektif yang ditetapkan. Proses tersebut juga dilihat mampu meningkatkan prestasi keseluruhan organisasi dan meminimumkan kesan risiko dengan kaedah pelaksanaan proses kawalan pencegahan dan penambahbaikan.

Meningkatkan Keberkesanan dan Kecekapan Kualiti Penyampaian Perkhidmatan

Sistem pengurusan kualiti adalah satu inovasi kepada organisasi yang dapat membentuk sebuah pentadbiran pengurusan institusi yang sistematik. Hasil daripada pendekatan proses, sebarang isu yang menjerus kepada peningkatan risiko dapat ditangani secara intensif dan ia akan memberi satu nilai tambah kepada institusi secara positif kepada pembangunan dan perkembangan modal insan ahli di dalam organisasi.

Melonjakkan Kualiti Penyampaian Perkhidmatan

Sistem pengurusan kualiti menyediakan satu kaedah bagi proses dokumentasi yang tersusun supaya ahli organisasi dapat melaksanakan tugas dengan cekap dan membuat keputusan yang tepat. Ketidakkuratan yang berlaku dalam proses penyampaian perkhidmatan dapat ditangani dan dikawal secara menyeluruh. Pengurusan urus tadbir institusi melalui sistem pengurusan kualiti dilihat mampu memberi impak yang dapat menempatkan nama institusi di kalangan institusi pendidikan hebat yang lain di Malaysia.

RUJUKAN

Abd Rahim Abdul Rahman & Khadijah Daud (2011). *Hubungan Antara Sistem Pengurusan Sekolah Kualiti (SPSK) Dengan Kualiti dan Produktiviti Guru di Sekolah Rendah Rintis Daerah Johor Bahru*. [Tesis Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia]. UTM Campus Repository. http://dms.library.utm.my:8080/vital/access/manager/Repository/vital:69995?site_name=Restricted%20Repository

Deming W.E (1986) *Out Of Crisis*. Cambridge University Press.

Fadzleen Norsyahira Binti Saliman (2015). *Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti Di Dalam Projek Pembinaan*. [Tesis Sarjana, Universiti Teknologi Malaysia]. UTM Campus Repository. <http://dms.library.utm.my:8080/vital/access/manager/Repository/vital:85382>

Meor Hamzah Bin Mohamed Zawawi (2016). *Kepentingan Dan Keberkesanan Amalan Pengurusan Kualiti Di Organisasi*. *Koleksi Penulisan Ilmiah Dan Kreatif*, Jabatan Pendidikan

Kolej Komuniti, (123-124).

Mohd Norafizal Abd Aziz & Hasnizawati Hashim (2008). *Pencapaian Serta Cabaran Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2000 Di UiTM Pahang Berasaskan Analisis Penemuan Audit Dalam Untuk Tempoh Tiga Tahun (2005-2008)*. Jawatankuasa Kualiti, UiTM Pahang, <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/57520>

Pekeliling Transformasi Pentadbiran Awam. *Panduan Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti Berasaskan MS ISO 9001:2015 Bagi Agensi Sektor Awam*. Bilangan 1, tahun 2018.

Pelan Integriti Nasional. *Falsafah PIN*. Edisi ringkas 2006.

Unit Perancang Ekonomi (2021). *Rancangan Malaysia ke-12, 2021-2025*. Jabatan Perdana Menteri Malaysia.

https://rmke12.epu.gov.my/file/download/2021092721_rancangan_malaysia_kedua_belas.pdf?path=fileUpload/2021/09/2021092721_rancangan_malaysia_kedua_belas.pdf&name=Dokumen%20RMKe-12.pdf

PERANAN TEKNOLOGI TERHADAP PENINGKATAN PRESTASI PENSYARAH DAN PELAJAR DI KOLEJ KOMUNITI

Ahmad Sobri bin Zakaria
Kolej Komuniti Kulim
ahmadsobrizakaria88@gmail.com

Khairulanwar bin Harun
Kolej Komuniti Kulim

Siti Farhana binti Md Non
Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Hitech

ABSTRAK

Penulisan ini mengisahkan tentang peranan teknologi terhadap peningkatan prestasi pensyarah dan pelajar di kolej komuniti untuk memenuhi keperluan pengajaran dan pembelajaran seiring dengan kemajuan negara bagi memastikan peningkatan prestasi pelajar dalam sesuatu bidang. Penulisan ini memberi manfaat kepada pendidikan khususnya Kolej Komuniti Kulim yang menjadikan teknologi ini sebagai salah satu platform utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana bertepatan dengan kursus yang ditawarkan iaitu Sijil Multimedia Kreatif Pengiklanan. Penulisan ini melihat sejauh mana penggunaan dan penguasaan pensyarah dan pelajar dalam penggunaan teknologi iaitu sebagai bahan bantu dalam sesi pengajaran dan pembelajaran secara dinamik. Kemajuan pengaplikasian teknologi bagi membolehkan pensyarah dan pelajar dapat menguasai kemahiran serta memenuhi kehendak negara untuk berada bersekedudukan dengan negara-negara maju serta dapat melahirkan generasi modal insan yang berpengetahuan teknologi seiring revolusi industri IR4.0. Impak penggunaan teknologi ini dapat melahirkan pelajar yang dapat mencipta pelbagai idea yang menarik dan lebih kreatif hasil daripada penguasaan kemahiran mereka dalam menggunakan pelbagai perisian multimedia terkini terutama dalam bidang grafik perkomputeran dan pengaplikasian mobile apps. Malah pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih fleksibel dengan menggunakan medium teknologi walaupun pelajar berada berjauhan dengan institusi, segala kreativiti dan cara pensyarah dan pendidik gunakan untuk berinteraksi. (Mohd Fairuz et al., 2020). Penggunaan teknologi dalam pendidikan dapat mencungkil bakat dan kebolehan pelajar dalam menghasilkan pelbagai idea yang kreatif dan menarik. Oleh itu, objektif pembelajaran dan pengajaran dapat dilaksanakan dengan baik dan lancar bersesuaian dengan matlamat pendidikan masa kini.

KATA KUNCI: *Peranan teknologi, prestasi, pengajaran dan pembelajaran*

PENGENALAN

Pendidikan era evolusi IR4.0 yang melibatkan teknologi maklumat dan multimedia telah digunakan secara meluas dikalangan para pendidik kerana mampu memberikan impak yang positif bagi meningkatkan lagi mutu Pengajaran dan Pembelajaran (PdP). Pelajar pada masa kini sudah mempunyai pelbagai kaedah untuk berinteraksi mengikut persekitaran yang dibangunkan melalui teknologi digital seperti telefon digital, permainan komputer dan media sosial. Pendidikan dalam era pandemik telah merubah kepelbagaian kaedah pengajaran dan pembelajaran seperti dalam talian iaitu penggunaan pelbagai aplikasi yang telah tersedia. Penerapan penggunaan teknologi digital dan pengaplikasian internet jalur lebar kini dipelbagaikan sebagai pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR). Pembudayaan penggunaan teknologi dalam pendidikan juga semakin meningkat kerana perlu patuh *Standard Operation Prosedur* (S.O.P) yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi membasmi serta mencegah penularan wabak Covid 19.

Pengajaran dan pembelajaran atas talian memerlukan sumber dan peralatan teknologi seperti komputer, tablet dan telefon pintar. Shirley Anne (2019) yang mentakrifkan pengajaran dan pembelajaran secara atas talian merupakan pembelajaran secara tatap muka iaitu melibatkan penggunaan peralatan komputer sebagai perantaraan dimana para pelajar dapat melihat serta mendengar pelajar lain dari jarak jauh. Pelaksanaan sesi PdP secara atas talian memberikan peluang kepada bidang pendidikan untuk terus berinovasi untuk peningkatan kualiti pengajaran. Walaubagaimanapun, pengajar dan pelajar juga perlu bersedia untuk menghadapi cabaran-cabaran yang akan berlaku semasa menjalankan sesi PdP secara dalam talian (Losius Goliong et. al, 2020). Pengaplikasian sesi pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan di Kolej Komuniti Kulim adalah secara hibrid iaitu sama ada secara atas talian atau secara bersemuka. Pengaplikasian teknologi semasa sesi PdP amatlah praktikal terutama program Sijil Multimedia Kreatif Pengiklanan (SMP) iaitu menitikberatkan teori dan amali penggunaan perisian grafik, fotografi, videografi dan asas seni reka yang digunakan dalam medium pengiklanan. Sebagai tenaga pengajar, pengetahuan berkaitan teknologi perlu diterapkan kerana ianya mampu membantu pelajar lebih memahami ilmu dalam proses pembelajaran.

TEKNOLOGI DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DALAM TALIAN

Pengaplikasian teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran adalah amat penting kerana ianya bersesuaian dengan kemajuan dunia pendidikan yang moden pada masa kini terutamanya apabila melibatkan bidang kemahiran. Kandungan pembelajaran juga lebih senang untuk diperolehi dengan cepat dengan waktu yang singkat serta tanpa had sempadan melalui capaian internet dari pelbagai sumber rujukan. Kebanyakan subjek dalam silibus pada peringkat kolej komuniti memfokuskan kemahiran berbanding teori. Subjek kemahiran amat terkesan semasa berlakunya pandemik kerana kekangan untuk memberikan tunjuk ajar secara bersemuka. Hal ini kerana, semasa pandemik sesi PdP sepenuhnya dilakukan secara atas talian. Menurut Bdiwi et al. (2019), pembelajaran yang berasaskan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) iaitu melalui kaedah segerak (*synchronous*) dan tidak segerak (*asynchronous*) dapat digunakan dalam pembelajaran online.

Melalui teknologi pembelajaran secara langsung melibatkan penggunaan gabungan beberapa peralatan dan gajet serta *online learning platform* tersedia. Ianya boleh dibantu oleh *smartphone* yang berupaya menjadi webcam melalui aplikasi DroidCam. Melalui paparan *Google Meet* pelajar boleh melihat *live video streaming* dan bertanya kepada pensyarah secara terus.

Penggunaan kelas secara atas talian membantu pelajar untuk menghantar tugasan yang diberikan dengan mengambil gambar menggunakan *smartphone* seterusnya boleh memuatnaik ke *Microsoft Teams*. Malahan pelajar boleh mengulangkaji dengan mengakses semua video sepanjang kelas melalui video yang telah direkodkan. Melalui kaedah pengajaran ini, penggabungan teknologi dapat memberikan lebih masa yang bermanfaat kepada pelajar (Gajanan, 2020). Menurut Rusdiana et al. (2020), fenomena ini memperlihatkan bahawa transformasi pantas dunia pendidikan dapat meneruskan sesi pengajaran dan pembelajaran dapat digunakan dengan kemudahan teknologi terkini. Selain itu, penggunaan teknologi di dalam pendidikan juga boleh dilihat melalui sistem yang berasaskan sesawang yang menyediakan aplikasi perisian dan alat dalam proses pembelajaran.

PENGGUNAAN PERISIAN GRAFIK DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Menurut Nur Syafiqah Isa dan Nurul Nazirah Mohd Imam Ma'aro (2018), penggunaan aplikasi grafik juga mempunyai peranan amat penting terutama semasa sesi pengajaran dan pembelajaran oleh seseorang tenaga pengajar. Ianya turut memberikan impak yang efektif terhadap cara penyampaian pengajar tersebut iaitu pengajar dapat menerangkan sesuatu perkara yang sukar difahami dan kompleks dengan lebih jelas dan berdasarkan visual. Melalui bidang grafik di Kolej Komuniti Kulim, penggunaan perisian seperti Adobe Photoshop dan Adobe Illustrator turut didedahkan kepada pelajar bagi menghasilkan sesebuah rekabentuk grafik. Perisian Adobe Photoshop atau biasa disebut Photoshop merupakan penyunting grafik yang dikhaskan untuk penyuntingan foto atau gambar dan pembuatan kesan manipulasi gambar. Perisian ini juga semakin digilai oleh para pereka grafik mahupun pengusaha industri di dalam proses mengedit gambar mahupun merekabentuk pelbagai kesan sampingan untuk sesebuah gambar sebagai contoh untuk menghilangkan jerawat, mencerahkan dan juga memberikan kesan khas pada sesuatu gambar. Penggunaan teknologi melibatkan perisian seperti Adobe Photoshop kini lebih mendominasi terhadap perkembangan multimedia terutama dunia multimedia pengiklanan. Penggunaan dan perkembangan aplikasi ini dapat membantu dan memudahkan di dalam proses pelajar untuk penghasilan sesebuah design yang bermutu tinggi kerana perisian ini sentiasa dikemaskini dari penggunaan *tools* mengikut peredaran dunia yang lebih moden dan terkini.

Manakala Adobe Illustrator merupakan aplikasi yang digunakan untuk menghasilkan *vector artwork* iaitu untuk digital *printing* serta paparan laman web. Adobe Illustrator digunakan kerana ianya mampu untuk menghasilkan paparan yang lebih jelas terutama pada skala yang besar tanpa menjejaskan kualiti yang terdapat pada sesebuah *artwork* tersebut. Adobe Illustrator dilengkapi dengan pelbagai *tools* dalam penghasilan *tracing*, *recoloring*, *free hand drawing* dan dapat menskalakan semula sesebuah *artwork*. Pelajar dapat menggunakan Adobe illustrator untuk menghasilkan logo, *icon*, dan bentuk *vector* yang lain. Tetap tipografi untuk reka bentuk bisnes kad, majalah, *flyers* dan *brochure* juga turut di guna pakai oleh pelajar yang terdapat pada perisian Adobe Illustrator. Pelajar juga diterapkan untuk mempraktikkan proses rekabentuk iaitu melibatkan beberapa proses daripada pencarian sumber di internet, pembinaan idea iaitu fasa melukis *thumbnails*, *semi-comprehensive*, *tracing* iaitu daripada lakaran kasar di atas kertas kemudian data tersebut perlu melalui proses scan dimasukkan ke dalam perisian Adobe Photoshop atau Adobe Illustrator. Melalui proses *editing* iaitu penggunaan *tools* di dalam perisian seperti *pen tool*, *selection tool*, *effect* dan lain-lain lagi sehinggalah hasil akhir sesebuah rekabentuk.

Menurut MFI Mohd-Nor et al. (2017) dalam kajiannya menunjukkan bahawa pelajar secara majoriti memberikan pandangan positif terhadap kebaikan penggunaan perisian grafik

komputer dalam membantu proses penghasilan kerja-kerja rekabentuk secara optimum. Pelajar juga berpendapat iaitu pengajaran melibatkan perisian grafik di dalam program tersebut adalah baik secara amnya. Pengaplikasian penggunaan teknologi bukan hanya dalam penggunaan perisian malah dalam bidang fotografi serta videografi. Pelajar juga mempelajari cara menggunakan kamera dengan kaedah yang betul serta dapat mengenali komponen yang terdapat pada sesebuah kamera untuk kegunaan fotografi. Pelajar mampu mengendalikan bukaan *Aperture*, penggunaan *shutter speed* dan juga menyesuaikan penggunaan ISO mengikut sesuatu kawasan. *Aperture* merupakan istilah bagi pembukaan diafragma kanta pada kanta kamera. Saiz pembukaan diafragma di kanta sesebuah kamera adalah untuk mengawal jumlah cahaya yang sampai pada sensor imej. Saiz *aperture* di dalam kanta mungkin bersaiz tetap ataupun dalam bentuk yang paling digemari iaitu ianya dapat dilaras. ISO pula merupakan nilai sensitiviti yang terdapat pada sensor sesebuah kamera. Ianya terdapat ada badan kamera dan bukannya pada lens kamera. Manakala *shutter speed* merujuk kepada kelajuan bukaan dan penerimaan cahaya yang memasuki kamera sebelum sampai ke sensor kamera. Penguasaan kemahiran ini menyebabkan pelajar dapat menghasilkan sesebuah gambar yang mantap dan sangat berkualiti.

IMPAK TEKNOLOGI TERHADAP PRESTASI PENSYARAH DAN PELAJAR

Pembelajaran melalui teknologi dalam PdP dijangka dapat memberikan impak peningkatan prestasi pelajar disamping dapat memberi pendedahan kepada pensyarah dan pelajar mengenai teknologi multimedia sebagai alat bantu mengajar. Sebagai contoh melalui penggunaan teknologi komunikasi elektronik, *online meeting*, *chatroom* dan sebagainya, pensyarah dan pelajar dapat berkongsi idea sesama sendiri atau dengan pensyarah dan pelajar dari institusi lain. Pertukaran maklumat dengan institusi pendidikan lain sama ada dalam negara atau luar negara akan lebih diperbanyakkan memandangkan intipati dari segi meningkatkan kemahiran komunikasi antara pensyarah dan pelajar disamping memperoleh ilmu yang baru. Ainee, Harlina dan Zubaidah (2019) menyatakan pengajaran dan pembelajaran berteraskan teknologi meujuk kepada komunikasi dua hala iaitu antara pelajar dengan menggunakan pembelajaran berasaskan penggunaan komputer dan telefon pintar. Teknologi juga meningkatkan kualiti dan mempelbagaikan cara penyampaian pengajaran melalui penggunaan medium kelas secara online, bahan-bahan multimedia interaktif dibantu pula bahan pengajaran yang sedia ada. Penggunaan multimedia interaktif dalam sesi PdP yang dibangunkan dengan menggunakan bahan visual grafik, muzik, teks, video serta animasi dalam membantu mengukuhkan lagi tahap penerimaan ilmu pelajar terhadap sesuatu proses pembelajaran.

Dalam dunia revolusi industri 4.0 (IR4.0) aspek pendidikan juga mesti sedar bahawa kepakaran sangat dititik beratkan demi kebolehpasaran seseorang modal insan. Oleh yang demikian, aspek penghasilan graduan yang berkualiti amatlah dititikberatkan oleh semua pihak pengurusan sektor pendidikan. Dalam bidang pendidikan, pelbagai cara dan usaha yang telah dilaksanakan bagi mencapai prestasi pensyarah dan pelajar. Penggunaan teknologi dalam PdP merupakan salah satu alternatif pengajaran dan pembelajaran yang menggabungkan pelbagai media dimana boleh dimanfaatkan sepenuhnya melalui deria pendengaran dan penglihatan yang mampu menarik minat belajar. Namun begitu, keutamaan ialah pencapaian objektif pengajaran dan pembelajaran dengan berkesan. Menurut Nilavani A/P Mahalingam & Khairul Azhar Jamaludin (2021), harus diingatkan bahawa teknologi dalam PdP hanya bertindak sebagai pelengkap tambahan atau alat bantu mengajar kepada pensyarah dalam proses pembelajaran. Teknologi sebenarnya tidak mengambil alih tugas dan tempat pensyarah. Teknologi dalam PdP merupakan saluran atau inisiatif pilihan dalam penyampaian maklumat dengan cara yang lebih terkini. Di

samping itu, pensyarah perlu sedar berkenaan keperluan pengaplikasian penggunaan teknologi terkini untuk generasi pelajar akan datang dapat membiasakan dengan cara hidup canggih serta moden. Penggunaan teknologi dalam PdP memberikan peluang kepada pensyarah dan pelajar secara tidak langsung menggunakan dan meningkatkan kemahiran diri dengan pelbagai teknologi terkini dan kesiapsagaan diri untuk menghadapi sebarang cabaran dan tekanan teknologi baru yang pada masa akan datang. Penggunaan teknologi dalam PdP sememangnya menarik perhatian oleh pelajar disamping memudahkan mereka memperoleh ilmu yang disampaikan oleh pensyarah. Pada masa kini, peralatan teknologi seperti komputer riba dan telefon pintar telah menjadi sebahagian besar gaya hidup generasi muda. Pembelajaran melalui teknologi dapat mempelbagaikan bahan rujukan dan memperkenalkan pelbagai kemahiran baru kepada pelajar kerana ianya dapat diaplikasikan melalui pelbagai aktiviti pembelajaran seperti video, meneliti gambar, teks, visual pembelajaran dan sebagainya. Pelajar tidak lagi terikat dengan sesuatu kaedah atau gaya pembelajaran kerana pembelajaran melalui teknologi dapat menyelesaikan masalah perbezaan pelajar dengan memberikan tugas secara individu. Kesannya, pensyarah dapat mengenal pasti dan mencungkil bakat seseorang pelajar secara individu mengikut kebolehan mereka masing-masing. Secara tidak langsung ianya meningkatkan kefahaman dan keyakinan pelajar seterusnya dapat meningkatkan pencapaian pelajar dalam sesuatu bidang pengkhususan di kolej komuniti.

Menurut Rosdiah Hamzah et al (2021), selain memberikan kesan kepada pelajar, penggunaan teknologi dalam PdP juga memberikan kebaikan kepada pensyarah dalam proses pengajaran. Perkara ini dapat dilihat daripada kesan perubahan yang berlaku menerusi fenomena revolusi industri IR4.0 amat memerlukan sumber manusia yang mempunyai pengetahuan serta kemahiran tinggi agar daya saing industri negara dapat diperkasakan. Sehubungan itu, pensyarah Kolej Komuniti sebagai pihak yang terlibat secara langsung dalam melahirkan sumber manusia iaitu sebagai tenaga kerja negara yang perlu bersedia menghadapi situasi kemajuan industri masa kini. Dengan menggunakan kemahiran teknologi dalam PdP adalah mudah untuk pensyarah membuat pengulangan dalam proses pengajaran apabila perlu mengajar subjek yang sama pada semester seterusnya. Malah pensyarah boleh menambahkan dalam penggunaan teknologi PdP tersebut dari masa ke semasa bagi meningkatkan prestasi pelajar. Dengan menggunakan kemahiran teknologi dalam PdP ini, pensyarah juga tidak terbatas dengan had masa dan tempat apabila diperlukan untuk melaksanakan proses pengajaran. Pelbagai teknik dan kaedah yang boleh digunakan oleh para pensyarah dalam menjayakan proses PdP mereka untuk lebih menarik dan meningkatkan minat pelajar. Bagi pensyarah yang mahir mengaplikasikan komputer, telefon pintar dan bahan bantu belajar yang lain mampu membuat kepelbagaian pembaharuan dalam menjalankan tanggungjawab sebagai perantara keilmuan kepada pelajar. Bertepatan dengan kenyataan Kamarul Mohsin Ahmad (2021), para pensyarah yang sering menggunakan kemahiran teknologi dalam PdP melalui perisian komputer, aplikasi telefon pintar dan bahan bantu belajar yang lain bagi melaksanakan tugasnya adalah seorang yang mempunyai keyakinan yang tinggi dalam menggunakan teknologi tersebut. Teknologi dalam PdP tersebut menunjukkan kepercayaan mereka bahawa penggunaan alat berteknologi seperti ini dapat memberikan keseronokan, kemudahan dan pembelajaran dan pengajaran menjadi lebih menarik.

Sebagai seorang pelajar sememangnya tidak dapat lari daripada melaksanakan tugas yang diberikan pensyarah untuk mendapatkan keputusan yang cemerlang bagi sesuatu subjek pelajaran. Melalui bantuan kecanggihan teknologi, segala tugas dapat dilaksanakan dengan lebih pantas. Sebagai contoh menyelesaikan kerja yang telah diberikan oleh pensyarah dapat disiapkan dengan cemerlang. Tidak dinafikan hal ini adalah salah satu kelebihan impak perkembangan teknologi multimedia. Hal yang demikian membolehkan pelajar menguruskan

masa mereka dengan lebih efektif. Pada masa yang sama ianya penggunaan kos dapat digunakan secara lebih efektif. Hamzah et al. (2020), menyatakan dalam kajiannya pembelajaran melalui kemahiran teknologi multimedia memberi peluang kepada pelajar menerokai ilmu baru melalui laman web atau perpustakaan digital bagi mendapatkan pelbagai idea yang kreatif dalam menghasilkan dan mencipta sesuatu produk. Apabila semakin banyak teknologi multimedia dan telefon pintar diperkenalkan dalam bidang Pendidikan, teknik dan kaedah PdP dijadikan satu cara untuk menyalurkan maklumat dan pengetahuan secara global. Kini, pelbagai ilmu pengetahuan terkini dapat disebarkan hanya menggunakan internet. Internet merupakan teknologi yang dapat membantu berjuta-juta pelajar untuk mengakses maklumat dalam proses penyelidikan dan pembelajaran. Dengan ini, prestasi pelajar akan meningkat dengan adanya kemudahan dari segi teknologi.

Secara keseluruhannya, kebaikan penggunaan teknologi dalam PdP kepada pelajar dan pensyarah juga mempunyai kelemahan. Antara kelemahan penggunaan teknologi dalam PdP ialah seperti kadang kala ianya memerlukan tempoh yang lebih lama berbanding dengan penggunaan bahan lain. Hal ini disebabkan pensyarah perlu luang masa untuk persiapan bahan dan peralatan tersebut sebelum proses pengajaran dan pembelajaran bermula. Kelemahan seterusnya ialah perlunya pensyarah yang telah mahir untuk mengendalikan bahan multimedia serta telefon pintar tersebut bagi melancarkan proses PdP secara langsung. Bagi pensyarah yang kurang berkemahiran, mereka mengalami masalah dalam menggunakan bahan multimedia sebagai alat dan bahan bantu belajar. Kebanyakan bahan multimedia melibatkan sumber elektrik, oleh itu elektrik tidak ada masalah akan berlaku seperti terputus talian akibat masalah elektronik. Namun perkara ini bukanlah kelemahan yang besar bagi pensyarah dan pelajar dalam menggunakan teknologi dalam proses PdP. Dengan kata lain, para pensyarah dan pelajar perlu bersama-sama meningkatkan lagi pengetahuan dan kemahiran berkaitan dengan teknologi selaras dengan perkembangan teknologi global semasa yang cepat berkembang maju terutama dalam bidang pendidikan. Menurut Hamzah et al (2020), kerajaan telah menyediakan pelbagai kerangka bagi membolehkan Malaysia berdaya. Ini termasuklah pelaksanaan pelan Transformasi Negara atau TN50 dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi).

RUMUSAN

Pelbagai transformasi revolusi era pendidikan dialami negara adalah sangat membanggakan. Terdapat pelbagai impak positif diperolehi pensyarah dan pelajar terhadap penggunaan teknologi dalam pendidikan. Antaranya ialah pendidikan menjadi lebih kreatif dan mampu mendorong minat dan mengekalkan fokus pelajar. Ianya membantu meningkatkan motivasi, melahirkan modal insan yang mempunyai kecekapan dalam pembelajaran sepanjang hayat. Perkara ini membuka peluang kepada pelajar untuk meneroka kepelbagaian bahan pembelajaran. Selain itu, pembelajaran menjadi lebih mudah difahami kerana penggunaan medium grafik yang menarik. Terdapat pelbagai cabaran seperti tiada peranti elektronik bersesuaian, kesukaran mengakses komputer dan bahan, kekurangan kecekapan untuk mendapatkan maklumat, kekangan masa, masalah teknikal dan kerisauan teknologi. Pelaksanaan pembelajaran berasaskan teknologi dapat dioptimumkan sekiranya kemudahan teknologi berfungsi dengan baik. Oleh sebab itu, pendedahan peringkat awal pendidikan dan latihan yang bersesuaian perlu diberikan kepada pensyarah dan pelajar. Penggunaan teknologi multimedia dan smartphone secara efisien dalam pembelajaran akan memberi kesan yang baik bersesuaian dengan matlamat kerajaan ke arah pendigitalan Pendidikan. Hal ini bersesuaian dengan tindakan kerajaan Malaysia telah mengambil tindakan dan usaha untuk meningkatkan dan mampu memartabatkan pendidikan di negara

bersepadu dengan pendidikan di peringkat global. Penggunaan TMK kini semakin luas digunakan terutamanya di peringkat global. Antara yang perlu diberi perhatian ialah pengajaran berdasarkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK). Penggunaan teknologi di alam kehidupan seharian mengakibatkan ramai yang mempunyai kesedaran berkaitan kepentingan TMK disebabkan segala maklumat dapat diakses dengan penggunaan hujung jari sahaja. Tidak ketinggalan juga bagi kursus yang ditawarkan oleh Kolej Komuniti Kulim, pensyarah dan pelajar memastikan penggunaan teknologi dan telefon pintar diaplikasikan secara menyeluruh terutama bagi subjek Multimedia Kreatif Pengiklanan. Pembudayaan penggunaan perisian grafik dan peralatan multimedia bagi bidang Sijil Multimedia Kreatif Pengiklanan adalah satu proses PdP dan dapat meningkatkan kemahiran sedia ada. Pengaplikasian teknologi dalam bidang yang diceburi amat membantu terutamanya dalam sesi PdP kerana ianya memberikan impak yang sangat baik kepada tenaga pengajar, institusi dan paling utama kepada pelajar. Hal ini dapat mencungkil bakat dan kebolehan pelajar dalam menghasilkan pelbagai idea dan produk yang kreatif dan menarik. Pada masa yang sama objektif pembelajaran dan pengajaran dapat dilaksanakan dengan lancar dan baik bersesuaian dengan matlamat pendidikan masa kini.

RUJUKAN

- Abdul Rasid Jamian, Norhashimah Hashim & Shamsudin Othman. (2012). Multimedia interaktif mempertingkatkan pembelajaran kemahiran membaca murid-murid probim. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 2180-4842. vol. 2, bil. 2.
- Ani Omar. (2016). Integrasi teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran kesusasteraan melayu mempertingkatkan keyakinan dan keberhasilan guru semasa latihan mengajar. *Universiti Pendidikan Sultan Idris. JPBU Vol. 9, 1394-7176*.
- Hamzah et al. (2021). Kajian Terhadap Cabaran Implementasi Elemen IR4.0 Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Pensyarah Kejuruteraan Elektrik Politeknik Malaysia. *Anjournal Of Social Science And Humanities Vol.2no.1,P.17-25*.
- Maizun Jamil, Masnora Sepikun & Muhaini Muhammad. (2021). Kesiapan pelajar diploma Kejuruteraan Elektronik (Komputer) mengaplikasikan kemahiran teknikal bagi menghadapi cabaran kerjaya dalam internet of thing (IoT). *Jurnal for Tvet. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. 2289-7410*.
- Mohamad Nur Hanif Hazman & Harozila Ramli (2018). Peranan aplikasi multimedia dalam meningkatkan inovasi rekaan corak tekstil batik. *Jurnal peradaban melayu jilid 12. 1675-4271*.
- Muzaffar Bin Mohamed Sidin, Mohd Farid Bin Alias & Noor Intan Binti Tahir. (2020). Kesiapan Pengetahuan Revolusi Industri 4.0 Dalam Kalangan Pensyarah Politeknik Kota Kinabalu. *Politeknik Kota Kinabalu, Sabah*.
- Najwa Binti Ramlan. (2014). Implikasi penggunaan teknologi dalam proses pembelajaran kimia terhadap pelajar tingkatan empat Di Sekolah Menengah Daerah Pontian. *Universiti Teknologi Malaysia*.
- Nilavani A/P Mahalingam & Khairul Azhar Jamaludin. (2021). Impak Dan Cabaran Pelaksanaan

Pengajaran Dan Pembelajaran Atas Talian Semasa Perintah Kawalan Pergerakan. Jurnal Dunia Pendidikan Vol. 3, No. 4, 104-115.

Nik Hairi Omar, Mohd Azul Mohamad Salleh & Norizan Abdul Razak. (2006). Penilaian kecekapan teknologi komunikasi maklumat (TMK) dalam kalangan pelajar sains sosial. Jurnal pendidikan Universiti Malaya.

Nur Aisyah Mohamad Noor, Zamri Mahamod, Afendi Hamat & Mohamed Amin Embi. (2012). Persepsi pelajar terhadap aplikasi perisian multimedia dalam pembelajaran komsas bahasa melayu tingkatan 1. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu. 2180-4842, Vol. 2, Bil. 1.

Nur Fatin Shamimi Che Ibrahim, Nur Farakhanna Mohd Rusli, Mohd Ra'in Shaari & Kesavan Nallaluthan. (2021). Persepsi Pelajar terhadap Aplikasi Multimedia Interaktif dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Abad ke-21. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia Publisher's Office. Online Journal For Tvet Practitioners Vol. 6No. 1 (2021) 15-24.

Raja Nor Azuwah Raja Yusof & Nik Rosila Nik Yaacob. (2022). Tahap efikasi sendiri terhadap aplikasi teknologi maklumat dan komunikasi bagi pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah Kebangsaan Di Pulau Pinang. ASIAN VOL 5(1), 179-189, 2600-8971.

Rafiza Abdul Razak & Maryam Abdul Rahman. (2013). Pembinaan Media Pengajaran Berasaskan Multimedia Di Kalangan Guru Ictl. Universiti Malaya. Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik. Bil. 1 Isu 2.

Rodiah Hamzah, Kamarul Mohsin Ahmad & Mohd. Faizul Abdullah. (2021). Kajian Terhadap Cabaran Implementasi Elemen IR4.0 Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Pensyarah Kejuruteraan Elektrik Politeknik Malaysia. Jurnal Of Sciences And Humanities. Vol.2 No. 1.

Rosidayu Sabran. (2006). Kefahaman dan kemahiran ict dalam kalangan pelajar-pelajar berpendidikan agama. Kolej Universiti Islam Malaysia, Nilai, N.Sembilan.

Siti Aminah Sallehin & Fazlinda binti Ab Halim. Penggunaan Alat Bantu Mengajar Berasaskan Multimedia Dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Sekolah Menengah Zon Benut. Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Thulasimani Munohsamy. (2014). Integrasi Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Dalam Pendidikan. Institut Teknologi Brunei Journal IPA Bil.23.

Wan Nur Nasiha binti Wan Amri. (2021). Kajian rupa dan bentuk seni ilustrasi sebagai gaya ilustrasi melalui manifestasi ikon Malaysia dalam penghasilan catan. Universiti Malaysia Kelantan.

PERSEPSI PELAJAR KOLEJ KOMUNITI JEMPOL TERHADAP SUKAN MENDAKI GUNUNG

Muhammad Syawal Yaakob
Kolej Komuniti Jempol
m.syawal@kkjns.edu.my

Nor Samsila Ismail
Kolej Komuniti Jempol

Mohd Asri Baharuddin
Kolej Komuniti Jempol

ABSTRAK

Sukan mendaki gunung merupakan satu aktiviti yang mempunyai kebaikan yang meliputi aspek kesihatan, aspek perpaduan, dan juga memupuk budaya menghargai alam sekitar. Sukan mendaki gunung ini memerlukan keupayaan seseorang untuk berjalan dalam kumpulan sambil menghayati keadaan sekeliling dan boleh dilakukan oleh sesiapa sahaja, pada bila-bila masa dengan kos yang minimum. Namun, zaman teknologi masa kini, masyarakat lebih terdedah dengan penggunaan gajet dan peralatan elektronik yang membolehkan seseorang sampai ke sesuatu tempat hanya dengan menonton video atau melayari internet tanpa melibatkan pergerakan fizikal. Kajian ini dijalankan bagi mengetahui persepsi pelajar Kolej Komuniti Jempol terhadap aktiviti sukan mendaki gunung serta untuk mengetahui dapatan kajian lepas mengenai kebaikan dan kelebihan sukan mendaki gunung. Satu set soal selidik telah diedarkan kepada 50 orang pelajar kolej. Sebanyak 44 borang yang lengkap telah diterima dan dianalisis. Hasil analisis menunjukkan secara purata majoriti pelajar bersetuju bahawa sukan mendaki gunung adalah baik untuk kesihatan, meningkatkan stamina, pelajar lebih menghargai alam sekitar, dan juga dapat memupuk semangat perpaduan sesama individu. Justeru, penyelidik berharap agar kajian menyeluruh dapat dilakukan di peringkat pengurusan bagi melihat kesesuaian sukan mendaki ini untuk dijadikan sebagai salah satu subjek kokurikulum di masa akan datang. Di samping itu penyelidik juga berharap agar penganjuran aktiviti ini dapat dilakukan dengan kerap dengan penglibatan menyeluruh warga kolej di samping menerapkan ilmu asas yang berkaitan seperti kesihatan, perhubungan sosial dan kemanusiaan, serta berkaitan alam sekitar.

KATA KUNCI: *Sukan mendaki, pendedahan alam sekitar, kesihatan, stamina*

PENGENALAN

Aktiviti mendaki gunung semakin berkembang dan mendapat tempat di kalangan rakyat Malaysia (Johannis, 2016). Ini terbukti apabila aktiviti mendaki gunung yang sering dianjurkan oleh Kelab Kembara dan Rekreasi Kolej Komuniti Jempol sentiasa menarik minat pelajar untuk menyertainya.

Pada 27 Januari 2022, program mendaki Bukit Melati, Nilai, Negeri Sembilan telah menarik penyertaan seramai 27 orang pelajar Kolej Komuniti Jempol. Selain itu, pada tahun 2019, program Ekspedisi Merdeka Mendaki Gunung Datuk, Rembau, Negeri Sembilan telah mendapat sambutan hangat daripada 39 orang pelajar Kolej Komuniti Jempol. Aktiviti mendaki, contohnya, kini sudah menjadi satu trend yang melangkaui segenap lapisan masyarakat tanpa mengira faktor umur. Boleh dikatakan setiap kali hujung minggu, bukit-bukit sekitar Lembah Klang tidak sunyi dan ibarat pusat beli-belah dek kesesakan warga kota yang mendambakan kehijauan setelah bosan dengan persekitaran hutan konkrit. (Sinar Harian, 2019). Terdapat banyak manfaat daripada sukan mendaki gunung contohnya mengatasi obesiti, mencegah penyakit jantung, menurunkan kolesterol, menurunkan tekanan darah, mengurangkan stress dan mencegah osteoporosis (Majalah Nona, 2017). Namun demikian, menurut dapatan kajian *Nutrition Society of Malaysia* menunjukkan hampir 30 peratus kanak-kanak dan remaja berumur 6 hingga 17 tahun mempunyai berat badan berlebihan atau obes (Beatrice Nita Jay & Naim Zulkifli, 2016). Selain itu, aktiviti sukan mendaki gunung juga dapat membantu meningkatkan stamina seseorang. Stamina merujuk kepada daya ketahanan seseorang untuk bekerja lebih kuat atau dapat melakukan senaman dalam jangka masa panjang. Merujuk artikel yang diterbitkan oleh National Institute on Aging, terdapat empat senaman yang boleh meningkatkan stamina seseorang iaitu *Endurance* (Ketahanan), *Strength* (Kekuatan), *Balance* (Keseimbangan), dan *Flexibility* (Fleksibiliti). Aktiviti pendakian merangkumi empat aktiviti tersebut. Ini kerana, sepanjang tempoh pendakian, seseorang itu perlu melalui tahap dan cabaran tertentu yang melibatkan fizikal.

Di samping itu, aktiviti mendaki juga dapat memupuk perasaan untuk menghargai alam sekitar serta memupuk semangat perpaduan antara satu sama lain. Dalam era teknologi zaman kini, dilihat golongan remaja terutamanya lebih cenderung kepada penggunaan gajet dan peralatan elektronik menyebabkan kurang masa berkualiti bersama orang sekeliling. Justeru, kajian ini dilakukan untuk mengetahui persepsi pelajar Kolej Komuniti Jempol terhadap sukan mendaki gunung dan menyelidik turut melakukan beberapa penilaian terhadap kajian lepas bagi mengetahui kesesuaian pelaksanaan aktiviti ini untuk dijadikan sebagai salah satu aktiviti luar kelas untuk pelajar di masa akan datang.

SOROTAN KAJIAN

Sukan mendaki gunung juga merupakan sebahagian daripada pendidikan di luar kelas yang boleh diceburi oleh pelajar. Terdapat dua teori yang sangat relevan dengan pendidikan luar iaitu Teori Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Kolb (Kolb, 1984). Aktiviti rekreasi luar memberi peluang kepada individu untuk membina sahsiah yang lebih baik setelah mereka melalui pengalaman melaksanakan aktiviti-aktiviti rekreasi ini. Ini menjadikan Teori Pembelajaran Berasaskan Pengalaman sangat relevan dengan kajian ini. Teori Pembelajaran Berasaskan Pengalaman merupakan teori pendidikan dalam pelbagai peringkat pendidikan yang terkenal (Healey & Jenkins, 2000). Belajar di luar kelas melalui aktiviti mencabar diketahui mempunyai faedah pendidikan yang ketara. Ia membantu pelajar mengembangkan kemahiran teknikal, intelektual dan sosial dengan mengatasi cabaran dan berkongsi keputusan. Sebagai contoh, ketika melakukan

aktiviti rekreasi dengan jurulatih, seseorang sentiasa dinasihati untuk mematuhi peraturan agar aktiviti dapat dilaksanakan dengan selamat. Jika individu tersebut berfikir dan membuat refleksi bahawa mematuhi peraturan adalah satu tindakan yang baik dan menguntungkan, maka dia akan mengulangi tindakan tersebut dalam keadaan yang lain. Keadaan pengalaman ini perlu berlaku lebih banyak untuk menjadi satu tabiat (Ismail, Soaib, Shamsudin, & Shafie, 2014).

Selain itu juga, aktiviti rekreasi lasak memanjat gunung merupakan aktiviti sihat dan merupakan aktiviti fizikal yang popular (Niedermeier, Einwanger, Hartl, & Kopp, 2017). Aktiviti mendaki membantu mengawal berat badan, menyumbang kepada kesihatan tulang, otot dan sendi, melegakan penyakit arthritis serta mengurangkan simptom anxiety dan depression (Lloyd-Jones D, Adams RJ, Brown TM 2010). Aktiviti mendaki bukit dan gunung juga tidak kurang hebatnya dalam mencabar stamina seseorang. Ia dapat membakar kalori dengan banyak kerana memabitkan latihan kardio. Mendaki bukit tergolong dalam satu daripada lima latihan kardio terbaik yang memberikan banyak kelebihan kepada tubuh. Selain menguatkan otot kaki dan gluteus, latihan sebegini juga boleh turut memberi kesan baik kepada pinggul dan paha, jika dilakukan secara serius. Sebab itu mereka yang sering mendaki gunung mempunyai kaki yang kuat dan pinggul anjal disebabkan pergerakan tanpa henti serta dilakukan dalam jangka masa panjang.



Rajah 1: Ahli Kelab Kembara dan Rekreasi Kolej Komuniti Jempol semasa mengikuti Ekspedisi Merdeka Mendaki Gunung Datuk pada 2019

OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengetahui persepsi pelajar Kolej Komuniti Jempol terhadap sukan mendaki gunung
2. Mengkaji manfaat sukan mendaki gunung kepada kesihatan.
3. Mempromosikan sukan mendaki gunung di kalangan pelajar Kolej Komuniti Jempol

METODOLOGI KAJIAN

Rekabentuk kajian adalah berbentuk kajian bukan eksperimen menggunakan borang soal selidik *Google Form*. Borang soal selidik *Google Form* diedarkan kepada 50 orang pelajar Kolej Komuniti Jempol yang pernah mengikuti program di bawah Kelab Kembara dan Rekreasi Kolej Komuniti Jempol dan hanya 44 responden yang menjawab borang soal selidik *Google Form* dengan lengkap telah dianalisis. Data yang diperolehi telah dianalisis dan digambarkan melalui carta pai bagi menilai persepsi pelajar Kolej Komuniti Jempol terhadap sukan mendaki gunung.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN


Kajian ini dijalankan ke atas 44 orang pelajar kolej dari kemasukan tahun 2019 hingga 2022. Soalselidik kepada para pelajar Kolej Komuniti Jempol untuk mengetahui persepsi mereka terhadap sukan mendaki gunung sebagai aktiviti kokurikulum adalah menggunakan borang maklumbalas yang diedarkan melalui Kaedah *Google Form*. Berikut adalah soalan-soalan yang diberikan:

- i. Sukan mendaki gunung baik untuk kesihatan.
- ii. Sukan mendaki gunung baik untuk meningkatkan stamina.
- iii. Sukan mendaki gunung melatih saya untuk menghargai alam sekitar.
- iv. Sukan mendaki gunung memupuk semangat perpaduan.
- v. Pihak Kolej Komuniti Jempol menggalakkan pelajar menyertai sukan mendaki gunung.
- vi. Sukan mendaki gunung sesuai dijadikan subjek kokurikulum di Kolej Komuniti Jempol.

Persepsi yang Pertama: Sukan Mendaki Gunung Baik untuk Kesihatan.

Sukan mendaki gunung baik untuk kesihatan.

44 responses




Rajah 2: Persepsi tentang sukan mendaki gunung baik untuk kesihatan

Rajah 2 menunjukkan persepsi pelajar mengenai sukan mendaki gunung adalah baik untuk kesihatan. Daripada rajah tersebut didapati majoriti pelajar seramai 24 orang adalah bersetuju bahawa sukan mendaki sangat baik untuk kesihatan manakala seramai 20 orang pelajar pula iaitu 45.5%, sangat bersetuju dengan pernyataan tersebut. Aktiviti rekreasi lasak memanjat gunung merupakan aktiviti sihat dan merupakan aktiviti fizikal yang popular (Niedermeier, Einwanger, Hartl, &Kopp, 2017).

Persepsi yang Kedua: Sukan Mendaki Gunung Baik untuk Meningkatkan Stamina.

Sukan mendaki gunung baik untuk meningkatkan stamina.
44 responses



Rajah 3: Persepsi tentang sukan mendaki gunung baik untuk meningkatkan stamina

Rajah 3 menunjukkan persepsi pelajar mengenai sukan mendaki gunung adalah baik untuk meningkatkan stamina. Didapati bahawa majoriti pelajar seramai 61.4% atau 27 orang adalah bersetuju bahawa sukan mendaki sangat baik untuk meningkatkan stamina mereka. Aktiviti mendaki bukit mampu mencabar stamina seseorang. Ia dapat membakar kalori dengan banyak kerana membabitkan latihan kardio. Mendaki bukit tergolong dalam satu daripada lima latihan kardio terbaik yang memberikan banyak kelebihan kepada tubuh (Kholili I, 2018).

Persepsi Yang Ketiga: Sukan Mendaki Gunung Melatih untuk Menghargai Alam Sekitar.

Sukan mendaki gunung melatih saya untuk menghargai alam sekitar.
44 responses



Rajah 4 Persepsi pelajar tentang melatih menghargai alam sekitar


Rajah 4 menunjukkan persepsi pelajar tentang sukan mendaki gunung boleh melatih untuk menghargai alam sekitar. Didapati bahawa majoriti pelajar seramai 50% atau 22 orang pelajar bersetuju dengan pernyataan tersebut. Manakala, terdapat 2 orang pelajar yang tidak pasti sama ada sukan mendaki ini boleh menghargai alam sekitar. Biodiversiti memberi ruang kepada manusia untuk melakukan aktiviti-aktiviti riadah serta rekreasi di samping menghayati keindahan alam semulajadi serta meluaskan pengetahuan tentang kepelbagaian dan kekayaan sumber biodiversiti . Pelbagai aspek aktiviti riadah yang dapat dijalankan termasuklah aktiviti sukan air, terjunan udara, meredah hutan, aktiviti berkhemah, penjelajahan hutan dan berbagai lagi.(Hasbullah N, Zakaria,J

2007)

Persepsi yang Keempat: Sukan Mendaki Gunung Memupuk Semangat Perpaduan.

Sukan mendaki gunung memupuk semangat perpaduan.

44 responses




Rajah 5: Persepsi pelajar tentang mendaki gunung memupuk semangat perpaduan

Rajah 5 menunjukkan persepsi pelajar tentang sukan mendaki gunung boleh memupuk alam sekitar. Didapati bahawa majoriti pelajar seramai 56.8% atau 25 orang pelajar bersetuju dengan pernyataan tersebut. Manakala, terdapat 3 orang pelajar yang tidak pasti sama ada sukan mendaki ini boleh memupuk semangat perpaduan.

Soal selidik yang Kelima: Pihak Kolej Komuniti Jempol Sering Menganjurkan Program Mendaki Gunung.

Pihak Kolej Komuniti Jempol menggalakkan pelajar menyertai sukan mendaki gunung.

44 responses




Rajah 6: Galakan institusi kepada pelajar untuk sertai sukan mendaki gunung.

Rajah 6 menunjukkan galakan institusi Kolej Komuniti Jempol kepada pelajar untuk menyertai sukan mendaki gunung. Didapati bahawa seramai 24 orang pelajar atau 54.5% bersetuju dengan pernyataan tersebut. Dan 38.6% atau 17 orang pelajar sangat bersetuju dengan pernyataan bahawa institusi sangat menggalakkan penglibatan pelajar untuk menyertai sukan mendaki gunung.

Soal Selidik Keenam: Adakah Sukan Mendaki Gunung Sesuai untuk Dijadikan Subjek Kokurikulum di Kolej Komuniti Jempol.

Sukan mendaki gunung sesuai dijadikan subjek kokurikulum di Kolej Komuniti Jempol.
44 responses



Rajah 7: Sukan mendaki untuk dijadikan subjek kokurikulum

Rajah 7 adalah analisis yang menunjukkan kebersediaan pelajar institusi Kolej Komuniti Jempol untuk menerima sukan mendaki dijadikan subjek kokurikulum. Didapati bahawa seramai 52.3% majoriti pelajar bersetuju dengan pernyataan tersebut. Dan 43.2% pelajar sangat bersetuju jika sukan mendaki dijadikan subjek ko-kurikulum.

RUMUSAN DAN CADANGAN

Dapatan kajian secara keseluruhannya menunjukkan sukan mendaki gunung memberikan persepsi positif kepada pelajar. Ini dapat dilihat melalui analisis soal selidik yang telah dijalankan. Majoriti pelajar bersetuju bahawa sukan mendaki gunung baik untuk kesihatan, meningkatkan stamina, melatih untuk menghargai alam sekitar, serta memupuk semangat perpaduan. Pelajar juga bersetuju sekiranya aktiviti sukan mendaki gunung ini menjadi salah satu aktiviti kokurikulum di kolej. Justeru, penyelidik mencadangkan agar kajian seterusnya dijalankan terutama kepada pembuat dasar bagi melihat kesesuaian program mendaki ini dapat dijadikan subjek kokurikulum wajib yang menjurus kepada aspek kesihatan, semangat perpaduan, dan penerapan sikap menghargai alam sekitar. Sementara itu, penyelidik juga ingin mencadangkan agar aktiviti mendaki gunung bersama pelajar dijalankan dengan lebih kerap berserta dengan pengisian ilmu asas yang berkaitan seperti ilmu asas kesihatan, ilmu asas alam sekitar, dan ilmu asas perpaduan supaya pelajar dapat mengaplikasikan ilmu dalam kehidupan harian.

RUJUKAN

- Johannis, N. J. (2016). *Kajian Retrospektif Insiden Pergunungan Di Malaysia*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Norhidayah Hairom (2019). *Pendaki bukan sekadar menjadi pelancong gunung*. Retrieved Disember 11, 2019 from <https://m.sinarharian.com.my/mobile-article?articleid=4316>
- Suzi (2017). *Ramai wanita gemar mendaki gunung sekarang, semuanya gara-gara tertarik*

dengan 6 manfaat berikut. Retrieved Desember 28, 2017 from

<https://www.nona.my/ramai-wanita-gemar-sukan-mendaki-sekarang-semuanya-gara-gara-tertarik-dengan-6-manfaat-berikut/>

Beatrice Nita Jay & Naim Zulkifli. (2016). *Environment drives childhood obesity*. New Straits Times

Kolb, D. A. 1984. *Experiential Learning*. Englewood Cliff. New Jersey: Prentice Hall.

Healey, M., & Jenkins, A. (2000). *Kolb's experiential learning theory and its application in geography of higher education*. *Journal of Geography*, 99, 185-195.

Ismail, M., Soaib, A., Shamsudin, A., & Shafie, M., Daud. . (2014). *Mentor's role in human teacher development program* *Jurnal Personalia Pelajar*, 17, 31-40

Niedermeier, M., Einwanger, J., Hartl, A., & Kopp, M. (2017). *Affective responses in mountain hiking—A randomized crossover trial focusing on differences between indoor and outdoor activity*. *PLoS One*, 12(5), 1-17

Ilzam Kholili, (2018). *Persiapan Fisik Dalam Pendakian Gunung Sindoro*, Fakultas Keguruan Dan Ilmu Pendidikan Jasmani Kesehatan Dan Rekreasi Universitas Wahid Hasyim, 1- 13

Hasbullah N, Zakaria J, (2007). *Pelancongan Rekreasi Berasaskan cabaran dan Biodiversiti: Isu dan Konflik*. *Academia*, 1-12

PERSONALITI & HUBUNGANNYA DENGAN PERATUS KEHADIRAN PELAJAR KULINARI SEMESTER AKHIR KOLEJ KOMUNITI CHENDEROH

Noradilah binti Mohd Idris
Kolej Komuniti Chenderoh Perak
noradilah.idris@kkche.edu.my

Zul-kifli bin Hussin
Universiti Sultan Azlan Shah

ABSTRAK

Kehadiran pelajar merupakan aspek yang penting yang dinilai dalam setiap institusi pendidikan. Masyarakat Malaysia kini meletakkan nilai yang tinggi terhadap pencapaian akademik. Namun kemerosotan kehadiran pelajar ke kelas membuat tahap pencapaian akademik tidak seperti yang diharapkan. Faktor personaliti yang melibatkan lima (5) jenis personaliti diuji untuk melihat sama ada terdapat hubungkait personaliti dengan kehadiran pelajar. Personaliti yang diukur ialah personaliti extraversion, personaliti neurotisme, personaliti agreeableness, personaliti openness dan personaliti conscientiousness. Personaliti manusia boleh diperhatikan, dikenalpasti dan seterusnya boleh diperihalkan. Kajian ini bertujuan mengkaji personaliti pelajar Sijil Kulineri Kolej Komuniti Chenderoh (KKCP) dalam hubungannya dengan peratus kehadiran ke kelas yang secara tidak langsung memainkan peranan dalam pencapaian akademik. Kajian ini akan menggunakan kaedah kajian kuantitatif. 23 sampel kajian yang diambil merupakan pelajar sijil kulineri semester akhir. Data diperolehi dengan menggunakan kaedah soal selidik, kemudiannya dianalisis untuk melihat hubungkait diantara personaliti dengan rekod kehadiran pelajar. Data dianalisis secara diskriptif dan kolerasi. Kajian mendapati terdapat hubungan signifikan diantara personaliti dengan kehadiran pelajar. Terdapat hubungan signifikasi yang amat tinggi iaitu pada 3 personaliti iaitu pada personaliti openness $r=0.843$, personaliti conscientiousness $r=0.730$ dan personaliti agreeableness $r=0.726$. kajian juga mendapati hubungan yang tinggi pada personaliti extraversion $r=0.524$ dan 1 hubungan signifikasi yang sederhana $r=0.473$ pada personaliti neurotisme.


Kata Kunci: Personaliti, kehadiran

PENGENALAN

Isu kemerosotan kehadiran pelajar di kalangan pelajar Kolej Komuniti Chenderoh bukan lagi merupakan sesuatu perkara yang dianggap janggal, terutamanya dikalangan tenaga pendidik. Masalah pelajar tidak hadir biasanya akan menjejaskan prestasi akademik pelajar di hujung semester. Menurut Che Mah & Mariani (2001), personaliti seseorang memainkan peranan dalam isu kekerapan pelajar tidak hadir ke kelas. Manakalala Menurut Premuzic & Furnham (2003), ciri-

ciri persoliti yang tinggi pada seseorang individu mempunyai hubungan yang signifikan dengan gred peperiksaan. Apabila segelintir pelajar tidak hadir ke kelas, mereka bukan sahaja menyusahkan rakan-rakan mereka yang lain tetapi juga pensyarah mereka sendiri. Kelas yang hanya didatangi sebilangan pelajar akan menyukarkan proses pengajaran dan pembelajaran.

Oleh itu, kajian yang dilakukan ini bertujuan untuk mengkaji personaliti pelajar semester akhir di Kolej Komuniti Chenderoh yang menyumbang kepada masalah merosotnya peratus kehadiran ke kelas. Wajar untuk mengenali personaliti pelajar supaya pensyarah dapat mengambil pendekatan berbeza dalam teknik penyampaian PdP bagi menangani isu ketidakhadiran pelajar.



Rajah 1: Hubungkait Pesonaliti Pelajar dengan Peratus Kehadiran Pelajar ke Kelas

OBJEKTIF KAJIAN

- i. Menentukan hubung kait diantara personaliti *extraversion* pelajar dengan peratus kehadiran pelajar
- ii. Menentukan hubung kait diantara personaliti *neorotisme* pelajar dengan peratus kehadiran pelajar
- iii. Menentukan hubung kait diantara personaliti *aggreableness* pelajar dengan peratus kehadiran pelajar
- iv. Menentukan hubung kait diantara personaliti *openess* pelajar dengan peratus kehadiran pelajar
- v. Menentukan hubung kait diantara personaliti *conscientiouness* pelajar dengan peratus kehadiran pelajar

PERSOALAN KAJIAN

- i. Apakah terdapat hubung kait diantara personaliti *extraversion* pelajar dengan peratus kehadiran pelajar
- ii. Apakah terdapat hubung kait diantara personaliti *neurotisme* pelajar dengan peratus kehadiran pelajar
- iii. Apakah terdapat hubung kait diantara personaliti *aggreableness* pelajar dengan peratus kehadiran pelajar
- iv. Apakah terdapat hubung kait diantara personaliti *openess* pelajar dengan peratus kehadiran pelajar
- v. Apakah terdapat hubung kait diantara personaliti *conscientiouness* pelajar dengan peratus

kehadiran pelajar

SOROTAN KAJIAN

Setiap manusia yang dilahirkan mempunyai persamaan, perbezaan dan keunikan tersendiri. Antara faktor yang dikaitkan dengan keunikan manusia adalah personaliti manusia itu sendiri. Kajian mendapati bahawa setiap manusia mempunyai personaliti yang berbeza. Perbezaan personaliti juga boleh diukur dengan mengambilkira kadar kecenderungan tingkah laku individu apabila berhadapan dengan pelbagai situasi dan keadaan (Kamaruddin, 1996)

Definisi personaliti membawa maksud perlakuan proses-proses psikologi dengan keadaan individu (Linton, 1945). Dalam definisi lain pula, personaliti boleh ditakrifkan sebagai interaksi individu atau bentuk peranan tingkahlaku dengan masyarakat (Pervin, 1975). Secara amnya, personaliti merupakan latar belakang yang dapat menonjolkan sikap dan tingkah laku individu. Gaya hidup seseorang individu seperti pendapat kreatif terhadap diri sendiri, masalah kehidupan dan keseluruhan sikap terhadap diri dan orang lain juga merupakan perkara yang dapat menonjolkan personaliti individu (P Alder, 1964). Lima (5) jenis personaliti yang dapat dikenalpasti iaitu personaliti *extraversion*, personaliti *agreeableness*, personaliti *openness* dan personaliti *conscientiousness*.

Individu yang cenderung mempunyai personaliti *extraversion*, biasanya kelihatan bersemangat, mempunyai sifat ingin tahu, sentiasa aktif dalam tindakan, berkeyakinan tinggi, banyak bercakap, suka bergaul, ingin bersama orang lain, gemar memberi pandangan dan idea serta sentiasa berfikir positif (Costa & Mc Crae, 1992)

Individu yang mempunyai personaliti jenis *neurotisme* mempunyai sifat yang berlawanan dengan individu yang mempunyai personaliti *extraversion* dari sudut kestabilan emosi terutamanya. Individu yang berpersonaliti neurotisme biasanya berkelakuan tidak munasabah, mempunyai tahap kerisauan yang tinggi, gementar, mudah hilang sabar, cepat marah, tertekan dan sebagainya (John & Srivistava, 1999).

Individu yang cenderung mempunyai personaliti *agreeableness* biasanya sangat disenangi rakan sekeliling, senang untuk menyukai, bersikap suka menghormati dan bersopan santun, bersikap fleksible, boleh dipercayai dan senang mempercayai, bekerjasama, sentiasa memaafkan, baik hati dan sangat bertoleransi dengan masyarakat (Barick & Mount, 1991).

Individu yang mempunyai personaliti *openness* pula lebih bersikap terbuka, jujur, mempunyai sifat ingin tahu, mempunyai imiginasi yang tinggi, senang mendengar dan menerima idea, suka berterus terang, berfikiran luas dan mempunyai sifat sensitif yang artistik (Barick & Maount, 1991).

Akhir sekali, individu yang mempunyai perwatakan personaliti *conscientiousness* biasanya cenderung untuk mengukuhkan pendirian idea dan kelakuan, mempunyai motivasi yang jelas untuk direliaksikan, sentiasa bersikap berhati-hati dan berwaspada ketika melakukan kerja, lengkap, teliti dan terperinci. Selain itu juga, sentiasa bertanggungjawab dan pandai mengurus (Barick & Mount, 1991).


Bagi melihat hubungan diantara personaliti dengan peratus kehadiran pelajar kulinari semester akhir, maka kelima-lima jenis personaliti ini dikaji sama ada mempunyai kaitan dengan merosotnya kehadiran pelajar ke kelas.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian dilakukan kepada pelajar semester akhir Sijil Kulineri Kolej Komuniti Chenderoh. Sebanyak 23 orang pelajar semester akhir dipilih sebagai sampel kajian iaitu 7 orang pelajar lelaki dan 16 orang pelajar perempuan yang terlibat dalam pemilihan sampel ini. Kaedah kajian kuantitatif yang menggunakan instrumen soal selidik diaplikasi dalam pelaksanaan kajian ini. Instrumen soal selidik iaitu set soalan berkaitan personaliti diedarkan kepada sampel kajian. Data daripada soal selidik yang diperolehi dianalisis dengan melihat hubungkait diantara personaliti dengan rekod kehadiran pelajar. Data dianalisis secara diskriptif dan kolerasi.

DAPATAN KAJIAN

Laporan dapatan kajian yang diperolehi adalah merujuk kepada nilai skor mentah yang diperolehi daripada 23 responden. Bahagian pertama iaitu bahagian demografi dikaji untuk mendapat analisis penjelasan dari segi peratus. Manakala bahagian kedua pula merupakan analisis korelasi untuk melihat hubungkait dengan pemboleh-bahubah kajian. Analisis korelasi *Pearson* digunakan untuk melihat hubungan personaliti dengan peratus kehadiran pelajar.



Rajah 2: Carta Keputusan Jenis-Jenis Personaliti

Merujuk kepada Rajah 2, jumlah min personaliti adalah sebanyak 2.94, manakala min personaliti bagi *neurotisme* pula ialah sebanyak 2.90. Skor min personaliti bagi *agreeableness* adalah sebanyak 3.19 dan skor min bagi personaliti *openness* pula ialah sebanyak 3.20 dan yang terakhir sekali bagi personaliti *conscientiousness* pula ialah sebanyak 3.31. Pelajar yang mempunyai personaliti *conscientiousness* menunjukkan skor min yang paling tinggi.

KORELASI

Hubungan atau hubungkait dengan satu pembolehubah bersandar dan tidak bersandar ditakrifkan atau dikenal sebagai korelasi. Korelasi wujud apabila terdapat satu (1) perubahan pada pembolehubah yang diikuti dengan pembolehubah yang lain secara teratur pada arah yang sama (korelasi positif) atau berlawanan (korelasi negatif). Bagi tujuan pengumpulan data, pengukuran skala *interval* atau *ratio* selalu digunakan dalam korelasi. Oleh sebab kajian ini diselidik untuk mencari hubungan personaliti dengan peratus kehadiran pelajar, maka korelasi *Pearson* digunakan untuk mengenalpasti sama ada terdapat hubungan atau tidak diantara personaliti dengan peratus kehadiran pelajar. Kekuatan pembolehubah – pembolehubah ini boleh diukur seperti yang dicadangkan oleh Davies (1971) seperti berikut:

Amat tinggi: 0.70 - 1.00
 Tinggi: 0.50 - 0.69
 Sederhana Tinggi: 0.30 – 0.49
 Rendah: 0.10 – 0.29
 Diabaikan: 0.01 – 0.09

		EXTRAVERSION	NEUROTISME	AGGREABLENESS	OPENNES	CONSCIENTIOUSNESS	ATTENDANCE
EXTRAVERSION	Pearson Correlation	1	-.047	.365	.493*	.294	-.140
	Sig. (2-tailed)		.830	.087	.017	.174	.524
	N	23	23	23	23	23	23
NEUROTISME	Pearson Correlation	-.047	1	.257	.323	.558**	-.157
	Sig. (2-tailed)	.830		.236	.133	.006	.473
	N	23	23	23	23	23	23
AGGREABLENESS	Pearson Correlation	.365	.257	1	.443*	.383	.077
	Sig. (2-tailed)	.087	.236		.034	.071	.726
	N	23	23	23	23	23	23
OPENNES	Pearson Correlation	.493*	.323	.443*	1	.571**	.044
	Sig. (2-tailed)	.017	.133	.034		.004	.843
	N	23	23	23	23	23	23
CONSCIENTIOUSNESS	Pearson Correlation	.294	.558**	.383	.571**	1	-.076
	Sig. (2-tailed)	.174	.006	.071	.004		.730
	N	23	23	23	23	23	23
ATTENDANCE	Pearson Correlation	-.140	-.157	.077	.044	-.076	1
	Sig. (2-tailed)	.524	.473	.726	.843	.730	
	N	23	23	23	23	23	23

:* Correlation is significant at the 0.05 level (2-tailed)
 : **Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed)

Rajah 3: Korelasi 5 (lima) Hubungan Personaliti dengan Peratus Kehadiran Pelajar ke Kelas

Merujuk kepada Rajah 3 terdapat hubungkait diantara kelima lima jenis personaliti yang diuji kepada responden.

OBJEKTIF KAJIAN PERTAMA

Apakah terdapat hubung kait diantara personaliti *extraversion* pelajar dengan peratus kehadiran pelajar?

:Ya. Tahap korelasi di antara personaliti *extraversion* pelajar dengan kehadiran pelajar secara keseluruhan adalah tinggi ($r = 0.524$).

OBJEKTIF KAJIAN KEDUA

Apakah terdapat hubung kait diantara personaliti *neurotisme* pelajar dengan peratus kehadiran pelajar?

:Ya. Tahap korelasi di antara personaliti *neurotisme* pelajar dengan kehadiran pelajar secara keseluruhan adalah sederhana tinggi ($r = 0.473$).

OBJEKTIF KAJIAN KETIGA

Apakah terdapat hubung kait diantara personaliti *aggreableness* pelajar dengan peratus kehadiran pelajar?

:Ya. Tahap korelasi di antara personaliti *aggreableness* pelajar dengan kehadiran pelajar secara keseluruhan amat tinggi ($r = 0.726$).

OBJEKTIF KAJIAN KEEMPAT

Apakah terdapat hubung kait diantara personaliti *openess* pelajar dengan peratus kehadiran pelajar?

:Ya. Tahap korelasi di antara personaliti *openess* pelajar dengan kehadiran pelajar secara keseluruhan adalah amat tinggi ($r = 0.843$).

OBJEKTIF KAJIAN KELIMA

Apakah terdapat hubung kait diantara personaliti *conscientiouness* pelajar dengan peratus kehadiran pelajar?

:Ya. Tahap korelasi di antara personaliti *conscientiouness* pelajar dengan kehadiran pelajar secara keseluruhan adalah amat tinggi ($r = 0.730$).

Berdasarkan kepada analisis kajian yang dilakukan, didapati terdapat hubungan signifikasi diantara personaliti dengan kehadiran pelajar. Hubungan signifikasi yang amat tinggi terdapat pada tiga (3) personaliti yang diuji iaitu pada personaliti *openness* $r=0.843$, personaliti *conscientiousness* $r=0.730$ dan personaliti *aggreableness* $r=0.726$. Kajian juga mendapati hubungan yang tinggi pada personaliti *extraversion* $r=0.524$ dan satu (1) hubungan signifikasi yang sederhana $r=0.473$ pada personaliti *neurotisme*.

CADANGAN DAN KESIMPULAN

Berdasarkan kepada penyelidikan yang dilaksanakan didapati wujudnya hubungan signifikasi yang positif di antara personaliti dengan peratus kehadiran pelajar. Oleh sebab itu untuk memastikan kehadiran pelajar adalah baik, ciri ciri personaliti pelajar perlulah ditentukan dahulu. Corak dan teknik penyampaian pengajaran dan pembelajaran mengikut kesesuaian personaliti pelajar perlu dipraktikkan agar masalah ketidakhadiran pelajar dapat diatasi.

RUJUKAN

C Pass, B Lowes, A Pendleton, L Chadwick, D O'Reilly Campbell, J.P. (1990). Modeling the performance prediction in industrial and organizational psychology.

Campbell, J.P., Dunette, M.D., Lawler III E.E., & Weick, K.E., (1970).

Chua, Y.P.(2006). Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Asas Statistik Penyelidikan. Kuala Lumpur: Mcgraw-Hill (Malaysia) Sdn Bhd.

- Cohen, J. (1988). *Statistical Power Analysis for The Behavioral Science*. Hillsdale,
- Cooper, D. R., & Schindler, P. S. (2003). *Business research methods* (8th ed.). New York: McGraw-Hill Irwin 110
- Creswell, J. W. (2005). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research* (2nd ed.). Upper Saddle River, NJ: Pearson Education
- Davies, J. A. (1971). *Elementary survey analysis*. New Jersey: Prentice Hall.
- Fatimahwati Halim Ling Sin Chieng, (2016) Hubungan Antara Determinasi Kendiri, Personaliti Big Five Dengan Motivasi Pencapaian Dan Pencapaian Akademik (The Relationship Of Self Determination And Big Five Personality To Achievement Motivation And Academic Achievement), *Jurnal Psikologi Malaysia* 30 (2) (2016): 114-126 Issn-2289-8174
- In M.Dunnette & L.M Hough Campbell, J. P., Dunnette, M. D., Lawler, E. E., & Weick, K. E. (1970). *Managerial behavior, performance, and effectiveness*. New York: McGraw Hill
- Managerial Behavior, Performance and Effectiveness*: McGraw-Hill. Chet, R., Douglas J. B., & Paul, R. B .(2005). NJ: Erlbaum.
- Prof. Madya Dr.Azizi Hj. Yahaya, Prof. Madya Dr. Mohd Najib Ghaffar & Noraizah Damiri. (2008), Ciri – ciri Personaliti Dalam Pemilihan Kerjaya Pelajar, *Gaya Pembelajaran Pelajardan Hubungannya Dengan Pencapain Akedemik*, Universiti Teknologi Mara, Segamat
- Revised NEO Personality Inventory (NEOPI-R) and NEO Five-Factor Inventory (NEO-FFI) professional manual. Odessa, FL: Psychological Assessment Resources, Inc Collins Dictionary of Business.(2002, 2005).
- The big five in the USA and Japan *Journal of Management Development*, 24(8), 720-737. Coakes, S.J., Steed, L. & Dzidic, P.(2006).
- Yong Chooi Yean. (2007), *Personaliti Pelajar Tingkatan Dua dan Hubungannya Dengan Pencapaian Akedemik*, Universiti Teknologi Malaysia.

REVOLUSI PELANCONGAN HALAL SELEPAS ERA PANDEMIK

Amar bin Saadin
Kolej Komuniti Bagan Serai
amar@kkbaganserai.edu.my

Rahiza Shima binti Ramli
Kolej Komuniti Bagan Serai

Ainul Husna binti Abdul Halim
Kolej Komuniti Bagan Serai

ABSTRAK

Tahun 2020 merupakan satu titik hitam kepada industri pelancongan bukan sahaja industri pelancongan dalam negara, malah industri pelancongan antarabangsa juga turut terjejas. Hal ini didorong oleh penutupan sempadan oleh negara-negara yang mempunyai tarikan pelancongan. Rentas negara tidak dibenarkan dan perintah kawalan pergerakan mula berkuat kuasa bukan sahaja di Malaysia, malah di seluruh dunia. Sektor pelancongan merupakan antara sektor yang terjejas teruk dan tidak terlepas juga sektor pelancongan halal. Segala urusan pelancongan di seluruh dunia menjadi sunyi sepi hatta urusan Umrah dan Haji juga terpaksa ditangguhkan apatah lagi urusan pelancongan ke negara-negara lain. Hal ini telah memberikan impak dan tamparan yang besar untuk industri pelancongan khususnya industri halal. Pemain-pemain industri terpaksa berevolusi demi memastikan perniagaan mereka tidak lingkup serta memastikan kelangsungan hidup mereka terjamin. Hasil revolusi ini maka terhasilnya beberapa idea-idea baru yang wujud dalam industri pelancongan halal dan akhirnya tercetuslah “Revolusi Pelancongan Halal”

KATA KUNCI: *Pelancongan halal, pelancongan era endemik.*

PENGENALAN

Sektor pelancongan merupakan salah satu penyumbang terbesar dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) di Malaysia. Berdasarkan Tinjauan Ekonomi 2020, sektor pelancongan menyumbang 15.2% iaitu sebanyak 86.14 bilion ringgit dalam KDNK negara pada tahun 2019 (Laporan Tinjauan Ekonomi 2020). Hal ini menunjukkan industri pelancongan merupakan salah satu industri yang memberi sumbangan terbesar dalam pendapatan negara. Namun begitu, tahun 2020 merupakan satu titik hitam kepada industri pelancongan bukan sahaja industri pelancongan dalam negara, malah industri pelancongan antarabangsa juga turut terjejas teruk. Hal ini berpunca daripada penutupan sempadan dan tiada rentas negara dibenarkan oleh negara-negara yang mempunyai tarikan pelancongan. Salah satu sektor pelancongan yang terjejas teruk adalah sektor pelancongan halal. Urusan pelancongan ke negara-negara yang mempunyai peninggalan sejarah Islam pada zaman dahulu ditangguhkan termasuk urusan umrah dan haji. Malah selepas era pandemik, Kementerian Pelancongan Arab Saudi telah memperuntukkan hampir 17.09 bilion


ringgit untuk memulihkan kembali industri pelancongan mereka. Hal ini menunjukkan negara-negara lain juga terjejas teruk akibat daripada Covid-19. Laporan daripada United Nation World Tourism Organization (UNWTO) menunjukkan penurunan drastik bilangan aliran pelancong antarabangsa pada tahun 2020 berikutan impak pandemik Covid 19 yang melanda. Jadual 1 menunjukkan penurunan daripada 1465 juta aliran keluar masuk pelancong antarabangsa turun secara mendadak kepada 406 juta sahaja pada tahun 2020 ketika era pandemik melanda.

Jadual 1: Statistik UNWTO Terhadap Bilangan Aliran Keluar Masuk Pelancongan Antarabangsa

Tahun	Jumlah Pelancong (Juta)
2015	1208
2016	1250
2017	1339
2018	1413
2019	1465
2020	406
2021	429

Sumber: Laporan United Nation World Tourism Organization, 2022

Rajah 1: Statistik UNWTO Terhadap Bilangan Aliran Keluar Masuk Pelancongan Antarabangsa




PELANCONGAN HALAL

Menurut Noor Fiteri Abdullah (2004) dalam penulisanannya, istilah pelancongan islam dan pelancongan halal mempunyai maksud yang sama. Namun, masyarakat di Malaysia lebih sinonim dengan penggunaan istilah pelancongan halal. Hal ini untuk mengelakkan kekeliruan sekiranya istilah pelancongan islam digunakan. Masyarakat akan keliru dan menyangka bahawa pelancongan islam ini hanya untuk orang yang beragama islam sahaja. Beliau menambah lagi, pelancongan halal ini membawa erti konsep pelancongan yang bebas daripada sebarang perkara-perkara yang dilarang oleh agama islam seperti melawat ke tempat-tempat yang menyediakan arak ataupun tempat-tempat yang terdedah kepada sebarang aktiviti yang dilarang oleh agama islam seperti berjudi, pergaulan bebas dan sebagainya. Pelancongan halal juga menitikberatkan perkara-perkara yang dituntut oleh agama seperti menunaikan solat fardhu dan makan makanan daripada sumber yang halal sewaktu menjalankan aktiviti pelancongan. Pelancongan halal tidak terhad kepada negara-negara islam sahaja. Industri pelancongan halal juga berkembang pesat di negara-negara bukan islam seperti di Korea dan Jepun. Ini dibuktikan dengan laporan dalam Astro Awani yang bertajuk “Korea Selatan Mahu Malaysia Bantu Bangunkan Industri Halal” menyatakan bahawa permintaan produk halal yang semakin meningkat di Korea. Hal ini menunjukkan mereka semakin terbuka untuk menerima konsep pelancongan halal.

PERMULAAN PANDEMIK

Pada bulan Mac 2020, negara digemparkan dengan wabak Covid-19 yang memaksa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan. Hal ini telah menyebabkan semua aktiviti rentas negara malah rentas negeri dilaksanakan. Semua aktiviti pelancongan juga turut tidak dibenarkan. Pengarah Kanan Bahagian Promosi Antarabangsa (Amerika/Eropah/Oceania), Tourism Malaysia, Datuk Dr Ammar Abdul Ghapar berkata, sektor pelancongan di Malaysia kerugian hampir 46 bilion ringgit akibat daripada pelaksanaan PKP bagi membanteras Covid-19. Dalam Kenyataan Media Akaun Satelit Pelancongan Malaysia bagi tahun 2020 pada 23 September 2021, Malaysia mencatatkan kejatuhan 71.2 % atau RM 52.4 bilion dalam sektor pelancongan sepanjang tempoh pandemik. Rajah 2 menunjukkan Ringkasan Industri Pelancongan Pada Tahun 2020.




Rajah 2: Ringkasan Industri Pelancongan Malaysia Pada Tahun 2020.

Perbelanjaan pelancongan dalam Malaysia merosot sebanyak -84.6% pada tahun 2019 berikutan tiada kemasukan pelancong antarabangsa ke Malaysia. Berikutan larangan rentas negeri yang dikuatkuasakan, perbelanjaan bagi pelancongan domestik turut terkesan. Perbelanjaan pelancongan domestik menurun ke -58.3% pada tahun 2020.

REVOLUSI PELANCONGAN HALAL

Pelaksanaan PKP telah berjaya mengurangkan kes jangkitan Covid-19, namun banyak sektor ekonomi terjejas terutamanya industri pelancongan halal. Syarikat-syarikat agensi pelancongan yang menawarkan pakej-pakej pelancongan halal terpaksa ditangguhkan dan duit pelanggan terpaksa dipulangkan semula. Demi meneruskan kelangsungan hidup, mereka kembali bangkit dengan mencetuskan revolusi pelancongan halal yang baru.

Seiring dengan era modenisasi dan jaringan perhubungan tanpa sempadan, syarikat-syarikat yang mendukung konsep pelancongan halal ini telah berevolusi dengan membawa konsep melancong secara digital. Mereka berjaya membawa pengalaman melancong hanya dari dalam rumah dengan menggunakan teknologi terkini seperti teknologi realiti maya (*Virtual Reality, VR*). Teknologi ini berfungsi dengan pelanggan memakai kaca mata realiti maya (*VR Gear*) dan mereka dapat merasai pengalaman berada di destinasi yang mereka ingini walaupun hanya duduk di rumah. Selain itu revolusi pendigitalan ini turut diaplikasikan dengan menyiarkan siaran langsung gambar dan video sebenar kawasan pelancongan melalui platform sosial media seperti di Facebook, Tiktok dan juga aplikasi media lain. Rajah 3 menunjukkan peranti *Virtual Reality Gear, VR* yang kerap digunakan untuk membawa pengalaman realiti dengan melancong dari rumah secara maya.



Rajah 3: Gambaran *Virtual Reality Gear, VR*

Tempoh PKP ini juga dimanfaatkan oleh industri pelancongan halal untuk memantapkan lagi perkhidmatan mereka dengan meningkatkan lagi pengalaman pengguna (*customer experience*) terhadap perkhidmatan mereka. Banyak syarikat-syarikat pelancongan terutamanya syarikat pelancongan berkonsepkan pelancongan halal telah membangunkan laman sesawang yang lebih

kompetitif dan lebih mesra pengguna. Tidak kurang juga ada agensi yang membangunkan perisian telefon pintar mereka sendiri. Hal ini dapat memudahkan pengguna untuk merancang, menempah dan menilai pakej-pakej pelancongan yang mereka tawarkan.

Selain itu, syarikat-syarikat pelancongan halal juga telah menerokai teknologi *Augmented Reality* (AR). Teknologi ini membolehkan pengguna mengalami pengalaman dan situasi di tempat yang ingin dilawati. Teknologi ini banyak dimanfaatkan untuk bakal-bakal Haji dan Umrah. Mereka dapat belajar melalui teknologi AR meskipun tidak hadir secara fizikal ke kelas, mereka dapat belajar melalui teknologi ini. Rajah 4 menunjukkan contoh penggunaan teknologi AR. Pengguna perlu menggunakan kamera pada peranti mudah alih mereka dan paparan akan keluar pada skrin.



Rajah 4: Gambaran Penggunaan *Augmented Reality*, AR

Terdapat juga beberapa tempat pelancongan seperti Zoo Negara, Zoo Melaka dan Zoo Taiping yang melaksanakan lawatan ke zoo secara lawatan maya melalui platform atas talian. Kenyataan akhbar Kosmo pada 28 Julai 2021, menunjukkan Zoo Taiping telah menerima sumbangan awam dengan jumlah terkumpul sebanyak RM8,028.88 bagi dua episod lawatan yang telah dijalankan. Aktiviti sebegini penting bagi kawasan pelancongan terutamanya bagi tempat yang mempunyai hidupan seperti zoo. Dana diperlukan terutama dalam aspek pembiayaan makanan dan kesihatan hidupan.

Bukan sahaja zoo malah muzium dan tempat bersejarah turut terlibat dalam pengalaman *virtual tour* ini. Dengan terjadinya penularan covid 19, kita hanya perlu berada di rumah dengan talian internet yang baik untuk melawat seluruh dunia seperti yang dilakukan oleh British Museum, The Louvre, National Museum of Natural History dan Vatican Museum. Penerokaan seni bina dan sejarah dunia juga boleh dilakukan dengan hanya ke laman web untuk berjalan di sekitar model digital 3D bandar purba Roma. Tempat pelancongan lain seperti Tembok Besar Cina dan Sistine Chapel turut menawarkan *virtual tour* secara model digital 3D untuk menarik orang ramai.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, hasil daripada situasi pandemik yang melanda ini banyak teretusnya revolusi-revolusi kreatif dalam industri pelancongan khususnya pelancongan halal. Walaupun tidak dapat memberi impak yang besar semasa tempoh pandemik melanda, namun dengan teretusnya revolusi ini menunjukkan perkembangan teknologi seiring dengan pelancongan halal dan masih lagi digunapakai sehingga era endemik ini. Revolusi ini sekaligus dapat membantu pelancong yang mempunyai kekangan masa dan kewangan namun masih mampu untuk melancong.

RUJUKAN

Abdullah, N. F. & Mukhtar, M. (2014). Konsep Pelancongan Islam: Satu Pengamatan Awani, A (2019) Korea Selatan mahu Malaysia bantu bangunkan industri halal Retrieved from <https://www.astroawani.com/berita-bisnes/korea-selatan-mahu-malaysia-bantu-bangunkan-industri-halal-201134>

Jabatan Statistik Malaysia (2021), Kenyataan Media Akaun Satelit Pelancongan Malaysia 2020.

Kementerian Kewangan Malaysia (2020). *Tinjauan Ekonomi 2020*

Kosmo (2021) Lawatan maya Zoo Taiping pikat penonton Retrieved from <https://www.kosmo.com.my/2021/07/28/lawatan-maya-zoo-taiping-pikat-penonton>

Sulaiman, N. A., (2021). Industri pelancongan Islam jana hasil tinggi kepada negara. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/10/875330/industri-pelancongan-islam-jana-hasil-tinggi-kepada-negara>

UNWTO (2022) Global And Regional Tourism Performance. Retrieve from <https://www.unwto.org/tourism-data/global-and-regional-tourism-performance>

Yusof, N., (2021) Sektor pelancongan rugi RM45 bilion Retrieved from <https://www.sinarharian.com.my/article/154157/BERITA/Nasional/Sektor-pelancongan-rugi-RM45-bilion>

SEJAUH MANA KEPENTINGAN MEMPELAJARI ASAS ETIKA DI MEJA MAKAN

Nor Azrina binti Zahari
Kolej Komuniti Chenderoh
azrina.zahari81@gmail.com

Nurul'Ain binti Mustafa
Kolej Komuniti Chenderoh

ABSTRAK

Pengendalian peralatan di meja makan merupakan satu etiket semasa di meja makan dan juga merupakan kemahiran yang perlu dipelajari oleh setiap individu. Secara ringkasnya etiket adalah merupakan turutan-turutan yang perlu diikuti supaya semasa di meja makan ialebih teratur dan lebih bersopan santun ketika menghadiri majlis berbentuk formal atau tidakformal. Berdasarkan etiket ini ia juga melambangkan tatacara kehidupan seseorang di dalam masyarakat. Ia juga merupakan adab dan etika seseorang yang sering kali dilihat ketika menghadiri majlis makan terutama bersama tetamu kehormat. Untuk memperolehi kemahiran etika meja makan memerlukan individu menghadiri kursus dan kelas secara langsung. Memandangkan negara kita merupakan sebuah negara yang penuh dengan adab dan tatasusila ia sangat penting untuk dipelajari oleh semua golongan dan tanpa mengira jenis pekerjaan dan latar belakang seseorang.

KATA KUNCI: Etiket, majlis formal, kemahiran

ETIKET MEJA MAKAN

Menurut Kamus Dewan edisi keempat (2005) etiket membawa maksud adat dan peraturan berkenaan kesopanan. Menurut *Cambride Advanced Learner's Dictionary* (2005) pula mengatakan bahawa *etiquette the set of rules or customs which control accepted behaviour in particular social groups or social situations*. Adab atau etika di meja makan adalah merupakan satu kemahiran yang perlu ada pada setiap individu. Bagaimana kita makan akanmenunjukkan keperibadian diri seseorang. Makan secara gelojoh boleh menjurus kepada persepsi negatif terhadap seseorang. Dengan itu, pengetahuan asas etika di meja makan adalahsangat penting. Pengetahuan mengenai penggunaan kutleri yang betul boleh mengelakkan kita dipandang negatif di dalam sesuatu majlis. Setiap sajian sama ada sajian Barat, sajian Cina, sajian India atau sajian Melayu menggunakan peralatan meja yang berbeza.Kutleri bagisajian barat adalah pelbagai dan mempunyai fungsi tertentu.. Oleh yang demikian penggunaan meja yang betul adalah penting. Secara asasnya, sudu akandipegang di sebelah kanan dan garpu di sebelah kiri sekiranya sajian makanan Melayu dihidangkan. Manakala bagi sajian Barat pisau di pegang disebelah kanan dan garpu disebelah kiri. *Chopstick* pula di pegang di sebelah kanan untuk sajian makanan Cina.

KEPENTINGAN ETIKA DALAM KEHIDUPAN HARIAN

Etika meja makan mempunyai hubungkait yang sangat rapat dengan adab seseorang. Perkataan adab membawa maksud tingkah laku serta tutur kata yang halus atau sopan, berbudi bahasa dan budi pekerti yang halus serta kesopanan. Adab juga memberi maksud cara seseorang berkelakuan dalam sesuatu situasi yang tertentu.

Etika juga merupakan adab dan sopan santun yang mulia malah akan membuat seseorang itu mudah untuk didampingi dalam sesuatu majlis. Bukan itu sahaja, budi pekerti dan sopan santun juga akan membuat seseorang itu dihormati dan disanjung tinggi. Ini semua menunjukkan bahawa kepentingan mempelajari etika meja makan. Dalam sebuah buku *History of The Arabs: Rujukan induk dan paling otoritatif tentang Sejarah* yang ditulis oleh Philip K. Hitti. (2005) menyatakan hubungan antara tata tertib semasa makan dengan semangat berbudaya.

Baginya, orang yang berbudaya adalah orang yang memiliki perilaku sopan (adab), menjaga wibawa dan berperilaku elegen (zarf), tidak senang bergurau, bersahabat dengan orang yang tepat, memiliki integritas yang tinggi, menepati janji, memelihara kerahsiaan, tidak memakaipakaian kotor dan bertambal, dan ketika makan ia menyuapkan makanan dengan pelan, tidak menjilat jarinya, menghindari bawang, dan tidak menggunakan kayu pembersih gigi di kamar kecil, tempat mandi, ruang pertemuan, dan di jalanan.

Merujuk kepada penulisan Siw Ming Yuen (2020) pentingnya etiket di meja makan kerana ia merupakan santun di dalam interaksi individu dengan masyarakat, ia juga dapat mengeratkan perhubungan dan menaikkan imej sosial seseorang individu.

Berdasarkan kepada penerangan di atas dapat disimpulkan bahawa etiket di meja makan amat penting kerana ia merangkumi secara keseluruhan adab ketika makan, adab ketika bercakap dan juga adab ketika menggunakan peralatan meja.

Selain daripada itu, kepentingan dalam mempelajari etika meja makan adalah teknik dan cara menggunakan peralatan meja yang betul. Ini kerana bagi mengelakkan rasa kekok dan penyalahgunaan kutleri sehingga menyebabkan rasa malu dikalangan tetamu yang hadir. Seseorang individu akan menjadi lebih yakin pada diri sendiri apabila kemahiran ini dimilikikan seterusnya dapat menjaga imej serta personaliti diri. Pada zaman dahulu etika meja makan menjadi kewajipan utama. Apabila berada di meja makan, banyak adab dan peraturan yang perlu dipatuhi sekaligus menjadi satu platform dalam membentuk peribadi seseorang itu. Penekanan kepada adab makan yang betul dapat memudahkan seseorang itu membawa diri ketika berada di dalam sesuatu majlis.

TATACARA PENGGUNAAN PERKAKASAN

Etika meja makan melibatkan tatacara dalam penggunaan peralatan meja. Contoh hidangan yang menggunakan banyak peralatan meja dalam sesuatu majlis ialah menu hidangan barat. Ia melibatkan pelbagai peralatan yang terdiri daripada *spoon, fork, knife, plate, saucer, glass* dan *cup* mengikut kesesuaian menu hidangan. Oleh itu, semua peralatan yang terdapat di atas meja tidak boleh disentuh sebelum aktiviti makan bermula dan juga menyalahi etika jika peralatan tersebut di bawa pulang sebagai cenderamata. Berikut terdapat beberapa panduan menggunakan peralatan meja dengan betul;

1. Biasanya *spoon* dan *fork* telah disusun mengikut tema majlis dan susunan ini menunjukkan jenis makanan yang akan dihidangkan.
2. Tetamu akan mengambil samada *knife*, *spoon* dan *fork* bermula dari arah luar ke dalam; dan
3. Ini menunjukkan hidangan bermula daripada pembuka selera, sup dan hidangan utama.

Tatacara penggunaan *fork*:

Cara memegang *fork* adalah dengan memegang di bahagian pemegang dalam keadaan telangkep di mana jari telunjuk di sebelah atas ibu jari. Kebiasaannya *fork* dipegang tangan sebelah kiri bergantung pada jenis menu yang dihidangkan. Digunakan untuk menahan makanan ketika dipotong.

Tatacara memegang pisau:

Peralatan memotong iaitu *knife* digunakan bersama *fork*, peralatan ini dipegang sebelah tangan kanan di mana pangkal digenggam ibu jari ditepi manakala jari telunjuk di bahagian atas. Kedudukan ini adalah lebih yakin dan mudah untuk memotong makanan.


Tatacara memegang *spoon*:

Spoon dipegang di sebelah tangan kanan. Pasangan bagi peralatan ini ialah *fork*. Teknik memegang *spoon* adalah sama seperti memegang *fork*.

Tatacara memegang *glass*:

Glass merupakan peralatan yang digunakan untuk hidangan minuman dan biasanya diletakkan di sebelah kanan tetamu. Terdapat perbagai jenis *glass* yang ada iaitu untuk minuman alcohol, minuman berjus dan minuman air kosong. Rupa bentuk adalah berbeza, ini akan memudahkan pelayan dan tetamu mengenali *glass* yang digunakan.

Di bawah menunjukkan susunatur perunggu meja bagi menu barat:



Rajah 1: Susunatur perunggu meja

- | | |
|-----------------------------------|---------------------------|
| A. Napkin | H. Fish fork |
| B. Main course plate | I. Table fork |
| C. Soup Plate | J. Appetizer knife |
| D. Bread and butter plate & knife | K. Table knife |
| E. Water goblet | L. Fish knife |
| F. White wine glass | M. Soup spoon |
| G. Red wine glass | N. Dessert fork and knife |

ADAB MAKAN KETIKA MENGHADIRI MAJLIS MAKAN RASMI

Etika meja makan merupakan kemahiran yang sangat penting dalam kehidupan harian kita tanpa mengira umur, pekerjaan dan latar belakang seseorang. Ini menunjukkan adab dan tatasusila bagi seseorang dalam menghadiri sesuatu majlis terutama majlis rasmi. Di dalam majlis rasmi ini ia melibatkan ramai golongan yang berkedudukan dan berjawatan menghadiri majlis tersebut. Oleh yang demikian adab ketika makan sangat penting, antaranya menunggu semua tetamu mendapat makanan dan makan secara serentak bersama-sama. Ketika makanan sedang diedarkan dari pramusaji kepada tetamu adalah lebih baik memilih makanan yang paling terdekat sekali. Bagi hidangan utama juga bahagian utama perlulah berdekatan dengan anda bagi memudahkan untuk memotong makanan dan mengelakkan sebarang tumpahan samada di atas meja ataupun terkena pakaian. Selain itu juga makanan utama seperti ayam, daging lembu dan kambing perlulah dipotong kecil-kecil supaya nampak lebih tertib ketika menyuap ke dalam mulut. Sepanjang aktiviti makanselalunya disertai dengan perbincangan dan perbualan oleh itu peralatan kutleri perlu diletakkan terlebih dahulu. Sekiranya makanan yang telah masuk ke dalam mulut tidak boleh diluahkan semula kerana perbuatan ini tidak sopan dan menjijikkan. Akan tetapi jika tercekik perlulah segera ke bilik air bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku. Apabila selesai makan sesuatu hidangan peralatan kutleri perlulah diletakkan bersebelahan dengan kedudukan tangkai di sebelah kanan dan hujung mengarah ke tengah.

KESIMPULAN

Pengetahuan dalam adab meja adalah merupakan satu kelebihan bagi individu ketika menghadiri majlis-majlis rasmi. Adab dan etiket meja makan adalah interaksi seseorang dalam suatu masyarakat yang melambangkan tatasusila yang bersopan santun. Di samping itu juga ia akan menaikkan imej sosial seseorang. Selain itu, ia melambangkan keperibadian seseorang yang dapat dilihat dengan mata kasar akan setiap tindak tanduk kita di dalam majlis makan samada rasmi atau tidak rasmi. Di sini dapat disimpulkan bahawa pengetahuan adab meja makan secara langsung dapat membina keyakinan diri ketika berada dalam sesuatu majlis rasmi.

RUJUKAN

Ahmad, Nasrullah Ahmad; Osman, Norsafina; Abd. Rahim, Norsyazreen (2013) *Etiket Meja Makan*. Retrieved from https://www.academia.edu/41714045/ADAB_DAN_TERTIB_MEJA_MAKAN

Cambridge Advanced Learner's Dictionary (2nd. ed). (2005). Singapore:Cambridge University Press.

Kamus Dewan Edisi Keempat. (2013). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Social Graces. The Orlando Institute.

Mohd Noor, Mohd Faiz (2014) *Etiket Meja Sosial Di Meja Makan*. Retrieved from <https://www.slideshare.net/faizpis/etiket-sosial-di-meja-makan>

Philip K.Hitti. (2005). *History of the Arabs: Rujukan induk dan paling otoritatif tentang Sejarah*. Jakarta: Serambi Ilmu Semesta.

TINGKAH LAKU ASERTIF MENURUT PERSPEKTIF ISLAM : SATU ANALISIS

Siti Nurul Atikha binti Rasol

Kolej Komuniti Muar

atikahkkmuar@gmail.com

ABSTRAK

Kertas konsep ini membincangkan mengenai tingkah laku asertif menurut perspektif Islam. Tingkah laku asertif ialah kebolehan seseorang untuk berinteraksi, berfikir dan bertindak dalam kehidupan sosialnya. Konsep asertif atau ketegasan diri merupakan konsep dari barat namun demikian kesesuaian konsep ini boleh diaplikasikan dalam masyarakat Islam. Seperti mana dalam Islam umpamanya Al Quran telah menggariskan beberapa kaedah tentang cara terbaik untuk membina hubungan antara sesama manusia dalam masyarakat. Islam memberi kebebasan kepada umatnya berinteraksi, berfikir dan keupayaan mengutarakan pendapat asalkan tidak bercanggah dengan nilai dan peraturan yang ditetapkan. Kertas konsep ini cuba mengupas tingkah laku asertif dari perspektif Islam dimana aspek ini perlu diberi penekanan sepenuhnya dalam proses pengajaran dan pembelajaran pelajar dalam pembangunan modal insan. Konsep ini boleh diaplikasikan dalam pembangunan modal insan supaya pelajar dapat memahami konsep kemahiran insaniah bagi menghasilkan insan yang seimbang dari segi emosi, jasmani, rohani dan intelektual yang cemerlang berpandukan al-Quran dan al-Sunnah. Kebanyakan pelajar hanya memberi tumpuan kepada aspek pencapaian akademik sahaja dan kurang menekankan kepentingan modal insan. Justeru, kertas kerja ini melihat model dan teori yang dikemukakan di barat boleh diadaptasi agar ia bersesuaian dengan pendekatan Islam.

Kata Kunci: *Tingkah laku asertif, perspektif islam, pembangunan modal insan, pencapaian akademik*

PENDAHULUAN

Pada masa kini untuk menjadi sebuah negara yang berkembang maju sudah semestinya faktor penjana modal insan merupakan perkara penting yang perlu diberi perhatian untuk mencapai pembangunan yang bersifat berterusan. Oleh itu, perkara yang perlu ditekankan untuk menjana modal insan ialah aspek kemahiran insaniah melalui proses pendidikan yang berterusan di institusi pendidikan. Proses ini akan melahirkan insan yang bukan hanya cemerlang dalam bidang akademik malah menjadi pelajar yang mempunyai berdaya saing dengan menitikberatkan sahsiah yang baik seperti berkomunikasi secara berkesan, berupaya berfikir secara kreatif dan kritis serta mampu bertindak secara rasional. Dengan itu, aspek ketegasan diri dapat membantu pelajar menjadi lebih terbuka, yakin, berkebolehan, meningkatkan kepuasan hidup dan mampu menjalin hubungan yang baik dengan semua pihak.

Ketegasan diri adalah berhubung kait dengan bagaimana seseorang itu berfikir dan bertindak dalam kehidupannya. Ini kerana kehidupan remaja dipenuhi dengan dugaan yang sangat mencabar yang memerlukan mereka melengkapkan diri mereka dengan aspek ketegasan diri.

Menerusi aspek ketegasan diri ini pelajar dapat menepis segala anasir-anasir yang negatif dan menjadikan diri mereka lebih berkeyakinan untuk berkomunikasi dan bersosial dan mengurangkan rasa bimbang apabila berada dalam kelompok rakan sebaya yang lain. Keyakinan dan keberanian dalam berkomunikasi serta bersosial dapat membuatkan seseorang pelajar memperolehi kepuasan dalam diri mereka. Setelah pelajar dapat menguasai aspek ketegasan diri ini secara tidak langsung dapat merealisasikan harapan negara melalui Kementerian Pengajian Tinggi untuk melahirkan modal insan yang berkualiti yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik malah bijak dalam kemahiran insaniah.

Di negara Barat, kanak-kanak telah dilatih bertindak tegas sejak kecil lagi. Oleh itu, apabila mereka meningkat dewasa, kebanyakannya mereka berani untuk mempersoalkan sesuatu apabila berasa sesuatu perkara itu adalah tidak berpatutan, tidak adil atau telah melampaui batasan. Mereka sentiasa bertingkah laku berdiri atau tegas untuk mempertahankan hak sendiri, meluahkan perasaan, keperluan dan pendapat diri secara jujur. Selain itu, kebanyakan mereka juga sentiasa mengambilkira perasaan dan pandangan orang lain. Berbeza dengan masyarakat timur yang kurang menitikberatkan budaya asertif dalam kalangan anak-anak mereka. Dengan ini mereka lebih banyak berdiam diri, mengikut segala arahan serta bersikap pasif dan hanya mengikut sahaja arahan ibu bapa tanpa mempersoalkan sesuatu. Oleh itu, remaja timur akan memberontak jika mereka tidak diberi pilihan untuk bersuara serta memberi pendapat dan ini akan menyebabkan mereka bersikap agresif terhadap ibu bapa dan orang lain. Justeru, budaya asertif perlu diterapkan lagi dalam nilai-nilai budaya masyarakat kita sedari hari ini lagi supaya isu gejala sosial dapat dikurangkan kerana remaja sudah diterapkan nilai-nilai ketegasan dalam diri.

KONSEP KETEGASAN DIRI

Ketegasan diri boleh didefinisikan sebagai keyakinan diri dan kemampuan seseorang menolak permintaan, meluahkan perasaan tanpa menyinggung perasaan orang lain, memulakan atau menolak perbualan, serta dapat membuat permintaan peribadi tanpa merasa tertekan. Ia juga berkaitan dengan keupayaan seseorang berinteraksi secara lisan dan bukan lisan dalam perhubungan seharian (Townend 1991).

Ketegasan diri juga bermaksud keyakinan dalam diri, mempunyai sikap yang positif terhadap diri sendiri dan orang lain, ianya tentang bagaimana bertingkah laku terhadap orang lain secara langsung dan dengan cara yang sopan. Ketegasan diri adalah berhubung kait dengan bagaimana seseorang itu berfikir dan bertindak dalam kehidupannya. Ini kerana kehidupan remaja dipenuhi dengan dugaan yang sangat mencabar yang memerlukan mereka melengkapkan diri mereka dengan aspek ketegasan diri. Menerusi aspek ketegasan diri ini pelajar dapat menepis segala anasir-anasir yang negatif dan menjadikan diri mereka lebih berkeyakinan untuk berkomunikasi dan bersosial dan mengurangkan rasa malu apabila berada dalam kelompok rakan sebaya yang lain.

Manakala tingkah laku agresif ialah tingkah laku yang dirancang untuk mencederakan orang lain, iaitu tingkah laku yang harus dielakkan. Kekecewaan mudah menyebabkan seseorang berasa marah. Perasaan marah ini adalah salah satu unsur yang penting untuk menghasilkan tingkah laku agresif. Apabila seseorang berasa semakin marah ia akan bertindak semakin agresif. Namun ada juga individu yang selalu berasa marah tetapi berkelakuan tenang, atau sekurang-kurangnya bertenang dengan menggunakan akal dan tidak menunjukkan tingkah laku agresif. Ada juga orang yang bertindak agresif tanpa berasa agresif (Azizi Yahya, Yusof Boon, Jamaludin Ramli, Jaafar Sidek Latif, Fawziah Yanya & Amir Hamzah. 2004).

Tingkah laku pasif ialah satu sikap negatif yang menunjukkan mereka tidak komited, tidak kisah dan tidak berminat dengan sesuatu perkara. Mereka juga tidak akan melakukan sesuatu yang terbaik dan berkesan. Manakala nasihat yang diberi oleh ibu bapa tidak begitu diindahkan. Sikap defensif remaja boleh menjadikan mereka dengan lebih pasif dan tidak mesra kecuali satu pendekatan yang lebih *friendly* yang digunakan oleh ibu bapa. Ibu bapa yang suka berleter dan memarahi anak-anak akan mendapati anak remaja mereka mempunyai sikap negatif atau tingkah laku pasif (Abd rahim Abd Rashid, Suffean Hussin & Jamaludin Tubah, 2006).

Seseorang yang bertingkah laku agresif dan pasif kerana proses pembelajaran yang dilalui hasil didikan ibu bapa. Selain itu, perbuatan agresif diteguhkan kerana ianya dianggap melambangkan kemegahan dan keberanian manakala perbuatan pasif diteguhkan kerana dianggap sopan dan taat setia. Keadaan persekitaran juga menghukum orang yang cuba menegakkan hak mereka sehingga menjejaskan harga diri.

CIRI-CIRI TINGKAH LAKU ASERTIF, PASIF DAN AGRESIF

Jadual 1: Ciri-Ciri Tingkah Laku Asertif, Pasif dan Agresif

Jenis tingkah laku	Pasif	Asertif	Agresif
Ciri-ciri	<ul style="list-style-type: none"> -Penafian sendiri akan hak-hak diri, menghalang perhubungan. -Kurang yakin dengan diri. -Suka memperkecilkan diri. -Sentiasa berasa gelisah dan rasa tegang. - Tidak mempunyai pandangan dan penilaian dalam membuat keputusan. - Tidak berani memegang tanggungjawab. Suka orang lain untuk menjadi ketua dalam sesuatu situasi. - Mempunyai perasaan dan pandangan negatif terhadap orang lain. 	<ul style="list-style-type: none"> -Meluahkan pandangan dan perasaan dengan jujur dan berterus terang. -Komunikasi dan perhubungan yang berterus terang dan tulen . -Mempunyai keyakinan diri dan boleh membuat keputusan sendiri. -Menghadapi masalah dengan tenang dan tidak gopoh. -Boleh menerima pandangan dan kritikan-kritikan orang lain. - Bermotivasi. -Minat terhadap perasaan dan pandangan orang lain. 	<ul style="list-style-type: none"> -Pandai memanipulasikan orang lain dan tidak jujur. -Mempergunakan orang lain untuk kepentingan diri sendiri. - Suka menunjukkan diri, memandang rendah orang lain dan tidak menghormati orang lain. -Terus terang, memperkecilkan harga diri orang lain, angkuh seolah-olah ingin menguasai orang lain. - Suka akan kuasa dan mahukan orang lain mengikut pandangan dan pendapatnya. - Suka memarahi orang lain dan cepat menyalahi mereka.

Sumber: Townend, A. 1991. *Developing Assertiveness*. London: Routledge.

TEORI KETEGASAN DIRI

Teori *Transactional Analysis Theory* yang dikemukakan oleh Eric Berne (1961) untuk menerangkan bagaimana seseorang boleh bertindak secara asertif. Menurut teori ini, seseorang dapat menukar tingkah laku dan sikapnya dari negatif atau tidak asertif kepada tingkah laku positif atau asertif berdasarkan premis bahawa apabila kita sedar sikap dan tingkah laku kita dan mempunyai niat untuk memperbaikinya, maka kita akan dapat mengubah tingkah laku dan sikap kita kepada lebih positif dan *affirmative*.

Matlamat *Transactional Analysis Theory* adalah untuk menolong seseorang menerima idea “I am ok-You are ok” dan menggunakan atau mempraktikkannya supaya orang itu dapat menerima diri sendiri dan juga orang lain secara terbuka. Terdapat empat jenis posisi hidup dalam *Transactional Analysis Theory* dan posisi hidup itu mempunyai korelasi di antara satu sama lain. Posisi hidup adalah seperti dinyatakan seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2: Teori *Transactional Analysis Theory*

I’m not OK-You’re OK,	Seseorang yang tidak percaya kepada kemampuan atau kebolehan diri.
I’m not OK-You’re not OK,	Seseorang yang tidak percaya dan yakin pada diri pada orang lain.
I’m OK-You’re not OK,	Seseorang yang sangat suka arahkan orang lain dan tidak percaya kepada orang lain.
I’m OK-You’re OK,	Seseorang yang pandangan hidupnya adalah positif terhadap diri dan dunia luar.

Sumber: Eric Berne (1961)

Teori Ketegasan Diri menekankan hak asasi manusia dan setiap orang harus dan mampu bertanggungjawab untuk memperolehi hak-hak ini supaya ia boleh bertindak secara tegas. Hak-hak ini termasuklah mengeluarkan pandangan dan fikiran yang berbeza daripada orang lain, mengubah fikiran, meluahkan perasaan dan melakukan kesalahan tetapi mesti bertanggungjawab ke atasnya. Teori ini juga yang mengandaikan bahawa setiap orang mempunyai hak asasi manusia di mana seseorang itu harus dihormati dan kemahiran ketegasan diri ini boleh dibina sama ada melalui latihan atau melalui peniruan. Oleh demikian, setiap orang harus bertindak secara tegas adalah berdasarkan Teori ketegasan diri.

Berpandukan kepada teori ketegasan diri di atas, bertindak secara tegas merupakan satu cara di mana seseorang individu dapat mempertahankan haknya tanpa mencero bohi hak-hak orang lain. Ia adalah suatu gaya gerak balas yang berkaitan dengan sempadan di antara hak diri dan juga hak orang lain. Oleh itu, tingkah laku tegas diri sangat penting bagi setiap insan dan kita perlu melatih diri kita supaya bertindak sedemikian demi menjaga hak diri tetap stabil pada bila-bila masa.

KETEGASAN DIRI MENURUT PERSPEKTIF ISLAM DAN BARAT : SATU PERBANDINGAN

Perspektif Islam

Ketegasan diri adalah sebahagian daripada kemahiran insaniah yang perlu ada pada setiap dalam setiap diri pelajar. Ketegasan diri melalui perspektif Islam ialah bermula seawal tersebarinya ajaran Islam pada zaman Rasulullah s.a.w. Sejak dari dahulu lagi hingga kini kaedah pembentukan akhlak muslim yang tegas (asertif) tunjang asasnya adalah pegangan Al Quran dan As Sunnah. Islam telah menetapkan Al Quran dan As Sunnah sebagai panduan asas yang menjamin pembentukan jiwa, pendidikan hati dan pembersihan akhlak serta tingkah laku peribadi seorang muslim.

Selain itu, Islam melihat manusia bukan sahaja dalam bentuk fizikal tetapi juga dalam bentuk spritual yang mana dengan gabungan elemen-elemen ini membentuk tingkah laku dan personaliti manusia. Ulama Islam telah menjelaskan empat elemen utama dalam manusia iaitu *al-ruh*, *al-nafs*, *al-qalb* dan *al-'aql*. Ketegasan diri biasanya dikaitkan dengan *al-nafs* kerana ianya membentuk personaliti manusia sama ada manusia itu bertindak tegas, pasif dan agresif. Oleh itu, Islam membimbing *al-nafs* untuk mengikut landasan yang betul.

Al-nafs menurut Ibnu Manzur (1968) sebagai roh atau jiwa iaitu nyawa dan hakikat sesuatu yang benar. Manakala menurut al-Ghazali (1967) jiwa mempunyai dua pengertian iaitu jiwa merupakan himpunan pada kekuatan marah dan nafsu syahwat serta latifah (yang halus) iaitu diri manusia dan zatnya dengan bermacam-macam sifat dan keadaan. Menurut Wan Hussein (1994) *al-nafs* mempunyai pelbagai martabat dan jenis iaitu :

- i) *Nafs al-ammarah* : *Nafs* yang sangat mendesak membuat kejahatan. Menurut ahli psikologi dinamakan kekuatan motif *untinels* iaitu jiwa seperti ini susah menerima petunjuk, istiqamah dan panduan.
- ii) *Nafs al-lawwamah* : *Nafs* yang sangat-sangat mencela perbuatan maksiat dan jahat. Dalam psikologi dinamakan rasa hati.
- iii) *Nafs al-mulhamah* : *Nafs* yang diberi ilham sama ada kepada perkara baik (takwa kepada Allah) atau kepada perkara buruk (maksiat). Dalam psikologi dinamakan diri sedar.
- iv) *Nafs al-mutmainnah* : *Nafs* yang tenang.
- v) *Nafs radiyah mardiah* : *Nafs* yang reda dan diredhai (yang reda kepada qada' dan qadar dan diredhai Allah).

Dalam gambaran yang lebih luas *al-nafs* merupakan merupakan unsur dalaman yang membentuk hakikat manusia sama ada dari segi tingkah laku atau personaliti. Ianya mempunyai kecenderungan ke arah kejahatan tetapi boleh dididik ke jalan yang baik dan sempurna. Ini dikaitkan dengan sifat ketegasan diri kerana seseorang yang dapat bertindak tegas atas dorongan nafsu yang baik dan tenang iaitu *al-nafs mutmainnah*. Jika seseorang manusia tidak dapat mengawal emosi dan dorongan nafsunya dengan baik serta bertindak dengan sifat agresif ia akan tergolong dalam kalangan nafsu yang jahat iaitu *nafs al-ammarah*.

Perspektif Barat

Anni Townend (1991) menyatakan asertif adalah mengenai keyakinan diri, iaitu bermaksud sikap positif terhadap diri sendiri dan orang lain. Ia juga memberi maksud jujur terhadap diri sendiri dan orang lain serta menghormati diri sendiri dan orang lain. Apabila seseorang mempunyai keyakinan

diri dan tingkah laku asertif ia akan lebih terbuka terhadap orang lain walaupun pandangan orang lain tidak sama dengan pandangannya sendiri. Seseorang itu boleh menonjolkan diri secara jelas dan berkomunikasi dengan orang lain secara berkesan.

Ketegasan diri boleh dikaitkan dengan konsep-konsep yang telah dikemukakan oleh Sigmund Freud iaitu melalui pembentukan id, ego dan *superego*. Freud (1936) menyatakan bahawa ketiga-tiga unsur ini sangat penting dalam pembentukan personaliti manusia yang merangkumi cara-cara manusia bertingkah laku dan berfikir. Freud percaya bahawa semua tingkah laku manusia wujud kerana sebab-sebab tertentu. Ketegasan diri boleh disamakan dengan ego yang ada dalam diri setiap individu kerana ego memainkan peranan penting dalam struktur tingkah laku dan personaliti individu bertindak secara positif mengikut keadaan yang bersesuaian.

Id merupakan dorongan naluri yang berkaitan dengan prinsip keseronakan tanpa mempedulikan tentang realiti dan pertimbangkan dari segi moral dan logikal. Matlamat asasnya untuk memuaskan nafsu naluri semata-mata dan tidak pernah matang walaupun umur seseorang itu lanjut. Komponen ego merupakan tenaga jiwa dan ia bertindak sebagai eksekutif bagi mengawal personaliti seseorang serta sebagai pengawal kepada jenis-jenis tindakan yang sesuai dengan persekitaran. Manakala *superego* lebih bersifat sosial dan bermoral. Ia bertanggungjawab terhadap sebarang tindakan yang baik atau betul, betul atau salah. *Superego* bertindak untuk menyekat ego daripada mematuhi kehendak id (Sapora Sipon & Ruhaya Hussin 2010).

Ketiga-tiga komponen ini juga mempunyai kaitan dengan *al-nafs* menurut Islam yang telah dijelaskan di atas. Secara tidak langsung tiga unsur personaliti ini berkaitan dengan sikap ketegasan diri dalam membentuk personaliti setiap diri individu. Setiap individu berkeupayaan menyatakan perasaan dan apa yang ada dalam fikirannya secara positif atau negatif jika individu itu seorang yang bersikap tegas terhadap diri dan keputusannya. Sikap tegas merupakan sikap yang seimbang diantara sikap agresif dan pasif. Individu yang bersikap tegas selalunya berkeyakinan tinggi dengan diri sendiri dan menghormati hak orang lain. Oleh itu, ketegasan diri melalui perspektif barat ini bersesuaian dilaksanakan dan diadaptasi pada masyarakat timur melalui proses pembelajaran dan pengajaran yang berterusan dengan latihan asertif dan sebagainya.

PENUTUP

Secara keseluruhannya dapat dirumuskan remaja memerlukan bimbingan dan tunjuk ajar ketika melalui pembentukan personaliti dan tingkah laku positif agar perkembangan tersebut ke arah yang positif. Adalah dicadangkan semua pihak perlu berganding bahu dalam membantu golongan remaja memperkembangkan personaliti dan mempertingkatkan lagi sifat ketegasan diri mereka melalui pembangunan modal insan. Ibu bapa dan pihak institusi pendidikan perlu memainkan peranan penting dalam membentuk kemahiran insaniah mereka melalui proses pembelajaran, seharusnya pelajar juga bertanggungjawab atas diri atas setiap keputusan yang di ambil sama ada positif atau negatif. Oleh itu, sebarang inisiatif dalam pembangunan modal insan perlulah melibatkan usaha untuk membantu setiap individu dalam masyarakat mencapai potensi yang baik melalui sikap ketegasan diri yang positif. Ini bersesuaian dengan hasrat kerajaan untuk membangunkan modal insan yang cemerlang dari segala aspek melalui pendidikan, kemahiran dan latihan yang berterusan

RUJUKAN

- Abdul Rahim Abd Rashid, Sufean Hussin & Jamaludin Tubah. 2006. *Institusi keluarga menghadapi cabaran alaf baru*. Kuala Lumpur : Utusan Publications Distributors Sdn Bhd.
- Al-Ghazali, Abd Hamid. 1967. *Ihya' 'Ulum al-din*, Jil 3 & 4. AlQahirah : Muassasah al-halaby.
- Azizi Yahya, Yusof Boon, Jamaludin Ramli, Jaafar Sidek Latif, Fawziah Yanya & Amir Hamzah. 2004. *Psikologi Sosial*. Johor Bahru : Universiti Teknologi Malaysia.
- Berne, E. 1961. *Transactional analysis in psychotherapy*. New York : Grove Press, Inc.
- Freud. S. 1936. *The ego and mechanisms of defence*, New York. International University Press.
- Ibn Manzur. t.th. *Lisan al-'arab*. 6 Jil. Tahqiq 'Abd. Adullah 'Ali Muhammad. Kairo : Dar al-Fikr.
- Mohd Majid Konting & Zakaria Kasa 2007. Penerapan hasil pembelajaran dan kemahiran insaniah dalam kurikulum pengajian tinggi. *Monograf pengajaran dan pembelajaran IPTA: Pembangunan modal insan*. CADE: UPM Serdang.
- Salleh Amat & Zuria Mahmud, 2007. *Monograf pengajaran & pembelajaran IPTA-Isu semasa dalam pendidikan tinggi, Assertiveness: Concept and Its Roles in Developing Better Interpersonal Skills among Malaysian Undergraduate Students*. CADE: UPM
- Sapora Sipon & Ruhaya Hussin. 2010. *Teori kaunseling dan psikoterapi*. Ed 2. Bandar Baru Nilai : Universiti Sains Islam Malaysia. Townend, A. 1991. *Developing assertiveness*. London: Biddle Ltd, Guildford and King's Lynn.
- Wan Hussein @ Azmi Wan Abdul Kadir. 1994. *Kaunseling dan psikologi menurut Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

PROGRAM KESUKARELAWAN MEMPENGARUHI PEMBENTUKAN KEMAHIRAN INSANIAH PELAJAR SIJIL TEKNOLOGI ELEKTRIK (SKE) DI KOLEJ KOMUNITI JEMPOL

Jasman bin Esmon

Kolej Komuniti Jempol

Email: jasman_e@yahoo.com.my

Masrina binti Muhamad

Kolej Komuniti Jempol

Email: masrina.utmkl@gmail.com

Sharina Ashikin binti Yahaya

Kolej Komuniti Jempol

ABSTRAK

Program Kesukarelawan merupakan satu aktiviti yang tidak asing lagi di kalangan pelajar di kolej komuniti seluruh negara khususnya di Komuniti Jempol, Negeri Sembilan. Program ini amat penting kerana ianya dilihat dapat memperlihatkan proses pemindahan kemahiran dan pengetahuan (transfer knowledge) dari dalam institusi kepada masyarakat luar. Selain itu, pembentukan kemahiran insaniah juga dapat diperhatikan apabila aktiviti kesukarelawan ini dijalankan oleh pihak Kolej Komuniti Jempol. Bagi melihat secara lebih terperinci, satu kajian kualitatif dijalankan dengan mengunapakai set skrip temubual terhadap pelajar bagi melihat pengaruh program kesukarelawan terhadap pembentukan kemahiran insaniah di kalangan pelajar Sijil Teknologi Elektrik (SKE) di Kolej Komuniti Jempol. Melalui penganalisan dapatan kajian mendapati, program kesukarelawan dapat meningkatkan pembentukan kemahiran insaniah di kalangan pelajar seperti budaya kerja berpasukan, tolong menolong serta berkomunikasi secara sopan.

KATA KUNCI: Program kesukarelawan , kemahiran insaniah

PENGENALAN

Kolej Komuniti merupakan salah satu Institusi Latihan Kemahiran Awan (ILKA) yang menawarkan kursus berbentuk *Technical and Vocational Education and Training* (TVET). Program pengajian berbentuk TVET merupakan salah satu Dasar Pembangunan Negara dalam pembentukan modal insan yang seimbang serta holistic. Dalam merangka pembentukan graduan yang berkualiti dan seimbang dari segi jasmani serta rohani, penglibatan program berbentuk kesukarelawan didapati dapat mempengaruhi pembentukan graduan yang berkualiti khususnya dalam pembentukan kemahiran insaniah pada setiap individu pelajar (Unit Kesukarelawan Politeknik Port Dickson, Garis Panduan Program Kesukarelawan Politeknik Port Dickson, 2020).

Mutahir ini, khususnya ketika wabak pandemik Covid19 melanda negara serta dunia dan ketika

musibah banjir besar melanda negara, perkataan “sukarelawan” sering bermain di setiap media social. Tagline seperti “sukarelawan wira negara” dan “Unsang Hero Abang Viva Banjir” acap kali keluar di laman facebook, Tik Tok, Instagram dan lain lain. Senario ini menggambarkan kesukarelawan merupakan salah satu perkara yang amat dekat dengan masyarakat Malaysia. Melihat kepentingan keperluan elemen kesukarelawan dalam setiap rakyat Malaysia, pada 8 Oktober 2021, Perdana Menteri Dato’ Sri Ismail Sabri bin Yaakob telah melancarkan Skuad Keluarga Malaysia yang diterajui oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Tujuan utama penubuhan Skuad Keluarga Malaysia ini adalah untuk mengumpulkan agensi serta sukarelawan yang bersedia membantu rakyat Malaysia yang terkesan khususnya akibat wabak pandemik Covid19 (Omar Zin, Utusan Malaysia, 2021).

KAJIAN LITERATUR

Kolej komuniti tidak ketinggalan dalam menjalankan aktiviti berbentuk kesukarelawan. Penubuhan Bridged Sukarelawan Kolej Komuniti (Brisk) adalah bertujuan untuk meningkatkan semangat kesukarelawan dalam sanubari setiap pelajar. Misi utama Brisk adalah untuk memberi didikan, galakan serta bimbingan kepada pelajar agar menjadi seorang sukarelawan yang sentiasa bersedia melibatkan diri dalam segala aktiviti kesukarelawan yang di anjurkan oleh Kolej Komuniti khususnya (Robin Junang, Malaysian Aktif, 2019). Pada kebiasaannya, aktiviti yang direncanakan oleh Brisk adalah berbentuk khidmat komuniti yang mensasarkan elemen sumbangan tenaga serta pemindahan atau perkongsian ilmu kemahiran dan pengetahuan yang di pelajari di dalam kolej kepada masyarakat luar.

Sukarelawan didefinisikan sebagai satu perkara atau perbuatan yang dilakukan secara sukarela atau tanpa unsur paksaan. Manakala kesukarelawan pula merupakan segala aktiviti atau perlakuan yang menjurus kepada sukarela. (kamus dewan Edisi 4, 2005).

Sukarelawan merupakan segala aktiviti yang tidak dijanjikan sebarang bentuk ganjaran dari segi fizikal atau nilai kebendaan. Ianya merupakan aktiviti yang dilakukan dengan tanpa perasaan terbeban atau terpaksa (Pryce & Hill, 2015). Jika dilihat sukarelawan dalam konteks islam, aktiviti kesukarelawan merupakan amalan sedekah yang amat luas skopnya. Rasulullah SAW pernah bersabda melalui riwayat Ibn Hibban “*Sebaik-baik manusia adalah orang paling bermanfaat bagi orang lain.*” (Berita Harian, 2021). Berdasarkan hadis ini, islam amat mementingkan sikap tolong menolong dengan niat ikhlas terhadap sesama manusia atau istilah yang sinonim pada hari ini sikap kesukarelawan.

Menerusi Azizan (2016), kesukarelawan merupakan satu bentuk amalan pemberian secara ikhlas yang terdiri daripada sumbangan berbentuk pengetahuan, kemahiran, sumber kewangan dan tenaga, pengorbanan masa serta pengalaman diri. Berdasarkan Institut Pembangunan Belia Malaysia (2013), skop aktiviti sukarelawan di kembangkan dengan lebih luas lagi. Ianya merangkumi penglibatan golongan belia dari aspek khidmat komuniti setempat dan sukarelawan teknikal dari segi sumbangan kemahiran, kepakaran, pengetahuan, tenaga dan persembahan seni budaya.

Pembentukan budaya kesukarelawan di kalangan pelajar institusi sepatutnya direncanakan sejak di peringkat pendidikan awal lagi. Ini kerana untuk menjadi seorang warganegara Malaysia yang mempunyai jati diri tinggi, sifat saling tolong menolong dan sentiasa prihatin perlu di pupuk tanpa mengira latarbelakang agama mahu pun bangsa (Shahrom Md Zain et al, 2015). Senario dilihat dalam pentadbiran sesebuah negara, terdapat jabatan kerajaan tertentu yang ditubuhkan bagi tadbir urus masyarakat bila sesuatu musibah melanda. Namun begitu peranan sukarelawan amat diperlukan bagi memenimakan kesan dan tekanan yang di hadapi sama ada di pihak jabatan

kerajaan mahu pun masyarakat yang terkesan (Pearce, 1982)

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu secara temubual, kajian dari sumber lapangan (field research) dan analisis kandungan. Data yang diperolehi melalui kajian kualitatif merupakan berbentuk pertuturan lisan berdasarkan tingkah laku manusia yang diperhatikan (Taylor dan Bogdan, 1984). Menerusi pendapat Othman (2006), pendekatan temubual adalah perlu kerana penyelidik perlu mengetahui apa yang terdapat dalam konteks pemikiran responden kajian. Bagi memastikan proses temubual bagi setiap responden adalah konsisten, satu set skrip soalan terpandu yang menjurus kepada pencapaian objektif kajian digunapakai ketika sesi temubual dilaksanakan. Responden kajian adalah terdiri daripada 12 orang sukarelawan pelajar Sijil Teknologi Elektrik Semester 3 Kolej Komuniti Jempol yang terlibat dengan Program Kesukarelawan Misi Banjir Palong 2, Jempol, Negeri Sembilan pada Tahun 2022. Terdapat dua objektif dalam kajian ini. Pertama, merungkai pemahaman berkenaan definisi sukarelawan dan kesukarelawan. Kedua, membincangkan bagaimana pengaruh aktiviti kesukarelawan dapat membentuk kemahiran insaniah dalam diri pelajar.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil dapatan kajian yang dijalankan mendapati program kesukarelawan yang dijalankan oleh Pihak Kolej Komuniti Jempol dapat mempengaruhi pembentukan kemahiran insaniah di kalangan pelajar Sijil Teknologi Elektrik Semester 3 Kolej Komuniti Jempol yang terlibat dengan Program kesukarelawan Misi Banjir Palong 2, Jempol, Negeri Sembilan pada Tahun 2022.

Pengaruh aktiviti kesukarelawan dapat membentuk kemahiran insaniah dalam diri pelajar

Kemahiran insaniah merupakan gabungan beberapa item kemahiran generik. Terma lain bagi pendekatan kemahiran insaniah adalah *soft skill*. Kemahiran insaniah merupakan kebolehpayaan pelajar berkaitan dengan *trait personality* individu, pintar berkomunikasi, mudah untuk bersosial, daya tahan diri yang tinggi dan sentiasa berinovatif (KPT, 2006). Pihak Kementerian Pengajian Tinggi telah menggariskan tujuh (7) kemahiran insaniah yang perlu dikuasai oleh setiap pelajar iaitu:

- i) Penguasaan kemahiran berkomunikasi
- ii) Kemahiran menyelesaikan masalah dan berfikir secara kritis
- iii) Pengamalan kerja secara berkumpulan
- iv) Sentiasa mengamalkan konsep pembelajaran berterusan dan boleh mengurus maklumat
- v) Penguasaan kemahiran keusahawanan
- vi) Penguasaan kemahiran kepimpinan
- vii) Etika dan moral profesion

Berdasarkan dapatan hasil sesi temubual yang telah dilakukan, pelajar amat bersetuju bahawa program kesukarelawan yang dianjurkan oleh pihak Kolej Komuniti Jempol amat baik kerana program seumpama ini dapat menyemai sikap tolong menolong sesama manusia dalam sanubari pelajar.

“Dengan mengikuti Program Kesukarelawan Misi Banjir Palong 2, Jempol, Negeri

Sembilan pada Tahun 2022, pelajar dapat menyumbang tenaga dengan membantu membersihkan kotoran seperti lumpur dan selut rumah penduduk yang ditengelami air pada tempoh hari yang lepas” [Pelajar, Kolej Komuniti Jempol, 2022]

“Program Kesukarelawan Misi Banjir Palong, Jempol, Negeri Sembilan pada Tahun 2022 memberi peluang kepada pelajar untuk mempraktikkan kemahiran yang dipelajari di Kolej Komuniti Jempol seperti memperbaiki soket Alir Keluar (SAK), pendawaian lampu dan kipas yang rosak akibat ditengelami air ketika banjir tempoh hari. Selain itu pelajar juga dapat berkongsi ilmu pengetahuan yang dipelajari di kolej dengan penduduk setempat berkenaan dengan tips keselamatan perkakasan elektrik ketika menghadapi banjir” [Pelajar, Kolej Komuniti Jempol, 2022]

Dalam perspektif islam, melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawan merupakan salah satu sedekah amal jariah. Secara tidak langsung pelajar yang cenderung menjadi sukarelawan akan mempunyai perasaan empati terhadap mana-mana insan yang dalam kesesusahan. Sikap tolong menolong serta mudah simpati terhadap orang lain sebenarnya di dorong oleh betapa tingginya pegangan nilai keagamaan sesorang individu tersebut (Rokach et al., 2009). Jika dilihat dalam sesebuah institusi kekeluargaan, amalan didikan seperti bantu membantu tanpa mengharapkan sebarang ganjaran di kalangan adik beradik yang diterapkan oleh ibu bapa di rumah dapat mempengaruhi sikap pelajar untuk cenderung menjadi seorang sukarelawan ((N.K Tharshini & Fauziah, 2019).

Kemahiran insaniah merupakan salah satu aspek yang paling penting bagi memastikan kebolehpasaran pelajar berada pada tahap yang tinggi. Penerapan kemahiran insaniah di kalangan pelajar sewaktu di institusi diyakini dapat menjadi suatu usaha mempersiapkan diri pelajar dalam melahirkan bakal pekerja yang berpotensi serta memenuhi segala keperluan para majikan di Malaysia (Rosnida Othman dan Nur Farrah Azwa Jasni,2016). Kegagalan menguasai beberapa elemen yang terkandung dalam kemahiran insaniah telah menyebabkan pelajar kurang mendapat pekerjaan apabila tamat pengajian kelak (Berita Harian, 2006). Pelajar yang tidak mahir untuk berkomunikasi secara berkesan akan mendatangkan permasalahan kepada majikan apabila diberikan tanggungjawab untuk memberikan *Project Briefing* dengan pelanggan. Keadaan pada masa kini tidak seperti dahulu, pencapaian akademik pelajar yang tinggi semata-mata tidak menjamin pelajar untuk mendapatkan pekerjaan apabila tamat pengajian kelak. Pihak majikan sekarang mempunyai satu tahap piawai yang tinggi dalam memilih dan mengambil pekerja. Pihak majikan mengharapkan pekerja yang diambil boleh mendatangkan keuntungan dan memajukan syarikat. Dapat dilihat, sewaktu proses sesi temuduga pemilihan pekerja dijalankan, pencapaian akademik bukan sahaja kriteria yang dilihat oleh majikan, tetapi aspek kemahiran insaniah seperti kemahiran komunikasi, semangat kerja berpasukan dan lain-lain turut diambil perhatian oleh pihak majikan.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, melalui kajian ini dapat disimpulkan atau dirumuskan bahawa pelajar menyatakan melalui Program Kesukarelawan Misi Banjir Palong, Jempol, Negeri Sembilan ini mereka merasakan lebih yakin dalam berkomunikasi dengan masyarakat luar. Selain itu, semasa melaksanakan program tersebut, semangat berpasukan perlu dilaksanakan dengan baik sekali gus membenarkan kenyataan bahawasanya melalui program kesukarelawan seperti ini dapat mempengaruhi pembentukan kemahiran insaniah dalam diri pelajar.

Kajian ini juga mendapati selepas pelajar yang menyertai Program Kesukarelawan Misi

Banjir Palong, Jempol, Negeri Sembilan, pelajar dapat menguasai tujuh (7) kemahiran insaniah yang digariskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi. Melalui program seperti ini, mereka dapat menguasai kemahiran berkomunikasi dan dapat menyelesaikan masalah penduduk kampung akibat banjir. Mereka juga dapat berfikir secara kritis dan menguruskan maklumat dengan baik semasa memperbaiki soket Alir Keluar (SAK), pendawaian lampu dan kipas yang rosak akibat ditenggelami air ketika banjir. Justeru itu, melalui kajian ini diharapkan pihak Kolej Komuniti Jempol dapat menganjurkan program kesukarelawan dengan lebih kerap supaya penerapan kemahiran insaniah di kalangan pelajar dapat menjadi salah satu usaha mempersiapkan diri pelajar dalam melahirkan bakal pekerja yang berpotensi serta memenuhi segala keperluan para majikan di Malaysia.

RUJUKAN

- Azizan Bahari. (2016). *Kesukarelawan*. Kangar: Pustaka Qarya Sdn. Bhd
- Baharuddin (2006). *Kenapa graduan tempatan kurang Diminati?* Berita Harian Dewan Bahasa dan Pustaka (2005). *kamus dewan Edisi 4*. Mukasurat 180
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. (2006). *Modul pembangunan kemahiran insaniah(SOFT SKILLS) untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- IPPBM (2013) *Kesukarelaan*. *Buletin Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia*. Edisi 1/2013. Kementerian Belia Malaysia, Putrajaya.
- N.K. Tharshini and Fauziah Ibrahim. (2019). *Pembudayaan kesukarelawan dalam kalangan masyarakat: satu kajian ulasan sistematik*. *Journal of Human Capital Development* 12(2),43-52
- Othman Lebar. (2006). *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metod*. Tanjung Malim, Malaysia: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Omar Zin (2021). *Skuad Keluarga Malaysia dilancar*, Utusan Malaysia.
- Pryce, H., Hall, A. & Hill, R. G. (2015). *The role of volunteer support in the community for adults with hearing loss and hearing aids*. *Patient Education and Counseling*
- Robin Junang (2019) *BriSK Tingkat Semangat Sukarelawan Pelajar*, Malaysian Aktif.
- Rokach, A. & Wanklyn, S. (2009). *Motivation to Volunteer: Helping Empower Sick Children*. *Psychology and Education: An Interdisciplinary Journal*; 46(1): 7-25
- Rosnida Othman & Nur Farrah Azwa Jasni (2016). *Faktor Yang Mempengaruhi Penglibatan Pelajar Dalam Aktiviti Kokurikulum di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah: Politeknik & Kolej Komuniti* *Journal of Social Sciences and Humanities*, Vol. 1, 2016 eISSN 0128-2875
- Salim Jasman (2021). *Beri manfaat kepada orang lain, bukan hanya harapkan manfaat*, Berita Harian

Taylor, SJ dan R Bogdan. (1984) *Introduction to Qualitative Research Methods: The Search for Meanings*. Second Edition. John Wiley and Sons. Toronto.

Unit Kesukarelawan Politeknik Port Dickson (2020). *Garis Panduan Program Kesukarelawanan*. Politeknik Port Dickson Tahun 2020

KAJIAN PUSTAKA MENGENAI PENERAPAN KEUSAHAWANAN DALAM KALANGAN PELAJAR TVET & PERBANDINGAN DENGAN PERLAKSANAAN DI PERINGKAT KOLEJ KOMUNITI MALAYSIA

Fatimah binti Haji Saidin
Kolej Komuniti Kepala Batas
fatimahhs73@gmail.com

ABSTRAK

Bidang keusahawanan adalah bidang yang sangat luas yang menggabungkan pelbagai ilmu dan kemahiran seperti pengurusan sumber manusia, pengurusan kewangan, pemasaran dan promosi, digital marketing, perakaunan dan psikologi manusia. Pelajar TVET pula adalah kumpulan manusia yang mempunyai dominan dalam aspek psikomotor dan mempunyai kebolehan dan aspek tertentu dan kekurangan dalam aspek yang lain. Kajian literatur ini bertujuan membandingkan maklumat sekunder yang diperolehi dari kajian terdahulu mengenai penerapan keusahawanan dalam kalangan pelajar TVET dan membandingkan dengan pelaksanaan keusahawanan dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti Malaysia. Hasil kajian mendapati bahawa kurikulum yang telah disediakan untuk pelajar TVET Kolej Komuniti Malaysia adalah mencukupi untuk memberi maklumat kepada pelajar, namun kaedah pengumpulan data KPI memerlukan kajian semula kerana tidak realistik dari segi masa. Selain itu kaedah penyampaian juga perlu diterokai bagi memastikan pelajar TVET dapat diterapkan nilai-nilai penting yang perlu ada sebagai seorang usahawan.

Kata kunci : Keusahawanan, TVET, pelaksanaan

PENGENALAN

Keusahawanan adalah satu agenda penting dalam pendidikan di Malaysia terutamanya kepada golongan pelajar di peringkat pengajian tinggi. Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) 2015-2025, keusahawanan diletakkan di dalam Lonjakan Pertama iaitu melahirkan graduan yang holistik, berciri keusahawanan dan seimbang. Bagi menyokong agenda ini, Pelan Tindakan Keusahawanan IPT (2021-2025) dibangunkan sebagai usaha mendukung kelestarian agenda keusahawanan di IPT serta melahirkan lebih ramai usahawan dalam kalangan pelajar dan graduan IPT. Hasrat ini bertepatan dengan agenda kerajaan iaitu mengurangkan kadar pengangguran dan melahirkan lebih ramai *job creator* dalam kalangan graduan IPT. Penerapan nilai keusahawanan ini tidak hanya disasarkan kepada pelajar di Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta sahaja, malah juga melibatkan pelajar-pelajar TVET dari Institusi Latihan Kemahiran Awam di Malaysia.

Sejarah mencatatkan bahawa, institusi TVET pada awalnya dibangunkan bagi melatih belia yang tercicir dari persekolahan. Kelompok ini dahulunya dianggap signifikan dengan kemahiran kerja tangan dan mempunyai keupayaan psikomotor yang lebih baik berbanding kognitif dan

afektif (Razali Hassan, 2015). Malahan sehingga kini, skop TVET seperti yang digariskan dalam Maklumat Umum TVET Kementerian Pendidikan, masih lagi menekankan komponen praktikal, kemahiran psikomotor dan pendedahan kepada latihan amali di industri. Namun begitu, menurut tafsiran terbaharu seperti mana yang dijelaskan oleh Razali Hassan, (2015), nilai yang akan diterapkan kepada pelajar TVET sekarang adalah sama pentingnya bagi ketiga-tiga unsur iaitu kognitif, afektif dan psikomotor.

Sehubungan itu, keusahawanan yang menggabungkan ketiga-tiga nilai tersebut dilihat sebagai satu bidang yang bagus untuk diterapkan kepada pelajar TVET dalam usaha mencapai Lonjakan Pertama PPPMPT (2021-2025). Penerapan ini amat membantu dalam pembangunan diri pelajar terutamanya aspek kemahiran insaniah bagi melahirkan pelajar yang lebih berdaya saing dan tidak hanya bergantung kepada kerjaya makan gaji. Ini bersesuaian dengan pendapat kebanyakan pengkaji yang menyatakan bahawa satu langkah berkesan bagi membendung masalah pengangguran dalam kalangan graduan ialah melalui pendidikan keusahawanan (Salmah, dalam Iklima Husna, 2020)

Persoalanan utamanya ialah, dalam usaha mencapai matlamat Lonjakan Pertama PPPMPT (2021-2025) dan Pelan Tindakan Keusahawanan (2021-2025) ini, adakah kaedah penerapan nilai keusahawanan yang dirangka secara menyeluruh di semua IPT bersesuaian untuk dilaksanakan kepada pelajar dalam kelompok TVET ini? Adakah penerapan di peringkat universiti dan kolej kemahiran yang disama ratakan ini sesuai untuk pelajar yang berbeza tahap akademik dan keupayaan diri? Kajian literatur yang akan dijalankan ini akan melihat maklumat sekunder hasil kajian terdahulu dan garis panduan dari jabatan berkaitan untuk membandingkan dengan kaedah perlaksanaan yang diterapkan di peringkat kolej komuniti masa kini.

LATAR BELAKANG MODUL DAN AKTIVITI PEMBUDAYAAN KEUSAHAWANAN KOLEJ KOMUNITI MALAYSIA

Merujuk kepada kurikulum Keusahawanan Kolej Komuniti Malaysia, topik yang dipelajari di dalam subjek keusahawanan kolej komuniti adalah sangat luas. Penyampaian keseluruhan topik melibatkan pelbagai kemahiran boleh pindah seperti kemahiran komunikasi, kemahiran berfikir, kemahiran membuat keputusan, kemahiran kepimpinan, kemahiran kerja berkumpulan serta kemahiran keusahawanan. Kesemua kemahiran ini adalah sub kategori di dalam ketiga-tiga unsur kemahiran kognitif, kemahiran afektif dan kemahiran psikomotor.

Antara topik yang dipelajari adalah Asas Keusahawanan yang menerangkan mengenai perkembangan keusahawanan di Malaysia, akta-akta perniagaan, definisi keusahawanan dan perbezaan antara usahawan dan peniaga. Topik seterusnya adalah campuran pemasaran yang meliputi penghasilan idea perniagaan dan strategi pemasaran kaedah konvensional dan digital. Ini diikuti oleh topik pembentangan idea perniagaan, *business model canvas* dan seterusnya mengenai pengurusan kos projek.

Penilaian berterusan bagi modul keusahawanan pula mencakupi 20% laporan, 65% simulasi dan 15% pembentangan. Jumlah latihan simulasi yang diperuntukan dalam kurikulum keusahawanan ini melebihi 50% latihan praktikal seperti yang ditetapkan di dalam garis panduan

Jabatan Pembangunan Kemahiran yang dikeluarkan pada tahun 2012. Kaedah penilaian pencapaian ini sangat bersesuaian dengan pelajar TVET kerana ia merujuk kepada penilaian yang mendekati karektor dan fitrah kemanusiaan yang asal. Merujuk kepada catatan Zulkifli Mohd Sidi (2019), penilaian terhadap sifat dan karektor kemanusiaan yang asal berjaya memberikan penilaian yang benar-benar terhadap prestasi.

Kaedah penyampaian yang dicadangkan pula adalah tunjuk ajar, kuliah, simulasi, latih tubi, kajian kes, perbincangan, tayangan video dan kerja berkumpulan. Kaedah dan jenis penilaian sumatif yang dicadangkan adalah mencakupi penyediaan laporan temubual usahawan, simulasi perniagaan secara offline dan online serta pembentangan idea perniagaan.

Aktiviti Unit Keusahawanan di Kolej Komuniti Malaysia pula adalah pelbagai seperti jualan secara online dan offline, kursus-kursus pemantapan keusahawanan, bengkel kemahiran keusahawanan digital, motivasi keusahawanan, inkubator keusahawanan dan pertandingan-pertandingan *pitching* perniagaan, komersialan dan inovasi. Kesemua latihan ini ditawarkan di peringkat dalaman kolej, peringkat zon, peringkat kebangsaan dan juga tawaran-tawaran dari agensi kerajaan dan swasta.

CABARAN PENERAPAN BUDAYA KEUSAHAWANAN KEPADA PELAJAR KEUSAHAWANAN KOLEJ KOMUNITI

Kecelaruan Dalam Kalangan Pelaksana Dalam Memahami Matlamat Sebenar Penerapan Tvet Di IPTA

Maklumat dari Portal Kementerian Pendidikan menunjukkan, tujuan TVET di perkenalkan di Malaysia adalah untuk menyediakan modal insan berkemahiran yang diperlukan industri, terutama untuk menyokong peralihan sektor ekonomi ke arah aktiviti berasaskan pengetahuan, selari dengan aspirasi menjadi negara maju pada tahun 2020.

Lulusan program TVET dianggap mampu menguasai pengetahuan dan kemahiran praktikal dengan lebih baik berbanding lulusan program akademik. Pelajar TVET adalah pelajar yang dilatih untuk menggunakan kemahiran psikomotor dalam menyelesaikan masalah. Kelebihan ini berpotensi untuk membuka lebih banyak peluang pekerjaan dan menarik minat majikan untuk menawarkan pekerjaan kepada lulusan TVET.

Kumpulan sasaran TVET, mengikut rangka Kementerian Pendidikan adalah kumpulan yang memasuki institusi ini melalui Sijil Pelajaran Malaysia, Pentaksiran Tingkatan 3 dan pelajar kurang kecenderungan akademik serta remaja luar sistem pendidikan. Pelajar-pelajar TVET yang telah dilatih untuk menguasai kemahiran psikomotor dijangka akan memenuhi industri sebagai pekerja mahir. Namun apabila institusi TVET juga disasarkan untuk mencapai lonjakan pertama Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) 2015-2025, para pelajar ini juga secara tidak langsung termasuk dalam objektif pencapaian KPI yang sama dengan pelajar IPTA yang lain iaitu menjadi graduan bercirikan keusahawanan.

Orientasi keusahawanan bukanlah isu yang dipersoalkan kerana setiap pekerja industri sememangnya perlu mempunyai ciri-ciri keusahawanan bagi memajukan agensi tempat mereka bekerja. Ini bertepatan dengan pendapat Ranjan (2019) yang menyatakan bahawa keusahawanan tidak hanya merangsang perkembangan dalam perniagaan, tetapi juga pemacu perkembangan sebuah firma. Akan tetapi, pertembungan di antara hasrat kerajaan untuk melahirkan graduan yang memenuhi keperluan industri dan dalam masa yang sama, melahirkan usahawan yang menjadi 'job creator' ini adalah satu yang mengelirukan bagi para pendidik yang merupakan golongan pelaksana yang berusaha mencapai hasrat dan KPI ini. Persoalan diberikan atas kurangnya graduan yang menjadi usahawan iaitu hanya sebanyak 12.9% pada tahun 2019 (menurut data dari bahagian Pengesanan Graduan JPPKK) tetapi dalam masa yang sama mengharapkan pencapaian yang tinggi dalam kebolehasaran graduan yang keluar bekerja di industri menjadi dua matlamat yang bercanggah. Persoalan ini jugalah yang perlu di jawab oleh para pendidik apabila ditanya oleh para auditor dari agensi seperti MBOT dan badan persijilan profesional yang lain.

PENERAPAN NILAI UMUM KEUSAHAWANAN KEPADA PELAJAR BERLAINAN KEUPAYAAN

Melihat kepada matlamat penubuhan institusi TVET di Malaysia yang menjurus kepada melahirkan modal insan bagi memenuhi keperluan industri, dapat dijangkakan bahawa para pelajar yang memohon memasuki institusi ini mempunyai matlamat untuk memenuhi industri sebagai seorang pekerja berkemahiran tinggi seiring keperluan industri. Pelajar-pelajar ini rata-rata lebih menyukai aktiviti luar dan kerja amali berbanding teori dan berkebolehan dalam bidang kemahiran yang banyak menggunakan fungsi psikomotor.

Dalam portal Jabatan Pembangunan Kemahiran ada dipaparkan makluman mengenai kepentingan pelajar TVET mengetahui bidang kerjaya yang bersesuaian mengikut segmentasi minat kerjaya Holland sebelum memohon ke mana-mana bidang dalam institusi TVET. Jelas di sini bahawa pelajar-pelajar ini telah dijuruskan ke satu-satu bidang kemahiran yang lebih spesifik di institusi TVET. Sementara itu, bidang keusahawanan pula adalah bidang yang luas merangkumi pelbagai kemahiran yang terdapat di dalam minat kerjaya Holland iaitu Rational, Investigatif, Artistik, Sosial, Enterprising dan Konvensional.

Persoalannya, adakah pelajar-pelajar ini mampu untuk mempelajari nilai baharu dalam keusahawanan dalam tempoh yang singkat? Bagaimana pula tindakan yang perlu diambil oleh pelaksana untuk menerapkan nilai-nilai ini di dalam diri pelajar yang hanya berfokuskan kepada fungsi psikomotor dalam tempoh yang begitu lama? Cabaran ini bukan sahaja berlaku di peringkat institusi, malah turut dipersetujui sebagai cabaran di peringkat kebangsaan. Hal ini dapat digambarkan melalui petikan Razali Hassan dalam akhbar Berita Harian, 15 April 2018 seperti berikut:

“TVET kini tidak lagi signifikan dikaitkan dengan bidang kemahiran tangan semata-mata, malah keupayaan menggunakan kemahiran kognitif dan afektif adalah cabaran utama dalam penghasilan sumber manusia yang berkecakapan dan berpengetahuan.”

Terdapat banyak kajian yang menunjukkan pelajar TVET boleh diterapkan dengan nilai-nilai keusahawanan melalui kaedah penyampaian yang bersesuaian. Kajian Romy & Azhar (2017) membuktikan bahawa untuk melahirkan usahawan, adalah sangat penting untuk mencetus minat dan seterusnya digilap dan dibimbing untuk menjadi usahawan sebenar. Tvet yang diintegrasikan dengan keusahawanan dianggap ideal dalam melahirkan usahawan yang cemerlang.

TEMPOH PEMBELAJARAN FORMAL KEUSAHAWANAN YANG TERLALU SINGKAT.

Kurikulum modul keusahawanan yang disediakan untuk pelajar adalah lengkap dan mencukupi bagi memberi pengetahuan asas kepada pelajar untuk memulakan langkah menjadi seorang peniaga. Namun begitu, masa dedahan yang terlalu singkat iaitu selama 4 bulan sahaja tidak mencukupi untuk menimbulkan keseronokan dan pemahaman tentang perniagaan yang sedang pelajar usahakan.

Kebanyakan pelajar bersemangat untuk mengikuti kelas keusahawanan dan menjalankan perniagaan online dan offline. Namun begitu, semangat ini biasanya akan terbantut apabila memasuki semester keempat apabila para pelajar perlu menjalani latihan industri secara sepenuh masa selama hampir 4 bulan. Disinilah minat yang baru berputik telah terbantut apabila pelajar kembali didedahkan dengan amali kemahiran di lokasi latihan industri.

Terdapat banyak pendapat yang menyokong bahawa pelajar yang ingin menjadi seorang usahawan memerlukan pelbagai sokongan lain selain daripada mempelajari ilmu secara formal. Ini bertepatan dengan pendapat Sarimah Che Hassal et al (2020),

“Graduan memerlukan sokongan latihan, sokongan motivasi dan sokongan modal disamping lain-lain sokongan bagi membantu mereka merealisasikan hasrat menjadikan impian mereka satu kenyataan.”

Sewajarnya, pelajar perlu dilatih secara formal pada semester pertama lagi. Selesai latihan formal ini, pelajar masih mempunyai 2 semester untuk digilap bakatnya melalui aktiviti pembudayaan keusahawanan yang ditawarkan oleh Kelab dan Unit Keusahawanan Kolej Komuniti pula. Melalui amali jualan offline dalam Modul Keusahawanan juga, pelajar-pelajar yang dikenalpasti berminat dan berbakat dapat terus digilap dan didedahkan kepada latihan-latihan keusahawanan yang ditawarkan di peringkat jabatan, institusi dan agensi lain. Selepas graduasi pelajar-pelajar ini masih perlu disokong dengan pelbagai latihan inkubator, pengenalan kepada *key partner* dan *key resource* serta suntikan modal bagi memulakan perniagaan.

KAEDAH PEMBELAJARAN YANG LEBIH SESUAI KEPADA PELAJAR TVET

Dalam Modul Keusahawanan di peringkat Kolej komuniti Malaysia, jumlah jam pembelajaran pelajar secara praktikal diberikan sebanyak 37 jam, iaitu 2 kali ganda berbanding pembelajaran secara teori yang diberikan sebanyak 19 jam . Ini bersesuaian dengan Akta 652 Standard

Kemahiran Pekerjaan SKPK/NOSS bagi menilai tahap prestasi kemahiran pelajar teknikal vokasional, iaitu setiap institusi berstatus Pusat Bertauliah wajib memberikan sekurang-kurangnya 70% komponen praktikal berbanding 30% komponen teoretikal. Antara aktiviti yang dijalankan secara praktikal adalah penyediaan laporan temubual usahawan, latihan amali perniagaan *online* dan latihan amali perniagaan *offline*. Kebanyakan bahagian teori adalah merupakan pengajaran mengenai kaedah yang perlu dilakukan untuk menjalankan amali. Kaedah pemberian maklumat teori yang seiringan dengan amali ini sangat berkesan dalam memberi maklumat dan gambaran yang jelas kepada pelajar untuk mempraktikkan kemahiran keusahawanan.

Kajian yang dijalankan mengenai pembelajaran berasaskan masalah berorientasikan projek (project oriented problem based learning) di Kolej Komuniti Bentong, Pahang mendapati bahawa kaedah ini (POPBL) telah mampu membentuk pelajar holistik TVET. Kaedah ini telah mendedahkan pelajar secara langsung dengan proses komunikasi berkesan, pemikiran kritis dan kreatif, kerjasama berpasukan dan pendedahan kepada tatacara membuat keputusan yang berkesan (Syed Idros Syed Hussin, 2019). Proses-proses ini adalah proses yang sama seperti kebolehan boleh pindah yang telah dirangkakan dalam Kurikulum Keusahawanan Kolej Komuniti Malaysia. Di sini jelas menunjukkan bahawa aspek kurikulum dan pembelajaran Modul Keusahawanan yang telah dirangka adalah bersesuaian dan wajar diteruskan di peringkat Kolej Komuniti Malaysia.

TEMPOH PENGUMPULAN MAKLUMAT GRADUAN USAHAWAN YANG TIDAK LOGIK.

Usahawan mengambil masa yang agak lama untuk berjaya dan layak digelar sebagai usahawan. Tempoh masa selama 10 tahun untuk berkembangnya sesuatu perniagaan adalah sesuatu yang lazim. Ini bertepatan dengan kenyataan Saat Sulaiman (2008) dalam buku beliau bertajuk *Usahawan cemerlang, tips dan panduan keusahawanan yang mencatatkan:*

“Peniaga perlu mempunyai perancangan berterusan kerana perniagaan memakan waktu yang lama.”

Selain itu, menurut takrifan ahli ekonomi dari Austria, Joseph Schumpeter dalam buku *Asas Keusahawanan: Ke arah Pengukuhan Minda dan Kemahiran Keusahawanan* (2017), mereka yang sekadar mengendalikan perniagaan yang telah stabil tidak dianggap sebagai usahawan. Jika definisi ini dirujuk maka hampir tiada seorang pun graduan kohort yang akan bergraduasi layak digelar usahawan.

Tempoh setahun selepas bergraduasi adalah tempoh yang terlalu singkat untuk seorang graduan memantapkan kedudukan dalam perniagaan apatah lagi bergelar usahawan. Oleh itu, permintaan untuk mendapatkan data alumni usahawan dalam kalangan kohort yang akan bergraduasi adalah satu permintaan yang tidak rasional, menekan kumpulan pelaksana dan mendedahkan KPI kepada data-data tidak berintegriti.

KESIMPULAN

Daripada dapatan kajian literatur yang dibandingkan dengan pelaksanaan keusahawanan yang dijalankan di kolej komuniti, dapatlah di simpulkan tentang perlunya diadakan kajian semula mengenai kaedah penerapan pembudayaan keusahawanan yang lebih sistematik di samping capaian KPI yang lebih realistik. Ini kerana kurikulum keusahawanan yang dirangkakan adalah lengkap dan menyeluruh namun matlamat yang ingin dicapai oleh pihak kementerian adalah tidak jelas dan mensasarkan kelompok yang sama yang dilatih untuk matlamat yang lain. Selain itu aspek masa untuk pembelajaran dan pencapaian KPI adalah tidak realistik. Sesuatu nilai yang ingin dibudayakan kepada kelompok manusia yang dilahirkan berbeza keupayaan perlu diterapkan dengan cara yang lebih berstrategi dan memerlukan penilaian CQI dan analisis yang lebih tepat mengikut segmentasi pelajar yang berbeza. Kajian yang lebih mendalam mengenai nilai-nilai keusahawanan juga perlu di jalankan oleh penggubal bagi melihat kesesuaian jangkamasa yang diletakkan untuk menilai *out-come* yang dihasilkan. Keusahawanan adalah satu proses yang panjang dan bukanlah satu pencapaian yang dapat dinilai pada tarikh atau tempoh yang singkat.

RUJUKAN

- Iklima Husna et al (2020). Persepsi Pelajar Terhadap Pendidikan Keusahawanan: Kajian Terhadap Program Keusahawanan. *4th International Conference on Social Sciences, Humanity and Technology*, 119-125.
- Zulkifli, M.S. (2019). Kaedah Holistik dalam Pembelajaran Pendidikan, Latihan Teknikal & Vokasional (PLTV). *Seminar alaf Baru, 20*, 1-5.
- Ranjan, A. (2019). The Role of Entrepreneurship in Economic Development. *American Journal of Management Science and Engineering*, 4(6), 87-90.
- Syed Idros, S.H. (2019). Perlaksanaan Pembelajaran Berasaskan Masalah Berorientasikan Projek (POPBL) dalam Latihan Pendidikan Teknik dan Vokasional (TVET) Melalui Projek Rumah Komuniti, *E-Jurnal Liga Ilmu Serantau 2019: Malaysia Indonesia (LIS 2019)*, 113-124.
- Sarimah, C.H.et.al (2020). Tahap Kesediaan Keusahawanan Pelajar di Institusi Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional di Hulu Langat, *Jurnal Dunia Pendidikan, Vol 2, No 3*, 95-107.
- Romy, A.K. & Azhar, H (2017). Model Vokasional Keusahawanan (VOCENT) dalam kalangan usahawan lepasan Pendidikan Teknik dan Vokasional : Satu Kajian Kes. *Jurnal Pendidikan Teknokrat II Jilid XIX Disember 2017*.
- Saat, S. (2008). *Usahawan Cemerlang: Tips dan Panduan Usahawan*, Utusan Publication & Distributor, Kuala Lumpur.
- Mohd Syahrir, R. et al (2017). *Asas Keusahawanan: Ke arah Pengukuhan Minda dan*

Kemahiran Keusahawanan, UUM Press, Sintok.

Kementerian Pendidikan (2019). *Maklumat Umum TVET*. Retrieved from <https://moe.gov.my/maklumat-umum-tvet>

JPK Malaysia (2021), *Bagaimana Memilih Kursus TVET yang Sesuai-Ujian Personaliti Kerjaya?* Retrieved from <https://jpkmalaysia.com/tag/riasec/>

Razali, H. (2019). *Jenamakan TVET Dengan Acuan Kita*. Berita Harian. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2019/04/553135/jenamakan-tvet>

Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti (2017). *Kurikulum MPU 1222 & MPU12012 - Keusahawanan*

Kementerian Pengajian Tinggi (2021). *Pelan Tindakan Keusahawanan (2021-2025)*

Kementerian Pengajian Tinggi (2021). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia Pengajian Tinggi (2021-2025)*

Jabatan Pembangunan Kemahiran (2022). *National Occupational Skills Standard (NOSS)(Versi 1 Jun 2022)*

KEBERKESANAN PROGRAM CSR CELIK NIAGA TERHADAP PEMBUDAYAAN KEUSAHAWANAN DALAM KALANGAN PELAJAR

Norlizawati binti Hashim

*Kolej Komuniti Gerik
ijawatie@gmail.com*

Norhafinas binti Abd Latib

Kolej Komuniti Gerik

Nor Halina binti Noordin

Kolej Komuniti Sik

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti impak Program Corporate Social Responsibility (CSR) Celik Niaga terhadap pembudayaan keusahawanan dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti Gerik. Program ini adalah salah satu usaha Kolej Komuniti Gerik dengan kerjasama FAMA untuk membudayakan nilai keusahawanan di dalam diri pelajar dengan penerapan kemahiran kepimpinan, etika dan kerohanian, kemahiran membuat keputusan dan kemampuan pelajar untuk berhadapan serta berkomunikasi dengan orang luar. Sampel kajian terdiri dari 30 orang pelajar dari 3 program iaitu Sijil Fesyen dan Pakaian, Sijil Teknologi Maklumat dan Sijil Servis Kenderaan Ringan. Data dikumpul menerusi borang soal selidik dan dianalisis menggunakan kaedah deskriptif. Keputusan skor min menunjukkan keberkesanan program CSR Celik Niaga terhadap faktor minat pelajar, perancangan kerjaya dan penambahbaikan diri berada pada tahap yang tinggi. Justeru, program ini telah berupaya meningkatkan minat dan pengetahuan pelajar terhadap bidang keusahawanan melalui pendedahan berniaga di pasar tani. Selain dapat membantu para peniaga, pelajar juga dapat mengumpul pengalaman sebagai persediaan diri untuk menjadi usahawan berjaya pada masa hadapan.

KATA KUNCI: *Pelajar, pembudayaan keusahawanan, celik niaga*

PENGENALAN

Pandemik Covid-19 memberi kesan amat ketara terhadap pembangunan dan ekonomi Malaysia khususnya. Menurut kenyataan media Statistik Tenaga Buruh, Malaysia pada April 2022, kadar pengangguran menurun kepada 3.9% tetapi masih pada tahap membimbangkan iaitu 83.6% penganggur aktif dicatatkan (Statistik Tenaga Buruh Malaysia, 2022). Walhal banyak dana berbentuk keusahawanan telah diwujudkan dalam membantu belia tidak makan gaji semata-mata. Namun, kebanyakan belia takut mengambil risiko dan tidak mempunyai pengalaman berniaga menjadikan mereka takut menjadikan usahawan sebagai kerjaya. Kenyataan ini disangkal oleh Nabi & Holden (2008) dan Norasmah & Halimah (2007), yang menegaskan kerjaya dalam bidang keusahawanan mampu mengurangkan pengangguran. Kenyataan ini turut disokong Norasmah &

Salmah (2011) yang menyatakan graduan tidak perlu menunggu pekerjaan ditawarkan kepada mereka tetapi menjadi pencetus pekerjaan.

Maka pelbagai program disusun oleh IPT demi memastikan graduan bersedia menjadi usahawan. Namun begitu, menurut laporan Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi (PTK IPT 2021- 2025) antara isu dan cabaran yang dihadapi IPT adalah graduan gentar memilih keusahawanan sebagai kerjaya selain IPT perlu berusaha kuat dalam mengenalpasti minat pelajar membudayakan program berbentuk keusahawanan. Ini disebabkan informasi mengenai program keusahawanan masih rendah dan program keusahawanan banyak berbentuk teori berbanding teknikal yang kurang digemari pelajar (Akmal et. al, 2022). Selain itu, objektif IPT dan industri yang tidak seiring menyebabkan industri enggan terlibat dalam kegiatan keusahawanan di IPT (PTK IPT,2021- 2025). Siswazah juga tidak merebut peluang perniagaan berbentuk digital yang boleh dijadikan sebagai satu kerjaya alternatif (Norasmah, Poo, Norhafiza & Rahmah,2012). Oleh yang demikian, Kolej Komuniti Gerik telah mengambil inisiatif dengan menjalankan usahasama bersama FAMA Gerik mengadakan satu program CSR Celik Niaga dengan harapan dapat memberi pengalaman kepada pelajar menjadi usahawan. Justeru, kajian ini ingin melihat sama ada program CSR Celik Niaga memberi impak dari segi minat pelajar, perancangan kerjaya dan penambahbaikan diri pelajar.

KAJIAN LITERATUR

Usahawan adalah individu yang berani mengambil risiko dalam membina sebuah perniagaan. Peningkatan jumlah usahawan di dalam negara banyak memberi impak positif seperti mengurangkan isu pengangguran dan menambahkan peluang pekerjaan kepada masyarakat. Dalam memastikan profesion usahawan mendapat tempat di hati graduan pelbagai aktiviti dianjurkan oleh pihak IPT termasuk Kolej Komuniti. Antara aktiviti yang dianjurkan oleh Kolej Komuniti amnya adalah berbentuk pertandingan, perkhemahan, jualan dan berbentuk digital. Dapatan kajian oleh Badariah et al. (2016) juga menunjukkan bahawa pengajian keusahawanan berbentuk amali yang dijalankan di Universiti Utara Malaysia adalah berkesan untuk meningkatkan kemahiran keusahawanan para pelajar yang terlibat. Deci dan Ryan (2000) juga membuktikan bahawa pengajaran dan pembelajaran secara praktikal juga mampu membentuk pelajar mempunyai ciri-ciri keusahawanan dan turut disokong oleh Kim et. al. (2013). Walau bagaimanapun, kajian oleh Mogomotsi (2012) mendapati pengajian keusahawanan di dua universiti di Afrika Selatan tidak mencapai objektif melahirkan graduan sebagai usahawan memandangkan pengajaran berbentuk teori semata-mata. Dapatan kajian ini disangkal oleh Fitzsimons (2014) yang menunjukkan para pelajar dapat menunjukkan ciri-ciri keusahawanan yang diperlukan apabila modul adalah berbentuk pembelajaran secara aktif.

Hasil dapatan kajian oleh Adam, Abd Razak, dan Bakar (2011) terhadap 32 orang pelajar semester akhir Kolej Komuniti Jasin. menunjukkan bahawa semua pelajar sangat aktif di dalam bidang keusahawanan. Namun masih wujud pelajar yang masih tidak berminat menjadi usahawan seperti dalam kajian Warman et al. (2010) terhadap pelajar politeknik yang menunjukkan kecenderungan yang sederhana terhadap proses pembelajaran berkaitan keusahawanan. Ia turut disonong dari dapatan kajian (Azila, Nurul & Ishrul,2017) yang menyatakan tahap kemahiran pelajar tujuh Kolej Komuniti sekitar Selangor adalah sederhana. Oleh itu, lebih banyak aktiviti dan program keusahawanan perlu dijalankan mengikut minat pelajar atau bidang. Locke dan Latham

(2002) berpendapat program yang mampu membina ciri-ciri keusahawanan adalah program yang berkesan. Oleh yang demikian program perlu dirancang dengan baik dan pemantauan berkala. Melaluinya penambahbaikan diri seperti motivasi, kemahiran komunikasi, keyakinan diri dan berfikir secara kreatif dan kritis dapat diterapkan. Faktor motivasi juga merupakan penyumbang dalam membentuk usahawan (Moy et. al., 2001) di mana objektif dalam menjalankan perniagaan adalah berfokus (Chu et al., 2011). Kajian (Siti & Nurena, 2020) juga menunjukkan melalui program bersama komuniti pelajar lebih berasa yakin dalam berkomunikasi dan sikap baik pelajar bertambah baik.

Kajian terdahulu menunjukkan hanya individu yang mempunyai ciri-ciri sebagai seorang usahawan yang lebih terdorong memilih kerjaya ini. Di antara kriteria individu yang mahu menjadi usahawan adalah sikap positif dan tahap keinginan yang tinggi. Hasil kajian (Norasmah & Salmah, 2011) melalui Skim Ushawan Siswa peserta-peserta memberi persepsi yang baik terhadap kerjaya keusahawanan hasil dari latihan keusahawanan yang baik. Fahaman negatif sebagai usahawan boleh ditukar dengan pendidikan keusahawanan yang mampan.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif iaitu borang soal selidik dan diedarkan secara atas talian menggunakan *Google Form*. Polulasi kajian ini terdiri daripada pelajar program Sijil Fesyen dan Pakaian, Sijil Teknologi Maklumat dan Sijil Servis Kenderaan Ringan. Bilangan sampel adalah seramai 30 orang. Soal selidik yang digunakan diadaptasi dari kajian Mc Clelland dan Mc Ber & Co. (1985) dan Norasmah et.al (2012). Soal selidik terdiri daripada 2 bahagian iaitu berkaitan demografi responden, keberkesanan program terhadap minat pelajar, perancangan kerjaya dan penambahbaikan diri. Dapatan kajian dianalisis menggunakan interpretasi skor min seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Tafsiran Min Tahap

Min	Tahap
1.00-2.00	Sederhana Rendah
2.01-3.00	Rendah
3.01-4.00	Sederhana Tinggi
4.01-5.00	Tinggi

Sumber: Nunnally dan Bernstein (1994) dalam Nur Faardeana et.al (2020)

DAPATAN KAJIAN

Seramai 30 orang responden dari 3 program di Kolej Komuniti Gerik yang terlibat dalam Program CSR Celik Niaga iaitu 15 orang pelajar lelaki dan 15 orang pelajar perempuan.

Jadual 2: Keberkesanan Program Terhadap Minat Pelajar, Perancangan Kerjaya dan Penambahbaikan Diri

Descriptive Statistics

	N	Minimum	Maximum	Mean	Std. Deviation
MINAT	30	3.40	5.00	4.5000	.38863
PERANCANGAN	30	2.60	5.00	4.1333	.60648
TAMBAHBAIK	30	3.00	5.00	4.4000	.38952
Valid N (listwise)	30				

Berdasarkan Jadual 2, analisis deskriptif menunjukkan secara keseluruhannya keberkesanan program CSR Celik Niaga terhadap minat pelajar, perancangan kerjaya dan penambahbaikan diri menunjukkan skor min tinggi. Hal ini menunjukkan program keusahawanan yang dijalankan di luar kawasan kolej telah memberi impak yang positif terhadap pembudayaan keusahawanan dalam kalangan pelajar KKGP. Lebih separuh daripada item soalan yang ditanyakan mendapat nilai skor min melebihi 4.00.

Jadual 3: Keberkesanan Program Terhadap Minat Pelajar

Descriptive Statistics

	N	Minimum	Maximum	Mean	Std. Deviation
B1	30	4	5	4.43	.504
B2	30	4	5	4.80	.407
B3	30	3	5	4.37	.556
B4	30	2	5	4.37	.669
B5	30	3	5	4.53	.571
Valid N (listwise)	30				

Setiap item dalam Jadual 3 menunjukkan skor min yang tinggi bagi keberkesanan program terhadap minat pelajar dimana item dengan skor min paling tinggi ialah B2 (sepanjang program berlangsung saya berasa gembira dan seronok) dengan nilai 4.80. Ini menunjukkan pelajar menyukai pendekatan berniaga di luar kawasan kolej bagi mewujudkan minat dan pengalaman berniaga itu sendiri.

Jadual 4: Keberkesanan Program Terhadap Perancangan Kerjaya

Descriptive Statistics

	N	Minimum	Maximum	Mean	Std. Deviation
C6	30	2	5	3.87	.730
C7	30	2	5	3.87	.973
C8	30	1	5	4.37	.928
C9	30	2	5	4.17	.913
C10	30	2	5	4.40	.724
Valid N (listwise)	30				

Jadual 4 menunjukkan skor min bagi keberkesanan program terhadap perancangan kerjaya.

Item C10 (program ini telah memberi pengalaman yang baik untuk saya mempersiapkan diri saya untuk menjadi usahawan atau peniaga yang berjaya) berada pada interpretasi skor min tertinggi. Hal yang sama juga bagi item C8 (saya tidak lagi memandangkan perniagaan sebagai sebuah pekerjaan yang rumit dan tidak menguntungkan) dengan skor min 4.37 diikuti C9 (selepas program ini saya akan membuat lebih banyak kajian tentang usahawan yang berjaya bagi mendapatkan tips untuk menjadi uasahawan yang berjaya) dengan nilai skor min 4.17. Ini menunjukkan program ini berjaya membuka minda dan persepsi yang positif tentang keusahawanan dan pelajar dapat mencuba sesuatu yang baru selain pembelajaran yang mereka perolehi di dalam kelas. Sementara itu, dapatan bagi C6 (saya lebih yakin untuk memulakan perniagaan selepas program ini) dan C7 (saya sudah mula merancang perniagaan yang boleh saya usahakan pada masa hadapan) menunjukkan skor min berada pada tahap yang sederhana.

Jadual 5: Keberkesanan Program Terhadap Penambahbaikan Diri

Descriptive Statistics					
	N	Minimum	Maximum	Mean	Std. Deviation
D11	30	2	5	4.30	.702
D12	30	3	5	4.47	.571
D13	30	3	5	4.33	.547
D14	30	2	5	4.30	.651
D15	30	4	5	4.60	.498
Valid N (listwise)	30				

Jadual 5 menunjukkan dapatan skor min bagi keberkesanan program terhadap penambahbaikan diri. Setiap item menunjukkan nilai melebihi 4.0. Item yang tertinggi ialah bagi D15 (selepas program ini keyakinan diri saya telah berjaya ditingkatkan) iaitu 4.60. Manakala item D11 (selepas program ini saya belajar untuk menjadi lebih kreatif dan inovatif untuk mempromosikan barangan saya) dan D14 (motivasi saya telah meningkat selepas program ini) menunjukkan skor min yang sama iaitu 4.30. Justeru, dapatan yang diperolehi memperlihatkan keputusan yang positif kerana pelajar berjaya membantu peniaga di pasar tani dan merasai sendiri pengalaman susah senang untuk berniaga.

PERBINCANGAN

Berdasarkan dapatan kajian, keberkesanan Program CSR Celik Niaga terhadap minat, perancangan kerjaya dan penambahbaikan diri mendapat maklumbalas yang baik dari semua pelajar. Hal ini disebabkan pelajar telah diajar ilmu keusahawanan secara teori di dalam kelas dan seterusnya mempraktikkan ilmu tersebut semasa membantu peniaga di pasar tani untuk berniaga. Secara dasarnya, pelajar menunjukkan minat yang tinggi untuk menimba sebanyak mungkin pengalaman dan membuat serba sedikit persediaan diri untuk menceburi bidang keusahawanan selepas tamat pengajian kelak. Kajian Nor Hidayatun et.al (2018) mendapati pelaksanaan aktiviti jualan di luar bilik darjah mampu memupuk minat pelajar terhadap keusahawanan dan sedikit sebanyak dapat menerapkan ciri-ciri bakal usahawan dalam diri mereka. Kajian oleh Wan et.al (2016) juga menyatakan bahawa aktiviti luar kelas melalui Program Tunas Niaga berjaya menarik minat pelajar untuk aktif secara langsung walaupun tidak melibatkan jualan yang besar. Oleh yang demikian, minat pelajar terhadap keusahawanan boleh dipupuk melalui pendedahan awal terhadap perniagaan

dengan adanya aktiviti jualan yang dijalankan secara kecil-kecilan. Pelajar turut merasai keseronokan membantu peniaga berniaga di pasar tani apabila mereka mula berkomunikasi dengan pelanggan dan bersama-sama mengembleng tenaga bagi memastikan jualan mereka laris pada program tersebut. Namun begitu, terdapat juga kajian yang memperolehi dapatan sebaliknya seperti kajian Mohamad et.al (2017) yang mendapati pelajar kurang berminat untuk turut sama dalam aktiviti jualan disebabkan perasaan malu dan tidak yakin menguasai diri.

Sementara itu, keberkesanan program terhadap perancangan kerjaya menunjukkan skor min keseluruhan berada pada tahap tinggi. Namun terdapat juga item dengan dapatan sederhana iaitu merujuk kepada keyakinan diri dan perancangan masa depan pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan. Kajian Sarmila et.al (2021) menyatakan pekerjaan dalam bidang usahawan masih belum mencapai tahap yang memuaskan. Kajian Norasmah et.al (2009) juga menyatakan pelajar paling takut untuk membuat keputusan jika ianya turut melibatkan orang lain dan perniagaan. Untuk menjadi usahawan, pelbagai faktor perlu dititiberatkan seperti pengetahuan yang mencukupi, pengurusan kewangan, keyakinan diri, kemahiran membuat keputusan dan berani mengambil risiko. Kerisauan pelajar terhadap faktor tersebut dapat dilihat melalui jawapan yang diberikan dalam soal selidik. Justeru, faktor pendorong khususnya dari pensyarah dan keluarga sedikit sebanyak akan dapat mengubah persepsi pelajar terhadap bidang keusahawanan. Program jualan dan kursus keusahawanan dilihat boleh menjadi penyumbang untuk meningkatkan keyakinan diri pelajar seterusnya mereka akan belajar melalui pengalaman berniaga.

Murujuk kepada dapatan skor min tinggi bagi keberkesanan program terhadap penambahbaikan diri, kebanyakan pelajar merasakan sangat bermotivasi setelah selesai menjalankan program CSR Celik Niaga. Pelajar memberi respon yang positif terhadap kesediaan untuk terus mengikuti aktiviti seumpunya di masa akan datang bagi menimba pengalaman dan membina keyakinan diri sebagai persediaan menjadi seorang usahawan. Melalui penyertaan secara aktif dalam program berkaitan keusahawanan, pelajar akan belajar sesuatu yang baru dan menjana idea yang lebih kreatif serta inovatif. Kajian Syahrizad et.al (2014) mendapati latihan dan program keusahawanan yang dilaksanakan di peringkat Kolej Komuniti berjaya mencungkil bakat keusahawanan dalam kalangan pelajar. Pelajar menunjukkan minat dan kesungguhan yang tinggi untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan melalui program yang dianjurkan. Secara keseluruhannya, penerimaan baik pelajar terhadap program CSR Celik Niaga menunjukkan program ini amat membantu pelajar belajar tentang ilmu perniagaan dari awal dan telah membuka peluang bagi mereka menyiapkan diri untuk mencuba bidang baru pada masa akan datang.

KESIMPULAN

Di Kolej Komuniti Gerik, penerapan elemen keusahawanan diterapkan kepada pelajar menerusi subjek keusahawanan yang dipelajari di dalam kelas. Menerusi Program CSR Celik Niaga, pelajar diberi peluang untuk merasai dan menerokai sendiri pengalaman membantu peniaga berniaga. Kebiasaannya, ilmu keusahawanan yang dipelajari secara teori tidak sebanyak ilmu yang akan mereka dapati apabila pelajar terlibat secara langsung dalam aktiviti jualan. Melalui program ini, penerapan konsep membantu akan menjadikan pelajar untuk lebih bersedia dan mampu mengharungi apa jua cabaran yang datang pada masa hadapan. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya terhad kepada keberkesanan program terhadap 3 aspek dalam kalangan pelajar. Pengkaji mencadangkan supaya satu kajian lanjutan dilaksanakan bagi melihat kepada perbezaan jantina atau program terhadap pembudayaan keusahawanan.

RUJUKAN

- Adam, A., Abdul Razak, S. dan Abu Bakar, M. H. (2011). Kecenderungan Pelajar-Pelajar Semester Akhir Kolej Komuniti Jasin Terhadap Keusahawanan. *Mini Seminar Pendidikan Kolej Komuniti Jasin*.
- Akmal Sabarudin, Nur Hannan Lokman, Nahzatush Simaa Jantan, Nurul Ashikin Zainrudin, Alis Syazmim Abdul Halim, Muhamad Azry Khoiry (2022). Tinjauan Keberkesanan Program Keusahawanan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) terhadap Kebolehpasaran Graduan Menurut Perspektif Alumni UKM. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*. Volume 7, Issue 2, DOI: <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i2.1272>
- Azila Binti Baharuddin Nurul Hayati Binti Shamsuri Isrul Hasrita Binti Ismail (2017). Impak Kursus Digital Entrepreneurship Kepada Pelajar Kolej Komuniti Wilayah Selangor. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan*. Jilid 1
- Badariah, D., Abdul R.A., & Mariana, U. (2016). The Effectiveness of The Entrepreneurship Education Program In Upgrading Entrepreneurial Skills Among Public University Students. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 224(2016), 117-123.
- Chu, Orhan, Xiaowei dan Kubilay. 2011. Chinese entrepreneurs: Motivations, Success Factors, Problems, and Business-related Stress. *Journal of Chinese Entrepreneurship* 3(2): 84-111.
- Deci, E. L., & Ryan, R. M. (2000). The "what" and "why" of Goal Pursuits: Human Needs and The Selfdetermination of Behavior. *Psychological Inquiry*, 11(4), 227–268.
- Fitzsimons M. (2014). Engaging Students' Learning Through Active Learning. *Irish Journal of Academic Practice*, 3(1), 1-26
- Handy, S.A., & Polimeni, R.S. (2015). Engaging Students-Use of Active Learning Activities to Enhance Student Learning in An Introductory Managerial Accounting Course. *Journal of Applied Research for Business Instruction*, 13(3), 1-8
- Kim, K., Sharma P. L., Susan M., & Furlong K.P. (2013). Effects of Active Learning on Enhancing Student Critical Thinking In An Undergraduate General Science Course. *Innovative Higher Education*, 38(3), 223-235.
- Mason, Ohio: South-Western, Thomson Locke, E. A., & Latham, G. P. (2002), "Building A Particularly Useful Theory of Goal Setting and Task Motivation". *American Psychologist*, 57 (9), 705-17.
- Mogomotsi L., Edward R., & Peter R. (2012). The Effectiveness of Entrepreneurship Education: What Matters Most? *African Journal of Business Management*, 6(51), 12023-12032.
- Moy, J., Luk, V., Sheehan, B. & Sammapan, N. 2001. A Comparative Study on The Perceptionsof University Business Students In Hong Kong And Thailand: Why Do They Become

Entrepreneurs. BRC Working Papers, [Online] available: <http://http://net2.hkbu.edu.hk/~ied/publications/wp/WP200102.pdf> (May, 21th, 2014).

Mohamad Yusof, Mohamad Suwardi & Arjunan, Lingaswaran. (2017). Pengaruh Pengalaman Keusahawanan Terhadap Kecenderungan Keusahawanan Dalam Kalangan Pelajar Jurusan Perakaunan Kolej Matrikulasi Perak. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*. Vol 12, 1-23. Nabi, G.& Holden, R. (2008). Graduate Entrepreneurship: Intentions, Education and Training. *Education + Training*, 50(7), 545-551.

Norasmah Othman, Azzyyati Anuar & Muhammad Husin (2009). Kekangan Dalam Menjalankan Perniagaan Dalam Kalangan Pelajar Di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar Bil. 12*, 87 – 107.

Norasmah Othman, Nor Hafiza Othman, Poo Bee Tin, Rahmah Ismail (2012). Impak Globalisasi dan Tingkah Laku Pemilihan Kerjaya Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Universiti. *Prosiding Perkem Vii*, Jilid 1 (2012) 435 - 445

Norasmah Othman & Salmah Ishak. (2011). Kecenderungan Terhadap Pemilihan Kerjaya Keusahawanan Mengikut Persepsi Peserta Skim Usahawan Siswa. *Jurnal Teknologi 56 (Sains Sosial)*, Sept. 2011: 47–63. Penerbit UTM Press, Universiti Teknologi Malaysia.

Norasmah Othman, Azzyyati Anuar & Muhammad Husin (2009). Kekangan Dalam Menjalankan Perniagaan Dalam Kalangan Pelajar Di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar Bil. 12*, 87 – 107.

Nor Hidayatun Abdul Razak, Suhanom Mohd Zaki1, Mohd Aidil Riduan Awang Kader, & Fadzlan Farhana (2018). Pembelajaran Melalui Aktiviti Perniagaan di Kalangan Para Pelajar MDAB. *Journal for Social Sciences, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang Vol 22*, 111-116.

Nur Fardeana Arifin, Radin Siti Aishah Radin A Rahman, & Norasmah Othman (2020). Tahap Personaliti Big Six dan Hubungannya dengan Kecenderungan Keusahawanan Digital dalam Kalangan Pelajar Kolej Komuniti. *Jurnal Pendidikan Malaysia 45(1)*, 101-110 DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JPEN-2020-45.01SI-12>

Sarmila Md Sum, Zaimah Ramli, & Nur Shafiqah Mohd Sabri (2021). Kesediaan Graduan Memilih Keusahawanan Sebagai Bidang Kerjaya. *Journal of Society and Space 17 issue 4*, 17-29. <https://doi.org/10.17576/geo-2021-1704-02>

Siti Zakiah Abu Bakar & Nurena Abdullah (2020). Meningkatkan Kemahiran Komunikasi Pelajar Melalui Program Keusahawanan Sosial. *Jurnal Ilmi*. Jilid 10, 2020: 102-115

Syahrizad Abdul Razak, Azilahwati Adam & Intan Shazila Samsudin (2014). Pembangunan Keusahawanan Dari Perspektif Kolej Komuniti. Prosiding Seminar Antarabangsa Kelestarian Insan 2014.

Wan Mohd Zaifurin Wan Nawang, Nor Hayati Sa'at, Sabri Ahmad & Ibrahim Mamat (2016). Kecenderungan Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Negeri Terengganu. *Jurnal Pendidikan Malaysia 41(1)*, 87-98.

Warman, S., Roddin, R., Esa, A., Awang, H. Mohamed, M. & Ab Rahman, A. (2010). Penerapan Kemahiran Keusahawanan Dalam Kalangan Pelajar di Politeknik. *Persidangan Kebangsaan Pendidikan Kejuruteraan dan Keusahawanan. Kota Bahru, Kelantan.* pp 206-211.

PENGARUH MEDIA SOSIAL TERHADAP PENGETAHUAN POLITIK DALAM KALANGAN PELAJAR KOLEJ KOMUNITI NEGERI KEDAH

Nor Ridhwah binti Abdullah Sani
Kolej Komuniti Kulim
nridhwah1978@gmail.com

Nur Hassanah binti Abu Hassan
Kolej Komuniti Kulim

Khairulanwar bin Harun
Kolej Komuniti Kulim

ABSTRAK

Peningkatan penggunaan media sosial sebagai medium untuk kempen dan penyampaian propaganda tiada tanda-tanda akan berkurangan selepas PRU-13, malahan dilihat menjadi semakin menjadi-jadi, apabila hampir 63.3% masyarakat di Malaysia selalu terdedah kepada informasi propaganda politik yang bertalu-talu dan kesahihannya diragui yang menggunakan platform media sosial di telefon pintar rakyat Malaysia. Anjakan paradigma kemajuan teknologi maklumat telah menyebabkan fenomena ‘ledakan’ media sosial sejak 2008 telah menjadi pemangkin kepada pergerakan kebebasan dalam penyertaan politik yang turut memberikan impak terhadap pertukaran budaya politik terutamanya di kalangan anak muda di Malaysia. Fenomena ini telah menyebabkan terjadinya pencetus kepada pergerakan di mana platform sosial digital itu dijadikan medium rujukan dan tumpuan ramai khasnya dari kalangan anak muda akhirnya mereka jadikan platform ini tempat bergantung untuk mencari maklumat. Kaedah kajian adalah menerusi kaedah kajian kualitatif menggunakan kaedah Focus Group Discussion (FGD) melibat empat (4) buah Kolej Komuniti iaitu Kolej Komuniti Kulim, Kolej Komuniti Sungai Petani, Kolej Komuniti Bandar Darulaman dan Kolej Komuniti Baling yang melibatkan empat (4) orang pelajar dalam setiap kumpulan. Setiap kumpulan akan diberi satu (1) hantaran dari Facebook Najib Razak dan pelajar perlu berbincang dan memberi pendapat mengenai hantaran dan kandungan yang dimuatnaik oleh ahli parlimen tersebut. Kesimpulan dari hasil kajian adalah untuk mengenalpasti cara penyampaian maklumat kepada belia melalui medium media social. Dengan cara ini, kita dapat mengenalpasti kecenderungan politik pelajar adakah untuk isu berkaitan golongan belia sahaja ataupun melibatkan semua golongan.

KATA KUNCI: *Politik, pelajar, kolej komuniti*

PENGENALAN

Pilihanraya Umum ke-13 (PRU-13) merupakan pilihanraya pertama menggunakan pengaruh media sosial secara meluas di negara ini dan didominasi oleh golongan belia. Sebanyak 63.3% rakyat Malaysia sebenarnya terdedah kepada maklumat politik dan propaganda berterusan yang tidak disahkan kesahihannya melalui internet. (Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia [SKMM], 2015). Trend penggunaan media sosial bagi tujuan kempen dan penyebaran propaganda ini juga tidak kelihatan terhenti setakat selepas PRU-13, bahkan dilihat semakin sebat di dalam jiwa mereka dan pastinya akan digunakan oleh parti-parti politik untuk pilihanraya akan datang.

Penggunaan media sosial dari seluruh dunia dilihat meningkat secara mendadak terutamanya pada tahun 2008 (ComScore, 2008) di mana aplikasi Facebook menjadi aplikasi yang paling popular ketika itu dalam penghasilan dan pertukaran maklumat. Media sosial merujuk kepada sekumpulan aplikasi internet berasaskan teknologi Web 2.0. Menurut kajian Suruhanjaya Multimedia dan Komunikasi (MCMC) pada tahun 2020, 3 media sosial yang paling banyak dilayari oleh pengguna adalah Facebook iaitu sebanyak 91.7% diikuti oleh Youtube sebanyak 80.6% dan ketiga Instagram sebanyak 63.1%. Bagi aplikasi komunikasi yang paling banyak digunakan untuk menyebarkan dan menerima maklumat adalah aplikasi Whatsapp sebanyak 98.7%, diikuti oleh Facebook Messenger iaitu sebanyak 53.9% dan Telegram pada kedudukan ketiga iaitu 40.1%. Menerusi hasil dapatan juga, golongan yang paling ramai menggunakan aplikasi media sosial adalah golongan belia berumur 20 hingga 24 tahun iaitu sebanyak 49.7%.

PERMASALAHAN KAJIAN

Perubahan budaya politik terutamanya di kalangan belia telah didorong oleh fenomena ‘letusan’ media sosial. Pada tahun 2008, perubahan budaya politik menjadi pencetus kepada proses liberalisasi penyertaan politik golongan ini yang turut memberikan kesan terhadap perkembangan teknologi maklumat. Golongan belia kini dilihat berkecenderungan untuk bersikap sinis dan terbuka dalam memberi pandangan dan kritikan terhadap institusi kerajaan dan pihak berkuasa akibat terlalu percaya dan taksu terhadap maklumat politik di media sosial. Liberalisasi sosialisasi politik dan maklumat politik melalui media sosial dipercayai mempunyai hubungan yang langsung dengan corak perubahan politik di kalangan belia ini.

Budaya politik yang bersifat konservatif yang berdasarkan kepada konsep nilai-nilai murni yang berprinsipkan kepada kebajikan umum berbanding kepentingan peribadi, rasa hormat kepada pihak berkuasa dan keharmonian sosial merupakan amalan budaya dan ciri- ciri politik pasca kemerdekaan yang banyak dimonopoli oleh budaya politik melayu, walaubagaimanapun, budaya politik ini seolah-olah sudah dilupakan dan dilihat semakin tidak relevan terutamanya di kalangan belia yang semakin terhakis sifat dan nilai-nilai murni mereka. Ruang kebebasan untuk bersuara dan meluahkan pendapat secara terbuka tanpa mengambil kira sensitivity masyarakat di media sosial tanpa sempadan, telah membolehkan semua pihak untuk berinteraksi serta berkongsi maklumat, termasuklah juga maklumat palsu.

Akibat terhakisnya nilai-nilai murni, sifat ingin tahu dan menjadi pertama dalam perkongsian maklumat tanpa memikirkan kebaikan dan keburukan antara faktor-faktor yang akhirnya menjadi pemangkin kepada proses tumpuan dan rujukan dalam kebergantungan terhadap media sosial di kalangan belia.

Hasil dapatan kajian dari analisis ini dilihat signifikan dalam mengenalpasti corak perubahan landskap politik dan budaya socio-politik melalui huraian pengaruh medial sosial di kalangan belia. Namun sekiranya golongan ini banyak bergantung kepada media sosial bagi mendapatkan info pengetahuan politik mereka, tanpa merujuk institusi atau sistem politik itu sendiri, maka ketidakstabilan politik pasti akan tercetus. Apa yang lebih membimbangkan adalah kesan ini boleh menyebabkan berlakunya keruntuhan moral, keruntuhan ekonomi, keganasan, peperangan yang akhirnya membawa kepada keruntuhan sesebuah negara.

OBJEKTIF KAJIAN

- a. Mengetahui pengaruh media sosial terhadap tujuan politik golongan belia dan pelajar Kolej Komuniti Negeri Kedah.
- b. Mengetahui keperluan perhubungan dan kebergantungan belia terhadap media sosial bagi tujuan politik dengan pengetahuan politik mereka.
- c. Mengetahui pengaruh faktor-faktor demografi dari segi jantina, etnik dan latar belakang pendidikan berdasarkan pengetahuan politik golongan belia dalam media sosial bagi tujuan politik mereka.

KEPENTINGAN KAJIAN

Hasil kajian ini dilihat dapat meningkatkan cara penyampaian maklumat oleh jabatan kerajaan seperti Jabatan Penerangan Malaysia atau jabatan-jabatan berkaitan dengan lebih berkesan kepada golongan belia. Hasil kajian juga boleh digunakan oleh penkaji yang lain yang berminat di dalam kajian seperti ini dan boleh digunakan bagi tujuan akademik Selain itu, hasil kajian dapat membantu kerajaan mencari formula yang sesuai untuk golongan belia ini menerima dasar dan polisi kerajaan dengan lebih terbuka.

METODOLOGI KAJIAN

Kaedah kajian adalah menerusi kaedah kualitatif menggunakan kaedah Focus Group Discussion (FGD) melibatkan empat (4) buah Kolej Komuniti iaitu Kolej Komuniti Kulim, Kolej Komuniti Sungai Petani, Kolej Komuniti Bandar Darulaman dan Kolej Komuniti Baling yang melibatkan empat (4) orang pelajar dalam setiap kumpulan. Setiap kumpulan akan diberi satu (1) hantaran dari Facebook Najib Razak dan pelajar perlu berbincang dan memberi pendapat mengenai hantaran dan kandungan yang dimuatnaik oleh ahli parlimen tersebut.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, hasil kajian ini adalah untuk mengenalpasti cara penyampaian maklumat kepada belia melalui medium media sosial. Dengan cara ini, kita dapat mengenalpasti kecenderungan politik pelajar adakah untuk isu berkaitan golongan belia sahaja ataupun melibatkan semua golongan. Melalui hasil kajian ini, dijangkakan pelajar akan lebih memahami bahawa setiap parti politik mempunyai manifesto dan asas perjuangan tertentu mereka, bagi memenangi hati rakyat mengikut lapisan masyarakat. Melalui pemahaman ini, pelajar akan lebih mengetahui kecenderungan mereka dalam memilih parti politik semasa pilihanraya umum kelak. Impak kajian yang dapat dilihat adalah undi golongan belia ini mampu menjadi penentu kepada keputusan pilihanraya akan datang kelak. Oleh itu, penentuan calon dan manifesto dari parti politik juga memainkan peranan penting dalam memancing undi mereka.

RUJUKAN

- Azmi Abdul Malek, Mohd Ainuddin Iskandar Lee Abdullah, Abdul Rahman Abdul Aziz & Mohd. Razali Agus. (2018). Pengaruh Media Sosial dalam Pilihanraya Umum di Malaysia:Kajian Kes Belia Luar Bandar dalam PRU 13 di DUN Kampung Gajah, Perak. *International Journal of Society, Development and Environment in the Developing World*,6 (1), 1-16.
- Adibah Yasmin Alias, Afif Zuhair Abd Latiff & Muhamad Helmy Sabtu. (2016). *Pengaruh Media Sosial dan Komuniti Digital Dalam PRU -13* [Unpublished Master's thesis]. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Malaysian Communication & Multimedia Commissions. (2020). *Internet Users Survey 2020*.<https://www.mcmc.gov.my/skmmgovmy/media/General/pdf/IUS-2020-Infographic.pdf>
- Sara Chinnasamy. (2020, Mac 14). Ahli politik cakna media sosial ubah persepsi rakyat. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2020/03/665256/ahli-politik-cakna-media-sosial-ubah-persepsi-rakyat>
- Najib Razak. (2022). Facebook. <https://www.facebook.com/najibrazak>

BORANG ZERO MISTAKE

Maisarah binti Ismail
 Kolej Komuniti Chenderoh
maisarah@staf.kkche.edu.my

ABSTRAK

Bengkel Semakan Data Lulusan dilaksanakan bagi mengumpul dokumen - dokumen berkaitan data bakal graduan. Pegawai Peperiksaan perlu membawa laporan yang telah ditandatangani oleh Pengarah ke Bengkel Semakan Data Lulusan. Laporan tersebut perlu lengkap, betul dan tiada sebarang kesalahan. Borang ini dibangunkan bagi memastikan tiada sebarang kesalahan data lulusan yang bakal dihantar semasa Bengkel Semakan Data Lulusan. Pegawai Peperiksaan perlu memastikan semua data yang dibawa perlu tepat dan betul serta perlu ditandatangani oleh Pengarah. Ianya merujuk kepada Myportfolio Pegawai Peperiksaan bahagian 5: Proses Kerja (Aktiviti 9: Menyediakan Laporan Lulusan Diploma Kolej Komuniti (DKK) / Sijil Kolej Komuniti (SKK)).

KATA KUNCI: *Semakan data lulusan*

TUJUAN

Borang ini dibangunkan bagi memastikan tiada sebarang kesalahan data lulusan yang bakal dihantar semasa Bengkel Semakan Data Lulusan. Pegawai Peperiksaan perlu memastikan semua data yang dibawa perlu tepat dan betul serta perlu ditandatangani oleh Pengarah. Ianya merujuk kepada Myportfolio Pegawai Peperiksaan bahagian 5: Proses Kerja (Aktiviti 9: Menyediakan Laporan Lulusan Diploma Kolej Komuniti (DKK) / Sijil Kolej Komuniti (SKK)).

LATAR BELAKANG

Bengkel Semakan Data Lulusan dilaksanakan bagi mengumpul dokumen -dokumen berkaitan data bakal graduan. Pegawai Peperiksaan perlu membawa laporan yang telah ditandatangani oleh Pengarah ke Bengkel Semakan Data Lulusan. Laporan tersebut perlu lengkap, betul dan tiada sebarang kesalahan.

Semasa bengkel, laporan tersebut akan disemak sekali lagi oleh Pegawai Peperiksaan Kolej Komuniti yang lain. Sekiranya terdapat kesalahan, Pegawai Peperiksaan perlu membetulkan kesalahan tersebut dan mencetak semula laporan. Laporan yang telah dibetulkan perlu ditandatangani oleh Pengarah dan dihantar semula kepada Setiausaha 1 iaitu Pegawai Peperiksaan Pasir Salak sebelum Mesyuarat Peperiksaan Negeri Perak diadakan.

Unit Peperiksaan perlu memastikan data lulusan tepat berdasarkan panduan di bawah:

		Panduan Mengisi Borang Pengumpulan Data dan Semakan Lulusan (BPDSL) [Graduate Template Report - X]		
Gunakan Font Arial saiz 10 dan huruf besar (Uppercase) sahaja. Setiap program bermula dengan Bil. 1 SEMULA				
Bil	Nama Medan	Jenis Data	Panduan	Kategori Berkaitan (Kosongkan jika tidak)
1	Bil	Number	Susun nama mengikut program. Jika ada bukan lulusan, letakkan di bahagian akhir susunan. Mulakan susunan baru bagi program seterusnya.	Semua
2	Kategori	Text	Isi kategori mengikut kriteria yang telah ditetapkan.	Semua
3	Nama	Text	Isi nama penuh mengikut kad pengenalan.	Semua
4	No KP	Text	Isi nombor kad pengenalan dengan tanda sengkang. Jika Perhebat, masukan nombor kad pengenalan tentera/polis.	Semua
5	No Matrik	Text	Isi nombor matrik lulusan/ bukan lulusan	Semua
6	Agama	Text	Isi maklumat mengikut pilihan yang telah ditetapkan	Semua
7	Jantina	Text	Isi maklumat mengikut pilihan yang telah ditetapkan	Semua
8	Kaum Utama	Text	Isi maklumat mengikut pilihan yang telah ditetapkan. Pilih "LAIN-LAIN" jika tidak berkenaan.	Semua
9	Kaum Lain	Text	Isi maklumat mengikut pilihan yang telah ditetapkan. Pilih "TIDAK BERKAITAN" jika tidak berkenaan.	Semua
10	OKU	Text	Isi maklumat mengikut pilihan yang telah ditetapkan. Pilih "TIDAK BERKAITAN" jika tidak berkenaan.	Semua
11	Program	Text	Isi maklumat mengikut pilihan yang telah ditetapkan	Semua
12	HPNM	Number	Isi nilai HPNM sehingga 2 titik perpuluhan sahaja. Tidak dibenarkan guna fungsi <i>Increase/Decrease Decimal</i> .	Semua
13	No Tel	Text	Isi satu nombor telefon yang aktif sahaja.	Semua
14	Sesi Entri	Text	Isi sesi pengambilan pertama bagi program yang berjaya ditamatkan.	Semua
15	Bahasa Melayu	Text	Isi gred yang diperolehi dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)	Semua
16	Sejarah	Text	Isi gred yang diperolehi dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)	Semua
17	Matematik	Text	Isi gred yang diperolehi dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)	Semua
18	Bahasa Inggeris	Text	Isi gred yang diperolehi dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)	Semua
19	Gred Subjek Kredit	Text	Isi gred (mana yang tertinggi) bagi subjek selain Bahasa Melayu, Sejarah, Matematik dan Bahasa Inggeris dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).	3
20	Subjek Kredit	Text	Isi subjek yang berkaitan dengan perkara 19 di atas.	3
21	Syarat Khas Diploma	Text	Isi nama program sijil yang diikuti bagi lulusan kolej komuniti atau isi "PENUHI SYARAT MASUK SPM" bagi bukan lulusan kolej komuniti.	6
22	Gagal HPNM	Text	Isi "YA" jika berkaitan. Biarkan kosong jika tidak berkaitan.	7
23	Gagal Latihan Industri	Text	Isi "YA" jika berkaitan. Biarkan kosong jika tidak berkaitan.	8
24	Sesi Gagal LI	Text	Isi sesi Latihan Industri yang berstatus Gagal.	8

Rajah 1: Panduan Mengisi Borang Pengumpulan Data dan Semakan Lulusan (BPDSL)

RASIONAL MEMBANGUNKAN INOVASI

Borang Pengumpulan Data dan Semakan Lulusan (BPDSL) mengandungi 24 item yang perlu disemak (rujuk Rajah 1). Oleh hal yang demikian, Pegawai Peperiksaan perlu memastikan semua item yang diisi perlu betul dan tepat. Dengan adanya inovasi ini, Pegawai Peperiksaan dapat mengelakkan menghantar data lulusan yang salah dan tidak tepat. Had limit mukasurat bagi e-book ini adalah 4 hingga 5 mukasurat.

KAEDAH PERLAKSANAAN INOVASI

Bagi memastikan tiada berlakunya kesalahan sebelum Bengkel Semakan Data Lulusan diadakan, saya menyediakan dan mengedarkan Borang *Zero Mistake* kepada Penyelaras Peperiksaan. Berikut merupakan tatacara kaedah yang digunakan bagi memastikan tiada kesalahan data berlaku.

Bil	Tanggungjawab	Proses Kerja
1	Pegawai dan Penyelaras Peperiksaan	Memasukan data Lulusan ke dalam format laporan lulusan
2	Penyelaras Peperiksaan 1	Membuat semakan pertama
3	Penyelaras Peperiksaan 1	Mengisi Borang <i>Zero Mistake</i>
4	Pegawai Peperiksaan	Menerima Borang <i>Zero Mistake</i> – semakan pertama
5	Pegawai Peperiksaan	Membetulkan kesalahan berdasarkan semakan pertama
6	Penyelaras Peperiksaan 2	Membuat semakan kedua
7	Penyelaras Peperiksaan 2	Mengisi Borang <i>Zero Mistake</i>
8	Pegawai Peperiksaan	Menerima Borang <i>Zero Mistake</i> – semakan kedua
9	Pegawai Peperiksaan	Membetulkan kesalahan berdasarkan semakan kedua
10	Pegawai Peperiksaan	Membuat semakan ketiga
11	Pegawai Peperiksaan	Mengisi Borang <i>Zero Mistake</i>
12	Pegawai Peperiksaan	Menerima Borang <i>Zero Mistake</i> – semakan ketiga
13	Pegawai Peperiksaan	Membetulkan kesalahan berdasarkan semakan ketiga

Jadual 1: Tatacara proses kerja

Pegawai Peperiksaan dan Penyelaras Peperiksaan akan memasukan data lulusan ke dalam format laporan lulusan yang diberikan oleh JPPKK. Bagi Kohort 1, KKCP mempunyai 154 orang lulusan yang melibat 6 program iaitu Diploma In Culinary Arts, Sijil Kulinari, Sijil Operasi Perhotelan, Sijil Teknologi Elektrik, Sijil Seni Visual Kreatif dan Sijil Asas Pembuatan Seramik. Kesemua 24 item akan diisi untuk 154 orang lulusan. Kebarangkalian untuk berlaku kesalahan data adalah tinggi sekiranya tiada semakan pertama, kedua dan ketiga dilaksanakan.

Berikut merupakan carta perbatuan bagi pelaksanaan inovasi ini. Sekiranya mana-mana bahagian mempunyai sub-seksyen, tidak perlu dinomborkan:

Bil	Tanggungjawab	Proses Kerja	HARI											
			H1	H2	H3	H4	H5	H6	H7	H8	H9	H10		
1	Pegawai Peperiksaan	Merangka dan menyediakan Borang <i>Zero Mistake</i>	■	■										
2	Pegawai dan Penyelaras Peperiksaan	Memasukan data Lulusan ke dalam format laporan lulusan	■	■	■									
3	Penyelaras Peperiksaan 1	Membuat semakan pertama			■	■								
4	Penyelaras Peperiksaan 1	Mengisi Borang <i>Zero Mistake</i>			■	■								
5	Pegawai Peperiksaan	Membetulkan kesalahan berdasarkan semakan pertama			■	■								
6	Penyelaras Peperiksaan 2	Membuat semakan kedua					■	■						
7	Penyelaras Peperiksaan 2	Mengisi Borang <i>Zero Mistake</i>					■	■						
8	Pegawai Peperiksaan	Menerima Borang <i>Zero Mistake</i> – semakan kedua							■	■				
9	Pegawai Peperiksaan	Membetulkan kesalahan berdasarkan semakan kedua							■	■				
10	Pegawai Peperiksaan	Membuat semakan ketiga							■	■				
11	Pegawai Peperiksaan	Mengisi Borang <i>Zero Mistake</i>							■	■				
12	Pegawai Peperiksaan	Menerima Borang <i>Zero Mistake</i> – semakan ketiga									■	■		
13	Pegawai Peperiksaan	Membetulkan kesalahan berdasarkan semakan ketiga									■	■		

Jadual 2: Carta Perbatuan

PERBEZAAN ANTARA PERKARA / PROSES YANG SEBELUM DENGAN YANG SEKARANG

Inovasi ini dibangunkan bagi memudahkan urusan semakan data sebelum data tersebut dibawa ke Bengkel Semakan Data Lulusan.

Sebelum Inovasi:

1. Pemeriksa menyemak data dan membuat contengan di atas kertas salinan BPDSL
2. Pemeriksa hanya menandakan kesalahan yang ditemui tanpa menyatakan jenis kesalahan
3. Pemeriksa tidak menyatakan bilangan kesalah yang ditemui.
4. Pegawai Peperiksaan boleh terlepas pandang sekiranya warna pen yang digunakan adalah warna hitam

Selepas Inovasi:

1. Pemeriksa dapat mencatatkan bahagian mana yang ada kesalahan dan menyatakan jenis kesalahan yang ada
2. Pemeriksa boleh mencatatkan bilangan kesalahan yang ada



3. Pegawai Peperiksaan boleh melakukan pembetulan data tersebut mengikut catatan pada Borang *Zero Mistake*
4. Keberangskalian untuk berlaku kesalahan dapat dikurangkan sebelum Bengkel Semakan Data Lulusan berlangsung

PERANAN CALON DALAM PENYEDIAAN INOVASI

Calon memainkan peranan sebagai pembangun inovasi dan menggunakan inovasi ini dalam tugas sebagai Pegawai Peperiksaan

IMPAK / KEBERKESANAN ELEMEN KRITERIA KECEMERLANGAN

Impak / keberkesanan daripada inovasi ini kepada Unit Peperiksaan Kolej Komuniti ialah:

1. Memudahkan urusan semakan data oleh Pegawai dan Penyelaras Peperiksaan
2. Laporan yang ditandatangani oleh Pengarah hanya perlu dihantar sekali tanpa sebarang pembetulan
3. Pegawai Peperiksaan boleh menyemak data kolej lain semasa bengkel tanpa perlu risau kesalahan data kolej sendiri.

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

Cadangan penambahbaikan ialah menambah item semakan iaitu semakan HPNM pelajar ke dalam Borang *Zero Mistake* ini. Ini akan dapat menambah impak dan keberkesanan dalam elemen kriteria kecemerlangan.

KECENDERUNGAN PELAJAR DALAM MENENTUKAN BIDANG PENGAJIAN DI KOLEJ KOMUNITI CHENDEROH PERAK BERDASARKAN TEORI HOLLAND

Maz Azleena binti Azahari
Kolej Komuniti Chenderoh
azleena@kkche.edu.my

Khairul Aznam bin Ismail
Kolej Komuniti Chenderoh

ABSTRAK

Faktor kecenderungan pelajar memilih bidang pengajian di Kolej Komuniti adalah disebabkan oleh prestasi institusi pengajian yang dipilih, peluang kerjaya yang ditawarkan selepas tamat pengajian, sokongan daripada pengaruh luar dan faktor intrinsik pada setiap pelajar. Oleh yang demikian, satu Ujian Psikometrik RIASEC telah dijalankan secara dalam talian bagi mengenalpasti kecenderungan pelajar dari segi minat dan pencapaian akademik program yang telah dipilih di Kolej Komuniti Chenderoh, Perak. Ujian personaliti ini adalah rujukan dari Teori Holland yang menggabungkan minat manusia dengan persekitaran kerja semasa. Objektif kajian ini adalah untuk memadamkan minat pelajar dengan program yang ditawarkan, mengenalpasti program pengajian yang layak dipohon dan menyenaraikan program pengajian yang bersesuaian dengan minat dan kelayakan akademik pelajar.

KATA KUNCI : Minat, psikometrik, akademik, kolej komuniti

PENGENALAN

Dalam perancangan dan sasaran yang telah ditetapkan melalui Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) modal insan berkemahiran tinggi adalah perlu dalam memenuhi keperluan pasaran tenaga kerja yang sentiasa berkembang pesat, walaubagaimanapun masih terdapat isu yang berkait dengan sektor keluaran pekerja dan institusi pendidikan yang masih mempunyai kelompangan dan kelemahan seperti kompetensi keluaran tenaga kerja, kualiti pendidikan serta kelemahan tadbir urus sistem pendidikan dilihat sebagai isu yang masih berpanjangan. Bagi memacu perkembangan dan memenuhi permintaan industri dengan lebih efisien, pendidikan berteraskan TVET (Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional) perlu diketengahkan bagi membangunkan bakat tersedia dan dapat memenuhi semua keperluan tenaga kerja yang berbentuk teknikal melalui sistem pendidikan yang tersusun.

Kawalan kualiti dalam ekosistem TVET yang jitu adalah sebagai asas kepada perkembangan institusi, keluaran institusi serta menjadi pemangkin utama kepada kepesatan ekonomi negara. Namun, untuk menjadi domain di dalam mengeluarkan tenaga kerja yang kompeten, isu perdana dan cabaran kepada TVET adalah sangat perlu diberi perhatian dan ditangani, persepsi terhadap TVET ini boleh dinilai dengan enrolmen kemasukan pelajar ke

institusi TVET seperti di Kolej Komuniti seluruh Malaysia bagi tahun 2017 sehingga 2021.

Laporan statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) menunjukkan trend penurunan bagi jumlah keluaran pelajar berbanding jumlah kemasukan ke Kolej Komuniti dalam tempoh 5 tahun yang lepas seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1 : Enrolmen dan keluaran pelajar Kolej Komuniti Malaysia 2017-2021

Tahun	Kemasukan	Enrolmen	Keluaran	Peratusan Bergraduat
2017	13,185	20,921	10,433	81.2%
2018	12,376	26,069	11,150	97.4%
2019	9,539	26,118	6,928	52.5%
2020	5,399	16,152	7,037	56.9%
2021	8,729	15,578	8,068	84.6%

Walau bagaimanapun, bilangan kemasukan pelajar lepasan SPM dan STPM ke Kolej Komuniti yang rendah bagi tiga tahun kebelakang turut menjadi faktor terhadap penurunan jumlah keluaran pelajar. Kemasukan pelajar ke Kolej Komuniti Malaysia adalah pada Sesi Februari dan Ogos, iaitu 2 kali setiap tahun. UPU adalah platform permohonan secara atas talian dan borang fizikal bagi permohonan secara terus. Dengan itu, satu kajian perlu dijalankan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mendorong individu melanjutkan pelajaran ke peringkat sijil dan diploma di Kolej Komuniti Chenderoh Perak (KKCP).

KAJIAN LATAR BELAKANG

Penawaran untuk melanjutkan pengajian di Kolej Komuniti banyak dipengaruhi oleh faktor luaran dan dalaman. Faktor luaran seperti penawaran daripada institut pengajian yang berprestij, bidang pengajian yang popular dan peluang kerjaya yang cerah manakala faktor dalaman seperti minat, pengaruh rakan sebaya dan pilihan ibu bapa antara faktor yang menjadi pilihan pelajar untuk meneruskan pengajian.

Faktor institusi pengajian

Sebagai sebuah institusi TVET di Malaysia, Kolej Komuniti telah menempa nama sebagai institusi pengajian tinggi berteraskan TVET di peringkat sijil dan diploma. Kecemerlangan sesebuah Kolej Komuniti terletak pada penyertaan pelajar dan staf dalam pelbagai program dan pertandingan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Peranan media sosial dan media massa dapat membantu meningkatkan kesedaran dalam menyampaikan maklumat dan mempromosikan program yang ditawarkan sekaligus menaikkan nama dan reputasi Kolej Komuniti. Selain itu, lokasi, kemudahan pembelajaran, kos pengajian dan bantuan kewangan turut mempengaruhi pelajar dalam membuat keputusan untuk memilih bidang pengajian di Kolej Komuniti (Sia, 2010).

Faktor peluang kerjaya

Laluan kerjaya merupakan satu proses pemilihan oleh pelajar dalam menentukan hala tuju pada masa hadapan. Faktor seperti bidang pengkhususan, pencapaian akademik, keadaan ekonomi dan sosial semasa memainkan peranan dalam membuat pilihan oleh pelajar (Saleh & Rosli, 2019). Hal ini dapat dilihat daripada pandangan masyarakat yang lebih tertumpu kepada bidang pengajian yang mempunyai peluang pekerjaan samada dalam sektor awam, swasta atau keusahawanan. Program pengajian yang ditawarkan oleh Kolej Komuniti telah mendapat pengiktirafan daripada badan akreditasi seperti Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan sekali gus mempunyai jaminan kebolehpasaran yang tinggi.

Faktor intrinsik

Minat, kepercayaan dan kebolehan diri yang terhasil daripada pengalaman pembelajaran semasa di sekolah menengah juga antara faktor kecenderungan pelajar menentukan bidang pengajian di Kolej Komuniti. Pengalaman pembelajaran melalui pemerhatian, pengalaman sosial, pembelajaran formal dan tidak formal telah memberikan ruang kepada pelajar untuk mengembangkan bakat dan minat untuk berjaya dalam pengajian. Kepercayaan dan kebolehan diri pelajar telah memberikan impak besar dalam mencapai matlamat yang diinginkan melalui cara pemikiran dan motivasi untuk berjaya. Pelajar yang menunjukkan minat yang tinggi akan merancang kaedah pelaksanaan, berusaha untuk mencapai matlamat dan mempunyai daya tahan yang tinggi dalam menghadapi cabaran dan halangan sepanjang mengikuti sesi pengajian (Harun et al., 2021).

Faktor pengaruh luar

Menurut Awang et al (2012), pilihan daripada ibu bapa, ahli keluarga dan rakan sebaya mempengaruhi pelajar untuk menyambung pengajian di institut pengajian tinggi. Kenyataan ini turut disokong melalui kajian oleh Sia (2010) di mana pengaruh daripada ahli keluarga dan rakan sebaya merupakan pengaruh luar dalam mempertimbangkan pemilihan bidang pengajian oleh pelajar.

Teori Holland

Teori pemilihan bidang vokasional yang dibangunkan oleh John L. Holland merupakan satu kajian dan teori gunaan yang digunakan secara meluas yang berkaitan dengan pembangunan kerjaya. Teori ini berlandaskan personaliti individu dalam membuat pemilihan kerjaya berdasarkan psikologi personaliti, tingkah laku vokasional, dan psikologi sosial. Teori ini melibatkan penilaian individu berdasarkan dua atau tiga jenis personaliti yang menonjol dan membuat padanan terhadap aspek persekitaran pada potensi kerjaya. Teori ini dapat meramal tahap kesesuaian individu berdasarkan kepuasan, ketekunan dan pencapaian dalam kerjaya yang dipilih. Bagi kajian ini, instrumen RIASEC bagi Teori Holland telah dipilih bagi menilai tahap kepuasan dan kesesuaian bidang pengajian yang dipilih berdasarkan ciri individu pelajar. Penerangan mengenai jenis personaliti adalah seperti yang diterangkan dalam Jadual 2.

Jadual 2 : Faktor pemilihan pelajar menyambung pengajian di Kolej Komuniti Chenderoh

BIL	PERSONALITI	PENERANGAN
1.	R (Realistic)	Cenderung terhadap persekitaran yang terbuka, mahir dalam bidang kejurulatihan dan teknikal. Berminat dengan kerja bersama objek fizikal seperti mesin dan peralatan, tumbuhan dan haiwan.
2.	I (Investigative)	Lebih tertumpu kepada penyediaan dan pengumpulan data dapatan seperti membuat pemerhatian, menyelidik, mempelajari, menganalisa membuat penilaian dan penyelesaian masalah melalui penyelidikan. Mahir dengan saintifik dan matematik serta lebih memilih kerjaya dalam bidang teknikal.
3.	A (Artistic)	Kebolehan dalam bidang seni, pemikiran kreatif dan inovasi dan imaginasi tinggi dalam melakukan sesuatu. Kurang berminat dengan kerjaya yang berstruktur, bebas dan tidak berminat dengan rutin kerja yang berulang.
4.	S (Social)	Mempunyai daya komunikasi yang tinggi dan mempunyai matlamat dalam setiap pertuturan serta interaksi bersama orang sekeliling adalah keutamaan, suka kepada prinsip membantu seperti melatih, mengubati, menolong, memberitahu dengan fokus utama bagi menjalankan kerja kebajikan untuk masyarakat.
5.	E (Enterprising)	Lebih kepada interaksi dan komunikasi yang mampu mempengaruhi, mengarah dan mempunyai sifat kepimpinan yang baik serta mampu untuk menguruskan individu lain. Amat berminat dengan interaksi bersama orang lain dan masyarakat. Hubungan lebih tertumpu kepada keuntungan organisasi dan ekonomi.
6.	C (Conventional)	Fokus terhadap arahan, akur dan sangat terperinci. Berkemahiran dengan penggunaan data dan nombor, mahir dalam bidang berkaitan pengkeranian dan suka dengan kerja yang melibatkan data.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang dilaksanakan adalah bercirikan kuantitatif di mana menilai minat dan kelayakan akademik pelajar terhadap bidang pengajian yang dipilih. Populasi kajian ini adalah dikalangan pelajar semester 1 di Kolej Komuniti Chenderoh (KKCP) bagi Sesi II 2021/2022. Pemilihan populasi kajian ini adalah untuk mewakili jumlah enrolmen pelajar bagi empat bidang pengajian, iaitu *Diploma in Culinary Arts* (DCA), Sijil Kulinari (SKU), Sijil Operasi Perhotelan (SOP) dan Sijil Teknologi Elektrik (SKE). Jumlah keseluruhan sampel adalah seramai 40 orang. Kajian ini dijalankan melalui borang soal selidik yang disediakan bagi mendapatkan maklumbalas responden. Soal selidik ini disediakan dalam Bahasa Malaysia. Terdapat dua bahagian pada soal selidik ini; Seksyen A dan B. Seksyen A adalah berkaitan dengan maklumat demografi responden manakala

Seksyen B pula mengandungi soalan berkaitan dengan minat. Soalan ini dibangunkan berdasarkan teori Holland yang menilai personaliti pelajar berdasarkan minat dengan persekitaran kerja.

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan kepada statistik yang diperolehi dari borang soal selidik yang telah ditadbir kepada 40 orang pelajar, terdapat 95% kecenderungan pelajar memilih bidang pengajian adalah berdasarkan faktor intrinsik dan 62.5% adalah disebabkan oleh peluang kerjaya yang cerah. Faktor pengaruh luar turut menyumbang 45% manakala faktor bidang pengajian yang sesuai adalah sebanyak 10%. Jadual 3 menunjukkan statistik faktor pemilihan pelajar untuk menyambung pengajian di Kolej Komuniti.

Jadual 3 : Faktor pemilihan pelajar menyambung pengajian di Kolej Komuniti Chenderoh

BIL	FAKTOR	PERATUSAN (%)
1.	Intrinsik	45
2.	Pengaruh luar	20
3.	Peluang kerjaya yang cerah	30
4.	Bidang pengajian yang bersesuaian	5


Berdasarkan Jadual 4, bagi faktor intrinsik, minat merupakan alasan tertinggi yang diberikan oleh pelajar dalam menyambung pelajaran di Kolej Komuniti Chenderoh, iaitu sebanyak 44% manakala alasan terpaksa hanya menyumbang 1%. Bagi faktor pengaruh luar, 11% alasan pelajar adalah harapan daripada ibu bapa, diikuti dengan 8% pilihan ibu bapa dan 1% pilihan rakan-rakan.

Jadual 4 : Alasan pelajar menyambung pengajian dalam bidang yang ditawarkan

BIL	ALASAN	PERATUSAN (%)
1.	Minat	44
2.	Terpaksa	1
3.	Pilihan ibu bapa	8
4.	Pilihan rakan-rakan	1
5.	Harapan daripada ibu bapa	11

Dapatan daripada Ujian Psikometrik Holland menunjukkan terdapat beberapa personaliti yang menonjol berdasarkan maklum balas daripada pelajar-pelajar berdasarkan bidang pengajian yang dipilih. Rajah 5 menunjukkan taburan kekerapan yang telah dianalisis berdasarkan personaliti RIASEC. Hasil ujian ini mendapati pelajar-pelajar bagi program *Diploma in Culinary Arts* dan Sijil Kulinari menunjukkan kekerapan yang tinggi bagi kod personaliti R dan S. Ini bertepatan dengan cadangan personaliti Ujian RIASEC dan membuktikan minat pelajar ini sangat menonjol terhadap perkhidmatan makanan dan kulinari.

Namun begitu, didapati pelajar-pelajar bagi program Sijil Teknologi Elektrik menunjukkan kekerapan yang tinggi bagi kod personaliti S dan C sedangkan Ujian RIASEC mencadangkan personaliti bagi bidang kejuruteraan adalah pada kod R dan I. Ini mungkin disebabkan bilangan sampel bagi program Sijil Teknologi Elektrik adalah sedikit dan tidak mewakili keseluruhan minat pelajar dalam bidang kejuruteraan.



Rajah 5 : Taburan kekerapan personaliti RIASEC berdasarkan Ujian Psikometrik Holland

KESIMPULAN

Hasil daripada kajian ini menunjukkan kecenderungan pelajar memilih bidang pengajian di Kolej Komuniti Chenderoh Perak adalah disebabkan oleh minat dan peluang kerjaya yang cerah setelah tamat pengajian. Hal ini turut dibuktikan melalui dapatan analisis Ujian RIASEC bagi tiga program pengajian yang dinilai, iaitu *Diploma in Culinary Arts*, Sijil Kulinari dan Sijil Teknologi Elektrik. Walau bagaimanapun, ujian ini perlu ditadbir secara berkala pada setiap semester bagi mendapatkan maklum balas pelajar terhadap pengetahuan, kemahiran dan pengalaman yang diperolehi setelah melalui 14 minggu sesi pengajian dan pembelajaran. Dapatan kajian ini adalah gambaran bagi tren pemilihan bidang pengkhususan oleh pelajar dan diharapkan dapat membantu meningkatkan jumlah kemasukan pelajar ke Kolej Komuniti Chenderoh Perak dan menghasilkan graduan TVET yang berkualiti dan mampan bagi memenuhi keperluan tenaga kerja separa mahir selaras sasaran pertumbuhan RMK-12.

RUJUKAN

- Sia, J.K.M. (2010). Institutional factors influencing students' college choice decision in Malaysia: A conceptual framework. *International Journal of Business and Social Science*, 1 (3), 53-58. Retrieved from http://www.ijbssnet.com/journals/Vol._1_No._3_December_2010/6.pdf
- Saleh, N. S., & Rosli, M. S. (2021). Kepentingan Pembelajaran Abad ke 21 Terhadap Potensi Kebolehpasaran Modal Insan (The Importance of 21st Century Learning on Human Capital Market Potential). *Innovative Teaching and Learning Journal*, 2(2). Retrieved from <https://itlj.utm.my/index.php/itlj/article/view/22>
- Awang, H. A., Ramli, Z., & Ibrahim, I. (2012). Faktor tarikan pelajar siswazah antarabangsa ke universiti penyelidikan di Malaysia. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 8 (6), 32-41. Retrieved from <http://journalarticle.ukm.my/5598/1/4.geografia-sept%25202012-abd%2520hair-si-ppspp-ed%2520kat1.pdf>
- Harun, S., Rahman, M. B. A., & Rahman, R. A. (2021). Factors influencing career adaptability and vocational employability towards career choice among bakery and pastry students. *Advanced Journal of Technical and Vocational Education*, 5(1): 01-08. Retrieved from https://www.researchgate.net/profile/Reezlin-Rahman/publication/356190112_Pulai_Pinang_11800_MALAYSIA_Advanced_Journal_of_Technical_and_Vocational_Education/links/6190603a61f098772093c477/Pulai_Pinang-11800-MALAYSIA-Advanced-Journal-of-Technical-and-Vocational-Education.pdf
- IResearchNet. (n.d.). *Holland's Theory of Vocational Choice - Career Development - IResearchNet*. Retrieved from [career.iresearchnet.com: https://career.iresearchnet.com/career-information/hollands-theory-of-vocational-choice/](https://career.iresearchnet.com/career-information/hollands-theory-of-vocational-choice/)
- Abu Bakar, N., & Quah, W. (n.d.). *FAKTOR PENDORONG DAN STRATEGI PROMOSI UNTUK PENGAMBILAN PELAJAR DI KOLEJ KOMUNITI SANDAKAN (KKSK)*. Retrieved from [www.academia.edu: https://www.academia.edu/36759539/FAKTOR_PENDORONG_DAN_STRATEGI_PROMOSI_UNTUK_PENGAMBILAN_PELAJAR_DI_KOLEJ_KOMUNITI_SANDAKAN_KKSK](https://www.academia.edu/36759539/FAKTOR_PENDORONG_DAN_STRATEGI_PROMOSI_UNTUK_PENGAMBILAN_PELAJAR_DI_KOLEJ_KOMUNITI_SANDAKAN_KKSK)

PENDIDIKAN JIWA DARI PERSPEKTIF AL-QURAN DAN SUNNAH

Mohd Rashidi bin Omar
Kolej Komuniti Chenderoh
mohd.rashidi@kkche.edu.my

Mohd Zaid bin Ismail
Politeknik Sultan Azlan Shah Behrang

Siti Nasuha binti Singki
Universiti Malaysia Sarawak

ABSTRAK

Al-Quran mengulangi perkataan jiwa atau nafs serta seumpamanya sebanyak 303 kali. Hal ini menandakan betapa pentingnya jiwa ini dipelihara dan dibersihkan daripada perkara yang merosakkannya. Proses mendidik jiwa dan menyucikannya bukanlah satu proses yang mudah kerana jiwa senantiasa terdorong ke arah nafsu syahwat dan keseronokan dunia. Oleh itu, usaha yang maksimum diperlukan dan diiringi dengan ilmu syariat yang mencukupi dalam memandu jiwa yang bersih lagi suci. Metodologi kajian adalah analisis dokumen melalui penulisan ilmiah seperti buku, jurnal, kertas persidangan dan lain-lain. Dalam penulisan ini dijelaskan sifat-sifat jiwa (nafs) di dalam al-Quran iaitu nafsu muthmainnah, ammarah, lawwamah, mulhimah, radhiyah, mardhiyyah dan kamilah. Terdapat tiga peringkat mendidik jiwa iaitu takhalli, tahalli dan tajalli dan kaedah mendidik jiwa yang dinyatakan di al-Quran antaranya takut kepada Allah SWT, sabar, menjaga dari sifat kikir dan bakhil, memelihara anggota tubuh, memelihara ukhuwah persaudaraan dan doa. Hakikatnya terdapat pelbagai kaedah mendidik jiwa yang dijelaskan di dalam al-Quran dan sunnah yang boleh diamalkan guna menyucikan jiwa daripada sifat-sifat mazmumah.

KATA KUNCI: *Pendidikan jiwa, al-Quran dan sunnah.*

PENGENALAN

Kecenderungan jiwa yang sentiasa terdorong ke arah nafsu syahwat dan keseronokan dunia merupakan antara cabaran yang bukan mudah dalam proses mendidik jiwa dan menyucikannya. Oleh itu, usaha yang maksimum diperlukan dan diiringi dengan ilmu syariat yang mencukupi dalam memandu jiwa yang bersih lagi suci.

Al-Quran menyebut dan mengulangi perkataan *nafs* dan seumpamanya sebanyak 303 kali (M.Priyatna, 2014). *Nafs* yang mengandungi makna jiwa di sebut dalam al-Quran sebagai *ruh*, *fitrah*, *qalb*, *fuad*, *aql* dan *bashirah* dan sebagai *Di* dalam al-Quran dan sunnah banyak dijelaskan perihal sifat-sifat jiwa dan kaedah mendidik jiwa. Hal ini menandakan betapa pentingnya jiwa ini dipelihara dan disucikan daripada perkara yang merosakkannya.

Imam al-Ghazali dan Ibn Qayyim menyebut kesihatan jiwa haruslah dipelihara dengan memberikan keseimbangan antara tuntutan jasad, jiwa dan ruh. Imam Ghazali telah membahagikan dorongan, motivasi dan motif jiwa kepada dua bahagian iaitu kecenderungan kepada dorongan *hawa* bermaksud kecenderungan kepada perihal dunia dan kecenderungan *huda* atau hidayah bermaksud kecenderungan kepada perihal agama (Morsi, 1988). Kedua-duanya diperlukan oleh manusia bagi melengkapkan asal tujuan penciptaan manusia di atas muka bumi. Tuntutan dunia dan akhirat haruslah bergerak seimbang bagi memenuhi kedua tuntutan tersebut agar bertemu jalan yang diredhai Allah swt.

SIFAT-SIFAT JIWA DI DALAM AL-QURAN

Jiwa mempunyai pelbagai jenis sifat seperti yang dijelaskan oleh Allah SWT. Menurut Shamsul Mohd Nor, (2021), terdapat tujuh sifat utama jiwa yang dijelaskan dalam al-Quran dan sunnah iaitu Nafsu *Muthmainnah*, :

Nafsu *Muthmainnah*

Nafsu *Muthmainnah* iaitu nafsu yang tenang dan mendapat rahmat Allah SWT. Firman Allah SWT dalam surah al Fajr ayat 27 hingga 30 yang maksudnya :

“Wahai jiwa yang tenang. Kembalilah kepada Tuhanmu dengan hati yang puas lagi diredai-Nya. Maka masuklah ke dalam jemaah hamba-hamba-Ku, masuklah ke dalam syurga-Ku.”

Jiwa dan hati insan yang memiliki nafsu ini tetap tenang, walaupun ditimpa musibah. Mereka ini mendapat jaminan Allah dan terlepas daripada azab Allah di akhirat. Antara tanda-tanda mereka yang memiliki nafsu *Muthmainnah* ialah :

- a. Murah hati dan suka bersedekah.
- b. Hatinya sentiasa bertawakal kepada Allah SWT.
- c. Sentiasa bersyukur kepada Allah SWT.
- d. Redha dengan ketentuan Allah SWT.
- e. Sentiasa tenang dengan apa sahaja keadaan yang mendatang.
- f. Memiliki sifat takwa yang sebenar.
- g. Sentiasa merasai kehebatan dan keagungan Allah SWT.
- h. Kuat beribadah.

Nafsu *Amarah*

Nafsu *Amarah* ialah nafsu yang suka mendorong kepada kejahatan. Nafsu ini adalah nafsu yang paling rendah dan sehinahina nafsu. Firman Allah SWT dalam surah Yusuf ayat 53 yang bermaksud:

“Dan Aku tidak membebaskan diriku (dari kesalahan), sesungguhnya nafsu manusia itu sangat menyuruh melakukan kejahatan, kecuali orang-orang yang telah diberi rahmat oleh Tuhanku (maka terselamatlah ia dari hasutan nafsu itu). Sesungguhnya Tuhanku Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”

Antara tanda mereka yang memiliki nafsu *amarah* ini ialah :

- a. Sentiasa berbuat kejahatan.
- b. Tidak berasa sedih dan menyesal atas perbuatannya yang jahat. Malah berasa gembira dan seronok.
- c. Terlalu gembira mendapat nikmat dan berputus asa apabila ditimpa bala dan kesusahan.
- d. Sifat-sifat keji yang muncul daripada benih nafsu *amarah* ini ialah bakhil, tamak, cinta dunia, panjang angan-angan, sukakan kemegahan, ingin terkenal dan masyhur, hasad dengki, dendam, khianat, niat jahat dan lalai dengan Allah SWT.

Nafsu *Lawwamah*

Nafsu *Lawwamah* ialah nafsu yang selalu mengkritik dirinya sendiri atau mencela diri apabila berlaku sesuatu maksiat dan dosa ke atas dirinya.

Nafsu ini tinggi sedikit daripada nafsu *Amarah*. Namun, nafsu ini masih di taraf rendah dan hina. Cuma ia mudah ditegur dan hatinya mudah terdorong melakukan ibadah dan kebaikan, nafsunya masih belum dapat ditundukkan.

Firman Allah SWT dalam surah al-Qiamah ayat 2 yang bermaksud :

“Dan Aku bersumpah dengan jiwa yang amat menyesali (dirinya sendiri).”

Antara sifat-sifat pemilik nafsu *lawwamah* ini ialah :

- a. Mencela kesalahan dirinya.
- b. Selalu berfikir mengenang dosanya.
- c. Rasa takut apabila bersalah.
- d. Mencela apa jua yang dikatakan kejahatan.
- e. Mudah berasa riyak dengan apa yang dibuat.
- f. Mudah berasa megah dengan apa yang dibuat.
- g. Selalu terjebak dengan dosa.

Nafsu *Mulhimah*

Nafsu *Mulhimah* ini menerima latihan penyucian hati (*mujahadatun nafs*) setelah bersungguh-sungguh di peringkat nafsu *lawwamah*. Hatinya akan sentiasa terdorong melakukan kebaikan dan terhindar daripada melakukan dosa dan maksiat. Di peringkat ini Allah SWT dan para malaikat sentiasa mengilhamkan kebaikan kepada pemilik nafsu ini.

Firman Allah SWT dalam surah as-Syam ayat 7 hingga 10 :Maksudnya :

“Dan jiwa serta penyempurnaannya (ciptaannya), Maka Allah mengilhamkan kepada jiwa itu (jalan) kefasikan dan ketakwaannya. Sesungguhnya beruntunglah orang yang mensucikan jiwa itu, Dan Sesungguhnya merugilah orang yang mengotorinya.

Antara ciri-ciri orang memiliki *nafsu mulhimah* ini ialah:

- a. Tidak sayangkan dunia.
- b. Berasa cukup dengan Allah SWT.

- c. Merendahkan diri.
- d. Sabar dengan ujian Allah SWT.
- e. Sentiasa bertaubat dengan sebenar-benar taubat.
- f. Mula mendapat ilham dan ilmu laduni.
- g. Tahan menanggung kesusahan.
- h. Mengasihi sekalian makhluk.
- i. Tidak terlibat dengan dosa-dosa besar.

Nafsu *Radhiyah*

Nafsu *Radhiyah* adalah orang yang memiliki semua sifat *mahmudah* (sifat yang terpuji) dan kuat hubungan hatinya dengan Allah SWT. Mereka dipimpin oleh Allah SWT dan memiliki pandangan hati yang tajam yang dikenali firasat.

Sabda Rasulullah SAW :

“Takuti firasat orang mukmin kerana mereka memandang dengan Nur Allah”
(Riwayat ath-Tabrani dan at-Tirmizi)

Sifat-sifat yang timbul daripada Nafsu *Radhiyah* ialah:

- a. Zuhud
- b. Ikhlas
- c. Warak
- d. Meninggalkan perkara umum yang tidak layak buat mereka.
- e. Memelihara hukum hakam Allah SWT.

Nafsu *Mardhiyyah*

Nafsu *Mardhiyyah* ialah nafsu yang diredai oleh Allah SWT. Martabatnya lebih tinggi daripada Nafsu *Muthmainnah*. Mereka yang sampai ke peringkat nafsu ini akan lebih tenang dan jiwa mereka telah sehati dengan mengingati Allah SWT. Segala tingkah laku dan gerak geri dalam peringkat nafsu ini mendapat bimbingan dan diredai oleh Allah SWT.

Allah berfirman dalam hadis qudsi :

Dari Abu Hurairah RA, dia berkata: Rasulullah SAW bersabda: *“Sesungguhnya Allah berfirman: “Barangsiapa yang memusuhi wali-Ku, maka Aku menyatakan perang kepadanya. Tidaklah seorang hambaKu mendekati diri kepada-Ku dengan sesuatu yang lebih Aku cintai daripada hal-hal yang telah Aku wajibkan baginya. Senantiasa hamba-Ku mendekati diri kepada-Ku dengan amalan-amalan nafilah (sunnah) hingga Aku mencintainya. Apabila Aku telah mencintainya maka Aku menjadi pendengarannya yang dia gunakan untuk mendengar, Aku menjadi penglihatannya yang dia gunakan untuk melihat, Aku menjadi tangannya yang dia gunakan untuk memegang dan Aku menjadi kakinya yang dia gunakan untuk melangkah. Jika dia meminta kepada-Ku pasti Aku memberinya dan jika dia meminta perlindungan kepada-Ku pasti Aku akan melindunginya.”*

(Bukhari).

Mereka yang mencapai tingkatan nafsu ini digelar wali Allah. Antara sifat-sifat bagi pemilik nafsu ini ialah :

- a. Budi dan akhlaknya tinggi seperti akhlak-akhlak nabi-nabi.
- b. Sentiasa berzikir mengingati Allah SWT.
- c. Memiliki segala sifat kepujian.
- d. Sentiasa mendapat pimpinan Allah SWT.
- e. Bersahabat dengan mereka yang di alam tinggi seperti wali-wali dan nabi-nabi.
- f. Lahir pelbagai jenis karamah dan kurniaan daripada Allah SWT.

Nafsu Kamilah

Nafsu *Kamilah* ialah segala perbuatan dan perlakuannya benar-benar mengikut garis keredaan Allah SWT dan mereka tidak pernah terdorong oleh hasutan nafsu dan syaitan kepada kejahatan. Mereka yang berada pada peringkat ini di tingkat kesucian yang paling tinggi. Segala perbuatan dan perlakuannya benar-benar mengikut garis keredhaan Allah SWT. Hanya para rasul, nabi-nabi dan wali-wali sahaja yang sampai ke taraf Nafsu Kamilah ini.

MENDIDIK JIWA BERPANDUKAN AL-QURAN DAN SUNNAH

Pendidikan jiwa yang akan dihuraikan ini adalah hasil intipati daripada ayat al-Quran dan as-sunnah. Hal ini adalah diperkuatkan berdasarkan hadis Nabi Muhammad SAW yang berikut:

“Sesungguhnya dalam tubuh manusia ada segumpal darah, yang jika ia baik maka baiklah seluruh tubuh, dan jika ia rusak maka rusaklah seluruh tubuh, tiada lain ia adalah hati.” (Hadis Bukhari)

Di antara kaedah mendidik jiwa dijelaskan di dalam al-Quran dan sunnah:

Takut kepada Allah SWT

Khauf atau takut kepada Allah SWT itu sangat dituntut dan merupakan satu sifat yang terpuji dalam menghambakan diri kepada Allah SWT. Takut ini adalah rasa pedih yang menikam hati dan seperti terbakar disebabkan tibanya satu perkara yang tidak diingini atau dibenci. Rasa itulah yang dikatakan takut. Takut kepada Allah adalah pencegah yang kuat terhadap dorongan-dorongan hawa nafsu yang ganas. Sepertimana firman Allah SWT dalam surah an-Naaziat ayat 40 hingga 41 yang bermaksud:

“Dan adapun orang-orang yang takut kepada kebesaran Tuhannya dan menahan diri dari keinginan hawa nafsunya, Maka sesungguhnya syurgalah tempat tinggal(nya).”

Sabar

Sabar adalah menahan diri daripada segala sesuatu yang tidak dibenarkan syarak. Imam al-Ghazali menyatakan sabar itu adalah menahan diri daripada sesuatu yang diingini oleh nafsu.

Allah SWT telah menggambarkan kemuliaan dan kebajikan orang yang bersabar seperti dalam firman Allah SWT dalam surah as- Sajdah ayat 32 yang bermaksud:

“Dan Kami jadikan dari kalangan mereka beberapa pemimpin, yang membimbing kaum masing-masing kepada hukum agama Kami, selama mereka bersikap sabar (dalam menjalankan tugas itu) serta mereka tetap yakin akan ayat-ayat keterangan Kami.”

Menjaga dari sifat kikir dan bakhil.

Kikir dan bakhil adalah sifat yang mazmumah (yang sangat tercela). Firman Allah SWT di dalam al-Quran, surah al-Hasyr ayat ke 9 yang bermaksud :

“Dan orang-orang (Ansar) yang mendiami negeri (Madinah) serta beriman sebelum mereka, mengasihi orang-orang yang berhijrah ke negeri mereka, dan tidak ada pula dalam hati mereka perasaan berhajatkan apa yang telah diberi kepada orang-orang yang berhijrah itu; dan mereka juga mengutamakan orang-orang yang berhijrah itu lebih daripada diri mereka sendiri, sekalipun mereka dalam keadaan kekurangan dan amat berhajat. Dan (ingatlah), sesiapa yang menjaga serta memelihara dirinya daripada dipengaruhi oleh tabiat bakhilnya, maka merekalah orang-orang yang berjaya.”

Cara mengubati sifat kikir adalah dengan melatih diri agar sentiasa pemurah dan banyak bersedekah. Walaupun pada permulaan terasa berat, apabila sudah terbiasa ianya akan menjadi ringan.

Menjaga anggota tubuh

Membersihkan segala anggota yang zahir daripada segala perbuatan yang keji supaya ianya dapat membersihkan hati daripada segala sifat kecelaan. Terdapat tujuh anggota zahir yang wajib dipelihara iaitu mata, telinga, lidah, perut, faraj, dua tangan dan dua kaki.

Firman Allah SWT dalam surah Fussilat ayat 22 :

Maksudnya : “Dan semasa kamu berselindung (ketika melakukan dosa di dunia dahulu) bukanlah kerana kamu bimbangkan pendengaran dan penglihatan serta kulit-kulit badan kamu menjadi saksi terhadap perbuatan-perbuatan kamu yang berdosa itu, akan tetapi kerana kamu menyangka bahawa Allah tidak mengetahui kebanyakan dosa yang kamu lakukan (secara bersembunyi itu).”

Memelihara Ukhuwah Persaudaraan

Imam Hassan al-Banna dalam Himpunan Risalah Imam Hassan al Banna menyatakan ukhuwah atau persaudaraan dalam Islam bererti hati dan jiwa yang terikat dengan ikatan akidah. Akidah adalah ikatan paling bernilai dan kukuh, ukhuwah adalah saudara iman, perpecahan adalah saudara kufur. Kekuatan yang paling utama adalah kekuatan kesatuan. Tiada kesatuan tanpa kasih sayang. Serendah-rendah kasih sayang adalah berlapang dada, manakala yang paling tinggi adalah *ithar*. Menjalini, membina dan menjaga persaudaraan atau ukhuwah termasuk metode utama dalam mendidik jiwa. Firman Allah SWT dalam surah *al-Hasyr* ayat 9:

Maksudnya : *“Dan orang-orang (Ansar) yang mendiami negeri (Madinah) serta beriman sebelum mereka, mengasihi orang-orang yang berhijrah ke negeri mereka, dan tidak ada pula dalam hati*

mereka perasaan berhajatkan apa yang telah diberi kepada orang-orang yang berhijrah itu; dan mereka juga mengutamakan orang-orang yang berhijrah itu lebih daripada diri mereka sendiri, sekalipun mereka dalam keadaan kekurangan dan amat berhajat. Dan (ingatlah), sesiapa yang menjaga serta memelihara dirinya daripada dipengaruhi oleh tabiat bakhilnya, maka merekalah orang-orang yang berjaya.“

Dalam hadis Nabi Muhammad juga menegaskan tentang kepentingan memelihara ukhuwah

Maksudnya : *“Perumpamaan kaum mukmin dalam saling mencintai, mengasihi dan menyayangi, seumpama tubuh, jika satu anggota tubuh sakit, maka anggota tubuh yang lain akan susah tidur atau merasakan demam.”*

Muhasabah diri

Muhasabah atau introspeksi diri adalah merupakan terapi untuk mengatasi dominasi nafsu amarah di hati seorang mukmin. Imam Ahmad meriwayatkan bahawa Umar bin Khattab berkata,

Maksudnya : *“Muhasabalah diri kalian sebelum kalian dimuhasabahkan. Timbanglah amal buruk dan amal baik kalian sebelum kalian ditimbang. Perhitungan kalian esok hari akan lebih mudah manakala kalian memperhitungkan diri kalian pada hari ini. Hiasilah diri kalian untuk pertemuan terbesar. Pada hari itu, kamu semua dihadapkan (untuk hitungan amal); tidak ada sesuatu pun yang tersembunyi (kepada Allah) dari perkara-perkara kamu yang tersembunyi.”*

Firman Allah SWT dalam surah Ali Imran ayat 30 yang maksudnya :

Maksudnya: *“(Ingatlah) hari (kiamat yang padanya) tiap-tiap seorang akan mendapati apa sahaja kebaikan yang telah dikerjakannya, sedia (dibentangkan kepadanya dalam surat-surat amalnya); dan demikian juga apa sahaja kejahatan yang telah dikerjakannya. (ketika itu tiap-tiap orang yang bersalah) ingin kalau ada jarak yang jauh di antaranya dengan amalnya yang jahat itu. Dan Allah perintahkan supaya kamu beringat-ingat terhadap kekuasaan diriNya (menyeksa kamu). Dan (ingatlah juga), Allah Amat belas kasihan kepada hamba-hambaNya.”*

Muhasabah diri terdapat dua jenis iaitu muhasabah sebelum memulakan amal dan muhasabah setelah melakukan amal. Muhasabah sebelum melakukan amal iaitu berhenti pada saat pertama kali memikirkan dan ingin melakukan sesuatu tindakan. Tidak terburu-buru melakukannya sebelum jelas antara mengerjakan tindakan tersebut atau tidak. Manakala muhasabah setelah beramal iaitu muhasabah diri atas kelalaian dalam menjalankan ketaatan kepada Allah SWT.

Doa

Dalam al-Quran, perkataan doa mempunyai pelbagai pengertian dan makna. Antaranya dengan makna ibadat dan memuji, memohon pertolongan dan permintaan yang dinyatakan (*al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*, 2020)

Doa dari sudut bahasa bererti panggilan atau meminta pertolongan, namun dari segi istilah ia lebih difahami sebagai permohonan daripada seorang hamba kepada Allah SWT untuk menunaikan

hajatnya. Rasulullah SAW bersabda yang maksudnya:

“Doa adalah ibadah”

Doa adalah satu ibadat untuk melahirkan rasa rendah diri dan tunduk kepada Allah SWT sambil menyatakan hajat atau permohonan yang dikehendaki termasuklah cara menyucikan diri daripada akhlak yang tercela.

PENUTUP

Hakikatnya terdapat pelbagai kaedah mendidik jiwa yang dijelaskan di dalam al-Quran dan sunnah yang boleh diamalkan guna menyucikan jiwa daripada sifat-sifat mazmumah. Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa dalam menyucikan jiwa dan membersihkan hati dapat dibahagikan kepada tiga peringkat:

- a. **Takhalli** iaitu melawan, mengosongkan, membuang atau menyucikan hati dari sifat-sifat tercela, membuang seluruh penyakit hati. Allah SWT berfirman dalam surah as-Syam ayat 9 hingga 10 yang bermaksud:

“Sesungguhnya berjajalah orang yang menjadikan dirinya - yang sedia bersih - bertambah-tambah bersih (dengan iman dan amal kebajikan), Dan sesungguhnya hampalah orang yang menjadikan dirinya - yang sedia bersih - itu susut dan terbenam kebersihannya (dengan sebab kekotoran maksiat).”

Sifat –sifat yang mengotori jiwa itu ialah sifat *mazmumah* (tercela) yang menutup hati daripada tersingkapnya tabir yang membatasi antara diri dengan tuhan. Antara sifat mazmumah ialah sombong, riyak, ujub, hasad, cinta dunia dan kemegahan, marah, bakhil, banyak makan, berangan-angan panjang dan ghurur.

- b. **Tahalli** iaitu mengisi atau menghiasi jiwa dengan sifat-sifat terpuji. Setelah dibersihkan hati daripada sifat-sifat yang terkeji, kita perlu menghiasi dan memenuhi hati dengan sifat mahmudah iaitu sifat yang terpuji. Antara sifat-sifat mahmudah yang patut dihiasi iaitu tawaduk, ikhlas, pemurah, jujur, syukur, zuhud dan lain-lain. Cara menghiasi hati sama seperti proses takhalli iaitu memerlukan latihan jiwa, keazaman dan kekuatan jiwa yang kental.
- c. **Tajalli** iaitu terasa kebesaran dan kehebatan Allah SWT di hati. Tajalli merupakan proses penyucian jiwa yang terakhir, kita perlu menempuh keseluruhan perjalanan rohani untuk melengkapkan diri dan hidup sebagaimana yang Allah SWT perintahkan. Pada akhir proses ini, hati akan mengenal dengan sebenar-benar kenal.

Ketiga-tiga peringkat perlu dilaksanakan secara seiring, tidak boleh hanya dikerjakan satubahagian kemudian meninggalkan bahagian yang lain. Jiwa yang cuma dibersihkan dari sifat tercela sahaja, tanpa dihiasi dengan sifat-sifat kebaikan menjadi kurang lengkap dan tidak sempurna. Sebaliknya, jika menghiasi jiwa dengan sifat terpuji tanpa mengalahkannya penyakit- penyakit hati, perjalanan manusia akan terbuka kepada perjalanan diri nurani dan rabbani. Apabila perjalanan ini telah sempurna, maka terhasillah *Tajalli* iaitu merasai kebesaran dan kehebatan Allah SWT dalam hati (Shamsul Mohd Nor, 2021).

RUJUKAN

___, (2020) *Al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*

Abdul Fattah Abu Ghuddah (2015). *Rasulullah Pendidik Terlung : 40 Teknik Rasulullah & Mengajar*. Terjemahan Dr Shuhadak Mahmud. Negeri Sembilan: Al Azhar Media.

Abdul Qadir Abdul Muthalib (2021). *Penawar Bagi Hati*, Terjemahan Noraine Abu. Selangor: Al-Hidayah Publication.

Abdullah Nasih Ulwan (1992), *Tarbiatul Aulad Fi Islam*. Mesir: Darus Salam

Ahmad Farid (2020). *Tazkiyatun Nafs: Belajar Membersihkan Hati*. Solo: TAQIYA Publishing.
 Al Quran dan Terjemahannya (2007). Kuala Lumpur. Pustaka Darul Iman Sdn Bhd.
 Al-Balali, Abdul Hamid (2003). *Madrasah Pendidikan Jiwa*. Jakarta: Gema Insani Press. HAMKA
 (1998). *Tasawuf Modern*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man.

Hassan Al-Banna (2020). *Himpunan Risalah Imam Hassan al-Banna*. Selangor: Pustaka Salam.

M. Priyatna (2014). *Konsep Pendidikan Jiwa (Nafs) Menurut Al-Quran dan Hadits*. Edukasi Islami
 Jurnal Pendidikan Islam Vol.03, Januari (2014).

Mohd Rashidi Omar, Afiqah Ahmad Damahuri (2021). *Bicara al-Qalam*. Selangor: Santai Ilmu
 Publication.

Morsi, K. I. (1988). *Madhal Ila Ilm Al-Sihah Al-Nafsiyyah*. Kuwait: Dar Al-Qalam

Mubarak, Dr. Achmad (2002). *Sunnatullah dalam Jiwa Manusia: Sebuah Pendekatan Psikologi
 Islam*. Jakarta : IIIT.

Shamsul Mohd Nor (2020). *Tasawuf Suatu Pengenalan Asas*. Kuala Lumpur:
 Galeri Ilmu Sdn Bhd.

MENDEPANI DASAR TEKNOLOGI HIJAU NEGARA DALAM SISTEM AUTOMASI BANGUNAN DENGAN MENGGUNAKAN TEKNOLOGI KNX

Mohammad Mursyeed bin Ramli
Kolej Komuniti Chenderoh Perak
mmr3080@gmail.com

Abdul Hardy bin Suparna
Kolej Komuniti Chenderoh Perak

ABSTRAK

Sistem automasi bangunan merupakan salah satu usaha yang dilihat amat baik bagi menyahut saranan Dasar Teknologi Hijau Negara. Teknologi KNX merupakan salah satu sistem automasi bangunan yang dapat memacu negara kita ke arah memenuhi teknologi hijau ini. Apa itu Teknologi KNX, sejarah dan kebaikannya antara perkara yang akan dibincangkan didalam penulisan artikel ini. Sebelum menjurus lebih mendalam, sedikit pengenalan mengenai KNX sebagai wadah pembuka minda. KNX Association bermula di Brussels, Belgium sekitar 1990 dan mula bertapak di Malaysia sekitar awal tahun 2000. KNX merupakan sebuah piawaian terbuka untuk sistem automasi bangunan dan rumah pintar. Semua peralatan KNX merupakan peralatan yang mampu mempromosikan kecekapan tenaga, memulihara dan meminimumkan kesan kepada alam sekitar. Selain itu, turut menyumbang kepada meningkatkan pembangunan ekonomi negara melalui penggunaan teknologi serta meningkatkan kualiti hidup untuk semua. Kesimpulannya, dengan penggunaan KNX sebagai sistem automasi bangunan dapat membantu menyahut cabaran yang telah digariskan di dalam Dasar Teknologi Hijau Negara 2009.

KATA KUNCI: Teknologi, sistem automasi, KNX

PENGENALAN

Hakikat kesan negatif ke atas alam sekitar akibat pembangunan dan peningkatan populasi dunia memang tidak dapat dielakkan. Peningkatan suhu global, pencemaran udara, pencemaran air dan pencemaran bunyi merupakan antara kesan akibat pembangunan dan peningkatan populasi ini. Sekiranya tiada langkah yang diambil untuk menangani kesan-kesan negatif ini, kebarangkalian generasi akan datang akan mewarisi bumi yang tenat amatlah tinggi.

Negara kita Malaysia juga telah mengambil inisiatif untuk memelihara dan memulihara alam sekitar. Pada Julai 2009, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak telah melancarkan Dasar Teknologi Hijau Negara (DTHN). Salah satu matlamat di bawah Dasar Teknologi Hijau Negara adalah mengaplikasi Teknologi Hijau dalam sektor Bangunan. Antara yang digariskan dalam matlamat ini adalah penggunaan teknologi hijau secara menyeluruh agar dapat mengurangkan penggunaan sumber tenaga semulajadi dan pada masa yang sama dapat membantu memelihara dan memulihara alam sekitar.

Terdapat pelbagai sistem dan produk di pasaran yang memenuhi kehendak Teknologi Hijau ini. Namun penulis ingin mengetengahkan Sistem Automasi Bangunan sebagai usaha untuk memenuhi Matlamat Kebangsaan tersebut. Apabila menyebut tentang sistem, maka perlu ada teknologinya. Sehubungan itu, penulis memilih teknologi KNX.

APA ITU KNX?

KNX ialah piawaian terbuka untuk sistem automasi bangunan komersial dan domestik. Peranti KNX boleh menguruskan pencahayaan, bidai, sistem keselamatan, pengurusan tenaga, sistem video audio, peralatan elektronik rumah kediaman, peranti paparan elektronik, alat kawalan jauh dan banyak lagi peralatan elektronik domestik mahu pun komersial. KNX berkembang daripada tiga piawaian terdahulu iaitu Protokol Sistem Rumah Eropah (EHS), BatiBUS dan Bas Pemasangan Eropah (EIB atau Instabus).

Peranti KNX ini boleh dihubungkan dengan menggunakan kabel pasangan terpintal, talian kuasa RF atau pautan IP untuk menghasilkan sebuah rangkaian Sistem Automasi Bangunan yang lengkap. Sistem yang telah lengkap dipasang ini akan di program dengan menggunakan perisian ETS5. Seterusnya program ini akan dimuat turun ke setiap peranti KNX dengan menggunakan peranti pengantaramuka USB KNX.

BENARKAH KNX CEKAP MENGURUS TENAGA?

KNX memenuhi keperluan Kelas Prestasi Tenaga teratas untuk automasi bangunan seperti EN 15232. Ini bermakna KNX sangat sesuai untuk memenuhi keperluan penggunaan tenaga yang diperketatkan untuk bangunan. KNX membolehkan sehingga 50% penjimatan tenaga.

Tuntutan tanpa bukti pasti amat meragukan. Oleh itu, merujuk kepada artikel yang dikeluarkan oleh KNX bertajuk “Energy Efficiency with KNX” di laman sesawangnya, penulis akan melaporkan hasil ujian yang telah KNX laksanakan.

Pada tahun 2006 sebuah kompleks ibu pejabat Infineon corporate di Munich, German, telah dipasang dengan kira-kira 10,300 peranti KNX. Keluasan lantai bagi kompleks ini pula adalah 150 000 meter persegi dan didiami seramai 6500 orang pekerja. Pada tahun 2008, jumlah kos penggunaan tenaga kompleks ini adalah sebanyak RM 2,280,824.65.

Kemudian pada awal 2009, para jurutera KNX telah melakukan ubahsuaian program untuk memaksimumkan penggunaan peranti KNX ini. Di akhir tahun 2009, jumlah kos penggunaan tenaga yang dicatatkan adalah sebanyak RM 1,746,967.28. Perbezaan sebanyak RM 533,857.37 bersamaan 23.4%. Jelas membuktikan bahawa dengan menggunakan Sistem Automasi Bangunan berasaskan peranti KNX dapat mengurangkan kos penggunaan tenaga.

Seterusnya satu lagi satu kajian penjimatan penggunaan tenaga telah dilaksanakan di “*Guarda Polytechnic Institute*” di Guarda, Portugal pada September 2009. Politeknik ini telah dibina pada tahun 1980. Mempunyai 4 bangunan di atas tanah berkeluasan 12 hektar. Empat daripada jumlah keseluruhan 60 bilik darjah telah dipilih untuk menguji dan menilai kecekapan tenaga. Pengubahsuaian dilakukan dengan memasang sebanyak 15 unit peranti KNX. Antara peranti yang dipasang adalah lampu boleh malap baru dan bidai untuk teduhan dan pengalihan cahaya pada

waktu siang. Data penggunaan tenaga telah direkodkan selama 80 jam bekerja dengan menggunakan peranti meter KNX. Hasilnya, pihak KNX dan politeknik tersebut mendapati penggunaan tenaga dapat dijimatkan antara 10% ke 30% berbanding kelas yang tidak dipasang dengan sistem automasi bangunan KNX ini.

Bagaimana peranti KNX berfungsi?

Pembaca pasti tertanya-tanya bagaimana sistem automasi bangunan dengan KNX berfungsi sehingga dapat menghasilkan penjimatan penggunaan tenaga sehingga 50%. Di sini penulis akan menerangkan secara ringkas pengoperasian sistem automasi bangunan dengan KNX ini.

Seperti mana yang telah diterangkan sebelum ini, peranti KNX dihubungkan dengan menggunakan kabel pasangan terpinjal untuk penghantaran data antara peranti dan dikawal sepenuhnya oleh pengawal terbenam (*microcontroller*). Juruteknik atau jurutera akan melakukan pemasangan peranti dan membangunkan aturcara yang bersesuaian dengan kehendak pengguna.

Sebuah sistem automasi bangunan dengan KNX juga dilengkapi dengan penerima untuk mengumpul data semasa ruangan yang dipasang peranti KNX ini. Data yang dikumpul akan dianalisis oleh peranti KNX dan seterusnya menentukan keluaran yang perlu untuk mencapai tahap penjimatan penggunaan tenaga yang dikehendaki.

Sebagai contoh, sebuah bilik dilengkapi dengan bidai automatik dan lampu boleh malap. Apabila kepekakan cahaya di luar bangunan yang dikesan oleh penerima mencapai nilai yang ditetapkan, bidai yang tertutup ini akan dibuka dan lampu boleh malap akan dimalapkan atau dipadam sepenuhnya. Semua proses ini dilakukan secara berpusat dan automatik berdasarkan aturcara yang dimuat turun ke peranti KNX. Sebaliknya sekiranya kepekakan cahaya di luar bangunan menurun, sistem akan menurunkan bidai. Manakala lampu boleh malap akan diterangkan atau dihidupkan semula.

Proses pintar yang dilaksanakan oleh sistem automasi bangunan dengan KNX tersebut jelas secara logiknya dapat mengurus kecekapan penggunaan tenaga. Namun secara ilmiah, sekadar logik sahaja tidak mencukupi. Oleh itu, penulis telah pun memberikan beberapa contoh ujian dan kajian yang dijalankan oleh KNX seperti yang telah dinyatakan sebelum ini.

RUJUKAN

Dasar Teknologi Hijau Negara II.pdf (21 Julai 2009).
<https://www.jpnin.gov.my/sites/default/files/Dasar%20Teknologi%20Hijau%20Negara%20II.pdf>
Energy Efficiency with KNX.pdf (19 Januari 2015). www.knx.org

Hermann Merz, Thomas Hansemann, Christof Hubner (2018). *Building Automation: Communication Systems with EIB/KNX, LON and BACnet* (2nd Edition). Springer

THE DETERMINANT OF MICROENTREPRENEURS FIRM PERFORMANCE DURING COVID 19 PANDEMIC

Awang Annuar bin Awang Mansor
Politeknik Mukah
annuar@pmu.edu.my

Mazira binti Ramli
Politeknik Mukah

Hardyta bin Bujang Pata
Politeknik Mukah

ABSTRACT

Microentrepreneurs could be defined as the owner of a microenterprise with an annual sales turnover of less than RM 300,000 or less than five employees (SME Corp Malaysia, 2016). However, according to a report by Small Medium Corporation Malaysia (SME Corp Malaysia), at least 75 percent of businesses failed during their first year of operation. Due to the unexpected Covid-19 pandemic, the implements of MCO, which effectively shuts down all business operations and causes unemployment. This proposed research will look into financial and non-financial measurement, level of financial literacy, financial inclusion, and roles of digital technology microentrepreneurs firm performance during Covid 19 pandemic.

KEYWORDS: Microentrepreneurs, firm, covid -19

INTRODUCTION

Microentrepreneurs could be defined as the owner of a microenterprise with an annual sales turnover of less than RM 300,000 or less than five employees (SME Corp Malaysia, 2016). However, according to a report by Small Medium Corporation Malaysia (SME Corp Malaysia), at least 75 percent of businesses failed during their first year of operation. Based on the Census of Establishments & Enterprises 2016 by the Department of Statistics Malaysia, out of the 907,065 SMEs established in Malaysia, 693,670 (76.5 percent) business establishments were contributed by the Micro Enterprises (MEs) which employment over 1.2 million employees (Rahman Abd Zarina, 2009). Even though these micro-enterprises are small, they are responsive and capable of taking advantage of positions that larger enterprises cannot embark on successfully (Banks Negara Report, 2010). Development Finance Institutions (DFIs), Cooperatives, and Microfinance Institutions (MFIs) also have an important role in serving niche groups of customers due to their vital contributions to Malaysia's economy.

Due to the unexpected Covid-19 pandemic, the implements of MCO, which effectively shuts down all business operations and causes unemployment (WHO, 2020; Bails, 2020). This pandemic

change life routines and social distancing to block the spreading of the virus. According to Employers Federation Executive Director Datuk Shamsuddin Bardan, the unemployment rate will be rise from 10% or even 15%, which more than 500,000 locals retrenched from their job (The Sun Daily News, 2020). Report from the Department of Statistics, this Covid-19 pandemic is worse than (1997-1998) Asian Financial Crisis, which infected 900,000 workers jobless. The Agriculture and Services sectors were found to have recorded higher percentages of job losses than other sectors, 21.9 percent, and 15.0 percent, respectively (Department of Statistics Malaysia, 2020). Most of these industry players were microentrepreneurs with small-scale businesses affected. The Malaysian government introduced Prihatin Rakyat (PRIHATIN) stimulus package to help SMEs to ease the financial loss and survive during the pandemic (Ministry of Finance Malaysia, 2020). However, the allocation of this economic stimulus is not insufficient and only lasts for two months (Fong, 2020 & Tan, 2020). This situation led to how microentrepreneurs can cope with the situation and start their business again. Thus, this research's main purpose is to investigate the impact of MCO Covid-19 on microentrepreneurs' firm performance. Besides, determinants of microentrepreneurs' firm performance and the effectiveness of government assistance will be explored.

Firm Performance is a key measurement of whether the micro entrepreneur's business is successful. It can be measured by both financial and non-financial indicators (Murphy, Trailer & Hill, 1996; Dimitratos, Lioukas & Carter, 2004; Muhammad, 2009). Therefore, measuring performance is important for the business to survive. The deficiency of financial and human resources will cause the firm to be unable to compete with other competitors (Hewitt-Dundas, 2006). Fatoki (2014) has reported the failure percentage of newly developed micro-enterprises as critical. Many researchers in Malaysia focus more on the financial literacy among students, youth, personal financing (Sabri & Macdonald, 2010; Boon, Yee & Ting, 2011; Zameer & Devasagayam, 2015 & Kimiyaghalam & Yap, 2017).

Secondly, financial inclusion plays an important role in providing loans to micro-entrepreneurs. Through financial inclusion, the microentrepreneurs can access the financial product and services at a reasonable rate, save cost, have more options to choose from, and contribute to the business growth. Lack of capital and poverty in rural areas are more prevalent among micro-entrepreneurs due to limited access to formal financial institutions (Beck & Demirguc-Kunt, 2006; Del Mel, 2008 & Chiba 2009). Financial inclusion in the Islamic perspective emphasizes the financial alone and more focusing on Islamic moral value to develop honest and responsible entrepreneurs (Abdul Rahman, Al Smady, & Kazemian, 2015).

Digital technology plays an important role nowadays in promoting business worldwide. Mathew (2007) discovered that a lack of confidence among microentrepreneurs inhibits them in using technology products to support their business. Adopting technology among rural microentrepreneurs is still low, which is only 27 percent using e-mail, and 22 percent using Websites to communicate with their customers (Qiang et al., 2006). Despite this, current literature supporting the adoption of technology by small businesses exists but is still limited in Malaysia. Hence, this led to the objectives of the study to determine microentrepreneur firm performance in East Malaysia which includes financial literacy, financial inclusion, and digital technology adoption. Secondly, to determine the relationships between antecedents with microentrepreneur firm performance and lastly to investigate the impact of Covid19 on microentrepreneur's firm performance in East Malaysia.

This has underlined the urgency to investigate and provide policy formulation for microentrepreneurs to restart their business. Based on the assumptions about the factor among the study variables were made. These assumptions were used to design the research questions and the research objectives, propose research hypotheses and produce a conceptual framework.

FINANCIAL AND NON- FINANCIAL MEASUREMENT

Firm financial performance measurements included overall marketing, sales volume, market share, benefit level, overall revenue, and rate of profitability, while non-financial measures included client and worker satisfaction, which included self-assessment and employee satisfaction related to income, employee retention, and job satisfaction. Other performance indicators such as profitability, savings, sales, growth, employment, and customer happiness (Cho et al. 2008) can also be considered. Another study by Yau, Chow, Sin, Tse, Luk, and Lee (2007); Salikin, Wahab & Muhammad, 2013) suggest the way to measure firm success using financial and non-financial variables and came up with similar results. As a result, "both financial and nonfinancial objective measurement of entrepreneurial and small enterprises" should be included in this study, which tries to investigate these (Muhammad, 2009).

LEVEL OF FINANCIAL LITERACY

It was reported that "the level of financial literacy of the owners of new micro-enterprises" was low as the new micro-entrepreneurs were not involved in formal "financial planning, budgeting and control" they merely retained only some records of account and business terminology (Fatoki,2005). Hence, no fixed measurement has been established, and there have been eminent studies in measuring financial literacy (Lusardi & Mitchell, 2011). According to Mandell (2001), financial literacy consists of financial management, budgeting, debt, saving, and insurance.

FINANCIAL INCLUSION

Financial inclusion, in its most basic form, refers to a person's ownership of a formal financial institution's account. This type of account allows you to formally save and borrow money, as well as contract insurance and use payment services. As a result of being financially included, there are economic benefits. It has the potential to benefit disadvantaged and poor people by helping them to enhance their income and increase their chances of finding work (Bruhn and Love, 2014). The study by (Zins & Weill, 2016) discover that being wealthier and more educated has a greater influence on financial inclusions. Financial inclusion in the Islamic perspective emphasizes the financial alone and more focusing on Islamic moral value to develop honest and responsible entrepreneurs (Abdul Rahman, Al Smady, & Kazemian, 2015).

ROLES OF DIGITAL TECHNOLOGY

Through the Covid 19 epidemic phase and movement control in Malaysia, digital technology plays a role that increasing productivity and firm performance (Papadopoulos, Baltas, and Balta 2020). Microentrepreneurs need to adapt to these changes to continue the survive in their business. Entrepreneurs in SMEs can be more creative and innovative in product design and marketing by incorporating digital technology into their practices. More technological innovations, such as

process innovations, will be produced, and entrepreneurs will be more systematically involved in business management, such as inventory management and financial management, and they will be more independent in successfully managing their business (Higon, 2011; Todhunter and Abello, 2011; & Díaz-chao et al., 2016). Cetin & Akpinar, (2004) point out the usage of digital was a marketing success factor in the Turkish Agro-food sector of SMEs with numerous advantages in terms of efficiency, effectiveness, innovation, growth, and competitiveness.

CONCLUSION

The proposed conceptual framework developed for this study includes financial literacy financial inclusions and digital technology as independent variables and microentrepreneurs' firm performance as dependent variables. The conceptual framework is shown in Figure 1.




Figure 1: Proposed Conceptual Framework with Hypotheses Development

The study hypothesized that micro entrepreneurs' firm performance would be contingent on the interactions between financial literacy, financial inclusions, and digital technology adoptions. In conclusion, three hypotheses were developed and tested in this study. These hypotheses are presented below.

Hypotheses:

- H1:** Financial Literacy has a significant influence on micro entrepreneurs' firm performance.
- H2:** Financial Inclusion has a significant influence on micro entrepreneurs' firm performance.
- H3:** Digital Technology has a significant influence on micro entrepreneurs' firm performance.

REFERENCE

- Beck, T., Cull, R., 2015. Banking in Africa. In: Berger, A.N., Molyneux, P., Wilson, J.O.S.(Eds.), *The Oxford Handbook of Banking*. Oxford University Press, pp. 913–937.
- Bruhn, M., Love, I., 2014. The real impact of improved access to finance: evidence from Mexico. *J. Finance* LXIX, 1347–1376.
- Islam, M. A., & Mathews, M. R. (2009). Grameen Bank's social performance disclosure. *Asian Review of Accounting*, 17(2), 149–162. <https://doi.org/doi:10.1108/13217340910975288>
- Dimitratos, P., Lioukas, S., & Carter, S. (2004). The relationship between entrepreneurship and international performance: the importance of domestic environment. *International Business Review*, 13(1), 19–41.
- Demirguc-Kunt, A., & Klapper, L. (2012). Measuring financial inclusion: the global index database, Policy Research Working Paper, 6025, World Bank, and Washington, DC.
- Fatoki, O. (2014). The financial literacy of micro entrepreneurs in South Africa. *Journal of Social Sciences*, 40(2), 151–158. Retrieved from <http://www.Krepublishers.Com/02->
- Fatoki & Oni, O. (2009). Financial literacy studies in South Africa: current literature and research opportunities. *Mediterranean Journal of Social Sciences MC SER Publishing*, 5(20), 2039–9340. Retrieved from doi.org/10.5901/Mjss.2014.V5n20p409
- Lucky, Esuh Ossai-igwe ; Mohd, S. M. (2013). The Entrepreneur's Mental Capacity and Firm Performance. *The Business & Management Review*, 3(3), 41–51.
- Mandell, L. (2008). Financial Literacy of Young American Adults: Results of the 2008 National Jumpstart Coalition Survey of High School Seniors and College Students. *Jumpstart Coalition® for Personal Financial Literacy*, 163–183. https://doi.org/10.1007/978-0-387-75734-6_10
- Mohamad Sabli, H. (n.d.). *Moderating Roles of Dynamic Incentives in MicEnt Performance in Sarawak Malaysia*.
- OECD. (2012). Measuring entrepreneurial finance: A European survey of SMEs. In: *Entrepreneurship at a Glance*. OECD Publishing. Available at: doi.org/10.1787/entrepreneur_aag-2012-5-en OECD
- Patel, V. (2012). Extended Stakeholder Orientation: Influence on Innovation Orientation and Firm Performance. *Dissertations, Theses and Capstone Projects*. <https://doi.org/10.1007/978-3-319-11815-4>
- Rahman Abd Zarina, Z. M. Z. M. W. (2009). *Advancing Inclusive Financial System In The Next Decade In Malaysia*. 2008, 91–116.
- Sabri, M. F., & MacDonald, M. (2010). Savings behavior and financial problems among college students: The role of financial literacy in Malaysia. *Cross-Cultural Communication*, 6(3), 103–

110 SME. (2008). SME Annual Report 2007. National SME Development Council

Thanos Papadopoulos, Konstantinos N. Baltas, Maria Elisavet Balta, The use of digital technologies by small and medium enterprises during COVID-19: Implications for theory and practice, *International Journal of Information Management*, Volume 55, 2020, ISSN 0268-4012, <https://doi.org/10.1016/j.ijinfomgt.2020.102192>.

Trailer, J. W., Hill, R. C., & Murphy, G. B. (1996). Measuring performance in entrepreneurship research. *Journal of Business Research*, 36(1), 15–23. [https://doi.org/10.1016/0148-2963\(95\)00159-X](https://doi.org/10.1016/0148-2963(95)00159-X)

Yau, O., H. M., Chow, R., P. M., Sin, L., Y. M., Tse, A., C. B., Luk, C. L., & Lee, J., S. Y. (2007). Developing a scale for stakeholder orientation. *European Journal of Marketing*, 41(11), 1306-1327.

Zins, A., & Weill, L. (2016). The determinants of financial inclusion in Africa. *Review of Development Finance*, 6(1), 46–57. <https://doi.org/10.1016/j.rdf.2016.05.001>

KEBERKESANAN PENGGUNAAN *DUMMY* USUNGAN DARI BAHAN TERPAKAI BAGI LATIHAN MEDAN PISPA KOLEJ KOMUNITI NEGERI PERAK

Noraini Binti Mohamad Nor
Kolej Komuniti Batu Gajah
fashionor78@yahoo.com

Osman Fikri Bin Awang Mina
Kolej Komuniti Batu Gajah

Nurbaissa Aisar Binti Zulkiflee
Kolej Komuniti Batu Gajah

ABSTRAK

Dummy usungan adalah salah satu alat atau bahan yang digunakan dalam latihan Kawad usungan. Kawad usungan adalah tatacara atau kaedah mengalih mangsa dari satu tempat ke tempat lain dengan selamat menggunakan alat usungan. Usungan penting bagi kerja-kerja mengangkat, mengalih dan menyelamatkan mangsa. Di dalam kursus ini, peserta diajar teknik ikatan dan simpulan yang sesuai untuk digunakan semasa menyelamatkan mangsa bagi memastikan proses kerja menyelamatkan berjalan dengan lancar dan selamat. Pihak urusetia Angkatan Pertahanan Awam (APM) memerlukan patung sebagai ganti manusia sebagai mangsa dalam situasi kerja-kerja menyelamatkan yang dilakukan ini dan akan memberi risiko kecederaan apabila pelatih APM tidak mahir dalam melakukan aktiviti tersebut dan jika menggunakan maniken pula akan mudah rosak. Penggunaan dummy usungan ini sangat memberi impak kelestarian masyarakat melibatkan hubungan sosial, alam sekitar dan ekonomi iaitu penghasilannya adalah dengan menggunakan bahan terpakai yang mudah diperolehi dan mesra alam sekitar. Hasil dapatan kajian, 42 responden dari kalangan Anggota APM, Pelatih APM dan Pengurus Pasukan bersetuju penggunaan dummy usungan dalam latihan kawad usungan sesuai digunakan untuk aktiviti kawad usungan dan bentuk yang fleksibel serta mengelak risiko kecederaan. Terdapat beberapa cadangan penambahbaikan antaranya kasut pada dummy yang lebih sesuai dan menambah tetulang pada setiap bahagian supaya dummy tersebut lebih tegap.

KATA KUNCI: *Dummy, alam sekitar, kecederaan, ekonomi*

PENGENALAN

Penubuhan badan beruniform di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) sebagai kursus kokurikulum adalah bertujuan untuk memperkasakan *softskill* dalam kalangan pelajar. Kursus pasukan beruniform ini dapat memberi nilai tambahan kepada pelajar dari segi *softskill* di samping penekanan kepada pencapaian akademik yang cemerlang. Secara spesifikasinya kemahiran yang dapat di terapkan melalui kokurikulum Pasukan Institusi Pertahanan Awam (PISPA) ini ialah semangat kerja berpasukan, memupuk nilai jati diri dan cintakan tanahair. Selain itu, ia juga bertujuan untuk melahirkan pegawai pasukan Pertahanan Awam yang berkaliber dan bertanggungjawab serta mempunyai kepakaran kursus dalam Angkatan Pertahanan Awam. Latihan ini adalah latihan wajib di ambil sebagai salah satu syarat untuk didaftarkan sebagai anggota pertahanan awam. Antara kandungan kursus latihan yang perlu di

ambil adalah “Kawad Usungan”. Kawad usungan adalah tatacara atau kaedah mengalih mangsa dari satu tempat ke tempat lain dengan selamat menggunakan alat usungan. Usungan penting bagi kerja-kerja mengangkat, mengalih dan menyelamatkan mangsa. Di dalam kursus ini, peserta diajar teknik ikatan dan simpulan yang sesuai untuk digunakan semasa menyelamatkan mangsa bagi memastikan proses kerja menyelamatkan berjalan dengan lancar dan selamat. Terdapat 5 langkah dalam menyelamatkan mangsa menggunakan usungan iaitu :



Semasa sesi latihan usungan ini, mangsa di perlukan bagi tujuan simulasi latihan menyelamatkan. Kebiasaannya, mangsa adalah di ambil dari kalangan peserta atau patung (dummy) yang di bawa bersama oleh pihak urusetia bagi tujuan latihan ini. Aktiviti atau latihan ini berkemungkinan mendatangkan kecederaan kepada mangsa sekiranya menggunakan manusia atau kerosakan kepada *manikin* sekiranya terjatuh semasa sesi latihan berlangsung. Antara objektif kajian ini ialah mengenalpasti penggunaan *dummy* usungan ini selamat dan mudah dikendalikan oleh peserta dalam Latihan Medan PISPA, kesesuaian pemilihan bahan terpakai dalam rekabentuk *dummy* usungan, kesesuaian dari segi struktur dan rekabentuk *dummy*, penghasilan *dummy* yang selamat dan berciri ergonomik dalam rekaan dan akhir sekali membuat ujikaji terhadap penggunaan *dummy* usungan semasa latihan. Melalui validasi ini pengkaji dapat mengetahui tahap praktikal dan keselamatan semasa digunakan. Dalam kajian ini, tumpuan kepada pasukan beruniform Angkatan Pertahanan Awam yang berada di negeri Perak yang melibatkan Institut Pengajian Tinggi Awam iaitu Kolej Komuniti Negeri Perak. Tumpuan adalah pada pelajar-pelajar yang terlibat dalam Program Latihan Medan dan pihak Angkatan Pertahanan Awam Negeri Perak. Hasil dari kajian ini diharap dapat menghasilkan satu *dummy* usungan yang sesuai dan selamat bagi membantu pasukan Angkatan Pertahanan Awam dalam melaksanakan aktiviti dan latihan kepada peserta-peserta terutama dalam Latihan Medan PISPA Kolej Komuniti Negeri Perak.

PENYATAAN MASALAH

Latihan Medan PISPA Kolej Komuniti Negeri Perak merupakan satu pertandingan dalam pemilihan peserta ke peringkat akhir pertandingan Program HiPA 5.0 yang diadakan pada bulan September 2022 di Kem Timah Tasoh, Perlis. Antara latihan yang perlu diikuti sebagai kadet Pertahanan Awam, adalah teknik menyelamatkan dan Teknik Kawad Usungan. Dalam melakukan Latihan kawad usungan ini, selain peralatan tali, selimut dan usungan, manusia/orang atau patung diperlukan sebagai mangsa dalam situasi kerja-kerja menyelamatkan yang dilakukan ini. Kebiasaannya semasa sesi latihan ini, pihak Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) akan meminta salah seorang peserta latihan atau penggunaan patung manikin untuk dijadikan sebagai mangsa dalam kerja-kerja menyelamatkan. Di dalam situasi ini, dapat dilihat risiko bahaya kepada manusia atau peserta itu sendiri di mana sebagai contoh risiko kecederaan kepada mangsa semasa peserta melakukan Teknik Mengalih mangsa. Sekiranya peserta leka atau lalai, kemungkinan mangsa boleh terjatuh dan mengakibatkan kecederaan kepada mangsa. Selain itu, dapat dilihat risiko bahaya ketika melakukan Langkah ke 4 iaitu Mengikat Mangsa. Sekiranya peserta kurang mahir dan cuai semasa proses mengikat mangsa, kemungkinan mangsa akan merasa sakit jika ikatan terlalu kuat atau risiko mangsa terjatuh jika ikatan terlalu longgar. Risiko-risiko ini adalah

amat membahaya jika latihan yang dilakukan menggunakan manusia atau peserta itu sendiri sebagai mangsa bagi proses Latihan Kawad Usungan ini.

Selain dari risiko menggunakan manusia, patung manikin juga kerap digunakan bagi sesi latihan ini. Permasalahan yang timbul adalah bilangan patung yang sangat terhad untuk kegunaan setiap kali latihan. Ini menyukarkan pihak Jabatan Pertahanan Awam untuk mengadakan Latihan kepada peserta yang ramai disebabkan bilangan yang terhad. Selain dari bilangan yang terhad, penggunaan patung yang kerap boleh mengakibatkan kerosakan semasa latihan dilakukan terutama ketika proses mengikat dan mengangkat mangsa.

Oleh itu, pihak Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) perlu merancang dengan teliti setiap latihan yang memerlukan penggunaan patung tersebut. Dalam erti kata yang lain, latihan yang melibatkan penggunaan patung tersebut tidak dapat dijalankan dengan kerap sedangkan penggunaannya sangat penting.



Gambarajah di atas menunjukkan latihan Kawad Usungan dengan menggunakan peserta latihan untuk dijadikan model usungan/mangsa. Dari gambarajah ini juga dapat dilihat potensi risiko kecederaan pada mangsa sekiranya ikatan tidak kukuh.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini secara umumnya bertujuan mengkaji kesesuaian penggunaan *dummy* usungan yang diperbuat dari bahan terbuang dalam Latihan PISPA. Bagi mencapai tujuan tersebut, beberapa objektif ditetapkan dalam kajian ini:

- Mengenalpasti penggunaan *dummy* usungan kepada peserta dalam Latihan Medan PISPA ini selamat dan mudah dikendalikan atau dioperasikan.
- Mengenalpasti kesesuaian pemilihan bahan terpakai dalam rekabentuk *Dummy* Usungan.
- Mengenalpasti struktur dan rekabentuk *dummy* yang sesuai untuk kegunaan peserta semasa Latihan Kawad Usungan di samping memudahkan pergerakan semasa latihan.

SKOP KAJIAN

Kajian tertumpu kepada pelatih-pelatih PISPA Kolej Komuniti Negeri Perak yang terlibat dalam Program Latihan Medan, HiPA 5.0 dan pihak Angkatan Pertahanan Awam Negeri Perak yang terlibat sebagai urusetia program.

KAJIAN LITERATUR

Angkatan Pertahanan Awam

Pembabitan pelajar di dalam aktiviti kokurikulum, khususnya unit beruniform seperti Angkatan Pertahanan Awam (Kor SISPA) adalah dianggap bersesuaian dengan kehendak Kementerian Pengajian Tinggi yang inginkan pelajar-pelajar IPT bergiat secara seimbang dengan aktiviti pembelajaran bukan akademik demi melahirkan modal insan yang unggul secara holistik. Satu kajian telah dilaksanakan oleh J. Hassan & Safar (2010) telah mendedahkan bahawa kecemerlangan pelajar adalah berkait dengan pembinaan sahsiah diri dan ciri kepimpinan di dalam diri pelajar. Kajian yang menggunakan 290 responden dari kalangan pemimpin pelajar yang terlibat dalam pelbagai aktiviti kokurikulum dapat membuktikan nilai signifikan yang jelas dalam ujian korelasi. Ia dianggap sebagai penting untuk membuktikan bahawa penghasilan pelajar yang cemerlang secara seimbang mestilah mempunyai pelbagai kemahiran yang tidak boleh hanya tertumpu kepada program berbentuk akademik sahaja. Pembentukan graduan yang unggul sukar dilaksanakan jika proses pembelajaran hanya memberi penumpuan terhadap program akademik sahaja tanpa adanya pelaksanaan kursus-kursus pelengkap bukan akademik seperti ko-kurikulum, persatuan, kursus elektif dan sebagainya (Esa & Jamaludin, 2009; Esa et al., 2005; Mohamad & Esa, 2012; Mohamad et al., 2014). Maka kokurikulum harus dilaksanakan seiring dengan program akademik demi memastikan pelajar yang unggul dapat dihasilkan. Di bawah kelolaan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), Kor SISPA telah dilengkapi dengan struktur pembelajaran ilmu-ilmu pertahanan awam yang dilihat mampu memberi nilai tambah di dalam aspek kemahiran dan pembentukan sendiri pelajar.

Dummy / Manikin

Dummy atau juga dikenali sebagai Mannequin (Manikin) berasal dari perkataan Perancis merupakan anak patung yang sering digunakan oleh seniman, tukang jahit, pembuat pakaian dan lain-lain, terutamanya bagi mempamerkan pakaian atau rekaan terkini serta mempamerkan fabrik dan tekstil yang berbeza. Selain tujuan untuk fesyen dan pakaian, manekin ini juga digunakan untuk tujuan latihan keselamatan atau penyelamat. Kebiasaannya manikin bersaiz manusia lengkap bersama saluran udara digunakan dalam simulasi pengajaran pertolongan cemas, CPR, dan kemahiran pengurusan saluran pernafasan lanjutan. Pada tahun 1950-an, manekin digunakan dalam ujian nuklear untuk membantu menunjukkan kesan senjata nuklear ke atas manusia. Juga dirujuk sebagai manekin ialah figura manusia yang digunakan dalam simulasi komputer untuk memodelkan tingkah laku tubuh manusia. Pada tahun 2007, Pertubuhan Piawai Antarabangsa (ISO) telah menubuhkan satu kumpulan Kerja iaitu Manikin Haba ISO/TC 188/WG 14 untuk mengkaji kesesuaian penggunaan manikin haba untuk kelulusan ujikaji dan cadangan penambahbaikan dalam Kaedah Ujian Saman ISO 15027-3. Menurut kajian ini sebagai contoh, apabila ianya tidak sesuai untuk menggunakan subjek manusia dalam kajian persekitaran maka penggunaan manikin haba yang berkaitan dengan model matematik mungkin satu-satunya cara yang boleh diterima secara etika untuk meramalkan prestasi peralatan dan peralatan kelangsungan hidup (Mak, L, Kuczora, A., Farnworth B., Hackett, P., DuCharme, M.B., 2010)

Bahan Terpakai

Bahan terbuang atau bahan terpakai dimaksudkan sebagai bahan sampah atau bahan sisa yang boleh dikitar semula. Kita semula boleh mengubah bahan sisa atau bahan buangan kepada bahan yang bernilai.

Oleh kerana itu, pengguna perlu memberi perhatian kepada barang atau produk yang dibeli, dihasilkan dan dibuang. Kitar semula atau *Reuse* merujuk kepada penggunaan semula barang seperti barangan yang berulang atau barang lama. Selain itu, kitar semula juga boleh mengurangkan penggunaan bahan-bahan semulajadi kepada sumber kewangan dan memberi faedah sosial. Sebagai contoh, bahan-bahan yang boleh dikitar semula ialah plastik, aluminium, kertas dan kaca'. ((SAW), 2009). Menurut Thomas, 2008, telah wujudnya kedai pakaian terpakai yang menawarkan satu lagi alternatif agar pakaian tidak dibuang tetapi digunakan semula dan dijual dengan harga yang lebih murah.

METODOLOGI DAN REKABENTUK KAJIAN

Metodologi Kajian


Kajian ini menggunakan kaedah kajian kuantitatif. Data dikumpul dengan kaedah mengedarkan borang soal selidik. Menurut Mohd Majib (1990), soal selidik merupakan satu kaedah untuk mendapatkan maklumat. Salah satu kebaikan soal selidik adalah ianya menjamin kerahsiaan dan ini dapat mencungkil maklumat yang tepat daripada responden (Mohd Majib, 1990). Responden yang dipilih menjawab soal selidik ini adalah mereka yang terlibat semasa Latihan Medan PISPA Kolej Komuniti Negeri Perak. Sebanyak 13 buah kolej komuniti Negeri Perak telah terlibat dengan program tersebut di mana 42 orang responden telah terpilih dalam kalangan peserta, ketua pasukan/pensyarah dan ahli JPAM sendiri. Data dari semua jawapan responden digunakan dalam analisis kajian ini.

Instrumen Kajian

Dalam kajian ini, instrumen soal selidik digunakan bagi mendapatkan data. Set soal selidik ini mengandungi 2 bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A terdiri daripada soalan-soalan yang berkaitan dengan demografi responden. Item bahagian B pula merupakan set soal selidik yang mengkaji tahap pencapaian peserta terhadap keberkesanan *dummy* usungan. Skala Likert 5 poin terdapat lima maklum balas iaitu 1 untuk Sangat Tidak Setuju (STS), 2 untuk Tidak Setuju (TS), 3 untuk Tidak Pasti (TP), 4 untuk Setuju (S) dan 5 untuk Sangat Setuju (SS). Responden dikehendaki menandakan satu jawapan mereka tentang sesuatu kenyataan berdasarkan skala.

Dapatan Kajian

Kajian ini melibatkan soalselidik terdiri daripada dua (2) bahagian. Bahagian pertama adalah latar belakang responden iaitu jantina, kategori responden dan agensi. Carta bar di bawah menunjukkan maklumat latar belakang responden yang terdiri daripada 42 orang. Responden kajian terdiri daripada 23 orang lelaki dan 19 orang perempuan. Ini menunjukkan peratus responden lelaki lebih tinggi dari perempuan iaitu 54.8% berbanding peratus perempuan iaitu 45.2%.





Analisa pada rajah 2 menunjukkan kategori responden sebanyak 62% responden adalah dalam kalangan pelajar, 29% pensyarah yang memegang tugas sebagai pengurus pasukan dan baki sebanyak 9% adalah responden dari kalangan Anggota Pertahanan Awam Malaysia.

Jadual 1 : Respon terhadap kategori keberkesanan *Dummy* Usungan

KRITERIA SOAL SELIDIK	SKOR RESPONDEN					ANALISA DAPATAN KAJIAN
	1	2	3	4	5	
<i>Dummy Usungan</i> ini membolehkan pelatih menggunakan dengan selamat semasa aktiviti.	2.4 %	0	2.4%	50 %	45 .2 %	Dapatan kajian menunjukkan lebih dari 95.2% responden memberikan maklum balas positif terhadap penggunaan <i>dummy</i> usungan yang selamat di gunakan.
Penggunaan <i>dummy</i> lebih sesuai dan selamat berbanding manusia	2.4 %	0	0	42.8%	54 .8 %	
Mudah dikendalikan/digunakan semasa melakukan aktiviti usungan	0	0	9.5%	47.6%	42 .9 %	Peratus responden bersetuju dan memberi maklum balas positif terhadap cara penggunaan, praktikal dan kreativiti pada <i>dummy</i> usungan
Inovatif dan praktikal digunakan	2.4 %	0	4.8%	45.2%	47 .6 %	
Kreativiti dengan penggunaan bahan yang mudah didapati.	0	2.4 %	0	47.6%	50 %	

Mengelak /mengurangkan kecederaan pada manusia atau kerosakan	0	0	4.8%	31 %	64 .2 %	Dapatan kajian dari responden menunjukkan 64.2% sangat setuju dengan rekabentuk dummy usungan ini dapat mengelak /mengurangkan kecederaan atau kerosakan.
Rekabentuk <i>dummy</i> sesuai dan menarik bagi aktiviti usungan	2.4 %	2.4 %	14.3 %	50 %	30 .9 %	Dapatan kajian mendapati sebanyak 4.8% responden tidak setuju dengan rekabentuk <i>dummy</i> tersebut dan 14.3% tidak pasti dengan rekaan tersebut.
Rekebentuk dummy yang fleksibel dan boleh di ubah dari segi ukuran dan keberatan.	0	4.8 %	16.7 %	42.8%	35 .7 %	Manakala sebanyak 80.9% memberi maklumbalas yang positif dan bersetuju dengan rekabentuk dummy tersebut.
Bahan/medium yang digunakan pada <i>Dummy Usungan</i> sesuai dan tidak membahayakan pelatih semasa aktiviti usungan	0	0	7.1%	42.9%	50 %	Hasil dapatan kajian menunjukkan lebih dari 92.9% bersetuju dengan bahan yang digunakan pada dummy usungan ini.
Penggunaan bahan terpakai, mengelak dari pembaziran dan kos yang tinggi.	0	0	4.7%	30.9%	64 .3 %	



Proses Penghasilan Dummy Usungan dari bahan terpakai



Gambar 1 : Proses penghasilan 2 buah dummy dari bahan terpakai bagi kegunaan dalam aktiviti kawad usungan.

Cara Pengendalian / Penggunaan *dummy* Usungan



Gambar 2 : Cara penggunaan atau pengendalian *dummy* usungan semasa Latihan Kawad Usungan.

RUMUSAN DAN CADANGAN

Penggunaan *Dummy* Usungan dalam aktiviti Kawad Usungan ini telah membantu pihak-pihak yang terlibat memupuk kelestarian masyarakat, membudayakan masyarakat yang hidup harmoni dan aman serta sejahtera menerusi nilai dan sikap lestari. Terdapat tiga unsur yang terpenting dalam pembangunan lestari iaitu ekonomi, sosial dan alam sekitar. Ketiga-tiga komponen ini bertindak menyokong antara satu sama lain dalam mengekalkan kelestarian negara dalam pelbagai segi untuk mewujudkan negara yang seimbang merangkumi semua aspek. Hal ini kerana matlamat pembangunan lestari bagi memastikan pembangunan ekonomi untuk kesejahteraan dan peningkatan kualiti hidup masyarakat, penggunaan sumber secara bijaksana dan memastikan pemuliharaan terhadap alam sekitar dan juga system ekologi berada dalam keadaan yang baik. Dari aspek kelestarian alam sekitar dapat di lihat di mana penggunaan bahan terpakai dan barang kitar semula yang digunakan dalam menghasilkan *dummy* usungan ini dapat membantu dalam perlindungan terhadap alam sekitar menerusi proses pembaikan serta pemuliharaan sistem ekologi. Dengan penggunaan bahan-bahan terpakai ini, secara automatik mengelak dari penghasilan dan ciptaan produk atau patung baru yang diperbuat dari bahan-bahan mentah seperti plastik dan gentian kaca yang mana antara bahan yang sukar dilupuskan dan yang menyumbang kepada kerosakan alam sekitar. Dengan menggunakan elemen rekabentuk semula kebolegunaan dan kitar semula supaya dapat mengekalkan kelestarian pada tahap yang lebih maksimum. Seterusnya melalui inovasi ini, prinsip yang digunakan iaitu merekabentuk semula proses pembuatan produk baru dengan mengurangkan pengeluaran dan memastikan sisa pada tahap sifar.

Selain dari alam sekitar, dapat di lihat dari aspek ekonomi di mana rekaan *dummy* usungan yang menggunakan bahan-bahan terpakai ini dapat mengurangkan penggunaan peruntukan bajet di bawah APM dalam menyediakan patung-patung bagi tujuan latihan APM ini dan secara tidak langsung dapat mengurangkan peruntukan yang diperlukan semasa sesi latihan ini.

Dan yang terakhir kelestarian dari aspek sosial. Sistem sosial ini merangkumi sistem sosial negara, keluarga atau organisasi. Pembangunan sosial yang mampan adalah merupakan satu organisasi yang aman, sejahtera dan harmoni. Definisi kebiasaan sosial ialah perkongsian pengetahuan dan rangkaian organisasi yang berkaitan misalnya kerajaan, tentera, sistem pendidikan dan lain-lain yang meningkatkan potensi individu yang berkesan. Melalui ciptaan inovasi ini secara tidak langsung memupukkan satu hubungan yang baik antara peserta/ pelajar, institusi pengajian tinggi dan juga pihak APM.

Selain itu terdapat beberapa cadangan penambahbaikan hasil maklum balas responden agar penggunaan *Dummy* Usungan ini dapat memberi manfaat kepada banyak pihak antaranya memperkemas aspek penyediaan *dummy* melibatkan bahagian kaki dan juga badan. Perlu dimasukkan tetulang di bahagian dalam *dummy* supaya lebih tegap dan kemas dengan mengekalkan konsep asal iaitu penggunaan bahan-bahan terpakai.

RUJUKAN

- An innovative cardiopulmonary resuscitation mannequin for common people Runi Pramesti Putri, Endiyono Department Emergency Nursing, Universitas Muhammadiyah Purwokerto, Jawa Tengah, Indonesia
- Arasinah Kamis, Ab Rahim Bakar, Ramlah Hamzah, Soaib Asimiran and Norhaily Abdul Halim. (2013). Competency Assessment of Clothing Fashion Design: Rasch Measurement Model for Construt Validity and Reliability. *Journal of Technical Education and Training*, 5 (2), 1-13.ISSN: 2229-8932.

Hassan, J., & Safar, S. A. (2010). Pembinaan Kecemerlangan Diri Pimpinan Pelajar Menerusi Penglibatan Dalam Aktiviti Kokurikulum Di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai. (unpublished). Retrieved from http://eprints.utm.my/10788/1/Pembinaan_Kecemerlangan_Diri_Pimpinan_Pelajar_Menerusi_Penglibatan_Dalam_Aktiviti_Kokurikulum_Di_Universiti_Teknologi_Malaysia.pdf

Grasso, M. M., McEnally, M., Widdows, R., & Herr, D. G. (2000). Consumer Behaviour toward Recycled Textile Products. *Journal of the Textile Institute*, 91 (2), 94-106. doi: 10.1080/00405000008659530

Raghavan, M. A., Silvapulle, P. B. & Athanasopoulos, G.B. (2012). Structural VAR models for Malaysian monetary policy analysis during the pre-and-post 1997 Asian crisis period. *Applied Economics*, 44(29), 3841-3856.

https://www.researchgate.net/publication/359049191_Mannequin_1900s_M_size_-_a_digital_reconstruction

Manekin Latihan Pertolongan Penyelam (Selam) | Manekin Training Rescue Diving | Manikin Ruth Lee - Dive Rescue Recovery - Toko Medis Jual Alat Kesehatan (distributor-kursi-roda.blogspot.com)

'Mekapkan' Manikin Untuk Latihan Simulasi Pekerja Kesihatan, Berita Wacana - Beritaharian.sg

REINVENTION OF UPCYCLED FABRIC FOR MULTIFUNCTIONAL JACKET

Mohd Hafiz Sabran,
Kolej Komuniti Batu Gajah, Perak,
firzhafizsabrand@gmail.com

Assoc. Prof. Ts. Dr. Rosita Mohd Tajuddin
College of Creative Arts
University Technology Mara (UiTM), Shah Alam

ABSTRACT

The fast fashion trend has been criticized for its lack of attention to social and environmental issues, placing fashion's non-financial repercussions on the global public agenda. If current trends continue, the fast fashion industry could account for more than a quarter of global carbon emissions. Environmental concerns are generated directly or indirectly by industry production patterns, consumer consumption habits, and consumer behaviour. The dumping of fabrics and fashion cycles that are too fast with the latest trends makes it necessary to scrutinize the current practice of these issues in-depth. Trends come and go, and brands tend to dictate what should or not wear. A jacket is one of the essential items for daily use and travel due to its practicality and use for a variety of activities. People nowadays treat outdoor activities as a pastime, and they like participating in more than one of them. This research explores the potential of fabric waste and development into multifunctional fashion design products. The designer has worked closely in developing this upcycled waste fabric into innovative multifunctional products that fulfil millennials needs. The observation, survey and experimental on the waste fabric were used to obtain additional unknown or reliable information, authoritative opinions, serious and professional assessments of the research topic. This research found that environmental issues have significantly influenced their perception of sustainable fashion. Sustainable fashion is a way of looking at the fashion that maximizes benefits for people while minimizing environmental impact while remaining competitive. Eco-conscious purchasing habits have the greatest impact on the fashion industry to achieve sustainability. Combining usability, technical and aesthetic elements, a reinvention of upcycled fabric for multifunctional jacket users can transform into different functions. Upcycled clothing manufacturers produce sustainability clothing products as a source of income generation in the world of the fashion industry.

Keywords: Fast fashion, upcycled, multifunctional, sustainable sashion, millennials

INTRODUCTION

Excessive usage of chemical and energy resources has had a significant environmental impact in recent years. One of the upcycling options is to employ product resources from waste streams or components

to recover materials for production (Yousef et al., 2020). In just the few past years, eco-friendly and sustainable fashion has tackled this environmental problem. Consumers are commonly associated with terms like "eco-fashion," "recycling," and "ascending cycle" (Park & Lin, 2020). Every study examines the problem of discarded clothing and the advantages of reusing or recycling it (Bhatt et al., 2019).

Fast-fashion retailers introduce new things every week to stay on-trend (Hayes, 2021). Fashion is the second most polluting industry, responsible for 10% of global carbon emissions, and the shift to Fast Fashion has further exacerbated the situation (Niinimäki et al., 2020). Malaysians threw over 195,300 tons of fabric garbage and 360,000kg of fabric waste in the first 15 months of 2019. It has been found that seven out of ten Malaysians had thrown away clothes every year. In 2017, 16.9 million tons of clothing and textiles were thrown away, 15% were recyclable, according to the Environmental Protection Agency (EPA) Office of Solid Waste. This waste is thrown away because worn out, damaged, outgrown, or out of style (Noh, 2021)

The Millennials generation's self-assurance can occasionally cross the line into entitlement and narcissism (Ozuem et al., 2021). Moreover, it is no surprise that today's trends, particularly those in the fashion industry, are being driven by a younger generation. The millennial generation places a great value on individuality. Developing a sense of self through cultural immersion and exploring the unknown is a crucial aspect of this (Fromm, 2017). Millennials have such clout that even the most influential people in the industry pay attention to what this generation has to say (Sinha & Fung, 2021). Millennials prefer to spend money on experiences rather than physical products. Ethical fashion is not so expensive if people stop buying fast fashion clothes follow with the trends. (Garg, 2020). The only reason ethical manner costly is because one piece can often be the price of two fast-fashion pieces (Buzzo & Abreu, 2019). Ethical fashion considers the environmental and social impact of the materials used to produce the garments (Brewer,2019).

Apart from that, upcycled is one of the manufacturing alternatives in producing new products that can recycle to meet consumers' growing demand (Pandit et al., 2019). This option makes it easier to increase the yield of higher-quality innovation from repurposed materials to new technologies. Instead of being discarded, this innovative technology helps the environment by minimizing fabric waste (Young, 2020). Excess waste fabric is repurposed and transformed into a functional product using the garment's details (Stanescu, 2021) Details of abandoned garment materials have been retained and processed into a high-quality product comparable to earlier offerings.

GENERAL OBJECTIVE

Generally, the study aims to explore upcycled waste fabric in the fashion business as a potential alternative in development of new fashion product. Moreover, understanding the upcycled and recycled in depth will open the gap of lifestyle as well as knowledge in the society.

SPECIFIC OBJECTIVE

Specifically, this research was exploring the potential of fabric waste and develop into multifunctional fashion design product. The designer has worked closely in developing this upcycled waste fabric into innovative multifunctional products that fulfil millennials needs

RESEARCH OBJECTIVES

1. To explore various techniques of fabric treatments in uplifting the upcycled waste fabric that turn into new form of fabric for a multifunctional jacket.
2. To transform the upcycled waste fabric into an innovative multifunctional jacket for millennials.
3. To produce a range of multifunctional jackets based on upcycled fabric for indoor and outdoor activities.

RESEARCH QUESTIONS

1. Which technique can be explored on upcycled waste fabric in transforming into a new fabric for multifunctional jacket?
2. How to transform the design from the upcycled waste fabric into an innovative multifunctional jacket?
3. What design range of multifunctional jackets can be produced based on upcycled waste fabric for indoor and outdoor activities?

METHOD / RESEARCH DESIGN

In this research, a quantitative method analyses develop a deeper knowledge of upcycled fabrics into multifunctional jackets. This chapter incorporates all appropriate reliable data collection methods to the study's objectives. Based on the respondents' feedbacks, there were an understanding of sustainability, fast fashion, upcycling fashion, environmental issues, and jackets. Researcher used several methods for data collection based on primary and secondary data.

SAMPLING TECHNIQUE

In this survey, based on the preliminary study found that all the respondents focusing in Klang Valley area which means the main focusing on Kuala Lumpur area. The researcher managed to collect 207 respondents. The researcher refers to Gill et al (2010), with 95% confidence level and the margin of error $\pm 5\%$. Therefore, approximately the researcher arrives at a sample size of ± 196 questionnaires are expected to be distributed and responded to the survey via *Google Forms*.

INSTRUMENTS AND MEASUREMENT

There were (39) thirty-nine items included in the questionnaire. (19) nineteen of them are multiple-choice questions. In addition, 19 questions were measured on a 5 -point Likert scale with anchors ranging from 1 (strongly disagree) to 5 (strongly agree). The questionnaire included Section A (for demographic input), section B (for sustainability and fast fashion), section C (for upcycled fashion), section D (for environment issue), section E (for jacket), and section F (for multifunctional jacket).

ANALYSIS AND FINDING

DESCRIPTIVE STATISTICS

The research adopted a non-probability sampling method. A pre-test was conducted to increase the understanding clarity of the questionnaire before actual distribution to respondents. After the comments from the pre-test sample, slight modifications regarding the questions and grammar structure were made to the questionnaire to improve the clarity of the scale items. Then, the data set was collected from 196 respondents in Kuala Lumpur, which is in the Klang Valley area. However, there were 207 respondents giving the feedbacks, millennials at least twenty (20) to forty (40) years of age. Therefore, a total of 207 respondents will be further analysed with Statistical Package for the Social Sciences (SPSS). The survey was created using *Google Forms*, a useful and free tool to create and manage surveys, questionnaires, and an effective way to gather answers from a large sample. Some of the questions were generated using the five (5)-point Likert scale. In this section, initial analysis using descriptive statistics has been used to explore the data, and these variables have been explained in frequencies (n) and percentage (%) measurement

RELIABILITY TEST


The reliability test was used to check that the data values were reliable and acceptable. The reliability of the questionnaire was estimated by calculating Cronbach's Alpha coefficient (α). Table 1.0 shows the reliability of the instrument that had been calculated and reviewed, which indicates very good to excellent reliability. This is due to the fact that the higher the value, the more reliable the scale (Zikmund et al, 2013).

Table 1.0: Reliability Analysis Results

Constructs	Coefficient Alpha	Number of Items
Upcycled fashion	0.892	9
Environmental issues	0.965	5
Multifunctional jacket	0.914	5

Based on Table 1.0, the highest scores of the reliability test among the variables is environmental issues (Cronbach's Alpha is 0.965), followed by multifunctional jackets (Cronbach's Alpha is 0.914), and upcycled fashion (Cronbach's Alpha is 0.892). All the Cronbach's Alpha values for all the items are greater than 0.80. Therefore, all the items are well-established and very good, with an acceptable level of reliability.

Figure 1.0: Style of Jacket



The histogram from Figure 1.0 reveals that most of the respondents (25.60%) choose Style Jacket 02 as their best preference. It is the highest because the design is simple and does not require specific details or the same colour. This group of respondents prefers light and neat clothes that have functionality on the clothes. It is followed by Style Jacket 04 (21.74%), Style Jacket 03 (14.49%), and Style Jacket 06 (14.98%). In the meantime, equally feedback from respondents on Style Jacket 01 (11.59%) and Style Jacket 05 (11.59%) respectively.

Figure 1.2: Treatment of Fabric




Figure 1.2 shows the respondents' feedback on the treatment of fabric. It shows that the highest is the deconstructing (24.64%) treatment of fabric. The result is high because the respondents' emphasis is on the unique and interesting nature of the design. This is followed by patchwork (21.74%), tie dye (20.77%), colouring/colourful (19.32%), bleaching (7.73%), and embellishment (5.80%).

CONCLUSIONS AND RECOMMENDATION

Upcycling method in the design process significantly decreases the environmental impact of a garment, alleviates social problems, develops local production, provides a solution to the problem of textile waste,

and reduces the use of new material. As a result, a garment is made more 'valuable' to the consumer and, thus, more likely to be used for a more extended period.

By combining usability, technical and aesthetic elements, a reinvention of upcycled fabric for multifunctional jacket users can be transformed into different functions. Fast fashion manufacturers must discuss collaboration and their brand name with others to make an upcycled piece. Designers and manufacturers need to consider making these upcycled garments constantly current and fashion-forward while piecing together waste past fabrics.

REFERENCES

- Adam Hayes (2021, Apr 29), fast fashion, <https://www.investopedia.com/terms/f/fast-fashion.asp>
- Bhatt, D., Silverman, J., & Dickson, M. A. (2019).
Consumer interest in upcycling techniques and purchasing upcycled clothing as an approach to reducing textile waste. *International Journal of Fashion Design, Technology and Education*, 12(1), 118-128
- Buzzo, A., & Abreu, M. J. (2019). Fast fashion, fashion brands & sustainable consumption. In *Fast fashion, fashion brands and sustainable consumption* (pp. 1-17).
- Brewer, M. K. (2019). Slow fashion in a fast fashion world: Promoting sustainability and responsibility. *Laws*, 8(4), 24.
- Fromm, Jeff. 2017. "Why Millennials Are the Most Important Consumer Generation For The Travel Industry." *Forbes*, November 8, 2017. Retrieved January 06, 2022. <https://www.forbes.com/sites/jefffromm/2017/11/08/why-millennials-are-the-most-important-consumer-generation-for-the-travel-industry/#12d45df3e1f1>.
- Garg, P. (2020). Introduction to fast fashion: environmental concerns and sustainability measurements. In *Environmental Concerns and Sustainable Development* (pp. 409-427). Springer, Singapore
- Gill, J., Johnson, P. & Clark, M. (2010). *Research Methods for Managers*, Sage Publications
- Noh, M. (2021). Understanding the Effect of Information Sources on College Students' Recycling/Reuse Behavior towards Clothing and Textile Products. *Sustainability*, 13(11), 6298.
- Niinimäki, K., Peters, G., Dahlbo, H., Perry, P., Rissanen, T., & Gwilt, A. (2020). The environmental price of fast fashion. *Nature Reviews Earth & Environment*, 1(4), 189-200.
- Ozuem, W., Willis, M., Howell, K., Helal, G., Ranfagni, S., & Lancaster, G. (2021). Effects of online brand communities on millennials' brand loyalty in the fashion industry. *Psychology & Marketing*, 38(5), 774-793.
- Pandit, P., Nadathur, G. T., & Jose, S. (2019). Upcycled and low-cost sustainable business for value-added textiles and fashion. In *Circular Economy in Textiles and Apparel* (pp. 95-122). Woodhead Publishing
- Park, H. J., & Lin, L. M. (2020). Exploring attitude-behavior gap in sustainable consumption: Comparison of recycled and upcycled fashion products. *Journal of Business Research*, 117, 623-628.
- Stanescu, M. D. (2021). State of the art of post-consumer textile waste upcycling to reach the zero waste milestone. *Environmental Science and Pollution Research*, 1-18.
- Sinha, I. J., & Fung, T. (2021). How social media Micro-Influencers Are Disrupting the Business of Youth Fashion. *Rutgers Business Review*, 6(1), 44-50.

eISSN 2976-243X



9 7 7 2 9 7 6 2 4 3 0 0 2

KOLEJ KOMUNITI CHENDEROH KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

**LOT 43, JALAN INDUSTRI MIEL 2,
KAWASAN PERINDUSTRIAN IKS,
33000 KUALA KANGSAR, PERAK DARUL RIDZUAN
TEL : 05-773 3773 | FAKS : 05-773 3774
<https://kkchenderoh.mypolycc.edu.my>**